

KUALITI KEPIMPINAN

Selepas Dr. Mahathir dan Ghafar Baba

SUATU PERSPEKTIF
DALAM KETOKOHAN



M
324.25954
ZAK

ZAKRY ABADI

KUALITI KEPIMPINAN

Suatu Perspektif Dalam Ketokohan

KUALITI KEPIMPINAN

Suatu Perspektif Dalam Ketokohan

Zakry Abadi

**SARJANA ENTERPRISE
KUALA LUMPUR
1991**

SARJANA ENTERPRISE
No. 9B-2, Bangunan Sri Pantai,
Jalan Pantai Baru,
59200 Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama, 1991
© Hakcipta: Zakry Abadi

Hakcipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar-ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua carapun, tanpa mendapat kebenaran daripada penerbit dan penulis yang berkenaan.

Diatur huruf oleh Grafik Set
Muka taip teks: Times
Saiz taip teks: 12/auto pts.

324.25954

ZAK

Dicetak di Malaysia
oleh Polygraphic Marketing Sdn Bhd
Lot 14, Jalan 1, Kawasan Perusahaan
Cheras Jaya, Balakong, Batu 11,
43200 Selangor Darul Ehsan.

634964

- 7 MAR. 1994

Pernustakaan Negara

KANDUNGAN

i. Kata Pengantar	vii
1. Politik dan Beban Tanggungjawab	1
2. Siapa bakal Pemimpin?	33
3. Siapa Selepas Mahathir?	53
4. Formula Dr. Mahathir	71
5. Teori golongan Ghafar	77
6. Formula Mahathir & Teori Ghafar: Suatu Perspektif	83
7. Datuk Sanusi Junid: Suatu Perspektif	101
8. Datuk Anwar Ibrahim: Suatu Perspektif	113
9. Datuk Abdullah Badawi: Suatu Perspektif	139
10. Konflik Dalam Kepimpinan	153
11. Antara Keburukan & Kebaikan: Di mana Anwar?	169
12. Kepimpinan Yang Wajar	187
13. Ke Arah Negara Maju: Suatu Ulasan	201
14. Malaysia: Melangkah ke Hadapan: Kertas Kerja Dr. Mahathir Mohamad.	219
15. Bibliografi	241
16. Indeks	243

*Khas untuk anak-anakku:
Sezali • Suzana • Haikel
beringatlah
bahawa cinta itu:
Jauh nampak indah – bila didekati
nampak hodoh dan buruk!*

KATA PENGANTAR

Selepas saja buku '*Sanusi Junid: Pencetus Idea - Pemikir Bangsa*' dilancarkan oleh Ketua Satu Gapena Datuk Prof. Ismail Hussein pada 10hb Mei lalu dan sebaik-baik saja buku tersebut dipasarkan, beberapa orang aktivis politik yang telah membaca buku tersebut telah menemui saya sambil bertanya: Apa sudah jadi kepada sdr.? Bukankah sdr. penyokong Datuk Sri Anwar Ibrahim? Mengapa pula sekarang menulis dan menyokong Datuk Sri Sanusi Junid? Berapa upah yang sdr. dapat daripadanya?

Pertanyaan-pertanyaan ini mengingatkan saya lewat dua tahun lalu, di mana pada bulan Julai 1989, ketika saya membuat suatu ucapan penerimaan anugerah '*Pelita Bangsa*' di Pulau Pinang, saya juga pernah ditanya, berapa upah yang saya dapat kerana membuat ucapan menyokong Datuk Sri Anwar Ibrahim dan tidak menyokong Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi?

Pertanyaan-pertanyaan yang diajukan dan sindiran-sindiran yang dibangkitkan itu seolah-olah menggambarkan bahawa seorang penulis politik seperti saya adalah seorang penulis upahan. Iaitu menulis, mengulas dan memuji seseorang tokoh politik jika saya mendapat upah. Tanpa mendapat upah, saya tidak akan menulis sesuatu mengenai seseorang tokoh politik.

Tuduhan dan anggapan yang demikian tidak dapat dielakkan. Pengaruh media massa terhadap kebangkitan seseorang tokoh politik menyebabkan demokrasi politik dan kebebasan penulis mudah terjebak kepada kerakusan dan

rasuah. Ramai tokoh-tokoh politik menggunakan ‘wang’ untuk membentuk pengaruh dan mengumpulkan sokongan. Ramai juga penulis politik menggunakan kebebasan menulis untuk mendapat wang dengan menyokong perjuangan tokoh-tokoh politik tertentu. Trend ini telah menular sejak tahun-tahun lapan puluhan dan sekarang seolah-olah mula membentuk ketradision yang meliar.

Persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh aktivis-aktivis politik tadi telah mendorong saya untuk menyatakan kesal yang amat sangat. Mengapa misalnya, saya tidak mendapat wang upahan kerana berucap dan menulis buku-buku politik yang menyokong Anwar Ibrahim? Mengapa saya mesti mengemis meminta derma dari sahabat-sahabat saya sendiri untuk membayar bil jamuan Makan Malam kerana melancarkan penerbitan buku mengenai Datuk Sri Sanusi Junid? Mengapa tidak saya meminta daripada beliau sendiri, sesuai dengan tuduhan bahawa saya diupah untuk menulis buku mengenai perjuangannya?

Sebenarnya trend penulisan buku politik yang didasarkan kepada ‘upah’ dengan budaya politik yang berasaskan kepada ‘wang’ merupakan dua gejala yang berasingan. Yang satu menyentuh akidah kebebasan penulis dan yang satu lagi melibatkan soal demokrasi berpolitik. Secara empiris, keduanya tidak boleh disatukan, justeru implikasi antara keduanya hampir sama.

Apa yang saya maksudkan dengan ‘dua gejala’ yang berasingan ini ialah bahawa konsepsi di dalam penulisan seseorang penulis ialah berasaskan kepada kebebasan, kejujuran, kebenaran dan keberanian, sementara konsepsi di dalam demokrasi politik pula adalah terikat oleh suatu ideologi tertentu yang tersimpul erat sehingga kebebasan untuk menyatakan yang benar dan yang berubah menjadi amat sukar dan payah.

Dalam konsep kebebasan penulis, ia tidak terikat oleh fahaman dan dogmatisme tertentu. Jika pada suatu masa

saya menjadi penyokong PAS, ini tidak bermakna pada suatu masa yang lain saya tidak boleh menyokong UMNO jika Parti PAS menyimpang dari dasar perjuangannya. Demikian juga sebaliknya tidak bermakna bahawa saya tidak boleh menyokong Datuk Sri Sanusi Junid jika dalam masa yang sama saya menyokong perjuangan Datuk Sri Anwar Ibrahim ataupun Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. Konsep kebebasan penulis terletak kepada kebebasan untuk menyatakan kejujuran di atas kebenaran yang berubah. Jika kejujuran dan kebenaran berasaskan hakikat bahawa ia adalah tendensi kepada kebaikan bagi bangsanya, maka jika seorang pemimpin politik itu telah berubah sikap dan akidah perjuangannya yang asal, maka seseorang penulis itu tidak lagi berhak memberikan sokongan kepadanya, bahkan menjadi kewajipan bagi si penulis itu mengkritik akan perubahan dan akidah perjuangan seseorang pemimpin politik tersebut.

Dalam konsep demokrasi berpolitik pula, seseorang atau sekumpulan orang yang menyokong sesuatu ideologi politik tertentu, termasuk kepimpinannya, mereka tidak lagi bebas untuk menyokong ideologi politik dan kepimpinan politik yang lain justeru parti dan kepimpinan parti politik itu sendiri akhirnya telah berubah akan dasar dan akidah perjuangannya.

Sebagai contoh misalnya, justeru dasar parti UMNO sekarang berbeza dengan dasar UMNO yang lalu, namun bagi penyokong-penyokong yang fanatik kepada parti itu, mereka terpaksa juga menyokongnya. Begitu juga jika seseorang atau sekumpulan orang menyokong kepimpinan politik seseorang tokoh tertentu, mereka akan terus mempertahankan sokongannya walaupun tokoh politik berkenaan itu telah berubah di dalam akidah perjuangannya.

Berdasarkan konsepsi yang berbeza inilah, maka saya telah menulis buku mengenai perjuangan Datuk Sri Sanusi Junid itu. Saya beranggapan bahawa Datuk Sri Sanusi merupakan salah seorang aktivis politik yang berpotensi besar untuk muncul sebagai pemimpin pelapis di masa hadapan.

Ini berasaskan kekuatannya di dalam idea, pemikiran dan kemajuan yang dicapainya di dalam pembangunan ekonomi luar bandar, khususnya bagi petani, nelayan dan penternak. Dengan menyokong Datuk Sri Sanusi, tidak bermakna bahawa saya menolak Datuk Sri Anwar atau Datuk Abdullah. Sebagai penulis, saya mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk menyatakan pandangan dan penilaian saya terhadap ketiga-tiga tokoh ini dan memberikan kredit kepada seseorang yang saya fikir patut dan wajar. Dengan menyokong atau menolak mereka, tidak bermakna bahawa saya bersikap sentimen terhadap seseorang yang lain. Saya bukan orang politik dan kerana itu saya tidak boleh dikategorikan sebagai menyokong terhadap seseorang dan anti kepada seseorang yang lain.

Pendapat ini mungkin tidak sepenuhnya diterima oleh semua orang-orang politik. Dan pendirian ini bukanlah luar biasa. Sudah tentu ada pihak yang beranggapan bahawa pendirian ini semacam dicari-cari dan dibentuk untuk menutup sampah di bawah tikar usang. Berasaskan kebebasan mengeluarkan pendapat yang semacam ini, sama ada buruk dan baik, saya tidak boleh menolak dan menutup seekor bangkai gajah dengan sehelai kertas akhbar lama. Tetapi dengan menyatakan sikap dan pandangan yang serupa ini, saya berpendapat bahawa kebebasan yang berasaskan kebenaran, kejujuran dan keberanian di dalam konsepsi penulisan seseorang penulis tadi, telah saya pertahankan.

Berhubung dengan trend penulisan buku politik yang didasarkan '*upah*' dan budaya politik yang berasaskan '*wang*' tadi, saya berpendapat bahawa ia patutlah dibahaskan mengikut konsep dan definisi yang sebenar. Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka terbitan tahun 1980, '*upah*' membawa makna '*wang dan lain-lain yang diberikan kepada seseorang yang disuruh mengerjakan sesuatu; bayaran sebagai pembalas jasa; ia diberi upah seringgit kerana mencuci kereta,*' misalnya.

Definisi '*upah*' di sini adalah sangat jelas, iaitu seseorang itu disuruh membuat sesuatu kerja untuk mendapat upah. Kerja yang disuruh oleh si pemberi upah itu bersifat kerja-kerja yang menggunakan tenaga fizikal, seperti mencuci kereta dan sebagainya. Bukannya kerja yang menggunakan pemikiran dan intelek seseorang. Upah kerja yang menggunakan pemikiran dan daya intelek seseorang, bukanlah kerja yang bersifat kreatif, melainkan yang membabitkan pengurusan akaun atau perundangan. Dalam konteks kebebasan penulis, kerja yang seperti ini bukan kerja seorang penulis yang berprinsip. Seseorang penulis yang berprinsip tidak akan melakukan kerja-kerja seumpama ini. Dia tidak akan melacurkan prinsip kebebasannya semata-mata kerana wang. Ia tidak akan menyokong seseorang tokoh politik jika ia mendapati perjuangan tokoh politik itu tidak membawa kebaikan kepada bangsa, agama dan negaranya walaupun ia diberi upah.

Dalam hubungan ini ada satu gejala lain yang boleh dilihat di dalam konteks '*upah mengupah*' ini. Gejala ini ialah penjualan idea, pemikiran dan sikap seseorang penulis terhadap seseorang tokoh politik tertentu. Sebagai contoh misalnya, jika saya bersetuju dengan sikap, akidah dan perjuangan seorang aktivis politik seperti YB. Senator Azman Attar misalnya, lalu saya menulis, mengulas dan menyokong perjuangannya itu di dalam sebuah buku saya, maka adakah saya dianggap '*penulis upahan*' jika senator itu membayar dan membeli buku saya itu dan saya mendapat faedah daripadanya? Apakah definisi '*upah*' di sini sama dengan definisi '*upah*' yang menggunakan tenaga fizikal tadi? Adakah takrif upahnya sama bagi seorang pemberi upah kerana mencuci kereta dengan seorang membayar sekian harga untuk membeli sesuatu idea dan pemikiran di dalam kiasan terhadap Senator Azman Attar tadi?

Saya berpendirian bahawa penjualan idea, pemikiran dan sikap seorang penulis terhadap seseorang tokoh politik

tertentu bukanlah kerja seorang penulis upahan. Ini sama dengan seorang pereka enjin kenderaan *James Watts* dan pencipta bateri *Michael Farraday* bukan diupah kerana mencipta enjin dan bateri, tetapi dibayar di atas kebijaksanaan mereka mencipta kedua-dua komponen kereta yang telah kita gunakan sekarang ini. Perbezaan antara kedua-dua takrif ‘*upah mengupah*’ seperti ini perlulah difahami oleh orang-orang politik bahawa penentangan dan sokongan seseorang penulis politik yang berprinsip terhadap seseorang tokoh politik tertentu adalah berasaskan kebebasan, kejujuran, kebenaran dan keberanian. Bukannya berdasarkan berapa banyak upah yang boleh diterimanya seperti seorang peguam menerima bayaran kerana membela seorang penjenayah.

Saya bangkitkan isu dan persoalan ini bukan saja berdasarkan kepada pertanyaan-pertanyaan yang telah ditimbulkan kepada saya tadi, tetapi juga berdasarkan kepada isi kandungan buku yang sedang anda baca sekarang ini. Buku ini menjangkau pembicaraan yang lebih jauh berbanding dengan buku mengenai Datuk Sri Sanusi itu. Buku tersebut hanya membincarakan ketokohan Datuk Sri Sanusi dari segi idea, pemikiran dan perjuangan politiknya secara individu. Tetapi di dalam buku ini, jangkuan persoalannya berkisar kepada beberapa persoalan pokok mengenai kualiti kepimpinan politik selepas Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba. Tiga orang tokoh UMNO yang dicalon oleh perwakilan UMNO sebagai Naib Presiden parti itu di dalam Perhimpunan Agung UMNO akhir tahun lalu telah menjadi topik pembicaraan saya secara khusus.

Sudah tentu buku ini bersifat lebih kontroversi. Ini kerana jika buku mengenai Datuk Sri Sanusi itu dilancarkan oleh GAPENA dan dihadiri oleh Datuk Sri Sanusi sendiri, maka buku ini tidak boleh dilancarkan oleh gabungan persatuan penulis itu kerana salah seorang dari tokoh utama yang dibincarakan di dalam buku ini telah awal-awal lagi menolak pelawaan untuk hadir jika buku ini dilancarkan pener-

bitannya. Malah beliau sendiri dengan kerasnya menyatakan tidak terlibat di dalam sebarang aspek mengenai penulisan dan penerbitan buku ini.

Sebenarnya tidak ada sesiapapun yang terlibat di dalam usaha menulis dan menerbitkan buku ini. Malah ketika saya menulis buku mengenai Datuk Sri Sanusi Junid dulupun tidak ada sesiapa yang saya libatkan. Usaha menulis, menyusun dan menerbitkan buku tersebut dan buku ini juga adalah atas usaha dan daya kemampuan saya sendiri. Tidak ada sesiapa pun yang mendorong, mengajukan atau memaksa saya menulis mengenai kedua-dua buku tersebut. Juga tidak sesiapa pun yang secara berbisik-bisik atau secara terang-terangan mengupah penulis untuk menerbitkan kedua-dua buku ini.

Apa yang telah saya lakukan ialah seperti apa yang saya sebutkan tadi, iaitu saya mengemukakan suatu idea, suatu pemikiran dan suatu sikap untuk mengulas, menilai dan memberikan perspektif terhadap perjuangan ketiga-tiga tokoh politik yang saya anggap perlu disorot dan dianalisis secara perbandingan dan terbuka berdasarkan kepada bakat dan potensi politik mereka di masa depan. Bakat dan potensi mereka itu saya asaskan pula kepada kualiti kepimpinan yang diperlukan oleh kira-kira dua puluh juta rakyat Malaysia menjelang tahun 2000 yang akan datang.

Sudah tentu bahawa sorotan dan analisis secara perbandingan dan terbuka seperti ini memerlukan penelitian dan tanggungjawab moral yang besar kepada saya. Saya tidak boleh memberikan pujian yang tinggi terhadap seseorang tokoh tanpa sebab dan alasan yang konkret. Demikian juga saya tidak boleh mengemukakan pandangan yang negatif dan buruk terhadap seorang tokoh yang lain tanpa mengemukakan hujah, alasan dan fakta sebagai bahan bukti. Setiap orang daripada mereka mempunyai kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan yang lazim didapati kepada kepimpinan politik yang lain. Saya bukanlah seorang hakim

yang boleh menentukan hukuman ‘buruk baiknya’ terhadap salah seorang daripada mereka dan saya juga bukanlah tukang ramal yang boleh menentukan jatuh bangunnya kepimpinan politik mereka di masa depan. Pandangan dan penilaian saya hanya berasaskan kepada pandangan dan kebebasan saya sebagai penulis dan saya tidak bertujuan untuk mengangkat seorang tokoh politik tertentu dan menjatuhkan seorang tokoh politik tertentu yang lain. Terpulanglah kepada pembaca untuk menilai dan membuat pertimbangan sendiri. Demokrasi berpolitik memberikan kepada kita suatu hak untuk menyokong, memilih atau menolak terhadap parti-parti politik dan kepada seorang tokoh politik yang kita fikir bagus atau tidak bagus.

Inilah nilai harga yang dipertanggungjawabkan kepada seorang rakyat untuk menentukan kepimpinan politik bagi bangsa kita di masa depan. Tokoh-tokoh politik, terutamanya mereka yang berkepinginan untuk diangkat menjadi pemimpin perlulah menyedari bahawa tidak selamanya pemimpin yang bercakap benar itu boleh mengekalkan kuasa untuk selamanya. Apa lagi mereka yang bercakap bohong dan menghalalkan tindakan penipuan. Sifat alam semulajadi menyebutkan bahawa manusia boleh menjadi jahat dan penipu ketika bersendirian tetapi menjadi lebih sopan santun dan jujur ketika berada di tengah-tengah orang ramai, adalah sikap hipokrasi kepimpinan yang paling buruk sekali.

Inilah sebahagian daripada apa yang hendak saya perkatakan dan haraikan, iaitu tentang penglihatan saya terhadap sikap, prinsip dan kelakuan-kelakuan politik yang diperlihatkan oleh kepimpinan politik kita pada masa lampau seperti Almarhum Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan pada masa kini seperti Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Encik Ghafar Baba serta yang akan datang seperti Datuk Sri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Sri Sanusi Junid dan lain-lain.

Dalam semua sikap, prinsip dan kelakuan-kelakuan politik mereka itu, saya memberikan perspektif menurut nilai dan pertimbangan saya sendiri terhadap potensi masa depan mereka. Sudah tentu di dalam perspektif yang seperti ini, saya tidak dapat mengelakkan diri dari membuat penilaian yang subjektif. Ini sesuatu yang sukar dielakkan, tetapi saya percaya bahawa di dalam pertembungan nilai dan pertimbangan yang berbeza-beza ini, ia memberikan kepada kita pelbagai kemungkinan untuk kita menebarkan jaring penilaian dan pemilihan berasaskan bakat dan kualiti kepimpinan yang telah diperlihatkan oleh mereka sejak dahulu, sekarang dan akan datang. Adakah berdasarkan bakat kepimpinan mereka masa lalu dan masa kini, mereka mempunyai potensi besar untuk muncul sebagai pemimpin di masa akan datang. Saya telah cuba meninjau dan memberikan perspektif yang jelas terhadap ketiga-tiga orang pemimpin selepas Dr. Mahathir dan Ghafar ini. Terpulanglah kepada pembaca untuk menerima atau menolaknya.

Jika pendapat dan pemikiran di dalam buku ini boleh membantu dan membukakan gelanggang pemikiran yang lebih luas kepada pembaca di dalam usaha menilai dan menentukan kepimpinan yang akan datang, saya merasa amat senang sekali. Tetapi sebaliknya jika pendapat dan pemikiran di dalam buku ini dikira tidak objektif, berat sebelah atau prejudis, maka anggaplah ia hanya pendapat dan pemikiran saya sendiri saja. Ia tidak wajar dijadikan isu peribadi yang tidak menguntungkan.

Selain dari buku ini menyorot, mengulas dan menganalisis ciri-ciri kepimpinan ketiga-tiga orang tokoh kepimpinan UMNO itu, saya juga telah menimbulkan suatu perspektif yang lain mengenai Wawasan 2020 yang telah dikemukakan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu. Isu mengenai Wawasan 2020 ini bukan saja menarik perhatian di kalangan ahli-ahli politik tanahair, tetapi juga ia menggariskan corak kehidupan yang berbeza bagi rakyat Malaysia di masa depan

Bab Pertama

POLITIK DAN BEBAN TANGGUNGJAWAB

KEKUASAAN dan kepimpinan politik sebenarnya bukanlah bersifat '*tashrif*' atau kemegahan semata-mata. Malah sebaliknya ia lebih bersifat '*taklif*' atau beban tanggungjawab yang perlu dipikul sepenuhnya. Dengan menggunakan takrif ini, sesiapa yang dengan nawaitu memperjuangkan kekuasaan dan kepimpinan politik ini sebagai kemuncak kemegahan di dalam '*political business*' mereka, lambat laun perjuangan mereka akan runtuh. Margaret Thatcher dari England, Benazir Bhutto dari Pakistan dan Tengku Razaleigh Hamzah dari Malaysia, adalah contoh-contoh mutakhir tentang betapa kepimpinan politik mereka boleh jatuh akibat dari sifat-sifat '*tahsrif*' ini.

Jatuhnya kekuasaan dan terlingkupnya kepimpinan yang bercorak '*tashrif*' ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya termasuklah faktor dalaman, faktor luaran dan faktor semula jadi. Sebelum ketiga-tiga faktor ini saya bahaskan secara dasar, ada baiknya jika kita meninjau pemikiran dan pendapat beberapa orang pemimpin dan pemikir dunia tentang definisi, kriteria dan klasifikasi pemimpin dan kepimpinan itu terlebih dulu, supaya pengertian yang kita perolehi dari formula pemimpin dan kepimpinan itu, dapat kita gunakan sebagai asas di dalam analisis tentang pemimpin yang bersifat '*tashrif*' dengan pemimpin yang bersifat '*taklif*' tadi.

Seorang pemikir besar zaman lampau, Aristotle telah

masih bersifat umum, dan setengah-setengahnya sukar untuk dipakai dan dipegang. Sifat-sifat pemimpin dan kepimpinan tidak boleh bergantung hanya kepada *ethos, pathos, logos, a great man, a great country* dan *a great issue* dan apalagi pembohongan. Banyak faktor lain lagi yang diperlukan dan memerlukan untuk seseorang itu diangkat menjadi pemimpin. Malah konsep dan keperluan kepimpinan bagi sebuah negara dengan sebuah negara yang lain mempunyai ciri-ciri perbezaannya yang tertentu, terutamanya apabila negara itu berlainan agama, kepercayaan dan idelogi politik. Demikian juga konsep kepimpinan dan keperluan pemimpin antara satu zaman dengan satu zaman yang lain juga berbeza-beza, iaitu bergantung kepada keperluan tempat dan zaman tertentu.

Dalam sejarah kesultanan Melayu, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang pernah memerintah Aceh, telah pernah mengemukakan satu dokumen wasiat mengenai kepimpinan raja kepada rakyatnya. Antaranya baginda berwasiatkan lapan perkara yang perlu diamalkan oleh seorang raja yang menjadi pemimpin di dalam sesebuah pemerintahan.

1. Raja-raja hendaklah selalu ingat akan Allah dan meneguhi janji dengan pegawai dan rakyat jelata.
2. Raja-raja janganlah menghina alim ulama dan ahli-ahli yang bijaksana.
3. Segala yang datang pada pihak musuh daripada seterusnya jangan sekali-kali dipercayai.
4. Raja-raja hendaklah memperbanyakkan alat senjata dan mewujudkan sifat-sifat kasih sayang antara pegawai-pegawai dan tentera dan tidak memusuhi raja.
5. Raja-raja hendaklah menurunkan tanda tangan, yakni bersifat pemurah di

- samping mengingat kesetiaan rakyat dan membala jasa bakti mereka.
6. Raja-raja hendaklah menjalankan hukum dengan hukum Kitab Allah dan Sunnah Rasul seperti yang ditetapkan di dalam *Qanun Al-Asyi Darussalam*, iaitu berdasarkan al-Quran; Hadith; Ijma dan Qiyas di samping bersandarkan hukum, adat, qaman dan resam.
 7. Raja-raja janganlah duduk dan bersekutu dengan orang yang jahil dan tidak bermoral.
 8. Raja-raja hendaklah memelihara hati mereka yang memperbuat baik kepada raja, kepada negeri dan kepada rakyat.

(Penyesuaian dari *Qanun Acheh Daru'Salam*)

Satu perkara yang tidak boleh ditolak sama sekali di dalam pelaksanaan konsep kepimpinan ini ialah bahawa seseorang pemimpin itu hendaklah mempunyai keupayaan, kemampuan dan kebolehan untuk mewujudkan kepercayaan dan keyakinan di kalangan orang-orang yang dipimpinnya, di samping mempunyai potensi untuk menegakkan keadilan, kebenaran dan dapat menyatukan sifat-sifat kebangsaan bagi membangunkan sosio-ekonomi bangsa dan negaranya. Konsep kepimpinan yang bersifat empirikal ini menjadi asas dan dasar kepimpinan bagi semua zaman. Apa yang menimbulkan perbezaan dan keperluan ialah mengenai penyesuaianya dengan masa, tempat dan di mana konsep kepimpinan itu hendak dijalankan.

Oleh yang demikian, jika ciri-ciri seperti yang disebutkan oleh Aristotle, Nixon atau Nabi Muhamad s.a.w. tadi boleh diterima sebagai asas perbincangan, maka beban tanggungjawab yang disebutkan sebagai '*taklif*' tadi bolehlah

kita pegang. Tetapi jika ciri-ciri kepimpinan seperti yang disebutkan oleh Machiavelli tadi pula kita terima sebagai sesuatu yang terpaksa dilakukan atas sebab-sebab tertentu, maka sifat-sifat kepimpinan yang bercorak '*tashrif*' tadi pula akan menjadi amat buruk.

Keburukan kepimpinan yang bersifat '*tahsrif*' yang berkaitan dengan faktor dalaman, faktor luaran dan faktor semulajadi, berpunca daripada sikap dan penerimaan serta halacara dan kelakuan kepimpinan seseorang. Sikap kepimpinan yang berkonsepkan 'kuasa' semata-mata sehingga dia sanggup menjadikan '*power at all cost*' akan menyebabkan seseorang pemimpin itu akan kehilangan pegangan dan moralnya, dan malah ia akan menjadi seorang yang *opportunist* dan *selfish*. Jikalau konsep kekuasaan seperti ini menjadi budaya kehidupan seseorang pemimpin, maka dia akan mengkhianati '*keintelektualisme politik*', menolak etika moral dan bertindak kejam dan zalim seperti Hegel, Bismarck dan Hitler. Kejatuhan Soekarno dan Marcos adalah dua contoh corak kepimpinan yang berkonsepkan kekuasaan seperti ini.

Selain dari faktor sikap dan penerimaan, faktor halacara politik juga memainkan peranan penting yang boleh menentukan pengekalan dan kejatuhan seseorang pemimpin. Halacara politik ini berperanan bagaimana seseorang pemimpin politik itu berfungsi sebagai pemimpin; bagaimana dia mempergunakan kebijaksanaannya bermain politik dan bagaimana dia menggunakan kelicikan dan kelincinan politiknya untuk menjaga imej politik dan pengaruhnya sebagai ahli politik yang cekap dan matang. Kesemuanya ini diperlihatkannya melalui kewibawaannya, baik secara jelas dan nyata atau pun melalui simbol-simbol tertentu yang sukar dianalisis oleh mereka yang tidak memahami konsep-konsep di dalam politik. Datuk Musa Hitam adalah seorang *politician* yang sering mengamalkan konsep politik yang sukar dan kabur seperti ini. Malah Dr. Mahathir Mohamad

sendiri lebih menonjol bila ia mengamalkan halacara politik yang cukup sofistikated seperti ini juga.

Implikasi penting di dalam pelaksanaan dan keberkesanan halacara politik ini biasanya bergantung kepada kesan-kesan psikologi dan sikap budaya. Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi umpamanya; beliau mendapat simpati dan sokongan perwakilan UMNO kerana sifat-sifat kesabarannya yang kuat dan kegigihan perjuangannya menempoh cabaran. Beliau tidak bertindak terburu-buru seperti Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah meletakkan jawatan mereka dan menentang kepimpinan parti. Datuk Sri Anwar Ibrahim melambangkan imej-imej perwatakan Melayu moden dan menonjolkan gagasan-gagasan nasionalistik dan patriotik yang mempesonakan masa depan rakyat. Gejala-gejala di dalam halacara politik seperti ini, mencerminkan adunan dan percampuran pelbagai unsur psikologi, budaya tradisi dan budaya moden.

Kesemua sikap dan halacara politik ini terpancar di dalam tindakan dan kelakuan personal pemimpin-pemimpin politik tadi. Sikap, halacara dan kelakuan ini didasari pula oleh keintelektualisme seseorang. Lebih tinggi pendidikan dan pengetahuan mereka, lebih sofistikated pula sikap, halacara dan kelakuan mereka. Lebih rendah dan menimum pendidikan dan pengetahuan mereka, lebih lemah dan dangkal pula sikap, halacara dan kelakuan politik mereka. Kita boleh melihat perbezaan-perbezaan ini jika kita membandingkan pemikiran, idea dan hujah politik Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dengan pemikiran, idea dan hujah politik Encik Ghafar Baba.

Kita amat mengagumi pemikiran, idea dan hujah politik dari seorang yang hanya berkelayakan di dalam bidang doktor perubatan. Tetapi kita tidak boleh menyesali jika kita gagal menghayati kekuatan pemikiran, idea dan pemikiran dari seorang yang hanya berkelayakan sebagai guru seperti Ghafar Baba, walaupun kebolehan dan pengalamannya itu amat

ampuh. Ada kekuatan dan kelincahan seorang yang berilmu dengan seorang yang kurang berilmu. Ilmu boleh membentuk sikap ketegasan dan kewarasan seseorang. Ilmu juga boleh mematang dan mendewasakan seseorang dan ilmu juga boleh mewujudkan disiplin, kecekapan dan wawasan seseorang melalui pemikiran, idea dan sebagainya.

Tetapi dengan ilmu saja tidak bermakna seseorang itu secara automatik boleh dipercayai dan boleh diharapkan menjadi seorang pemimpin yang baik. Di negara kita ramai orang yang tinggi pendidikan dan ilmunya daripada Dr. Mahathir Mohamad dan Encik Ghafar Baba, tetapi mereka tidak boleh menjadi pemimpin dan Perdana Menteri. Ini kerana dalam struktur keilmuan sekarang, ia telah diperokus kepada sesuatu ilmu saja. Seorang yang berkelulusan doktor misalnya, ia tidak akan mengetahui ilmu perundangan. Demikian juga seorang ahli sains tidak mungkin mengerti ertinya sebuah sajak. Malah dalam bidang kedoktoran pun, seorang doktor haiwan tidak mungkin boleh menjadi seorang doktor gigi.

Dengan ertikata yang lain walaupun seseorang itu berilmu, namun keilmuannya tidak mencakupi semua bidang. Ia berpengetahuan terhadap apa yang dipelajarinya. Dan pengetahuannya yang lain hanya bersifat ‘nasi tambah’ saja. Berdasarkan definisi dan spesifikasi ini, keilmuan juga tidak bermakna bahawa seseorang itu menjadi cukup baik dari segi akhlak dan moralnya. Akhlak dan moral bukan sisipan utama dari keilmuan yang khusus tadi, (kecuali ilmu keagamaan), tetapi terpancar dari kesedaran kemanusiaan yang tinggi hasil dari adunan pelbagai ilmunya. Sebab itulah tanpa moral dan akhlak, kita melihat ada orang yang berilmu mempergunakan ilmunya untuk memperbodoh dan menipu orang lain. Perbuatan memperbodoh dan menipu oleh mereka yang berilmu ini jauh lebih dahsyat daripada kebodohan dan penipuan yang dibuat oleh orang yang tidak berilmu.

Faktor-faktor luaran yang boleh menjatuhkan dan

melingkupkan perjuangan seseorang pemimpin politik, sebahagiannya disebabkan oleh sikap terlalu berharap dan bergantung kepada sokongan penyokong-penyokong politik mereka. Memang di dalam politik, seseorang yang bercita-cita mahu menjadi pemimpin perlu kepada penyokong. Tanpa penyokong dan sokongan, seseorang pemimpin tidak boleh timbul. Untuk mendapatkan sokongan, seseorang pemimpin itu perlu membuat janji, perlu berikrar dan jika mustahak diperlukan sogokan, upahan dan ganjaran. Tanpa habuan seperti ini, sokongan sukar diperolehi. Sikap pergantungan dan ganjaran yang timbal balik seperti ini memerlukan seseorang pemimpin itu mempunyai kekayaan sebagai ‘modal politiknya’ untuk mendapatkan kuasa, sehingga seseorang aktivis yang tidak berpengetahuan dan berkebolehan pun boleh muncul sebagai pemimpin jika ia dapat menaburkan kekayaan wang ringgitnya untuk merebut kuasa.

Memang benar, kekayaan merupakan satu faktor yang cukup relevan untuk mendapatkan status kepimpinan dan kekuasaan. Dengan wang, orang boleh mewujudkan dunianya sendiri. Ini tidak menghairankan kerana di dalam ilmu ekonomi, kekayaan sering memainkan peranan penting sebagai alat rasuah bagi mendapatkan kuasa politik, kuasa ke atas pekerja atau kuasa monopoli di dalam perusahaan. Tetapi menurut Profesor Ekonomi dan Politik Universiti Manchester W. Arthur Lewis, *‘kekayaan tidak merupakan jalan mudah untuk mendapatkan kedudukan dan kuasa tertentu.’* Di dalam masyarakat kapitalis moden, seseorang yang kaya seringkali membataskan interaksinya dengan golongan yang tertinggi saja. Masyarakat bawahan kurang dipedulikan, sedangkan bagi kebanyakan komuniti yang lain, keadaanya berbeza. Mereka bercampur gaul dan bertolong-tolongan. Oleh yang demikian, seseorang yang kaya selalunya terpencil oleh dunia kekayaan sendiri. Ini menyebabkan kepimpinan dan kuasa politik menjadi sukar untuk diperolehi.

Dalam masyarakat beragama seperti Hindu misalnya,

status '*kasta Sami*' menjadi status yang paling dihormati, sama juga halnya dengan '*status*' ulama yang wujud di kampung-kampung pendalaman kita sebelum Perang Dunia Kedua dulu. Mereka menjadi simbul kepercayaan agama yang cukup dominan. Demikian juga bagi masyarakat Cina di negeri China umpamanya, hanya orang-orang yang bijaksana saja yang dihormati sekalipun mereka yang bijaksana itu bukan tokoh agama atau pemimpin masyarakat. Russia di zaman lampau juga menonjolkan bahawa pengusaha ekonomi atau pengurus perusahaan menjadi kutukan dan cemuh masyarakat pekerja kerana fahaman sosialis dan komunis begitu kuat bertapak di kalangan pekerja walaupun ahli-ahli sains mendapat penghormatan tertinggi. Sekarang unsur-unsur kepercayaan dan fahaman politik yang dicetuskan oleh Karl Marx itu sudah mula terhakis.

Di Malaysia kita boleh melihat dua contoh. Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera dipilih menjadi pemimpin di zaman pra merdeka dan selepas merdeka kerana darah dan keturunannya. Ini bermakna orang yang berdarjat, mulia dan berada mendapat status kepimpinan dan kekuasaan. Tetapi selepas itu, orang yang berketurunan raja dan mempunyai kekayaan seperti Tengku Razaleigh Hamzah tidak lagi secara mutlak boleh mendapat kuasa dan kepimpinan di dalam politik. Ini kerana bukanlah rakyat tidak mahu menerima tokoh-tokoh ini menjadi pemimpin mereka, tetapi rakyat tidak mahu penggunaan status/simbol dan kekayaan tadi menjadi alat kepada perebutan kuasa dan kepimpinan.

Faktor persekitaran juga tidak kurang pentingnya memainkan peranan di sebalik tabir bagi menentukan jatuh bangunnya seseorang pemimpin politik. Dasar tolak ansur Tunku menyebabkan wujudnya suasana yang tidak tenteram di kalangan perpaduan rakyat. Akibatnya persekitaran yang demikian menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan pelbagai kaum sehingga mencetuskan tragedi

13 Mei. Pewujudan Dasar Ekonomi Baru oleh Allahyarham Tun Abdul Razak mewujudkan kembali keyakinan rakyat. Tetapi persaraan Allahyarham Tun Hussein Onn daripada arena politik dan perletakan jawatan Datuk Musa Hitam bukan saja melonjakkan potensi Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin dan Perdana Menteri, tetapi juga membuka peluang yang sebaik-baiknya kepada Encik Ghafar Baba untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri yang pernah dimimpikannya selepas Tun Razak meninggal dunia dahulu. Faktor persekitaran juga menyebabkan hilangnya peluang Datuk Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah untuk muncul sebagai pemimpin pelapis selepas Dr. Mahathir Mohamad.

Malah faktor ini juga menyebabkan jaguh yang dulunya petah bercakap dan berhujah seperti Tan Sri Ghazali Shafie hilang dari dunia politik, tersingkirnya keintelektualisme Prof. Dr. Syed Hussein Alatas dari Universiti Malaya, dan tercetusnya pemikir bangsa Datuk Sri Sanusi Junid. Begitu juga atas faktor persekitaran juga munculnya Mahathir sebagai pemimpin UMNO yang gagah walaupun sebelum itu beliau pernah dipecat oleh parti itu. Demikian atas faktor ini juga, seorang yang pernah memijak bendera UMNO dulu, Datuk Sri Anwar Ibrahim kini muncul sebagai pemimpin pelapis negara yang dikatakan berwibawa untuk membawa bangsa Malaysia ke dunia baru yang lebih canggih dan penuh cabaran.

Selain dari faktor-faktor persekitaran ini, beberapa faktor lain seperti faktor semulajadi yang sering menggugat ketahanan seseorang pemimpin, ialah sifat-sifat bakhil, kebuasan nafsu, keangkuhan dan kedegilan bahawa pemikiran dan tindakannya saja yang dianggap betul sementara pemikiran dan tindakan orang lain yang tidak sebulu dengannya, sering dianggap salah, tidak manfaat dan perlu dimusnahkan. Kelakuan dan perangai yang seumpama ini, tidak membawa kebaikan bukan saja kepada dirinya tetapi juga kepada bangsanya. Ini kerana dalam kepimpinan

yang bersifat kolektif dan berkonsepkan demokratik, tidak semua pemikiran dan tindakan dari orang yang tidak kita sukai itu salah dan tidak bermanfaat. Ada masa-masanya pemikiran dan tindakan kita juga lebih buruk dari orang lain. Pemikiran dan tindakan Dr. Mahathir Mohamad sendiri misalnya, sering dicemuh dan ditentang oleh kebanyakan pihak pembangkang, tetapi sementara sebahagiannya menentang segala tindak tanduknya itu, sebahagian besar yang lain pula bersetuju dengan kelakuan dan tindakannya itu. Dan ini nampaknya beliau telah berjaya.

Berdasarkan hipotesis yang pendek ini, kita boleh melihat beberapa jaringan daripada faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, tentang betapa masa depan politik Malaysia amat bergantung kepada beban tanggungjawab atau apa yang saya sebutkan tadi sebagai '*taklif*', iaitu seseorang pemimpin yang tidak memahami pengertian pertanggungjawaban terhadap '*beban*' yang dipikulnya, maka ia amat sukar untuk muncul sebagai pemimpin dan diterima oleh kebanyakan rakyat. Ini kerana kekaburuan tentang konsep 'ketanggungjawaban' atau *accountability*, akan menjadikan seseorang pemimpin itu tidak tahu memimpin siapa. Pemimpin yang bercirikan '*taklif*' juga hendaklah lebih peka dan perihatin terhadap sejarah dan idealisme bangsanya bahawa selepas tragedi 13 Mei, dan selepas Allahyarham Tun Razak mengambil alih pemerintahan daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera, struktur seluruh penghidupan rakyat Malaysia seolah-olah mengalami suatu '*period rennaissance*' di dalam erti timbulnya rasa cinta, yakin dan percaya kepada kemampuan dan kebolehan diri sendiri. Ini tumbuh dengan menonjol sekali.

Allahyarham Tun Razak telah menerima kepimpinan yang bercirikan '*taklif*' ini dan beliau telah bertanggungjawab terhadap '*beban*' yang diamanahkan kepadanya itu dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Untuk tempoh kira-kira lima tahun (1970–1975) di bawah pemerintahannya, Malay-

sia menempoh suatu era baru yang menakjubkan. Era baru yang dimaksudkan ini ialah era tentang kesedaran nasionalisme baru yang cukup canggih dan era ini membentuk suatu sejarah baru Malaysia yang amat bermakna. Ini kerana sebelum Allahuarham Tun Razak mengambil alih kepimpinan kerajaan, beban tanggungjawab yang dipikul oleh Almarhum Tunku itu tidak berkesan dan bermakna. Tunku seolah-olah menerima beban tanggungjawab ini sebagai amat mudah saja. Selepas beliau dianggap penggerak kemerdekaan dan pengasas pembentukan Malaysia, beliau seolah-olah hanya menjadi seorang pentadbir yang '*relax*', sedangkan beliau sepatutnya berusaha membina suatu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Bukannya membiarkan setiap suku kaum membentuk sentimen suku kaumnya sendiri sehingga melupakan sejarah asal usul mereka dan mencetuskan pergaduhan.

Malaysia berasib baik kerana dalam masa sepuluh tahun kemerdekannya tercapai, tidak terjadi sebarang pergaduhan dan rusuhan kaum yang besar seperti peristiwa 13 Mei. Kita berasib baik kerana jikalau mengikut perjanjian kemerdekaan dengan British, jika dalam tempoh sepuluh tahun negara kita mencapai kemerdekaan didapati wujudnya pergaduhan dan rusuhan antara kaum sehingga menumpahkan darah, kemerdekaan Malaya akan ditarik balik oleh kerajaan British. Kita berasib baik kerana peristiwa berdarah 13 Mei yang berlaku itu, berlaku setelah negara mencapai kemerdekaan selama dua belas tahun.

Peristiwa 13 Mei telah menyedarkan Tunku bahawa kemerdekaan bukanlah sebuah '*jambatan emas*' yang harus diterima dengan sorak sorai dan letupan meriam yang menggemarkan Stadium Merdeka. Kemerdekaan ialah permulaan bagi sebuah kebebasan. Kebebasan tidak bermakna jika setiap orang boleh membuat apa yang dia suka dan boleh menuntut apa yang dia mahu. Kebebasan adalah bermakna bahawa kita yang terlepas dari belenggu

penjajahan ini perlulah memulakan suatu sistem hidup bernegara yang baru, bebas dan demokratik mengikut prinsip dan konsep pemerintahan yang kita sukai. Tunku telah tidak memperlihatkan motivasi ini. Dan oleh kerana beliau tidak berupaya membentuk suatu rupa bangsa yang bersatu padu, kebanyakkan rakyat sentiasa diancam ketakutan, kebimbangan dan rasa tidak selamat akibat kerana kepimpinan politik kita ketika itu tidak jelas dan tegas untuk membentuk suatu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan berharmoni berasaskan keadilan sosial dan persamaan ekonomi.

Selepas Allahyarham Tun Abdul Razak berkuasa dan setelah Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dilancarkan, barulah setiap rakyat menyedari erti dan makna kemerdekaan dan kebebasan, bahawa untuk mewujudkan sebuah negara baru yang bersatu padu dan konsisten, persoalan pengagihan kekayaan dan sosio-ekonomi demi perpaduan rakyat, perlu direformasikan semula. Ini merupakan '*reflection*' daripada beban tanggungjawab yang relatifnya telah saya katakan tidak mudah itu.

Lanjutan dari gerakan nasionalisme yang ditonjolkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak itu telah dilanjutkan pula oleh Dr. Mahathir Mohamad selepas Allahyarham Tun Hussein Onn memerintah selama kira-kira empat tahun. Tun Hussein Onn, seperti juga dengan Tunku, kedua-duanya tidak berupaya menjalankan tugas mereka sebagai pemimpin yang bercirikan '*taklif*', kecuali sekadar seorang pentadbir yang tidak mempunyai misi dan visi sama sekali. Sebaliknya selepas Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih pemerintahan, tercetuslah semangat perpaduan dan semangat kegigihan yang amat menonjol di kalangan rakyat untuk bekerja dan membina suatu bangsa yang gigih dan sebuah negara yang maju, dinamik dan bererti.

Missi dan visi baru yang dibawa oleh Dr. Mahathir telah mencetuskan dinamika perubahan dan kemajuan baru yang

lebih mencabar dan terbuka. Dinamika perubahan ini dijalankan berasaskan kepada keperluan reformasi ekonomi, kebudayaan, pendidikan, sosial dan tanggungjawab terhadap perpaduan negara sejak dasar DEB dilancarkan. Kini setelah dua puluh tahun dasar tersebut dilaksanakan, rakyat menjadi semakin gigih berjuang bagi melanjutkan pelaksanaan dasar tersebut melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bagi tempoh 1991-2000 yang sebelum diluluskan oleh Parlimen, dinamakan Dasar Pembangunan Baru (DPB) oleh Dr. Mahathir Mohamad. Dasar DPN ini sedang dirangka dan dilaksanakan sekarang walaupun hasil dari dasar DEB tadi kurang berkesan.

Saya percaya Dasar Pembangunan Nasional bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru Allahyarham Tun Razak itu, akan lebih dinamik sifatnya dan akan lebih terbuka bentuknya, dan setiap rakyat terpaksa menerima segala sifat dan bentuk yang baru ini dengan penuh kesedaran. Ini kerana sikap belas kasihan, sentimen suku kaum dan kepentingan bagi sesuatu golongan tertentu seperti yang terjadi di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang lalu itu, mungkin tidak wujud lagi di dalam Dasar Pembangunan Nasional yang baru dibentangkan di Parlimen pada 17 Jun 1991 lalu. Tujuan DPN ini mungkin berorientasikan sikap dan pandangan baru bahawa menjelang tahun 2020 nanti, rakyat harus diberi pengajaran supaya mereka tidak lagi boleh bergantung kepada ‘keistimewaan-keistimewaan’ tertentu di dalam usaha mencapai kemajuan. Budaya politik yang mengamalkan '*kebumiputraan*' atau subsidi tidak lagi akan menjadi ciri-ciri khas, di mana orang Melayu akan lebih istimewa daripada suku kaum yang lain. Mereka akan terpaksa bersaing dengan suku kaum yang lain untuk mendapat kemajuan yang lebih baik.

Berdasarkan dasar dan visi baru inilah, rakyat memerlukan satu bentuk kepimpinan baru yang lebih bersedia dan mampu menerima beban tanggungjawab yang bercirikan

'*taklif*' tadi. Rakyat tidak mahu menerima bahawa sementara negara sedang digoda oleh gelombang perubahan yang baru, sebahagian besar daripada pemimpin politik kita berjuang dan berperang sesama sendiri untuk merebut kedudukan dan kuasa secara tidak sihat dan penuh kerakusan seperti penyamun dan perompak moden, seolah-olah rakyat tidak berkemampuan untuk berfikir dan menimbang siapa yang sepatutnya diterima sebagai pemimpin yang bercirikan '*taklif*' atau siapa yang wajar disebut pemimpin '*tashrif*'. Mereka lupa akan kata-kata Francis Bacon beberapa abad yang lampau bahawa '*pemikiran rakyat adalah kekuasaan. Adakah kekuasaan itu merupakan berkat atau mala petaka, ia terletak kepada orang yang menggunakan pemikiran dan kekuasaan tersebut.*' Pengajaran dari sejarah tentang kejatuhan Presiden Soekarno, Presiden Marcos dan paling akhir di Korea Selatan di mana Perdana Menterinya Ro Jai-bong telah meletakan jawatan akibat penentangan pelajar yang mendakwa kerajaan di bawah Presiden Roh-Tae-woo sebagai menindas dan anti demokrasi, patutlah diperhatikan. Tindakan para pelajar Korea yang menuntut pembaharuan dalam demokrasi yang lebih luas di negeri itu, seolah-olah menampakkan kesinambungan dari tindakan militan pelajar Filipina terhadap Marcos dulu dan perubahan ideologi yang dituntut oleh rakyat Jerman Timur tidak lama dulu. Tindakan ini juga seolah-olah menafikan teori ahli sains politik Harold Lasswell and Dainel Lerner bahawa '*dalam semua masyarakat besar menunjukkan bahawa keputusan dalam masa tertentu adalah di tangan segelintir manusia dan kerajaan sentiasa diperintah oleh segelintir manusia*'. Pendapat ini mungkin benar dari segi pembentukan dasar tetapi tidak dari segi pelaksanaan dasar. Kejatuhan Soekarno, Marcos dan Roh Jai-bong adalah akibat dari pelaksanaan dasar yang tidak memuaskan hati rakyat.

Bagaimanapun perlu juga kita perhatikan bahawa penentangan yang berasaskan demokrasi dan dakwaan

bahawa kepimpinan tidak menjalankan dasar yang berkesan, tidak boleh diterima bulat-bulat. Menggunakan kebebasan demokrasi semata-mata oleh mereka yang tidak memahami erti dan makna demokrasi itu sendiri, sebenarnya akan menyebabkan sesebuah kerajaan dan negara itu menghadapi huru-hara. Pembunuhan bekas Perdana Menteri India Rajiv Gandhi pada 21 Mei 1991 lalu menunjukkan bahawa jika rakyat tidak memahami sistem demokrasi yang sebenar, maka darah dan nyawa sering menjadi korban kepada tindakan-tindakan yang provokatif. Tetapi membiarkan kepimpinan yang menggunakan demokrasi untuk menekan rakyat juga tidak boleh mengharamkan rakyat untuk menuntut perubahan dan pembaharuan.

Oleh yang demikian di dalam kebanyakan negara yang baru membangun, sistem yang bercorak demokrasi dengan sistem yang bercorak autokrasi atau sistem yang bercorak diktatorship seringkali menjadi dilema yang berat dan rumit untuk dilaksanakan. Sudah tentu bagi kebanyakan rakyat, sistem yang bercorak demokrasi itu dianggap paling baik kerana mereka boleh menentukan pilihan kepimpinan dan parti untuk memerintah selama tempoh yang ditentukan, tetapi bagi kebanyakan kepimpinan autokrasi, sosialis atau diktatorship, sistem ini tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya jika rakyat masih diperengkat kejahilan ilmu dan pendidikan sivik, kerana jika sistem ini terus saja dijalankan, maka rakyat akan bertindak dan mencetuskan huru-hara tanpa sebab. Sebab itulah di dalam negara-negara yang baru membangun, kita melihat sistem demokrasi hanya dilabelkan sebagai satu asas pemerintahan saja sedangkan di dalam praktiknya, sistem yang bercorak autokrasilah yang lebih banyak diamalkan. Malaysia adalah satu contoh dari keadaan fenomena yang rumit ini di mana sekalipun asas kepimpinan negara berdasarkan sistem demokrasi, namun tindakan-tindakan praktis pemimpin-pemimpinnya, masih bercorak sistem autokrasi.

Sistem yang bercorak autokrasi inilah yang menimbulkan ketegangan dan konflik di dalam kepimpinan politik. Sementara Tengku Razaleigh dan sekutu-sekutunya di dalam parti Semangat 46 menentang sistem autokrasi yang diamalkan oleh Dr. Mahathir di dalam UMNO, Lim Kit Siang dan Dr. Chen Man Hin dari DAP dan Ustaz Fadzil Noor dan Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat dari PAS terus-terusan menuntut perubahan demokrasi dan perubahan ideologi yang lebih luas dan berlainan di dalam pemerintahan. Kita berasas baik sebenarnya kerana sekalipun penentangan demokrasi dan ideologi politik di dalam pemerintahan negara ini sudah berjalan hampir empat puluh tahun, namun peristiwa berdarah seperti 13 Mei tidak berlanjutan seperti di Filipina, di India dan di Korea Selatan. Ini kerana penentangan terhadap ideologi dan konsep pemerintahan apa yang dinamakan demokrasi di Malaysia yang dijalankan oleh UMNO dan Barisan Nasional, hanya dilakukan oleh segelintir pemimpin politik saja dan bukannya tentang dari majoriti rakyat. Oleh yang demikian ia tidak menjelaskan integrasi nasional dan keselamatan antara kaum.

Apa yang menimbulkan masalah di dalam politik Malaysia sekarang bukanlah semata-mata kerana sistem demokrasi atau autokrasi ini. Kebanyakan rakyat di Malaysia sekarang telah melalui suatu sistem pendidikan formal yang terbaik dan akan menuju kepada '*Falsafah Pendidikan Negara*' yang baru. Dan kerana itu kebanyakan daripada mereka telah dan akan mengetahui dan memahami sedikit sebanyak tentang makna dan pengertian sistem demokrasi atau autokrasi dan malah diktatorship. Sebab itulah segala unsur dan elemen yang membawa kepada rasa tidak puas hati, kecewa dan marah tidak dikaburi oleh tindakan-tindakan provokatif, sebaliknya diperlihatkannya melalui proses demokrasi dan peti undi dan bukannya melalui tunjuk perasaan, bantahan dan huruhara.

Apa yang menjadi masalah di dalam sistem politik di

Malaysia sekarang ialah masalah menentukan kepimpinan yang bersedia menerima '*beban tanggungjawab*' menjelang abad ke 21, pelaksanaan kepada rancangan Dasar Pembangunan Nasional dan pencapaian matlamat *Wawasan tahun 2020*. Masalah ini menjadi rumit dan mencabar mengingatkan bahawa ada kemungkinan selepas Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba melepaskan kekuasaan mereka nanti, pemilihan bagi siapa yang harus mengambil alih jawatan tertinggi di dalam parti UMNO dan kepimpinan kerajaan, akan menjadi rebutan banyak orang.

Oleh itu sebelum ditentukan pemilihan siapa yang patut dipilih menjadi pemimpin yang boleh diharapkan, beberapa kriteria yang dikira lojik dan wajar perlu digaris dan dikemukakan sebagai formula ketentuan. Kriteria ini penting dibahas dan ditentukan terlebih dulu supaya pemilihan yang kita lakukan nanti berdasarkan pemilihan yang lojik, wajar dan betul, sesuai dengan keperluan semasa dan kehendak nasionalisme bagi suatu bangsa yang bermaruah menjelang dekad-dekad yang akan datang. Kriteria dan formula ini juga amat penting dipertimbang dan dilaksanakan supaya pemimpin yang kita pilih nanti betul-betul boleh menerima '*beban tanggungjawab*' seperti yang saya sebutkan tadi dan ia boleh pula kita gantung harapkan. Dan pemilihan ini dibuat tidaklah sepatutnya berdasarkan kerana *dia* telah menolong kita, *dia* tidak sompong dan angkuh, *dia* seorang yang penyabar, *dia* klik orang ini, *dia* orang negeri kita atau *dia* cukup baik dengan kita dan sebagainya.

Kriteria yang dikira lojik, wajar dan betul untuk dibuat dan ditentukan, antaranya ialah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

1. *Pemimpin tersebut hendaklah mempunyai pendidikan, ilmu dan pengetahuan yang luas secara formal, baik di dalam bidang politik, pendidikan, ekonomi, kebudayaan, sains, sosial dan*

- kemasyarakatan.*
2. *Mempunyai kesedaran, visi dan misi yang luas ke arah pembentukan satu bangsa yang bersatu padu, pembinaan negara yang aman, damai dan harmoni dan pemeliharaan agama, kepercayaan dan tradisi budaya yang berakar kepada nilai-nilai tempatan.*
 3. *Mempunyai potensi, kebijaksanaan, kepintaran, kualiti dan kewibawaan dari segi kecekapan, kepekaan, tanggungjawab moral dan nilai-nilai akhlak di samping mempunyai dedikasi dan diplomasi politik yang tinggi di dalam dan di luar negeri.*

Ketiga-tiga kriteria ini sekurang-kurangnya mencukupi sebagai asas dan formula kepada keperluan kepimpinan politik dan negara yang kita kehendaki. Sudah tentu masih ada lagi elemen-elemen lain yang diperlukan bagi memperlengkapkan formula di dalam definisi kepimpinan yang sebenar bagi memenuhi '*beban tanggungjawab*' sebagaimana yang ditakrifkan sebagai pemimpin yang '*taklif*' tadi, tetapi idealisme ini tentulah sukar dipenuhi oleh manapun calon pemimpin pun kerana sebagai manusia, tanggungjawab sebagai '*pemimpin yang ideal*' tentulah tidak mungkin terlaksana dan memenuhi kehendak keseluruhan komuniti dan negara kerana seperti kata Dr. Mahathir di dalam kertas kerjanya '*Malaysia. Langkah ke Hadapan*' bahawa '*tidak ada satu formula ringkas yang mudah untuk membangunkan negara.*'

Bagaimanapun jika kita dapat memecahkan formula dan menghuraikan setiap aspek dari data-data empirikal di dalam tiap-tiap satu daripada ketiga-tiga kriteria ini secara terperinci, kita mungkin boleh melihat dan menimbangkan bahawa pendataan daripada setiap aspek itu, boleh memenuhi definisi

seorang pemimpin yang kita kehendaki. Umpamanya dalam kriteria yang pertama, saya menyebutkan bahawa seseorang pemimpin itu hendaklah mempunyai pendidikan, ilmu dan pengetahuan yang luas secara formal. Ini bermakna seseorang yang mahu menjadi pemimpin dan kepimpinannya mahu diterima oleh rakyat, ia hendaklah mempunyai pendidikan. Istilah pendidikan di sini agak umum, tetapi apa yang saya maksudkan dengan pendidikan di sini ialah bahawa seseorang itu, sebelum layak dipanggil pemimpin hendaklah mempunyai asas pendidikan akhlak, sivik, moral dan rasa tanggungjawab terhadap dirinya, keluarganya, bangsanya, agamanya dan negaranya. Asas pendidikan ini bukan saja diterimanya dari didikan ibubapanya tetapi juga dipelajarinya melalui persekolahan, masyarakat dan alam persekitarannya. Dengan adanya asas pendidikan ini dari sejak kecil, potensinya sebagai manusia berakhlak dan pemimpin yang berwibawa akan terserlah dari sejak kecil lagi. Nabi Muhamad sendiri sebelum menerima wahyu dan bergelar Rasul telah memperlihatkan potensinya sebagai pemimpin Islam sejak dari kecil lagi.

Selain dari mempunyai pendidikan, seseorang pemimpin itu hendaklah mempunyai '*ilmu*' dan '*pengetahuan*.' Saya mengasingkan istilah '*ilmu*' dengan istilah '*pengetahuan*' secara berasingan di sini ialah kerana bahawa '*ilmu*' dan '*pengetahuan*' mempunyai ciri-ciri perbezaan yang berlainan sekalipun pada umumnya kita seringkali menyebut dan menyambungkan '*ilmu*' dengan '*pengetahuan*' itu sebagai '*ilmu pengetahuan*' saja sebagai sendikata kepada kedua-dua perkataan itu.

Apa yang sebenarnya yang membezakan antara '*ilmu*' dengan '*pengetahuan*' ialah bahawa '*ilmu merupakan salah satu dari pemikiran manusia yang berdasarkan kebenaran*.' sementara '*pengetahuan*' pula ialah '*hasil dari kegiatan berfikir manusia yang menghasilkan kemanfaatan kepada manusia yang lain*.' Sebagai contohnya misalnya, Albert

Einstein pernah berkata bahawa '*ilmu tanpa agama adalah buta dan agama tanpa ilmu adalah lumpuh*'. Ini bermakna bahawa seseorang yang pandai membuat kasut tetapi tidak tahu memakainya, maka ilmunya tidak berguna, tetapi jika kasut yang dibuatnya itu boleh dipakai oleh dirinya atau orang lain, maka ilmunya itu menjadi amat bermanfaat.

Oleh kerana ilmu merupakan kumpulan-kumpulan dari pengetahuan yang bercorak empirikal, maka dasar keilmuan mempunyai pola-pola yang tetap dan teratur. Umpamanya hujan yang turun harus didahului dengan awan yang tebal dan langit mendung. Hujan tidak akan turun jika cuaca panas dan awan mendung tidak wujud di ruang angkasa. Kesemua kumpulan-kumpulan ilmu ini disebut pengetahuan dan pengetahuan tidak akan terjadi dan wujud, jika ilmu-ilmu tadi tidak teruji oleh hakikat kebenaran. Ini bermakna bahawa '*ilmu pengetahuan*' secara dasarnya ialah hakikat keilmuan yang sudah terbukti kebenarannya walaupun kebenaran keilmuan bukanlah satu-satunya kebenaran mutlak, kerana ilmu sentiasa saja berkembang dan berubah mengikut perubahan masa. Dalam setahun sekurang-kurangnya 20% jenis ilmu yang dicipta, sementara 20% ilmu yang lain akan terhapus. Dengan lain-lain perkataan, seseorang pemimpin itu hendaklah, mempunyai ilmu yang sudah teruji kebenarannya dan memberi manfaat kepada orang lain. Ilmu itu mungkin bersifat ilmu politik, ilmu pendidikan, ilmu ekonomi atau ilmu kebudayaan yang kesemuanya berdasarkan hakikat kebenaran yang tulin dan bukannya palsu. Apabila seseorang pemimpin itu mempunyai pelbagai ilmu yang sudah teruji kebenarannya, maka ia dengan sendirinya mempunyai pengetahuan. Teruji kebenarannya bermaksud bahawa pengetahuan yang ada kepada seseorang pemimpin itu, adalah melalui proses pendidikan yang formal, iaitu melalui pengajaran, latihan amali dan sistem peperiksaan yang teratur dan diiktiraf kelayakan dan kelulusannya oleh pihak yang bertanggungjawab.

Apabila seseorang pemimpin itu mempunyai pendidikan dan ilmu pengetahuan yang luas secara formal, maka kedudukan dan tarafnya sebagai pemimpin bolehlah diharapkan. Dengan pendidikan dan ilmu pengetahuan yang luas itu dapatlah ia mencorakkan kepimpinan negara di samping menyusun dan menentukan kestabilan politik, ekonomi, ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Dengan adanya ilmu pengetahuan juga, seseorang pemimpin itu bolehlah misalnya, merancang dan menyusun segala macam program dan projek sosio-ekonomi bagi kepentingan bangsanya berasaskan sistem ekonomi dualisme, iaitu melalui sektor pertanian dan perindustrian. Rancangan Malaysia pertama – kelima (1966 – 1990), Dasar Ekonomi Baru (1970 – 1990) dan sekarang Dasar Pembangunan Nasional (1991–2000) dan *Wawasan 2020*, adalah manifestasi daripada kewujudan ilmu pengetahuan yang ada di kalangan pemimpin kita itu. Sejauh mana pencapaian kemajuannya dan sejauh mana pula sistem dan dasar ekonomi pembangunan itu dapat meninggikan taraf hidup rakyatnya, bolehlah kita lihat melalui laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Cetak Kerajaan. Dengan adanya ilmu pengetahuan juga, seseorang pemimpin itu bolehlah menyelesaikan segala problema yang timbul di kalangan rakyat, terutamanya yang berhubung dengan perpaduan kaum, pembahagian ekonomi, peluang-peluang pekerjaan, sistem pelajaran, pembentukan kebudayaan nasional dan seterusnya pencetusan idea, gagasan, pemikiran dan wawasan yang lebih baik bagi kemajuan masa depan negara.

Hanya mereka yang mempunyai pendidikan, ilmu dan pengetahuan yang luas dan secara formal saja yang boleh diharapkan untuk menyelesaikan segala masalah bangsa dan negara secara matang, rasional dan bertanggungjawab.

Di samping mempunyai pendidikan dan ilmu pengetahuan yang luas, kesedaran tentang visi dan misi untuk membangunkan sebuah negara yang bersatu padu

adalah sangat penting. Tanpa kesedaran visi dan missi ini, pendidikan dan ilmu pengetahuan yang luas menjadi tidak bermakna. Ini kerana jika ilmu pengetahuan yang diperolehi hanya untuk kepentingan diri sendiri, memperkayakan kaum keluarga, menipu dan menyelewangkan harta dan wang rakyat seperti yang berlaku di dalam skandal BMF, Bank Rakyat dan sebagainya, maka ilmu pengetahuan itu menjadi tidak berfaedah.

Kesedaran untuk mengembang visi atau wawasan atau matlamat bagi kepentingan masa depan bangsa dan negara adalah menjadi kewajipan kepada pemimpin yang berilmu pengetahuan tadi. Visi untuk membentuk satu bangsa yang bersatu padu; wawasan untuk membina sebuah negara yang aman damai dan matlamat untuk memelihara agama, kepercayaan dan tradisi budaya yang berakar kepada nilai-nilai tempatan hendaklah menjadi ciri-ciri utama bagi perjuangan seseorang pemimpin yang berilmu pengetahuan.

Visi untuk membentuk suatu bangsa yang bersatu padu bukanlah mudah. Sebuah negara yang tidak mempunyai masalah pelbagai suku kaum dan agama seperti Russia, Perancis, Jerman dan Arab pun menghadapi kesulitan dari segi perpaduan, apa lagi di dalam sebuah negara yang mempunyai pelbagai suku kaum dan agama seperti Malaysia. Sejak merdeka sampailah sekarang, perpaduan kebangsaan yang telah kita bentuk, masih juga merupakan slogan, lambang dan impian saja. Perpaduan kebangsaan ini sebenarnya bersifat '*abstrak*' dan kerana itu dari segi realitinya, kita amat sulit untuk menentukan apakah sebenarnya perpaduan itu telah wujud, kerana sementara dari satu sudut kita melihat adanya sifat-sifat perpaduan itu sendiri tetapi dari sudut-sudut yang lain, kita masih melihat adanya kekacauannya dan perselisihan tentang sentimen perkauman dan agama yang amat kontradik.

Sebenarnya membentuk perpaduan kebangsaan di dalam sesebuah negeri dan negara memerlukan kesedaran dan realiti

yang berbeza. Kesedaran kebangsaan di Malaysia berbeza dengan kesedaran kebangsaan di Singapura atau di negeri Sabah. Di Singapura walaupun dari segi sejarah dan geografinya ia adalah warisan Melayu dan kedudukan geografinya berada di tengah-tengah kepulauan Melayu, namun kerana rakyatnya lebih banyak berketurunan Cina, kesedaran kebangsannya adalah bercorak kecinaan. Demikian juga di Sabah, oleh kerana majoritinya terdiri dari suku kaum Kadazan dan Cina, maka corak kebangsaan negerinya berlandaskan Kadazanisme sehingga integrasi nasional antara Sabah dengan Semenanjung, sukar dibentuk dan diwujudkan.

Di Semenanjung agak berbeza keadaannya. Majoriti bagi kaum Melayu dengan kaum bukan Melayu tidak banyak bezanya seperti yang wujud di Singapura dan di Sabah. Peratus Melayu di Semenanjung mengikut perangkaan tahun 1985 ialah sebanyak 54.7% atau kira-kira 7 302 000 orang. Ini bermakna kira-kira 44.3% atau kira-kira 6 055 000 orang adalah terdiri dari pendudukan bukan Melayu. Penduduk Semenanjung Malaysia bagi tahun 1990 ialah seramai 18 010 200 orang.

Berasaskan perangkaan ini, maka pembentukan bagi suatu rupa bangsa Malaysia berasaskan ciri-ciri budaya Melayu memanglah sukar dan rumit. 44.3% rakyat yang bukan Melayu tidak mungkin mahu menerima ciri-ciri budaya Melayu sebagai ciri-ciri budaya Malaysia. Ciri-ciri budaya Cina dan India amat berbeza dengan ciri-ciri budaya Melayu, apa lagi jika ciri-ciri budaya Cina dan India itu dikaitkan dengan ciri-ciri budaya Melayu/Islam. Jelas terlalu banyak perbezaannya.

Apa yang berlaku di dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan sekarang hanyalah bersifat pemaksaan atau paling sopan, hanyalah atas sifat-sifat penghormatan dan kepentingan tertentu daripada suku kaum Cina dan India kepada tradisi budaya Melayu. Secara realitinya kedua-dua

suku kaum ini tidak pernah menerima dan menganggap budaya Melayu sebagai budaya Kebangsaan bagi mereka. Sebab itulah dalam sepanjang sejarah, kita sering kali melihat adanya perjuangan dan tuntutan kaum Cina supaya pelajaran dan kebudayaan Cina diterima sebagai ciri-ciri kebudayaan Malaysia. Gagasan '*Cinatown*' seperti yang cuba ditegakkan oleh MCA adalah contoh dari fenomena ini.

Pengwujudan Kebudayaan Kebangsaan berasaskan teras kebudayaan Melayu, hanya boleh dilaksanakan di Malaysia jika jumlah penduduk Melayunya sama dengan jumlah penduduk Cina dan penduduk Melayu di Singapura. Orang-orang Melayu Singapura tidak boleh memperjuangkan budaya Melayu di pulau itu kerana majoriti penduduknya dan kepimpinan politiknya dikuasai oleh kepimpinan Cina. Oleh itu perjuangan untuk menjadikan bahasa Melayu, kebudayaan Melayu dan agama Islam sebagai bahasa, budaya dan agama rasmi negara Malaysia hanya boleh dilihat di atas kertas perlembagaan saja, sedangkan realiti dan hakikatnya ia tidak pernah diterima dan diakui oleh suku kaum yang lain. Ini kerana jumlah penduduk Melayu dengan penduduk bukan Melayu di Malaysia tidak banyak bezanya.

Berdasarkan realiti dan hakikat inilah, maka peranan seseorang pemimpin yang bakal mengambil alih pemerintahan negara ini nanti mestilah memahami fenomena ini. Seseorang pemimpin yang terlalu ekstrim atau terlalu *terbuka* bukan saja akan ditolak oleh rakyat yang bukan Melayu tetapi juga akan ditolak oleh rakyat Melayu sendiri. Sikap diplomasi dan sikap sederhana mungkin boleh dijadikan jalan tengah bagi menyelesaikan masalah ini, tetapi seseorang pemimpin yang mengambil jalan tengah saja akan sentiasa digoda oleh pelbagai cabaran demi cabaran sehingga apakala ia silap bertindak langkah, besar kemungkinan ia akan ditolak oleh rakyat Melayu dan oleh rakyat Cina.

Seseorang pemimpin yang boleh membentuk perpaduan Kebangsaan berasaskan ciri-ciri budaya Melayu, harus perlu

lebih tegas, lebih berani dan lebih berwawasan daripada apa yang ditunjukkan oleh Dr. Mahathir sekarang. Tanpa ketegasan, keberanian dan kewawasan seperti yang diperlihatkan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu, seseorang pemimpin itu tidak mungkin boleh berjaya untuk membentuk perpaduan Kebangsaan yang lebih kukuh di Malaysia. Malah ia akan tenggelam oleh kelemahan dan cita-cita bangsanya sendiri.

Dalam sejarah perpaduan negara, hanya ada dua orang pemimpin yang boleh dikira berjaya mempertahankan konsep Perpaduan Kebangsaan dan Kebudayaan Kebangsaan ini. Pertama, Allahyarham Tun Abdul Razak. Dan yang kedua, Dr. Mahathir Mohamad. Allahyarham Tun Abdul Razak telah mempertahankan perpaduan dan kebudayaan Kebangsaan ini melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dr. Mahathir pula yang telah berjaya mempertahankan tradisi perpaduan dan kebudayaan Kebangsaan itu melalui perubahan-perubahan di dalam konsep dan perinsip pemerintahannya.

Dalam menghadapi dekad-dekad yang akan datang, pemimpin yang hanya sanggup '*mempertahankan*' konsep perpaduan dan kebudayaan Kebangsaan ini saja, seperti yang kita alami sekarang tidaklah memadai. Ketika seluruh rakyat mulai kembali menghidupkan penguasaan bahasa Inggeris dan setiap suku kaum terpaksa berfikiran majmuk dan progresif akibat *Wawasan 2020* yang terbuka dan bebas, maka di dalam konsep perpaduan kebangsaan yang bercirikan kepentingan ekonomi, bahasa dan budaya yang berlainan, kepimpinan yang perlu timbul di dalam keadaan seperti ini, ialah pemimpin yang boleh secara tegas dan berani menentukan supaya setiap orang menunjukkan dan mengamalkan ciri-ciri perpaduan berdasarkan kebudayaan kebangsaan secara jelas dan sungguh-sungguh. Nilai-nilai perpaduan yang berdasarkan kepentingan ekonomi, bahasa, budaya dan cara hidup, hendaklah dijadikan mata pelajaran

di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Bahasa dan kebudayaan yang tidak mempunyai signifikasinya dengan relevansasi Kebangsaan, hendaklah ditolak dan jika perlu hanya dijadikan satu unit saja daripada unit-unit yang lain.

Bagi melaksanakan objektiviti ini, seseorang pemimpin itu hendaklah pula seorang yang berwibawa, iaitu seorang yang mempunyai personaliti dan ketokohan yang dihormati oleh khalayak ramai. Selain dari mempunyai kewibawaan ini, pemimpin itu pula hendaklah mempunyai kebijaksanaan menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dan kepintaran untuk mengatasi kekusutan yang terjadi. Untuk melaksanakan semuanya ini, ia hendaklah mempunyai kualiti, baik dari segi cara berfikir, cara bertindak dan cara menyelesaikan problema yang timbul itu. Ketiga-tiga elemen dan kualiti ini hendaklah dilaksanakan secara penuh tanggungjawab moral, amanah, jujur dan ikhlas serta penuh diplomasi, terutama di dalam soal-soal dasar dalam dan luar negeri.

Kebijaksanaan dan kepintaran menyelesaikan sesuatu masalah, memerlukan suatu pendekatan yang bukan saja bersifat teratur dan beradab tetapi juga penuh diplomasi. Mereka yang tidak mempunyai pendidikan dan ilmu pengetahuan yang luas dan formal tadi, tentu agak rumit dan remeh untuk melakukannya. Ini kerana rakyat yang akan dihadapi oleh seseorang pemimpin itu bukan saja berbeza, tetapi juga mungkin mempunyai pengetahuan yang lebih luas daripada pemimpin itu sendiri. Oleh itu pendekatan ke arah menyelesaikan sesuatu masalah haruslah bagaikan '*menarik benang di dalam tepung – benang keluar dan tepung tidak tumpah.*'

Penyelesaian bagi sesuatu perkara itu hendaklah dilakukan dengan penuh amanah, ertiya tidak dibuat untuk mencari faedah dan kepentingan diri sendiri; harus jujur dan ikhlas, ertiya melakukanya secara jujur dan ikhlas tanpa kepura-puraan atau ada udang disebalik batu. Tindakan

penyelesaian yang bersifat amanah, jujur dan ikhlas ini mencerminkan konsep dan perinsip ketegasan seseorang pemimpin yang bersifat '*taklif*' tadi.

Nilai-nilai akhlak yang mulia dan dihormati ini tidak saja dilakukan melalui kata-katanya atau bertindak mengikut kepentingan tertentu secara berpura-puraan saja bagi mempersona orang lain, tetapi sifat-sifat ini perlulah wujud dan kekal sepanjang masa di dalam diri seseorang pemimpin itu, seolah-olah ia adalah dominan dan konsisten. Sifat-sifat ini perlulah dapat dipertahankan dengan kukuh dan tidak tertewas oleh pelbagai godaan dan hasutan. Ia tidak mudah kalah oleh godaan yang memukaukan dan tidak akan tunduk oleh hasutan yang mencabar kewibawaannya sendiri.

Di dalam hubungan ini, dedikasi dan diplomasi terhadap sesuatu dasar atau gagasan yang dikemukakan, baik yang dilakukan bagi kepentingan dalam negeri atau pun yang dilakukan bagi kepentingan luar negeri, hendaklah sesuai, selaras dan secucuk dengan dasar dalam negeri dan dasar luar negeri. Kepentingan bagi kedua-dua dasar ini penting diperhatikan supaya kepentingan negara dalam hubungannya dengan negara-negara luar tidak terjejas. Perubahan dasar atau merangka sesuatu idea baru seperti menujuhkan *Kumpulan Ekonomi Asia Timur* (EAEG) yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini, haruslah bukan saja mengguntungkan Asia tetapi juga Malaysia sendiri. Ini penting ditinjau secara mendalam kerana setiap perubahan baru tidak semestinya membawa kemajuan, sebaliknya menimbulkan implikasi yang lain jika kita tidak hati-hati. Sebagai contoh misalnya pada peringkat awalnya, dasar luar Malaysia berorientasikan pro Barat dan anti Komunis. Dasar ini diamalkan oleh Malaysia semasa di bawah pemerintahan Almarhum Tunku Abdul Rahman. Tetapi selepas pemerintahan diambil alih oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, dasar luar Malaysia bertukar kepada dasar bebas dan berkecuali. Dasar baru ini tidak lagi

bersifat anti Komunis, bahkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China dan Soviet Union telah diwujudkan.

Selepas Dr. Mahathir mengambil alih pemerintahan, dasar bebas dan berkecuali Malaysia semakin aktif. Sebagai aktor kepada dasar ini, Malaysia memainkan peranan penting sebagai jurucakap negara-negara membangun di samping mewujudkan dasar baru, iaitu dasar pandang ke Timur dan tidak mementingkan lagi dasar pro Barat seperti zaman Almarhum Tunku dulu. Dari segi perdagangan, dasar baru Dr. Mahathir ini menimbulkan beberapa pergeseran dengan negara-negara Barat seperti Britain, Amerika dan Australia, berhubung dengan penguasaan syarikat British yang masih beroperasi di Malaysia seperti Sime Darby, Guthrie, Harrison and Crossfield, Dunlop dan beberapa buah syarikat dan beberapa buah syarikat yang lain, dasar perlindungan Pertubuhan Buruh Pengusaha Amerika melalui sistem keutamaan Am (GSP) oleh Amerika Syarikat dan sikap media massa Australia yang memburuk-burukan Malaysia berhubung dengan bateri dan lain-lain, termasuk sikap patriotisme Mahathir.

Bagaimanapun dasar luar Malaysia di zaman Mahathir kelihatan lebih jelas dan tegas. Beliau bukan saja menjadi juara kepada negara-negara membangun yang lebih kecil terhadap manipulasi politik dan perdagangan negara-negara maju yang lebih besar seperti Amerika, Britain, Perancis dan lain-lain, tetapi juga di bawah kepimpinannya, Malaysia cukup dihormati di peringkat antarabangsa.

Seseorang yang akan menjadi pemimpin selepas ini haruslah melihat dan mempelajari bagaimana sikap dan tindakan Dr. Mahathir di dalam usahanya menjadi jurucakap antarabangsa yang pintar, cekap dan amat dikagumi. Kepintaran dan kecekapan beliau bukan saja terletak kepada bagaimana beliau bercakap dan berhujah berdasarkan faktual yang tepat, tetapi juga tentang bagaimana beliau menelurkan gagasan-gagasan yang memukaukan tentang masa depan

yang lebih gemilang. Sehingga ini, saya belum melihat adanya seorang pemimpin politik Malaysia yang sepintar dan secekap Mahathir.

Demikianlah kriteria dan formula sebahagian daripada ciri-ciri yang perlu dipunyai oleh seseorang yang bercadang untuk menjadi seorang pemimpin politik dan pemimpin negara menjelang dekad-dekad yang akan datang. Sudah tentu kriteria dan formula ini tidak sempurna dan lengkap seluruhnya. Ia masih boleh diandaikan dan diperlukan lagi beberapa ciri dan elemen yang lain untuk memperlengkapannya. Misalnya seperti kata Niccolo Machiavelli:

“Bahawa orang yang mahu berbuat baik dalam semua perkara, semestinya mengalami kesusahan di kalangan mereka yang tidak pun berniat untuk berbuat baik. Oleh yang demikian, jika seseorang pemimpin itu hendak mengekalkan pemerintahannya, ia hendaklah belajar cara bagaimana supaya tidak berbuat baik.”

ATAU

“Seseorang individu patutlah sentiasa bercakap benar, tetapi bagi seseorang negarawan, kadang-kadang oleh kerana terpaksa melindungi individu-individu di bawah jagaannya, ia patutlah bercakap bohong!”

Sudah tentu pemikiran dan pendapat ahli politik dan penulis Itali ini dianggap tidak wajar dan jijik, tetapi pemikiran dan pendapatnya ini walaupun sudah ditulisnya kira-kira empat abad yang lampau, namun pemikiran dan pendapatnya itu seolah-olah sebuah cermin yang menyuluh muka pemimpin yang pragmatis tetapi buruk dan hodoh. Kita tidak boleh menolak suatu andaian bahawa oleh kerana

dunia politik itu sendiri tidak ubahnya sebagai '*the art of possible*', maka ilmu politik itu menjadi terlalu rumit untuk dianalisis oleh hanya satu jalan fikiran saja. Akibatnya, demi kepentingan politik dan kekuasaan itu sendiri, belajar cara bagaimana untuk tidak berbuat baik, dengan '*ia patutlah bercakap bohong*' menjadi isu yang biasa di dalam politiking bukan saja di negara kita, tetapi juga di seluruh dunia.* Tentulah ini bukan yang kita mahu!

NEGARA BERTANGGUNG JAWAB

• *Sesebuah negara bertanggungjawab memastikan setiap rakyatnya mempunyai mata pencarian, mendapat makanan yang berkhasiat, pakaian yang bersesuaian dan cara hidup yang selaras dengan keperluan kesihatan. . .*

Kekayaan dalam sesebuah negara, bermakna industri wujud dengan besar-besaran, begitu banyak cabang perdagangan, maka tidak dapat dielakkan ada setengah-tengahnya yang merosot dimana pekerja-pekerja memerlukan pertolongan sementara. Bilamana ini berlaku, negara mestilah memberikan pertolongan segera – sama ada dengan melindungi mereka daripada penderitaan, atau menghalang mereka daripada melakukan pemberontakan. ♦

– Baron de Montesquieu
Empirisis Perancis.

Bab Kedua

SIAPA

BAKAL PEMIMPIN?

JIKA LAU kriteria dan formula yang saya kemukakan di dalam bab pertama tadi boleh dijadikan asas kepada pemilihan kepimpinan politik dan negara di masa depan, maka siapakah tokoh-tokoh politik yang mempunyai potensi yang demikian? Jika ada andaian tokoh yang boleh kita kemukakan sebagai calon, siapakah tokoh dan calon tersebut? Adakah tokoh tersebut mempunyai kelayakan dan kemampuan seperti yang saya sebutkan di dalam ketiga-tiga kriteria tadi?

Sebelum jawapan kepada persoalan-persoalan ini kita kemukakan, ada baiknya jika kita meninjau dulu latar belakang pergoalakan politik, aktor-aktor penting yang memainkan peranan mereka di dalam pergolakan tersebut dan kemungkinan-kemungkinan tentang potensi dan masa depan politik negara di bawah kepimpinan mereka. Dan dalam masa yang sama, kita juga perlu meninjau akan hasrat dan inspirasi rakyat tentang siapakah sebenarnya pemimpin yang boleh mereka gantungharapkan bagi kepentingan dan kesejahteraan rakyat di masa depan.

Latar belakang politik Malaysia selepas Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih pemerintahannya di tangan Tun Hussein Onn, sesungguhnya amat menarik dan menakjubkan. Ia menarik kerana dalam sejarah pemerintahannya selama sepuluh tahun (1981 – 1991), kita telah melihat pelbagai isu dan peristiwa yang mendebarkan telah berlaku.

Menakjubkan kerana dalam tempoh pemerintahan yang sama, kita dapat melihat pula pelbagai pemikiran, gagasan dan wawasan yang dikemukakannya secara bersahaja tetapi amat praktis dan progresif. Seperti yang telah saya katakan, selepas Dr. Mahathir mengambil alih pemerintahannya dari tangan Allahyarham Tun Hussein Onn, tercetuslah semangat perpaduan dan semangat kegigihan yang amat menonjol di kalangan rakyat untuk bekerja dan membina suatu bangsa yang gigih dan sebuah negara yang maju, dinamik dan dihormati oleh negara-negara lain.

Tetapi di samping kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh rakyat Malaysia di bawah kepimpinannya itu, kita juga telah melihat pelbagai pergolakan politik, baik di dalam negeri mahu pun yang ada hubungannya dengan luar negeri telah terjadi dengan begitu cepat dan pantas, sehingga bagi orang-orang yang begitu prihatin dengan pergolakan tersebut mengalami kesesakan untuk bermafas, apa lagi bagi mereka yang mengalami sakit jantung. Pergolakan-pergolakan tersebut bukan saja berlaku di dalam kepimpinan kerajaan, tetapi juga di dalam kepimpinan politik dan di dalam hubungan di peringkat antarabangsa. Kepada setengah-setengah orang, Mahathir bukan saja pengacau, tetapi juga penghalang kepada niat dan cita-cita mereka. Kemunculan Mahathir telah memusnahkan cita-cita beberapa orang tokoh politik yang mahu menjadi Perdana Menteri. Bahkan tindakan-tindakannya juga telah memusnahkan kredibiliti UMNO lama yang lebih empat puluh tahun menjadi juara dan harapan kepada orang-orang Melayu dan rakyat seluruhnya.

Pendeknya selain dari menjadi pengacau dan penghalang kepada beberapa orang yang mahu menjadi Perdana Menteri dan mereka yang tidak suka kepadanya, beliau juga telah membawa rakyat Malaysia ke arah dinamika yang lebih luas dengan memusingkan perhatian rakyat yang selama ini mendewa-dewakan Barat kepada kekaguman akan tradisi

dan kerja gigih rakyat Jepun dan rakyat Korea Selatan. Mahathir yang tidak pernah menerima pendidikan di Barat, rupa-rupanya menjadi manusia timur yang sentimental dan anti kepada budaya Barat yang tidak cucuk itu.

Beliau yang hanya seorang doktor perubatan yang tidak dikenali orang, tiba-tiba muncul sebagai tokoh politik yang sukar ditandingi. Di dalam dirinya yang sederhana itu, tersimpan segala macam khazanah pemikiran dan idea yang dinamik dan progresif bagi kemajuan bangsa dan bagi kepentingan dirinya sendiri. Kekuatan dan kegagahannya terletak kepada dinamika pemikiran dan gagasannya yang menakjubkan itu, sementara kelemahan dan kejumudannya pula, terletak kepada tindakan dan kelakuannya yang keras, tegas tanpa apologetik, baik kepada kawan mahu pun kepada lawannya sendiri.

Namun sebagai pemimpin dan manusia biasa, untung baik dan untung buruk bagi dirinya, seperti kata Encik Ghafar Baba dan Datuk Sri Sanusi Junid, terletak bulat-bulat di tangan Tuhan Yang Maha Berkuasa. Allahyarham Tun Hussein Onn juga pernah berkata, "*hari ini saya seorang Perdana Menteri, tetapi besok saya akan menjadi orang kebanyakan. Apabila seseorang itu naik ke atas, ia akan turun juu akhirnya. Inilah lumrah kehidupan bagi manusia.*" Tetapi bagi Mahathir, "*pemimpin dan kepimpinan adalah penting bagi pertubuhan. Sementara pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata kerana ia pemimpin, ianya juga tidak harus dilemahkan dengan sengaja. Tidak ada kebaikan dari kepimpinan yang lemah, seperti mana tidak manfaatnya dari pertubuhan yang lemah*".

Berasaskan pendapatnya inilah, beliau baru-baru ini telah menyatakan keazamannya untuk terus mempertahankan kedudukan dan jawatannya walaupun ada pihak yang dikatakan cuba hendak menjatuhkannya. Menurutnya, beliau tidak akan turun dari jawatannya selagi rakyat masih mahu kepada kepimpinannya, sebaliknya beliau akan turun juga

setelah tiba masanya kelak.

Menurut peramal-peramal politik, kenyataan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad itu dibuatnya setelah mengambilkira beberapa faktor yang wujud disekelilinginya. Umpamanya di dalam pemilihan Majlis Tertinggi parti melalui Perhimpunan Agung UMNO akhir November 1990 lalu, kedapatan lebih 80% anggota Majlis Tertinggi terdiri daripada klik yang menyokong Encik Ghafar Baba, sementara tokoh UMNO yang disingkirannya dari kabinet, iaitu Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi telah dikekalkan oleh undi perwakilan sebagai Naib Presiden parti. Ini menunjukkan adanya sifat-sifat penolakan dari perwakilan UMNO terhadap sikap dan kepimpinannya itu di samping memaksanya menerima kembali Datuk Abdullah di dalam kabinet. Pemaksaan itu nampaknya, terpaksa juga diturutkannya walaupun ia bukan atas kemahuannya sendiri.

Sokongan terhadap klik Encik Ghafar Baba sebenarnya bukanlah sokongan dalam ertikata yang sebenar. Sokongan tersebut lebih dilihat sebagai protes terhadap sikap dan tindakan Mahathir sendiri terhadap dua orang tokoh UMNO yang sebulu dan tidak sebulu dengannya di dalam parti dan sikap bagaimana beliau menolak dan menerima kedua-dua tokoh tersebut di dalam heiraki parti. Kedua-dua tokoh tersebut ialah Datuk Sri Anwar Ibrahim dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi sendiri.

Umum mengetahui bahawa Datuk Sri Anwar adalah regu Mahathir yang paling intim selepas Datuk Musa Hitam. Dalam sejarah perjuangan politik, Anwar adalah penyokong Mahathir sejak beliau di dalam persatuan pelajar di universiti dan sejak Mahathir dipecat oleh Almarhum Tunku di dalam UMNO selepas tragedi 13 Mei 1969 dulu akibat bukunya '*The Malay Dilemma*'. Kemasukan Anwar di dalam UMNO akibat adanya haluan perjuangan yang sama antara keduanya. Pemilihan dan pemihakan Mahathir terhadap Anwar dikira amat wajar dari segi pengukuhan parti. Ini kerana di luar

parti, pengaruh perjuangan Anwar di dalam persatuan pelajar dan ABIM cukup mantap. Begitu juga pengaruhnya terhadap gerakan belia Islam di peringkat antarabangsa. Kemasukan Anwar bukan saja boleh menguatkan lagi pengukuhan parti tetapi juga boleh memperkuatkan kedudukan Mahathir sendiri.

Tetapi di dalam UMNO, kedudukan Anwar agak berbeza. Ini kerana semasa di dalam ABIM, beliau merupakan penentang parti itu yang paling ampuh. Beliau pernah memaki hamun pemimpin UMNO dan pernah dikatakan memijak Bendera UMNO. Tawaran beberapa jawatan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak kepadanya telah ditolaknya mentah-mentah. Akibat dari penentangannya ini, kemasukan beliau di dalam UMNO diterima oleh anggota parti dengan berbelah bagi, terutamanya oleh pemimpin-pemimpin muda yang menganggap kemasukannya di dalam parti itu boleh mengancam masa depan mereka di dalam kepimpinan politik. Orang yang ikut merasa ancaman ini termasuklah Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Encik Ghafar Baba, Datuk Sri Sanusi Junid dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi sendiri.

Bagi Datuk Abdullah pula, kedudukannya di dalam parti berbeza dengan Anwar. Baginya perjuangan hidup matinya di dalam UMNO, penting dipertahankan justeru kepimpinan parti boleh bertukar tangan. Ketika wujudnya team A dan team B di dalam parti itu dalam tahun 1987, beliau memihak team B yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Mereka menentang Dr. Mahathir yang mengetuai team A. Malangnya selepas Mahathir menang, beliau tidak pula keluar parti dan mengikut Tengku Razaleigh yang menubuhkan parti Semangat 46. Kesetiannya kepada UMNO terus dipertahankan walaupun akibatnya, beliau telah disingkirkan daripada kabinet dalam tahun 1988.

Penyingkiran Datuk Abdullah daripada kabinet dianggap satu kezaliman daripada Mahathir. Ini kerana justeru Datuk

Abdullah memihak kepada Tengku Razaleigh Hamzah, kedudukan beliau sebagai Naib Presiden UMNO tidak terjejas. Adalah aneh dan luar biasa seorang naib presiden tidak dilantik menjadi Menteri di dalam Kabinet Pusat, sedangkan kebanyakan Menteri yang lain, ada yang bukan ahli Majlis Tertinggi parti. Tetapi di dalam heiraki parti dan kerajaan, tidak ada peraturan yang menyebutkan naib presiden mesti dilantik menjadi Menteri. Perlantikan seseorang Menteri adalah atas budibicara Perdana Menteri sendiri dan bukannya parti. Bagaimana seorang Perdana Menteri mahu melantik seorang Menteri yang terdiri dari mereka yang tidak menyukainya?

Tindakan Mahathir menyingkirkan Datuk Abdullah dikira wajar dari segi politiking parti. Di dalam amalan demokrasi, adalah merbahaya menyimpan seorang musuh di dalam sebuah parti. Ia boleh mencetuskan suasana yang tidak tenteram di dalam kepimpinan parti. Tetapi dari segi amalan demokrasi juga, sikap Datuk Abdullah untuk terus kekal di dalam UMNO justeru beliau tidak sebulu dengan pucuk pemimpin merupakan sikap yang biasa. Beliau bukan menentang parti, tetapi hanya menentang kepimpinan parti. Masalahnya sekarang, Mahathir bukan saja terpaksa tunduk atas kehendak perwakilan dengan melantik semula Datuk Abdullah di dalam kabinet, tetapi Datuk Abdullah juga tidak tegas pendiriannya dengan menerima kembali jawatan menterinya itu dari seorang pemimpin yang pernah ditentangnya dulu. Jika beliau betul-betul tegas dengan pendirian politiknya, beliau tidak perlu menerima kembali jawatan menterinya dari seorang ketua yang tidak dihormatinya. Untuk apa beliau menentang Mahathir dulu, sedang sekarang beliau kembali semula duduk di bawah ketiaknya? Beliau sepatutnya menunggu sehingga pemimpin yang tidak disukainya itu meletakkan jawatan, barulah beliau menerima kembali sebarang jawatan yang diberikan oleh kepimpinan parti yang lain kepadanya. Dengan menerima

kembali jawatan menterinya itu, beliau seolah-olah mengejar pangkat dan kedudukan dan bukannya mempertahankan prinsip perjuangan politiknya sendiri. Apa makna dan ertinya perjuangannya dulu jika sekarang beliau kembali bersekedudukan dengan pemimpin yang tidak disenanginya? Cara perjuangannya ini berbeza cara dengan perjuangan politik Encik Ghafar Baba dan Datuk Musa Hitam. Dalam sejarah politiknya, oleh kerana Encik Ghafar tidak setuju dengan perjuangan politik Datuk Onn Jaafar dan anaknya Tun Hussein Onn, beliau langsung tidak duduk di dalam kepimpinan parti dan kabinet di zaman Datuk Onn dan Tun Hussein Onn. Prinsip perjuangan Ghafar ini lebih baik daripada prinsip perjuangan Datuk Abdullah sendiri. Demikian juga dengan Datuk Musa Hitam, selepas beliau meletakkan jawatan di dalam kabinet, beliau tidak duduk di dalam kepimpinan parti dan kabinet juga. Malah beliau terus bersara dari politik, walaupun beliau tidak bersalah apa-apa di dalam UMNO.

Kelemahan besar Mahathir dari segi kepimpinan parti terletak kepada tindakannya membiarkan UMNO lama diharamkan dan UMNO Baru membuka pintu keahliannya kepada *Bumiputera* yang bukan Melayu dan bukan Islam. Tindakannya ini, sekalipun dari segi strategi kepimpinan politik bertujuan untuk mempertahankan kepimpinan dan kekuasaan yang dimilikinya itu, namun signifikasinya kepada bangsa Melayu amat merugikan sekali. Ini kerana objektif penubuhan UMNO itu dulunya adalah untuk menjaga dan memperjuangkan hak mutlak bangsa Melayu, agama Islam dan negara Persekutuan Tanah Melayu yang sekarang berkembang menjadi Malaysia. Penghapusan Malayan Union, perpaduan bangsa Melayu dan kemerdekaan yang kita capai sehingga menyebabkan Bahasa Melayu, agama Islam dan kebudayaan Melayu menjadi teras kepada nasionalisme Malaysia adalah hasil perjuangan UMNO itu sendiri.

Malangnya akibat dari sengketa perebutan kuasa di dalam

politik, UMNO yang selama lebih empat puluh tahun menjadi lambang aspirasi bangsa Melayu, telah kita biarkan musnah dan digantikan dengan UMNO yang baru, semata-mata kerana beliau mahu mempertahankan kuasa kepimpinannya. Saya tidak sangat memperdulikan sikap individualistik beliau di dalam soal mempertahankan kepimpinannya itu, kerana saya cukup percaya dan yakin bahawa di antara pemimpin-pemimpin Melayu yang boleh mencetuskan kegemilangan imej Melayu, beliaulah yang boleh diharapkan. Tetapi mengorbankan identiti UMNO dengan membuka pintu keahliannya kepada *Bumiputera* yang bukan Melayu dan Islam, membayangkan masa depan Melayu di dalam UMNO dan mengharapkan UMNO menjadi jurubicara kepada bangsa Melayu di masa depan, sudah tidak boleh diharapkan lagi.

UMNO Baru sekarang hanya terakam pada namanya saja – *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu* – tetapi realitinya ia tidak lagi mewakili bangsa Melayu secara khusus, kerana walaupun tujuannya untuk membela kebangsaan Melayu, agama Islam dan negara, Bumiputera yang bukan Melayu dan yang bukan Islam juga boleh menjadi ahlinya. Saya percaya pada suatu masa nanti, apabila ramai kalangan Bumiputera bukan Melayu dan Islam menganggotai UMNO, dasar perjuangan parti itu juga akan berubah, terutamanya dari segi Melayu dan agama Islamnya. Apa akan terjadi kepada bangsa Melayu selepas itu, jika dasar perjuangannya telah diubah dan dipinda?

Inilah salah satu kelemahan besar Dr. Mahathir Mohamad di dalam sejarahnya memimpin UMNO. Kelemahan ini, bagi pengulas-pengulas politik, boleh menghapuskan segala jasa, perjuangan dan sumbangan baktinya kepada sejarah bangsa, agama dan negara nanti. Tidak syak lagi kelemahannya ini akan menjadi satu senjata yang paling tajam untuk menikam dirinya sendiri. Ini tidak dapat dielakkan kerana di dalam UMNO sendiri, tindakan membubarkan UMNO lama dan membuka keahlian UMNO Baru kepada Bumiputera yang

bukan Melayu dan Islam, tidak sepenuhnya disetujui oleh ahli-ahli UMNO. Demi menjaga kepentingan UMNO, mereka yang tidak bersetuju dengan tindakannya itu tidak akan menentangnya secara terbuka, tetapi menunggu masa yang sesuai saja untuk menolaknya bagi mewujudkan semula tradisi organisasi UMNO seperti yang asal.

Seperkara lain yang mula menarik perhatian di kalangan nasionalis dan intelektual Melayu sekarang ialah mengenai beberapa gagasan dan wawasan beliau menjelang abad ke 21 ini. Dalam setahun dua ini, sekurang-kurangnya ada tiga gagasan yang telah beliau kemukakan untuk tempoh seratus tahun yang akan datang. Pertama, tidak lama dulu beliau mencadangkan supaya penduduk Malaysia mencapai 70 juta menjelang tahun 2100. Kedua, menyusun semula Pelan Dasar Pembangunan Nasional menjelang tahun 2000. Dan ketiga, mewujudkan sebuah negara yang maju dan progresif di dalam *Wawasan 2020*.

Soal yang timbul sekarang ialah mengapa Dr. Mahathir mencetuskan gagasan dan wawasannya itu untuk tempoh seratus tahun yang akan datang? Adakah beliau berfikir bahawa beliau akan boleh hidup dan akan dapat melihat ketiga-tiga gagasannya itu akan tercapai, atau beliau sengaja mencetuskan gagasannya itu supaya dilaksanakan oleh pemimpin yang akan datang, seolah-olah bakal pemimpin Malaysia nanti tidak mempunyai gagasan, idea atau wawasan yang lebih baik daripada gagasannya itu? Atau adakah segala gagasannya itu sengaja dicetuskan bagi membolehkannya terus memerintah negara sehingga ke akhir hayatnya sebagai pemimpin yang berpandangan jauh?

Segala persoalan yang saya bangkitkan ini amat menarik dilihat dan ditinjau dari segala sudut. Tinjauan ini perlu dibuat bagi menganalisis apakah sebenarnya yang menjadi tujuan dan matlamat Dr. Mahathir sebenarnya dan apakah implikasinya jika ketiga-tiga gagasannya itu gagal dilaksanakan oleh pemimpin yang akan datang? Sebagai

contoh misalnya, apakah tujuannya supaya penduduk Malaysia mencapai angka 70 juta menjelang tahun 2100 itu? Apakah signifikasinya maka kita perlu mewujudkan 70 juta penduduk?

Umumnya perubahan jumlah penduduk bagi sebuah negara bergantung kepada tiga faktor, iaitu faktor kelahiran, faktor kematian dan faktor migrasi. Kajian seringkali menggambarkan suatu trend bahawa perubahan jumlah penduduk berdasarkan tahap pembangunan. Di Malaysia perancangan ekonomi antara tahun 1965 – 1985 menunjukkan pengurangan dalam pertumbuhan penduduk dari 3% setahun turun kepada 2% setahun. Pengurangan ini sengaja dilakukan bagi mengimbangi peningkatan ekonomi yang dicapai. Berdasarkan hipotesis ini, penambahan penduduk yang dijangka sesuai dengan peningkatan ekonomi ialah 39 juta orang menjelang tahun 2150. Oleh yang demikian adalah mustahil jumlah penduduk Malaysia akan meningkat kepada 70 juta dalam tempoh kurang daripada 50 tahun sebelum tahun 2150 itu.

Barangkali negara boleh menghasilkan jumlah penduduk seramai 70 juta menjelang tahun 2100 dengan syarat beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah '*kependudukan*' perlu diubah berdasarkan satu polisi komprehensif '*penduduk – pembangunan*' yang terancang. Misalnya wanita perlu berkahwin ketika berumur dalam lingkungan 15 tahun. Setiap keluarga mestilah mempunyai lebih daripada jumlah enam orang anak. Jumlah kematian perlu dikurangkan kepada 0.1 point untuk setiap lima tahun. Sudah pasti bahawa matlamat ini akan sukar tercapai, kecuali ia menjadi matlamat terakhir penduduk Malaysia sesuai dengan perkembangan penduduk di negara-negara Asean, tanpa menentukan target bagi tempoh tertentu. Soalnya mengapa kita perlu mewujudkan jumlah penduduk sebanyak itu sedangkan kepadatan penduduk di Semenanjung, dikira sudah cukup tinggi? Bukankah apabila jumlah penduduk itu bertambah, maka

pertambahannya hanya akan terjadi di luar bandar, sedangkan kita mengetahui kebanyakan penduduk di luar bandar ialah orang-orang Melayu yang miskin dari segi ekonomi dan yang kurang dari segi penjagaan kesihatan. Apakah implikasi yang akan timbul dari keadaan ini apabila struktur penduduk luar bandar nanti terdiri dari sebahagian besarnya golongan kanak-kanak Melayu yang miskin dan terbiar begitu saja sedangkan kualiti hidup berada di bandar-bandar di mana sebahagian besarnya terdiri dari mereka yang bukan Melayu? Apakah Dr. Mahathir mahu melihat penduduk Melayu menjadi seperti rakyat Iraq selepas Perang Teluk atau rakyat Habshah selepas pemberontakan?

Menyusun semula pelan Dasar Pembangunan Nasional menjelang tahun 2000 sebagai menggantikan Dasar Ekonomi Baru, setelah Jawatankuasa MAPEN gagal membentuk dasar ekonominya sendiri, barangkali merupakan satu pelan yang lebih komprehensif. Tetapi seperti juga dengan *wawasan 2020*, Dasar Pembangunan Nasional yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan itu perlulah dilihat dari perspektif yang lebih jelas sambil menekan kepada hasil kajian Dasar Ekonomi Baru yang gagal mencapai matlamat 30% penyertaan orang-orang Melayu di dalam bidang ekonomi. Mengingatkan bahawa matlamat DEB berdasarkan pengagihan kekayaan ekonomi dan penyusunan semula masyarakat, maka Pelan Dasar Pembangunan Nasional itu seharusnya tidak bersifat '*free enterprise*' semata-mata, tanpa menimbangkan kewajipan kerajaan untuk memenuhi kehendak dan dasar 30% penyertaan dan equiti orang-orang Melayu di dalam bidang tersebut.

Perlu diperhatikan bahawa pencapaian Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan sejak dua puluh tahun yang lalu, tidak sampaipun 50% berhasil dari segi membasmi kemiskinan dan kemahiran masyarakat perdagangan dan perindustrian Melayu. Menurut kajian terakhir, hanya 8.2% saja pencapainnya dari segi kalangan perseorangan Melayu

dan 20.3% dari segi korperat Melayu yang mewakili badan-badan berkanun seperti MARA, PERNAS, UDA dan sebagainya. Oleh yang demikian pelan Dasar Pembangunan Nasional yang akan dilaksanakan ini, mestilah melanjutkan kesinambungan bagi memenuhi matlamat 30% penyertaan orang-orang Melayu, seperti yang dikehendaki itu.

Adalah perlu diingatkan bahawa perpaduan negara dan pembentukan keperibadian bangsa Malaysia adalah asas yang penting bagi mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan keharmonian antara kaum. Perpaduan seperti ini mempengaruhi pembangunan ekonomi dan sosial. Jika pembangunan ekonomi dan sosial tidak dapat dikecap oleh pelbagai suku kaum, termasuk orang-orang Melayu, maka perpaduan menjadi amat sukar untuk tumbuh dan berkembang. Dasar Ekonomi Baru itu bertujuan untuk mencapai aspirasi ini. Sebarang dasar yang dibuat menyimpang dari matlamat tersebut akan menyebabkan keruntuhan kembali asas perpaduan dan keperibadian bangsa yang telah kita bina itu.

Mengenai *Wawsan 2020* pula, matlamat untuk melahirkan sebuah negara yang maju, makmur dan dinamik juga perlu menekankan kepada kelanjutan dari dasar pengagihan ekonomi yang sama rata dan penyususnan semula masyarakat seperti yang saya sebutkan tadi. Alasan bahawa zaman sudah berubah dan orang-orang Melayu perlu berdikari sendiri, tanpa sebarang dasar perlindungan tertentu daripada kerajaan, hanya akan menyebabkan kedudukan ekonomi dan sosial orang-orang Melayu, kembali semula ke zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman dahulu.

Matlamat untuk melahirkan sebuah negara yang maju, makmur dan dinamik, berbeza dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dalam sebuah negara yang sedang membangun, kerajaan selalunya cuba mewujudkan badan-badan perusahaan awam sebagai alat pembangunan ekonomi. Dalam sistem ekonomi

moden, badan yang seumpama ini dikira penting bagi membuat keuntungan ekonomi di samping membawa faedah sosial yang tidak mungkin diberikan oleh syarikat-syarikat swasta. Dalam sistem ini peranan badan perusahaan awam selalunya dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

1. Sistem Ekonomi bebas (free enterprise)
2. sistem Ekonomi Perancangan Pusat
3. sistem Ekonomi Campuran.

Dalam sistem ekonomi bebas, kegiatan ekonomi biasanya dijalankan oleh orang perseorangan atau syarikat-syarikat swasta tanpa kawalan kerajaan. Sistem ini juga digelar sistem kapitalis. Dalam sistem ekonomi rancangan pusat pula, kerajaan akan mengawal pengeluaran ekonomi bagi memenuhi kehendak-kehendak masyarakat. Dan dalam sistem ekonomi campuran pula, ada bahagian yang diuruskan oleh kerajaan dan ada bahagian yang diuruskan oleh pihak swasta.

Jikalau matlamat kerajaan mahu membangunkan negara yang maju, makmur dan dinamik menjelang tahun 2020 ini, apakah dasar dan sistem yang akan digunakannya? Adakah salah satu dari sistem yang disebutkan ini akan digunakan oleh kerajaan? Atau kerajaan akan terus menggunakan kaedah berasaskan Dasar Ekonomi Baru yang lalu berasaskan sistem jenis Kedua atau Ketiga?

Persoalan ini perlu dibangkitkan kerana mengingatkan bahawa sekalipun ketiga-tiga sistem ini ada baik dan ada buruknya, namun sistem jenis pertama adalah lebih buruk jika dibandingkan dengan sistem jenis kedua dan ketiga di dalam Dasar Ekonomi Baru. Sebagai contoh misalnya sistem ekonomi bebas menggalakan pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan mengaut keuntungan yang semaksimum mungkin. Di dalam sistem ini, syarikat-syarikat yang bertaraf gergasi akan membunuh syarikat-syarikat kecil yang tidak mampu di samping tenaga pekerja akan diperah untuk mendapatkan keuntungan yang banyak.

Dalam sistem ekonomi perancangan pusat pula, kebaikannya ialah bahawa kerajaan dapat mengurangkan penindasan kepada kaum pekerja di samping kerajaan dapat menentukan semua pengeluaran ekonomi. Tetapi dari segi yang lain kerajaan hanya akan menitikberatkan keperluan negara dan kepentingan politik pemerintah saja, daripada kepentingan rakyat. Hal ini akan menyebabkan barang yang dihasilkan tidak memenuhi kehendak masyarakat pengguna. Oleh yang demikian pembaziran akan sentiasa berlaku. Dan dalam sistem ekonomi campuran pula, pihak kerajaan akan diwakili oleh badan perusahaan awam, manakala pihak swasta pula dikendalikan oleh syarikat-syarikat besar dengan kawalan oleh udang-undang kerajaan. Dalam sistem ini kedua-dua pihak, iaitu pihak kerajaan yang diwakili oleh badan perusahaan awam dan pihak swasta yang diwakili oleh syarikat-syarikat yang besar akan bertanggungjawab, mentadbir dan menentukan pengeluaran ekonomi. Biasanya di dalam sistem seperti ini pencanggahan kepentingan seringkali terjadi dan selalunya pihak pekerja akan menjadi mangsa.

Berdasarkan hipotesis ini beberapa persoalan akan timbul, iaitu adakah negara kita akan mencapai kemajuan yang pesat jika salah satu sistem ini akan kita amalkan tanpa sebarang pembaikan dan penyesuaian di dalam aspek-aspek tertentu? Apakah untuk mencapai kemajuan, kita perlu mengorbankan dasar yang telah gagal kita laksanakan dulu lalu menjalankan dasar-dasar lain yang kita sedar akan sukar dicapai oleh orang-orang Melayu?

Mengapa tidak umpamanya kita lanjutkan konsep pandang ke Timur itu sebagai wawasan lanjutan bagi memenuhi kehendak '*negara membangun*' menjelang tahun 2020? Bukankah projek automobil *Proton Saga* yang kita pelajari teknologinya dari Jepun itu telah menghasilkan kejayaan yang besar kepada negara kita?

Saya bangkitkan persoalan ini bukanlah kerana saya

bersifat '*anti pembangunan*' kepada negara sendiri. Tetapi saya melihat bahawa *wawasan 2020* merupakan 'grand strategy' yang terlalu menekan kepada pemikiran majmuk, terlalu mementingkan '*technology explosion*' dan terlalu memihak kepada pandangan '*global outlook*' sehingga oleh kepukauan yang amat menghairahkan itu, kita mungkin akan terpesong dan melupai tentang identiti dan keperibadian bangsa kita yang telah kita bentuk dan bangunkan lebih dua puluh tahun yang lalu itu.

Di dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju (sebenarnya kita sedang menuju ke arah tersebut), kita seharusnya dapat belajar dari sejarah di sekeliling kita. Sebagai contohnya misalnya, oleh kerana kita terlalu menekan kepada faktor-faktor pembangunan yang saya sebutkan tadi, kita telah menyaksikan satu keruntuhan yang amat dahsyat di dalam sistem pengurusan pembangunan negara kita pada tahun-tahun 80-an dulu, iaitu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di dalam pengurusan korporat seperti syarikat-syarikat perniagaan, koperasi, institusi kewangan dan badan-badan berkanun kerajaan. Ini adalah akibat daripada sistem pendidikan yang berorientasikan pengetahuan, kepandaian dan kecekapan teknologi semata-mata, sebagai matlamat ke arah pembangunan dan kemajuan negara, sedangkan kesedaran akhlak, kesucian rohani, amanah dan maruah diri, bangsa dan negara, tidak kita pedulikan langsung. Itulah sebabnya Datuk Sri Sanusi pernah berkata kepada kakitangan Bank Rakyat, yang pernah terlibat di dalam skandal kewangannya tidak lama dulu bahawa, '*tidak semua orang-orang ternama, pandai dan berpendidikan tinggi itu boleh dipercayai.*'

Pengalaman masa lampau yang menyebabkan kita kehilangan beribu-ribu juta ringgit itu perlulah dijadikan iktibar dan pengajaran, bahawa apa pun wawasan yang hendak kita bangunkan, identiti budaya kita, kesedaran tentang penanggungjawaban kepada bangsa, agama dan

negara kita, mestilah diletakkan sebagai mercu tanda yang pertama. Adalah tidak berguna segala kemajuan dan pembangunan yang kita capai, jika harga diri dan maruah bangsa, terpaksa kita korbankan begitu saja.

Di dalam usaha untuk membangun dan memajukan negara, asas dan dasar pandang ke Timur tadi seharusnya menjadi tekanan kita. Dasar ini amat sesuai dan selaras dengan perwatakan dan identiti budaya kita. Ini kerana kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh Jepun dan Korea Selatan di dalam tempoh antara sepuluh sehingga dua puluh tahun (1945 – 1965) yang lalu amat menakjubkan dunia. Jepun yang musnah di dalam perang dunia kedua di dalam tahun 1945, telah bangun semula dengan gagahnya menjelang tahun 1960. Korea Selatan yang terjebak di dalam Perang Korea dalam tahun 1950, juga telah bangun semula dalam tahun 1960-an melalui kempen '*Saemul Undong*' dan sepotong ayat Quran yang diambil oleh Presidennya Park Chung Hee di pejabat Allahyarham Tun Abdul Razak yang berbunyi: '*Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu, melainkan kaum itu sendirilah yang patut mengubah untung nasibnya.*' Hari ini Jepun adalah contoh terbaik yang melambangkan kejayaan proses pemodenan di Asia. Mengapa contoh ini tidak kita gunakan?

Kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh negara Jepun dan Korea Selatan sedikitpun tidak menjaskannya identiti dan budaya ketimuran mereka. Malah melalui kemajuan dan kejayaan saintifik kedua-dua negara itulah, kita mengenali budaya Jepun dan budaya kerja rakyat Korea Selatan dan mempelajari teknologi canggih mereka. Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan negara-negara Barat yang lain, yang kita anggap lebih maju dan berjaya itu pun juga, telah gagal menyaingi kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh Jepun dan Korea Selatan itu.

Oleh yang demikian *Wawasan 2020* patutlah berorientasikan kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh

Jepun dan Korea Selatan itu sendiri dan bukannya merancang pembangunan dan kemajuan yang berasaskan semata-mata kepada *pemikiran majmuk*, *teknologi explosion*, *global outlook*, *multi-level thinking* dan *knowledge base* yang berkiblatkan Barat saja yang akibatnya hanya menguntungkan golongan kapitalis moden, mewujudkan jurang perbezaan ekonomi yang lebih luas di kalangan penduduk dan suku kaum di samping menekankan golongan miskin dan mencetuskan kesan-kesan negatif terhadap aspek-aspek budaya, tradisi bangsa serta kemurnian agama.

Sebenarnya pandangan dan tanggapan di atas berasaskan pemikiran awal tentang wawasan kertas kerja Dr. Mahathir itu. (Saya akan mengulas lagi isu wawasan ini dalam bab empatbelas). Sudah tentu bahawa wawasan ini masih di peringkat perancangan dan kajian lagi. Setiap aspek dari wawasannya itu tentulah sedang diperhitungkan dari pelbagai segi dan sudut. Jika sekiranya pandangan dan tanggapan saya itu memang sebenarnya ada dan sedang dirangka semula di dalam wawasannya, maka saya mengucapkan syukur. Tetapi sebaliknya jika pandangan dan tanggapan saya ini dianggap tidak penting dan tidak sesuai lagi menjelang tahun 2020 nanti, maka kita terpaksa lah memulangkan kepada rakyat dan kepimpinan yang akan datang untuk menentukannya, kerana Dr. Mahathir sendiri pernah menyatakan bahawa '*adalah menjadi satu hakikat, iaitu tiap-tiap satu generasi mempunyai tanggungjawab terhadap zamannya. Oleh itu adalah mustahak kepimpinan dalam satu-satu generasi selaras dengan zamannya. Ini adalah perlu kerana pemimpin serta aspirasi satu-satu generasi hanya akan dapat difahami oleh generasi tersebut saja. Saya yakin dan percaya, generasi muda di dalam UMNO akan tahu apakah peranan yang harus dimainkan oleh mereka bagi mengukuhkan dan mengembangkan UMNO.*

Di dalam hubungan ini satu perkara yang menarik untuk dipersoalkan ialah mengapa Dr. Mahathir mencetuskan

gagasan dan wawasan tersebut untuk tempoh 30 tahun dan 100 tahun yang akan datang? Mengapa perlu mewujudkan *Wawasan 2020* untuk mencapai kemajuan negara? Mengapa tidak menggunakan target tahun 2000 bagi menentukan pembangunan negara seperti yang dirancangkan melalui pelan Dasar Pembangunan Nasional itu? Mengapa menunggu sampai tahun 2020. Adakah beliau tidak yakin bahawa tempoh sepuluh tahun itu tidak cukup untuk mencipta kemajuan? Bukankah kemajuan Jepun dan Korea Selatan itu hanya dalam tempoh sepuluh dan limabelas tahun saja?

Persoalan-persoalan tersebut hanya boleh dijawab oleh Dr. Mahathir sendiri saja. Beliau tentulah mempunyai sebab dan alasan mengapa dalam tempoh 30 tahun dari sekarang negara kita perlu dan boleh mencapai kemajuan, mengapa tahun 2020 dijadikan target tertentu bagi mencapai kemajuan negara? Dan seperti selalunya, sebab dan alasan yang dikemukakan itu amatlah menarik dan cukup menasabah sehingga kepada setengah-tengah orang, mereka akan '*mati kutu*' dengan hujah dan jawapannya itu. Saya sendiri kadangkalanya amat kagum dengan jawapannya walaupun saya sendiri pada waktu-waktunya tidak bersetuju dengan hujah dan alasannya. Barangkali inilah apa yang dimaksudkan oleh bekas pemimpin Perancis, Charles de Gaulle bahawa '*seseorang pemimpin itu bukan saja mesti mengambil sesuatu keputusan yang baik, bahkan berupaya meyakinkan orang lain untuk mengikutnya.*'

Tetapi atas apa sebab dan alasan pun, saya percaya generasi seperti Mahathir akan mengalami keterbatasan untuk dapat melihat dan menyaksikan wawasannya itu boleh mencapai kejayaan atau tidak. Tiga puluh tahun yang akan datang adalah tempoh yang terlalu sukar untuk seorang pemimpin seperti Mahathir dapat melihat berjaya tidaknya wawasannya itu. Bahkan adalah mustahil untuk beliau boleh melihat gagasannya bahawa Malaysia akan melahirkan rakyatnya seramai 70 orang juta menjelang tahun 2100 nanti.

Hanya Allah Taala sajalah yang boleh menentukan untung nasib gagasan dan wawasannya pemimpin kita ini.

Oleh yang demikian di dalam '*future of vision*' seperti ini, Dr. Mahathir hanya menjadi mungkin untuk merancangkannya saja sedangkan berjaya atau tidak wawasannya itu, terpulanglah kepada kepimpinan politik dan negara yang akan datang. Bukanlah mustahil misalnya, gagasan dan wawasannya itu akan dibatal atau dipindah pula oleh kepimpinan yang akan datang. Siapa tahu? Pembatalan dan pemindaan terhadap sesuatu gagasan, wawasan dan projek bukanlah mustahil dan tidak pernah terjadi. Ada kalanya sesuatu rancangan dan projek itu telah disusun begitu rupa oleh seorang pemimpin, tetapi apabila sampai kepada peringkat pelaksanaannya, pegawai yang melaksanakan projek itu telah mengubah dan menyesuaikannya mengikut keperluan setempat dan keadaan semasa. Akhirnya projek itu gagal dan pegawai itu menyalahkan pula kepada pemimpin tadi. Sebab itulah di dalam negara kita, belum ada seorang pemimpin yang mahu meletakkan jawatan jika sesuatu peristiwa terjadi di bawah kepimpinannya. Ini kerana apabila sesuatu peristiwa berlaku (kapal terbang jatuh misalnya) Menteri Pengangkutan tidak akan meletakkan jawatannya kerana alasannya: mengapa kerana kapal terbang jatuh, beliau harus meletakkan jawatan? Bukankah yang salah ialah pembuat kapal terbang dan juruterbang yang memandu kapal terbang itu sendiri?

Demikianlah antara lain latar belakang pergolakan politik, aktor-aktor yang memainkan peranan mereka di dalam pergolakan tersebut, peranan tentang kepimpinan Mahathir, gagasan dan wawasannya menjelang tahun 2020 dan 2100. Apa yang perlu ditinjau selepas ini, ialah apakah pendapat dan kehendak rakyat selepas Dr. Mahathir bersara dari politik? Adakah akan muncul seorang pemimpin lain yang lebih bijaksana dan berwibawa daripadanya untuk melanjutkan gagasan wawasannya itu, atau kita akan

berhadapan dengan masalah kepimpinan yang lebih rumit dan tidak menentu kerana selepas ini, kita akan melihat lebih ramai lagi potensi-potensi politik yang akan merebut peluang untuk muncul sebagai pemimpin, sekalipun tidak ramai dari mereka yang boleh memenuhi kehendaki kriteria dan formula yang saya sebutkan di dalam bab pertama tadi. Dalam bab-bab selanjutnya saya akan cuba membahaskan persoalan ini secara lebih detail lagi. InsyaAllah.

Bab Ketiga
**SIAPA
SELEPAS MAHATHIR?**

TAJUK di atas seolah-olah menggambarkan bahawa ruang untuk Encik Ghafar Baba menjadi Perdana Menteri tidak pernah ada, sedangkan mengikut tradisi parti, selepas Perdana Menteri meninggal dunia atau meletakkan jawatannya, jawatan Perdana Menteri secara automatinya berpindah kepada Timbalan Perdana Menteri. Jadi mengapa dipersoalkan: siapa selepas Mahathir?

Dalam satu interview dengan para wartawan, Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri pernah menyatakan bahawa Encik Ghafar Baba akan menjadi Perdana Menteri selepas beliau berhenti atau meletakan jawatannya. Kenyataan ini sudah cukup menamatkan spekulasi bahawa Perdana Menteri selepas Mahathir bukanlah orang lain, tetapi Encik Ghafar Baba sendiri.

Sebenarnya atas apa sebab dan alasanpun, masa depan bagi seorang Timbalan Perdana Menteri ialah menjadi Perdana Menteri. Jika sebab dan alasan ini boleh dipakai, memanglah spekulasi bahawa orang yang sepatutnya menjadi Perdana Menteri selepas Mahathir, bukanlah Encik Ghafar Baba, tetapi Datuk Musa Hitam. Ini kerana beliaulah yang wajar bakal menjadi Perdana Menteri, kerana beliau adalah Timbalan Perdana Menteri mengikut tradisis parti dan mengikut kehendak kepimpinan parti. Malangnya oleh kerana perangainya tidak disukai oleh Allah Taala, maka dalam tahun 1986 lalu, beliau telah meletakkan jawatannya sebagai

Timbalan Perdana Menteri. Oleh itu peluangnya untuk menjadi Perdana Menteri semula sudah tertutup, kecuali jika beliau bersedia kembali ke dalam politik dan berjuang semula merebut kembali jawatan yang pernah disandangnya dulu, barulah peluangnya boleh dilihat atau tidak. Bagaimanapun untuk sementara ini tidak ada sesiapa yang boleh menyangkal bahawa Perdana Menteri selepas Mahathir ialah Encik Ghafar Baba. Lainlah jika Allah Taala juga tidak mahu beliau menjadi Perdana Menteri, seperti juga Allah Taala tidak mahu beliau menjadi Perdana Menteri selepas Tun Hussein Onn bersara dulu. Kalau Allah berkehendakannya, beliau sudahpun menjadi Perdana Menteri sebelum Dr. Mahathir memegangnya. Inilah yang dikatakan qadha dan qadar. Manusia hanya merancang, tetapi Tuhanlah yang menentukannya.

Sebenarnya ‘untuk’ menjadi Perdana Menteri tidaklah payah. Sesiapa saja boleh ‘untuk’ menjadi Perdana Menteri di Malaysia, asalkan memenuhi lima syarat. Pertama, menjadi ahli UMNO. Kedua, menjadi Wakil Rakyat. Ketiga, menjadi ahli Majlis Tertinggi parti. Keempat, menjadi Naib Presiden parti. Dan ke lima menjadi Timbalan Presiden parti. Lepas itu dapatlah menjadi Perdana Menteri. Inilah lima syarat penting untuk seseorang itu boleh menjadi Perdana Menteri. Jelas, berasaskan kelima-lima syarat ini, seseorang itu tidaklah sukar untuk menjadi Perdana Menteri.

Tetapi yang paling sukar dan payah benar, ialah jika kita *hendak* menjadi Perdana Menteri. Seseorang yang *hendak* menjadi Perdana Menteri bukan saja perlu memenuhi kelima-lima syarat tadi, tetapi juga yang lebih pentingnya ia mestilah mempunyai kelayakan akademik; ia mempunyai kemampuan kewangan; ia mempunyai bakat, kebolehan, pengaruh, kewibawaan, rasa tanggungjawab dan visi serta missi di dalam perjaungan politiknya. Sekurang-kurangnya jika kita mempunyai asas dan kemampuan seperti ini, barulah kita boleh berfikir untuk menjadi ahli UMNO dan selepas itu

bertindak mewujudkan kepercayaan dan keyakinan orang lain tentang potensi dan bakat kita untuk menjadi seorang pemimpin dan seterusnya menjadi Perdana Menteri. barangkali ketiga-tiga kriteria yang saya kemukakan di dalam bab pertama tadi boleh dijadikan formula untuk membolehkan seseorang itu menjadi Perdana Menteri.

Di dalam hubungan ini, Encik Ghafar Baba telahpun memenuhi kelima-lima syarat yang saya kemukakan di atas. Tetapi mengapa sampai sekarang beliau belum juga boleh menjadi Perdana Menteri? Jawapannya menjadi amat mudah dan simple, iaitu oleh kerana jawatan tersebut terlalu *eksklusif* sifatnya, dan hanya ada satu saja jawatan Perdana Menteri pada suatu masa, maka selagi Dr. Mahathir tidak meletakkan jawatannya, dan selagi Encik Ghafar tidak dipilih oleh pemimpin parti menjadi Perdana Menteri, maka selagi itulah beliau tidak boleh menjawat jawatan tersebut. Sesungguhnya, selain dari kehendak dan planning Allah Taala tadi, inilah tradisi yang dijalankan di dalam UMNO. Ramai tokoh-tokoh UMNO yang lain, yang juga memenuhi kelima-lima syarat tadi, bukan saja tidak berjaya menjadi Perdana Menteri, malah penglibatan mereka di dalam parti itu pun, kini sudah tidak ada lagi. Encik Mohd. Khir Johari, Datuk Senu Abdul Rahman, Datuk Harun Haji Idris, Tengku Razaleigh Hamzah (sekadar menyebut beberapa nama), kini sudah tidak ada harapan lagi untuk menjadi Perdana Menteri. apa lagi bagi tokoh-tokoh yang tidak ada kemampuan atau yang sudah meninggal.

Sebenarnya dalam banyak hal, kesulitan Encik Ghafar Baba menjadi Perdana Menteri, bepunca daripada tiga faktor. Pertama, *faktor masa*. Kedua, *faktor kelayakan akademik*. Dan ketiga, *faktor pemilihan parti*. Jikalau di dalam kedudukannya sekarang, kita berada di zaman tahun lima puluhan atau enam puluhan dulu, saya percaya Encik Ghafar Baba sudahpun menjadi Perdana Menteri. Inilah yang saya maksudkan dengan faktor masa tadi. Kemungkinan ini

berasaskan bahawa dalam sejarah perjuangan politik selama empat puluh tahun di dalam UMNO lama + UMNO baru, beliau telah dianggap *lagenda* oleh sahabat saya, Datuk Dr. Wan Hashim dari UKM dan pemegang rekod paling lama di dalam kepimpinan UMNO.

Sepanjang karier politiknya berlangsung, beliau pernah menjadi Ketua Menteri Melaka selama 7 tahun (1959 – 1966), menjaid Naib Presiden UMNO selama 25 tahun (1962 – 1987), Ahli Majlis Tertinggi selama 33 tahun (1958 – 1991), Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen selama 36 tahun (1955 – 1991) dan berkhidmat sebagai Ahli Majlis Tertinggi parti kepada semua Presiden UMNO sejak Almarhum Tunku Abdul Rahman, sehingga kepada Dr. Mahathir Mohamad sekarang.

Akibat dari penglibatannya yang luas dan lama di dalam parti dan kerajaan inilah, beliau sepatutnya sudah lama menjadi Perdana Menteri. Malangnya oleh kerana tuahnya belum sampai, beliau kini masih menjadi salah seorang dari dua orang negarawan yang sudah berumur, tetapi masih aktif di dalam parti dan kerajaan. Pemimpin Gapena, Prof. Datuk Ismail Hussein menganggap beliau sebagai lambang perjuangan guru (beliau pernah menjadi guru) dan nasionalis Melayu yang cukup canggih di dalam bidang bahasa, sastera dan kebudayaan Melayu. Seorang wartawan lain, Sdr. Yusof Harun telah mensifatkan beliau sebagai '*mahaguru politik Malaysia*' yang terbilang.

Fakta-fakta empirikal di atas dengan sendirinya menunjukkan bahawa di kalangan kepimpinan UMNO, sejak dulu sehingga sekarang, tidak ada sesiapa pun yang boleh mencapai prestasi yang begitu cemerlang di dalam perjuangan politik mereka selain dari Encik Ghafar Baba. Tidak ada jawatan lagi di dalam parti yang perlu disandangnya, kecuali jawatan setiausaha Agung UMNO dan presiden parti. Oleh yang demikian mengapa beliau masih juga gagal menjadi Perdana Menteri? Jawapannya samalah seperti yang saya

sebutkan tadi, iaitu faktor masa, faktor kelayakan akademik dan faktor pemilihan parti.

Meneliti ketiga-tiga faktor ini, saya berpendapat bahawa faktor kedua-lah yang menyulitkan beliau untuk muncul sebagai Perdana Menteri. Ini kerana faktor '*kelayakan akademik*', sekalipun tidak menjadi syarat utama untuk membenarkan seseorang pemimpin itu menjadi Perdana Menteri, namun jawatan yang dianggap tertinggi di dalam perancangan dan pentadbiran politik negara seperti ini, memerlukan bukan saja pengetahuan yang luas dan sifat-sifat keintelektualisme yang tinggi, tetapi juga mempunyai pengiktirafan kelayakan akademik yang munasabah bagi seseorang pemimpin yang mahu diangkat menjadi Perdana Menteri. Encik Ghafar Baba hanya mempunyai kelulusan dari Maktab Sultan Idris Training College saja, iaitu suatu kelulusan yang pada masa ini sama tarafnya dengan '*Diploma-in-Education*' atau sama dengan ijazah sarjana muda. Pengiktirafan lain yang diperolehi oleh beliau ialah anugerah *Ijazah Doktor Kehormat* oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, iaitu satu penganugerahan yang bersifat penghormatan kepada tokoh-tokoh yang telah memberikan sumbangan penting kepada bangsa, agama dan negara.

Bercakap tentang '*kelayakan akademik*' ini, saya bersetuju bahawa tradisi kepimpinan berilmu dan bermoral tinggi ini perlulah dikekalkan. Sekalipun bekas Presiden Amerika Syarikat Ronald Reagan hanya seorang bintang filem saja dan sekalipun Perdana Menteri Britain sekarang, John Major dikatakan juga tidak mempunyai kelayakan akademik yang tinggi, namun mempraktikan tradisi kepimpinan berilmu dan bermoral tinggi, jauh lebih baik daripada kepimpinan tanpa ilmu dan bermoral rendah. Tradisi kepimpinan berilmu ini sudahpun kita mulakan sejak zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman sampailah ke zaman Mahathir sekarang. Kecuali Ghafar, Almarhum Tunku, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, adalah

pemimpin yang berkelulusan Undang-undang, sementara Mahathir pula adalah seorang doktor perubatan.

Berasaskan faktor '*kelayakan akademik*' inilah menyebabkan dalam sepanjang kerjaya politiknya, Encik Ghafar Baba tidak pernah mencapai puncak status yang tertinggi di dalam kepimpinan politiknya. Jikalau bidang lakonan filem dan drama boleh dijadikan contoh, maka Ghafar Baba masih terus menjadi '*Pelakon pembantu*' yang terbaik. Beliau tidak pernah dipilih menjadi hero. Dan jikalau dunia politik itu bagaikan sebuah motokar seperti kata saudara Yusof Harun, maka Ghafar Baba adalah '*spare tyre*' yang tetap berbunga dan tersimpan di dalam '*boot*' di belakang kereta tuan punyanya, tanpa diuji dan digunakan.

Sebenarnya di dalam struktur politiknya yang seperti ini, Encik Ghafar Baba tidak pernah menyesal atau menyimpan dendam kepada seseorang, walaupun dalam tahun 1974 yang lalu misalnya, beliau sepatutnya bertindak marah akibat wujudnya '*politik neopotisme*' sehingga kerusi Timbalan Perdana Menteri itu yang sepatutnya menjadi miliknya, telah terlepas ke tangan orang lain. Beliau menerima keadaan itu dengan penuh keinsafan dan kesabaran.

Berdasarkan peristiwa itulah beliau menyedari siapa dirinya sebenar di dalam politik. Dalam satu temuramah dengan seorang wartawan, beliau mengulas mengenai jawatan dan kedudukan dirinya. Beliau berkata:

"Sama ada saya nak jadi Perdana Menteri atau tidak, ini kehendak Allah SWT. Saya tidak pernah merancang untuk menjadi Perdana Menteri. Kalau saya merancang nak jadi Perdana Menteri, buat apa saya keluar dari kabinet dulu. Bila keluar dari kabinet, maknanya karier politik saya sudah habis. Kalau saya nak jadi Perdana Menteri, saya mesti melangkah ke tangga Timbalan. Tapi saya tak pernah bertanding jawatan Timbalan

Presiden. Ini menunjukkan saya tidak ada niat. Semua ini saya serahkan kepada keadaan untuk menentukannya. Dan menjadi Perdana Menteri pun, bukan kerja ringan. kerja ini berat...."

Saya setuju dengan Encik Ghafar Bahawa sama ada beliau boleh menjadi Perdana Menteri atau tidak, bergantunglah atas kehendak Allah SWT. Kenyataan seperti ini sebenarnya cukup berlapik. Dan orang yang cakap berlapik selalunya bersifat sederhana, tidak banyak kerena dan tidak busuk hati. Syukurlah kepada Tuhan kalaualah hati Encik Ghafar seputih itu. Kita memerlukan pemimpin yang bercakap secara berlapik seperti itu. Tetapi atas percakapan berlapik inilah juga, ada dua hal yang berbangkit di dalam kenyataannya itu, yang memerlukan penjelasan dan analisis yang lebih lanjut.

Dua hal yang perlu kepada penjelasan dan analisis itu ialah bahawa dalam kenyataannya itu, Encik Ghafar berkata, "*kalau saya merancang nak jadi Perdana Menteri, buat apa saya keluar dari kabinet dulu. Bila keluar dari kabinet, maknanya karier politik saya sudah habis.*" Dan selepas itu beliau berkata lagi, "*Tapi saya tak pernah bertanding jawatan Timbalan Presiden. Ini menunjukkan saya tidak ada niat.*" (maksudnya niat menjadi Perdana Menteri – Pengarang).

Sepanjang yang saya diberitahu, tindakan Encik Ghafar keluar dari kabinet dulu, adalah akibat beliau merajuk kerana Allahyarham Tun Hussein Onn yang baru memegang jawatan Perdana Menteri telah melantik Dr. Mahathir Mohamad menjadi Timbalan Perdana Menteri, sedangkan kalau mengikut senioriti dan tradisi di dalam parti, beliaulah yang sepatutnya dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri. Adakah apa yang saya diberitahu ini salah? Jikalau apa yang saya diberitahu ini salah, apakah sebab-sebab yang relevan sehingga beliau sanggup keluar dari kabinet? Dan

jikalau karier politiknya akan habis selepas beliau keluar dari kabinet, kenapa sekarang beliau bersetuju kembali aktif semula dan menerima jawatan menjadi Timbalan Perdana Menteri?

Mengenai hal yang kedua, saya bersetuju bahawa beliau tidak berniat untuk menjadi Perdana Menteri. Sebab itulah sebelum tahun 1990, beliau tidak pernah bertanding dalam jawatan Timbalan Presiden parti. Tetapi selepas beliau dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau telah bertanding menentang Datuk Musa Hitam untuk merebut jawatan tersebut. Beliau telah menang. Adakah ini bermakna pertandingan beliau menentang Datuk Musa Hitam itu dilakukan semata-mata kerana hendak mempertahankan maruah jawatan Timbalan Perdana Menteri yang disandangnya itu, atau niatnya untuk menjadi Perdana Menteri sudah mulai timbul?

Kedua-dua hal yang saya timbulkan ini memerlukan penjelasan yang tepat dan bertanggungjawab. Saya tidak bercadang untuk membuat suatu hipotesis yang bersifat fitnah dan menghasut. Ini kerana percakapan yang berlapik seharusnya berlandaskan kebenaran hakiki dan bukannya percakapan palsu yang sengaja dilapik-lapikkan. Seorang pemimpin yang bercakap lain dan memperbuat lain seperti juga seorang pemimpin yang terlalu banyak menabur janji kepada rakyat tetapi sukar menunaikan janjinya atas alasan birokrasi, adalah alasan politik yang sukar dipercayai.

Berbalik kepada persoalan adakah wajar jawatan Perdana Menteri ini disandang oleh Encik Ghafar Baba selepas Dr. Mahathir berhenti, memerlukan pertimbangan dan analisis yang lebih lanjut. Pertimbangan yang lebih nasional dan nasionalistik amat perlu dianalisis secara terbuka, sihat dan bertanggungjawab. Ini penting ditentukan berdasarkan perspektif yang betul, adil dan saksama tanpa dipengaruhi oleh prejudis dan sentimen.

Berdasarkan faktor kronologi '*klasifikasi, perbandingan*

dan *kuantitatif*', jawatan Perdana Menteri, selepas Mahathir, adalah milik Ghafar Baba sebenarnya. Ini berdasarkan pengakuan Mahathir sendiri dan berdasarkan kemahuan tradisi parti. Tidak ada sesiapapun yang boleh menghalang atau menyekat tokoh veteran UMNO itu untuk mengambil tempatnya yang hak. Tetapi sebelum jawatan yang bakal menjadi haknya itu dimiliki, ada dua perkara yang perlu ditinjau dan dianalisis terlebih dulu supaya apabila jawatannya itu dipegangnya nanti, tidak sesiapa yang cuba mempertikaikannya sehingga menyebabkan, jika Encik Ghafar mengidap penyakit darah tinggi, saya bimbang kerusi panas itu nanti menjadi sejuk begitu saja.

Dua hal yang saya maksudkan ini ialah mengenai usia Encik Ghafar Baba sendiri dengan usia Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Dan keduanya mengenai kualiti kepimpinan berilmu dan bermoral tinggi menjelang abad ke 21 ini. Mengenai usia kedua-duanya, Encik Ghafar lebih tua daripada Dr. Mahathir kira-kira sepuluh bulan. Encik Ghafar lahir dalam bulan Februari 1925, sementara Dr. Mahathir lahir dalam bulan Disember 1925. Ini bermakna kedua-duanya sudah menjangkau ke usia 66 tahun. Bagi kebanyakan orang Asia, peningkatan umur yang demikian lanjut akan menyebabkan kekuatan fizikal dan kemampuan berfikir menjadi semakin kurang, kecuali seseorang itu masih tidak berpenyakit dan sihat tubuh badanya. Dari segi lojik, ini bermakna Dr. Mahathir yang lebih muda daripada Ghafar akan terus-terusan menjadi sihat kerana sebagai seorang doktor, walaupun beliau tidak mengetahui tarikh matinya, tetapi beliau tahu apa yang patut dibuatnya bagi mengekalkan kesihatannya. Ini berbeza dengan Ghafar. beliau bukan doktor. Kerana itu urusan kesihatan dan penyakitnya sukar diatasinya sendiri.

Berdasarkan keadaan dan kedudukan ini, peluang untuk Encik Ghafar menjadi Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir berhenti, menjadi amat sukar, amat payah dan cukup sulit.

Ini bukan saja kerana usianya yang lebih tua dari Mahathir, tetapi kekuatan dan kesihatan Mahathir akan mudah terurus daripada dirinya sendiri. Ini menjadi tidak mustahil sebelum Dr. Mahathir bersara dari politik, beliau terlebih dulu terpaksa bersara lebih awal. Kontradiksi seperti ini bukanlah mustahil. Allah lebih berkuasa dari segala-galanya dan inipun bukan juga mustahil. Saya tidak wajar menyebut soal '*mati hidup*' di dalam konteks kelanjutan usia mereka, tetapi sebarang penyakit dan '*ajal maut*' di dalam kelanjutan usia begini, jika ditakdirkan berlaku, tidak akan mengejutkan sesiapa. Sebab itulah di dalam pergoalakan politik sekarang, siapa yang akan menggantikan Mahathir sebagai Perdana Menteri lebih kontroversi sifatnya daripada soal Ghafar Baba atau soal penyakit dan '*ajal maut*' tadi. Jikalau takdirnya Mahathir berhenti terlebih dulu dan Encik Ghafar berjaya menjadi Perdana Menteri, maka fenomena ini amat menakjubkan saya. Sudah tentu saya akan mensifatkan Encik Ghafar sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia yang sungguh fantastik dan ajaib sekali.

Memandangkan keadaan dan suasana seperti ini, saya kuat percaya bahawa Dr. Mahathir tidak mungkin akan bersara dari jawatannya selagi Encik Ghafar juga tidak bersara dari politik. Mahathir akan meletakkan jawatannya jika Ghafar juga berbuat demikian. Tindakan ini tidak ada salahnya. Sebagai pemegang kuasa eksekutif, beliau boleh bertindak apa saja yang dirasakannya betul, wajar dan tidak menyalahi etika dan undang-undang. Lagi pun sebagai penyokongnya yang taksub dan setia, Encik Ghafar Baba juga tidak boleh merengek dan memprotes apa-apa jika Mahathir mengambil tindakan seperti itu. Ini kerana '*tuah ayam*' yang diperolehinya sekarang, semata-mata atas belas kesian Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Jikalau Allahyarham Tun Hussein Onn masih menjadi Perdana Menteri, saya percaya, Ghafar masih bertenggek di kerusi Kompleks Kewangan yang mengalami banyak kerugian itu. Beliau tidak

akan memilih Encik Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menterinya.

Strategi Dr. Mahathir mempertahankan terus jawatannya ini, mungkin dialaskan pada pertimbangannya bahawa bagi kebanyakan rakyat, mereka lebih suka dan memerlukan kepimpinannya lagi untuk sesuatu tempoh yang sukar dipastikan. Mereka menyedari bahawa imej dan martabat negara di bawah kepimpinannya jauh lebih terserlah dan beliau boleh dianggap *kastria negara* dan pembentuk idealisme bangsa yang cukup berwibawa dan dihormati di dalam dan di luar negeri. Oleh yang demikian, beliau seolah-olah diperlukan dan dibenarkan lagi untuk memperbuat apa saja yang disukainya, hatta mencetuskan pelbagai gagasan dan wawasan yang '*futuristik*' yang berbagai-bagai untuk kemajuan dan masa depan rakyat serta negara, selagi beliau boleh bercakap dan berfikir sebagai Perdana Menteri, walaupun teori dan visi yang dikemukakannya itu, seringkali menerima tentangan dari pemimpin-pemimpin politik yang lain seperti Lim Kit Siang, Dr. Syed Husin Ali, Subky Latif, Dr. Kassim Ahmad dan sebagainya.

Jikalau sikap dan tindakan yang dilakukan oleh Mahathir ini boleh dianggap benar seperti apa yang dikatakan oleh Niccolo Machiavelli dari Itali '*perbuatan yang mementingkan diri sendiri, pintar dan tanpa berdasarkan nilai moral*' maka sikap dan tindakannya itu, seolah-olah mencerminkan pemikiran Baron de Montesquieu seorang empirisis Perancis bahawa '*masyarakat adalah organisme biologi semula jadi*' yang perlu diajar dan dididik. Ini kerana '*masyarakat bukan saja berbagai ragam tetapi boleh dan patut berkembang maju walaupun tidak pesat. Ini disebabkan kerajaan serupa dengan kikir tumpul yang berfungsi dengan perlahan dan tiba ke matlamatnya dengan perlahan juga*'.

Disebabkan sikap dan tindakannya yang bersifat '*individualistik*' dan kadang-kadang amat '*selfish*' dan '*diktatorship*' inilah, beliau tidak selalunya disukai orang,

terutamanya apabila beliau membentuk imej dan ketokohan orang-orang tertentu yang disukai dan dipercayainya. dalam tahun-tahun awal pemerintahannya dulu, beliau begitu sebat dengan Datuk Musa Hitam sehingga menimbulkan slogan 2M. Kemudian beliau melonjakkan Tun Daim Zainuddin yang sama sekali tidak bersifat '*political minded*' dan kini sepanjang sepuluh tahun yang lalu beliau mendidik pula Datuk Sri Anwar Ibrahim yang diambilnya dari ABIM sebagai pemimpin alternatif yang boleh menyebabkan Datuk Musa dan Ghafar Baba merasa kecewa dan hampa. Ini kerana dari segi apa pun, Anwar dianggap lebih berpotensi, lebih berwibawa, lebih terdidik dan boleh dipercayai sebagai pemimpin berilmu dan bermoral tinggi berbanding dengan Datuk Musa Hitam dan Encik Ghafar Baba sendiri.

Apa pun alasan dan sentimentalnya sikap, tindakan dan pandangan seperti ini, Encik Ghafar Baba tidak sepatutnya merasa dikecewakan di dalam arus kepimpinan politik. Sebagai seorang tokoh pemimpin yang tidak selalunya bersifat '*genius*' seperti Albert Einstein yang pintar di dalam matematik atau seorang Nabi yang mengendalikan untung nasib orang lain, kebolehan dan pengalam beliau di dalam politik telah menghasilkan digniti yang cukup mengesankan kepada kredibiliti politiknya sendiri. Adalah amat menakjubkan dan '*ajaib*' sekali, di tengah-tengah status ilmu pengetahuan dan kelayakan akademik menjadi lesen yang bersifat '*global*', seseorang yang hanya lulus SITC telah muncul sebagai pemimpin negara dan negarawan yang amat dikagumi dan dihormati. Tidak akan ada lagi seorang yang lahir dan terdidik seperti Ghafar Baba boleh berjuang di dalam politik dan boleh muncul sebagai Timbalan Perdana Menteri seperti yang diterimanya kini. Oleh itu sama ada beliau boleh menjadi Perdana Menteri atau tidak, bukanlah faktor utama yang harus beliau illusikan.

Tetapi seperti yang terjadi, unsur dalaman dan unsur luaran mungkin boleh mengubah kesedaran dan keinsafan

akan asal usul seseorang. Seseorang yang bercita-cita tinggi di dalam politik, kadangkalanya mengambil jalan singkat bagi memenuhi cita-citanya itu. Apa yang terjadi kepada tokoh pemimpin politik di Negeri Sembilan, mungkin bolch dijadikan iktibar. Ini selaras dengan ramalan empirisis Peranchis tadi, iaitu:

"Sejak ubat bedil direkacipta ... saya sentiasa merasa gementar sekiranya manusia, pada akhirnya, menemui suatu rahsia yang boleh menyediakan jalan ringkas untuk menghapuskan manusia, membinasakan rakyat dan negara seluruhnya."

Saya tidak pernah berfikir bahawa apa yang diramalkan oleh empirisis Peranchis selama empat ratus tahun yang lampau itu, boleh terjadi di Malaysia. Ramalan tersebut adalah andaian-andaian di dalam kelakuan politik yang buruk dan tidak bermoral, seperti juga apa yang pernah dikatakan oleh Machavelli, jika seseorang ahli politik itu gagal mencapai kejayaan melalui jalan biasa, maka dia akan mendapatkan kejayaannya melalui jalan yang luar biasa, hatta dia bersedia untuk menjadi haiwan seperti musang dan singa. Di Malaysia kejayaan yang dicapai melalui jalan '*'luar biasa'*' ini belum lagi menjadi tradisi. Tetapi di Filipina, di Bangladesh, Jepun, Taiwan, India, Soviet dan lain-lain, kejadian luar biasa itu sudah menjadi perkara yang biasa. Pembunuhan Rajiv Gandhi dan penggulingan Presiden Gorbachev yang gagal baru-baru ini adalah dua contoh. Apa yang berlaku di Malaysia sekarang ini hanyalah baru bermula '*'politik wang'*' sebagaimana yang disebutkan oleh Datuk Musa Hitam baru-baru ini.

Bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa pergolakan politik di negara ini terlalu bersih sifatnya. Pembentukan golongan, klik dan sentimen kenegerian merupakan sebahagian daripada fenomena yang menjadi tradisi di dalam pergolakan politik, justeru sifat-sifat dan bentuknya yang

lebih jelas, tidak lagi kelihatan. Setiap pemimpin dan setiap aktivis politik seringkali menafikan kewujudan golongan, klik dan sentimen kenegerian yang seperti ini di dalam kumpulan mereka, tetapi peranan dan sikap yang diperlihatkan oleh mereka, kelihatan amat jelas dan nyata bahawa mereka sebenarnya sedang mengamalkan tradisi yang pihak memihak ini.

Sebagai contohnya misalnya, di dalam pemilihan ahli Majlis Tertinggi UMNO akhir bulan November 1990 lalu, kita mendapati bahawa ada dua klik dan golongan yang cuba pengaruh mempengaruhi untuk mewujudkan satu kumpulan yang lebih besar dan kuat di dalam kepimpinan parti dan negara. Klik dan kumpulan pertama berada di pihak Dr. Mahathir Mohamad, sementara klik dan kumpulan kedua berada di pihak Encik Ghafar Baba. Kedua-dua klik dan golongan ini samalah sifatnya seperti kumpulan atau team A dan team B yang berlaku di dalam UMNO pada tahun 1987 yang lalu, di mana akhirnya, UMNO dimusnahkan dan wujudkan UMNO Baru dan parti Semangat 46.

Apa yang menyebabkan wujudnya klik dan kumpulan ini berpunca dari dua sebab. Pertama, klik dan kumpulan ini wujud secara spontan apabila adanya beberapa orang aktivis politik yang dianggap berpotensi, tetapi tidak sehaluan dan sebulu telah cuba mewujudkan pengaruh di kalangan penyokong-penyokong parti. Dan yang kedua, pemimpin-pemimpin politik sendiri telah cuba menentukan klik-klik dan kumpulan-kumpulan tertentu bagi mewujudkan penyokongan kepada kepimpinan mereka di samping menonjolkan potensi-potensi pemimpin yang lebih muda untuk mewarisi kepimpinan politik mereka di masa depan.

Di dalam pemilihan Ahli Majlis Tertinggi UMNO akhir November tahun lalu, kita telah mendapati bahawa sementara klik Dr. Mahathir dan Datuk Sri Anwar Ibrahim mencapai kemenangan yang gemilang, golongan penyokong Encik

Ghafar, Datuk Abdullah, Datuk Sri Sanusi Junid dan klik-klik mereka yang lain telah memberikan kemenangan yang besar kepada golongan ini. Saya telahpun menyentuh hal ini secara kasar di dalam bab kedua yang lalu dan tidak bercadang untuk melanjutkannya lagi. Apa yang hendak saya tambah dan pertikaikan di sini ialah bahawa akibat daripada perebutan pengaruh dan kuasa di dalam kedua-dua golongan dan klik ini, maka kedua-dua kumpulan dan klik tersebut sedang menyusun strategi selanjutnya bagi menetukan supaya jawatan Perdana Menteri, berada di tangan pemimpin-pemimpin dari golongan mereka.

Menurut yang saya difahamkan, ada formula dan teori yang sedang disusun oleh kedua-dua kumpulan dan klik ini. Formula dan teori kedua-dua golongan ini berlainan antara satu sama lain dan mereka percaya bahawa formula dan teori yang sedang mereka susun dan fikiran itu, akan mencapai kejayaan tidak lama lagi. Saya akan menyebutkan kedua-dua perkara ini secara berasingan di dalam bab-bab yang akan datang untuk mementukan formula dan teori golongan manakah yang dikira lebih flexible dan mempunyai kemungkinan untuk mencapai kejayaan.

Mengenai kualiti kepimpinan berilmu dan bermoral tinggi, saya mempunyai keyakinan bahawa jikalau konsep kepimpinan yang bercorak seperti ini mulai diperaktikan, ia bukan saja melanjutkan amalan konsep kepimpinan bersih, cekap dan amanah yang telah dijalankan dulu, tetapi juga ia memenuhi konsep perjuangan untuk menegakkan tradisi masyarakat berilmu dan pengilmiahan masyarakat. Konsep ini sebenarnya adalah selaras dengan perkembangan masyarakat sekarang di mana '*ilmu pengetahuan*' sudah pun diterima sebagai suatu konsep kemajuan dan menjadi tradisi budaya di dalam kehidupan kita sekarang.

Konsep kepimpinan berilmu dan bermoral tinggi ini perlu dilaksanakan segera, terutamanya mengingatkan *Wawasan 2020* bertujuan untuk melahirkan sebuah negara yang maju.

Wawasan untuk mencapai kemajuan seperti ini, memerlukan kepimpinan berilmu dan bermoral tinggi. Konsep ini penting ditekankan kerana di dalam *Wawasan 2020*, kemajuan yang mungkin dicapai melalui kepimpinan berilmu itu akan menjadi tidak berguna jika kepimpinan yang berilmu itu sendiri tidak bermoral tinggi.

Di dalam negara kita, kepimpinan yang berilmu bukan lagi merupakan satu tendensi yang baru. Dalam setiap kumpulan masyarakat, pertubuhan, kesatuan, institusi dan organisasi swasta dan awam, umumnya mempunyai kepimpinan yang berilmu. Tetapi seperti yang telah saya huraikan di dalam bab yang pertama tadi, ilmu dan keilmuan hanya merupakan objek-objek empiris yang terkandung di dalam komponen '*pengetahuan*' yang sudah teruji secara khusus dan khas. Pemimpin kesatuan kejuruteraan misalnya, mungkin seorang jurutera yang pakar, tetapi beliau tidak mungkin boleh menjadi presiden persatuan peguam kerana beliau bukan seorang lawyer. perbezaan ini menjelaskan bahawa hanya jurutera yang patut menjadi presiden persatuan kejuruteraan dan hanya lawyer yang patut menjadi presiden persatuan peguam. Tetapi adakah kedua-dua pemimpin yang berilmu ini mempunyai moral yang tinggi?

Dalam sejarah korporat di Malaysia, kita mendapati ramai pemimpin korporat yang berpelajaran tinggi, dengan gelaran berjela-jela dan dengan nama yang dihormati di dalam masyarakat majmuk. Tetapi oleh kerana mereka kering kontang dengan pendidikan moral dan tidak 'moralis' sama sekali, kita mendapati sebahagian daripada mereka telah melakukan pelbagai penyelewengan, penipuan dan skandal yang melibatkan kehormatan individu dan harta benda serta wang negara yang besar.

Berasaskan konsep ilmu dan konsep moral inilah, maka adalah amat penting kualiti kepimpinan berilmu dan bermoral tinggi ini dilaksanakan sebagai lanjutan kepada konsep bersih, cekap dan amanah tadi. Perjuangan kepada konsep ini bukan

saja bertujuan untuk mengurangkan kelakuan-kelakuan yang tidak bermoral di kalangan pemimpin kita, tetapi juga menekankan satu sikap yang lebih berdisiplin, bertanggungjawab, peka dan prihatin serta amanah dan jujur, bukan saja di kalangan pemimpin masyarakat tetapi juga di kalangan rakyat seluruhnya. Ini adalah sebahagian daripada formula kepimpinan seperti yang telah saya kemukakan di dalam tiga kriteria di dalam bab pertama tadi.

Kesimpulan dari bab ini menjelaskan bahwa siapa akan menjadi Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir Mohamad masih menjadi teka teki, justeru calon tradisi ialah Encik Ghafar Baba. Kita boleh berkata bahawa adalah tidak wajar kerusi Perdana Menteri itu diberikan kepada orang lain dan bukannya kepada Encik Ghafar. Tetapi kita tidak boleh menyembunyikan hasrat dan kemahuan nasionalisme kita bahawa seorang Perdana Menteri Malaysia selepas Dr. Mahathir haruslah bukan saja memenuhi lima syarat yang saya sebutkan di atas tadi, tetapi juga ia hendaklah mempunyai kelayakan akademik, kebolehan, pengaruh, kewibawaan, tanggungjawab, beragama, amanah dan penuh visi.

Jawatan tersebut bukanlah hanya bersifat hierarki di dalam parti atau pun demokratik di dalam konsep demokrasi berpolitik, di mana seorang yang berada di tangga ketiga, dianjak ke tangga kedua dan kemudiannya diangkat ke tangga pertama bagi membolehkannya menjadi pemimpin nombor satu. Cara ini sudah ketinggalan zaman. Kita memerlukan cara yang lebih intelektual untuk memilih pemimpin yang terbaik bagi bangsa kita. Ini kerana mimpi masa lalu amat berlainan dengan *vision* masa depan!

HAK SEMULA JADI

•Kebebasan politik terletak kepada kuasa untuk melakukan apa saja yang tidak memudaratkan orang lain. Penggunaan hak semula jadi setiap manusia tidak mempunyai apa-apa had, kecuali had yang perlu untuk menjamin supaya setiap orang lain dapat menggunakan hak yang sama secara bebas. Dan had-had tersebut boleh ditentukan hanya oleh undang-undang. •

– Tom Paine
Penganjur Demokrasi
Eropah.

Bab Keempat

FORMULA DR. MAHATHIR

SEPERTI dengan hipotesis saya di dalam bab yang lalu, saya telah meramalkan bahawa Dr. Mahathir Mohamad tidak akan melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri selagi kesihatannya terpelihara dan selagi Encik Ghafar Baba tetap '*optimist*' dengan gilirannya. Mahathir juga amat '*optimist*' lebih daripada Ghafar sendiri bahawa dengan usianya lebih muda, dengan kesihatannya yang masih terjaga dan dengan kedudukannya sebagai doktor, beliau sekurang-kurangnya boleh bertahan untuk tempoh antara tiga sehingga lima tahun lagi.

Apa yang mendorong beliau untuk bertahan dengan jawatannya ini bukanlah atas faktor-faktor ekonomi atau kewangan. Pendapatan gajinya yang besar, dengan elaun-elaunnya yang tidak terbatas, kedudukan dan ekonominya amatlah mantap. Malah beliau pernah dianggap sebagai Perdana Menteri yang terkaya di dunia dengan alasan dan tuduhan '*Mr. 10 persen*' seperti yang pernah dilemparkan kepadanya dulu.

Ada dua faktor yang mendorong beliau untuk mempertahankan jawatannya sehingga beliau bersara atau meninggal. Pertama, sebelum bersara beliau berhajat untuk menyerahkan kepimpinan politik di masa depan kepada seorang tokoh yang dianggap berwibawa, ideal, patriotik dan dihormati di dalam dan di luar negeri. Beliau mahu warisan pemerintahannya nanti diwarisi dan dilanjutkan oleh tokoh

yang dididik dan diasuhkannya itu. Dan kedua, beliau tidak gembira dengan adanya klik, kumpulan dan komplot yang secara dramatik ingin mengambil alih kuasa yang ditinggalkan nanti kepada pemimpin lain sehingga akibatnya tokoh pemimpin yang dicadangkannya tadi, tidak boleh mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan kerana wujudnya komplot seperti itu. Faktor kedua ini sebenarnya tidaklah menekankan fikirannya sangat, jika tokoh yang mahu dibentuknya itu diterima menjadi pemimpin kedua selepas beliau meninggalkan politik. Tetapi nampaknya jika klik, golongan dan komplot ini berjaya mengambil alih kuasa Perdana Menteri kepada pemimpin mereka, tokoh yang dicadangkannya ini akan tersingkir terus. Inilah sebabnya mengapa beliau terus mempertahankan jawatannya itu sampai sekarang. Tokoh yang dicadang dan diharapkannya ini tidak lain dan tidak bukan, ialah Datuk Sri Anwar Ibrahim sendiri, seorang potensi politik yang dianggap '*ayam didik*' nya selama ini.

Dr. Mahathir bagaimanapun menyedari, bahawa tempoh masa yang diambilnya untuk mempertahankan jawatannya itu tidak relevan selama-lamanya. Sampai waktu beliau terpaksa berhenti juga. Jikalau beliau berhenti bersama Ghafar, hajatnya tadi mungkin tercapai. Sebaliknya jika takdir menentukan Ghafar terpaksa berundur dulu daripadanya, maka hajatnya tadi menjadi amat mudah. Tetapi bagaimana jikalau beliau terpaksa berhenti dulu dan Ghafar Baba mengambil alih jawatan Perdana Menteri? Hajatnya tadi akan hancur musnah!

Bagi menghadapi fenomena seperti ini, beliau telah merancang suatu formula bagi menyelesaikan masalah yang kusut ini. Formula ini kira cukup *flexible* dan boleh mendatangkan penyelesaian dan faedah kepada semua pihak, termasuk juga penyelesaian dan faedah kepada klik dan kumpulan yang menentangnya itu. Sekurang-kurangnya untuk tempoh sepuluh tahun atau setidak-tidaknya sebelum

beliau menutup mata, hajat dan cita-citanya tadi dapat disempurnakannya.

Formula yang telah disusunnya ini telahpun diserahkan kepada satu pihak (BTN?) yang dipercayai untuk dikemukakan dan dibincangkan dengan pihak yang menentangnya tadi supaya diambil satu keputusan. Formulanya itu mencadangkan supaya beliau akan meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri pada awal tahun 1992. Selepas beliau berhenti, Encik Ghafar Baba akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri sehingga ke perhimpunan Agung UMNO tahun 1993. Semasa Encik Ghafar Baba menjadi Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hendaklah dipanggil balik bagi menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri. Di dalam pemilihan Ahli Majlis Tertinggi UMNO tahun 1993 nanti, Encik Ghafar Baba dikehendaki meletakkan jawatannya dan memberi laluan kepada Datuk Musa Hitam untuk bertanding merebut kerusi Presiden dan sekaligus jawatan Perdana Menteri. Pada masa itulah nanti, tokoh yang hendak ditonjolkannya tadi, iaitu Datuk Sri Anwar Ibrahim dikehendaki pula bertanding untuk merebut jawatan Timbalan Presiden dan sekaligus menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Objektif dari formula ini dibuat berdasarkan perkiraan beberapa faktor semasa yang cukup *flexible* dan relevan. Umpamanya, Encik Ghafar Baba akan tetap mendapat peluang kira-kira setahun untuk menjadi Perdana Menteri. Masa setahun itu dikira amat wajar memandang kepada usianya yang mendekati tujuh puluhan tahun. Memandang bahawa kepimpinan negara memerlukan kualiti kepimpinan yang berilmu dan bermoral tinggi, masa setahun itu dikira cukup munasabah bagi rakyat memberikan penghormatan di atas kesetiaannya dalam perjuangannya selama ini, sebelum kepimpinan negara diserahkan kepada pemimpin yang lebih berwibawa. Jawatan Perdana Menteri yang disandang selama setahun itu dikira juga sudah cukup untuk membayar ganjaran

kepadanya sebagai pejuang politik selama lebih empat puluh tahun yang lampau.

Dengan memberikan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Musa Hitam selepas pengunduran Ghafar Baba itu pula, ini bermakna UMNO telah menyerahkan kembali kuasa kepada Datuk Musa dan sekaligus konflik kepimpinan yang pernah terjadi antara Datuk Musa dengan Dr. Mahathir Mohamad dulu itu akan terhapus. Pengembalian Datuk Musa ke dalam gelanggang politik dan kepimpinan negara dikira amat wajar kerana Datuk Musa adalah salah seorang tokoh politik yang cukup matang dan pintar dan kebolehannya ini amat penting untuk mengekalkan imej building negara yang telah dibangunkan dengan jayanya oleh Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini.

Ruang waktu dan jawatan Perdana Menteri yang diberikan di dalam situasi seperti itu sebenarnya bertujuan untuk, selain dari memberi peluang kepada Encik Ghafar Baba dan Datuk Musa Hitam menjadi Perdana Menteri, ialah juga untuk membina kecekapan dan kematangan yang lebih luas kepada Datuk Sri Anwar di dalam usahanya membina ekonomi negara melalui Kementerian Kewangan yang dipegangnya, sebelum beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri. Sebagai Menteri Kewangan yang baru, beliau tentulah dapat bekerjasama sebaik-baiknya dengan timbalannya Haji Ghani Othman, penyokong kuatnya dan Senator Mustapha Muhamad yang menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang banyak pengalaman semasa di bawah Tun Daim Zainuddin dulu. Memandang bahawa usia Datuk Musa juga tidak terlalu jauh bezanya dengan usia Dr. Mahathir dan Ghafar Baba sendiri, maka besar kemungkinan beliau boleh memegang jawatan itu hanya kira-kira lima atau enam tahun saja. Dan ini dikira cukup wajar masanya bagi Anwar menjawat jawatan Perdana Menteri, ketika beliau berumur kira-kira lima puluhan tahun.

Inilah formula yang disusun dan diatur oleh Dr. Mahathir

Mohamad bagi menyelesaikan konflik kepimpinan yang berlaku secara sulit dan amat peribadi antara dirinya dengan Encik Ghafar Baba itu. Adakah formula ini telah dan diterima oleh Encik Ghafar Baba dan orang-orang kuatnya seperti Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Sri Sanusi Junid, tidaklah dapat dipastikan.

Tetapi sekiranya formula ini diterima oleh Encik Ghafar dan beliau bersedia untuk melaksanakan program dan butir-butir yang disusun di dalam formula itu mengikut strategi yang disusun, maka Dr. Mahathir Mohamad bersedia untuk melepaskan jawatannya, baik sebagai Presiden UMNO mahupun sebagai Perdana Menteri pada tahun depan. Tetapi sebaliknya jika Encik Ghafar enggan menerima formula tersebut memandangkan ia akan mengorbankan masa depan '*kepolitikusan*' (pinjam istilah Shahnnon Ahmad) Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Sri Sanusi Junid, maka Dr. Mahathir akan terus mempertahankan kedua-dua jawatannya itu dengan apa cara sekalipun, sehingga ke akhir hayatnya. hal ini telah pun ditegaskannya kepada media massa baru-baru ini.

Pada pertengahan rencana ini tadi, saya menyebutkan formula Dr. Mahathir itu telah diserahkan kepada satu pihak, iaitu BTN. Apa itu BTN? Jawabnya ialah Biro Tata Negara. Biro ini lahir pada awal tahun 1980-an, iaitu apabila Mahathir menjadi Perdana Menteri. Ia diketuai oleh Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi sehingga ke tahun 1987. Sekarang BTN di bawah penjagaan Datuk Sri Anwar Ibrahim.

Peranan BTN pada mulanya ialah untuk mengawal kegiatan pelajar-pelajar yang menentang kerajaan. Sekarang penentangan-penentangan pelajar seperti dulu itu sudah tidak kedengaran lagi. Jadi peranan BTN sudah berubah. Biro tersebut lebih banyak mengadakan kursus-kursus politik kepada kakitangan kerajaan berhubung dengan politik semasa.

Sama seperti UMNO, BTN juga menghadapi pelbagai

pergolakan dalaman. Pelbagai perkara telah berlaku di dalamnya dan ini termasuklah perebutan kuasa, cantas mencantas pegawai, pewujudan klik dan golongan sehingga timbulah beberapa perkataan '*komando yang berlagak vultures*', '*gagak hitam*', '*trojan horse*' dan sebagainya. Kemuncak dari segala macam persoalan ini timbulah suatu tuduhan apa yang dikatakan '*grand design*' yang telah dicetuskan oleh saudara Shahidan Kassim tidak lama dulu. Bagi mereka yang mengetahui pergolakan-pergolakan politik di dalam BN itu, mereka tentulah memahami mengapa sebenarnya timbul sebuah formula seperti formula Dr. Mahathir Mohamad ini.

Demikianlah formula Dr. Mahathir Mohamad bagi menyelesaikan krisis kepimpinan yang sedang bergolak di dalam UMNO dan kerajaan sekarang. Saya akan mengulas formula ini selepas saya mengemukakan pula teori dan strategi golongan Ghafar di dalam usaha mereka menyusun rancangan agar kepimpinan politik dan negara menjelang abad ke 21 ini dikuasai oleh golongan Ghafar dan orang-orangnya sendiri.

Bab Kelima
**TEORI
GOLONGAN GHAFAR**

MENURUT apa yang saya difahamkan, kebanyakan aktivis politik yang tidak menyetujui dengan dasar dan sikap '*kepolitikusan*' Dr. Mahathir Mohamad umumnya berpendapat, masa depan politik dan pemerintahan negara masih bergantung kepada tiga golongan elit yang sedang berkuasa. Ketiga-tiga golongan elit politik ini sedang berluma-lumba merebutkan kekuasaan di samping mengharapkan takdir dan Tuhan Yang Maha kaya akan memihak kepada mereka. Aktivis-aktivis politik yang tidak bersetuju dengan dasar dan '*kepolitikusan*' Mahathir ini, kebanyakannya memihak kepada golongan Ghafar Baba. Mereka berpendapat jika Mahathir tidak akan mengubah dasar dan sikapnya itu, beliau harus berhenti dan Ghafar boleh membentuk satu kepimpinan politik yang lain.

Ketiga-tiga golongan elit politik yang disebut-sebutkan oleh aktivis-aktivis politik tadi terdiri daripada:

1. Golongan Dr. Mahathir dan Datuk Sri Anwar Ibrahim.
2. Golongan Encik Ghafar Baba dan Datuk Sri Sanusi Junid.
3. Golongan Datuk Musa Hitam dan Datuk Abdullah haji Ahmad Badawi.

Ketiga-tiga golongan elit ini, selain Dr. Mahathir dan Datuk Sri Anwar Ibrahim yang sedang menguasai politik pemerintahan, sedang berusaha mewujudkan kekuatan politik

dan mempengaruhi ahli-ahli UMNO dan rakyat supaya menimbulkan kesan-kesan yang negatif kepada kepimpinan Mahathir dan masa depan politik Datuk Sri Anwar Ibrahim. Percubaan awal mereka dengan mengekalkan kemenangan kepada Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi di dalam jawatan Naib Presiden parti dan memaksa Mahathir mengembalikan kedudukan '*Pak Lah*' di dalam kabinet dianggap satu kejayaan yang besar. Selain dari itu usaha-usaha kepimpinan UMNO Johor yang mahukan kemasukan kembali Datuk Musa Hitam di dalam politik bagi mengembalikan kegemilangan kepimpinan politik di kawasan selatan adalah sebahagian daripada usaha-usaha untuk mengurangkan warisan kepimpinan politik daripada utara. Ini kerana, selepas Ghafar Baba, kepimpinan politik dan masa depan negara, nampaknya dikuasai oleh tokoh-tokoh dari utara saja.

Menurut teori golongan ini, golongan Ghafar dengan Datuk Sanusi dan golongan Datuk Musa dengan Datuk Abdullah dikira cukup kuat untuk menumbangkan golongan Mahathir dan Anwar itu. Malah mereka berpendapat bahawa dengan keadaan kesihatan Mahathir yang tidak konsisten berbanding dengan kesihatan Ghafar yang masih sihat, mereka begitu yakin, jika sesuatu perubahan berlaku di dalam kepimpinan politik negara, Datuk Sri Anwar akan terkatung-katung keseorangan tanpa penyokong.

Penukaran kementerian oleh Datuk Sri Anwar daripada Menteri Pendidikan kepada Menteri Kewangan, disifatkan oleh golongan ini sebagai cabaran yang amat sukar dihadapi oleh Anwar. Ini kerana mereka berpendapat bahawa Anwar telah gagal menunjukkan prestasi yang baik semasa menjadi Menteri Pendidikan, terutamanya yang melibatkan soal-soal kecemerlangan akademik, wujudnya pelbagai cawangan universiti luar negeri di negara ini, perubahan Akta Pendidikan dan kenaikan yuran di universiti-universiti tempatan. Pemilihan Mahathir dengan melantik Datuk Sri

Anwar sebagai Menteri Kewangan juga, dianggap satu kesilapan kerana kelayakan beliau bukan di dalam bidang ekonomi seperti timbalannya Sdr Ghani Othman misalnya, dan beliau juga tidak mempunyai pengetahuan yang luas di dalam bidang koperat dan pengurusan kewangan negara. Dari segi politik pula, kedudukan Anwar sebagai Menteri Kewangan, tidak banyak dapat membantu populariti politiknya sendiri, berbanding dengan kedudukannya sebagai Menteri Pendidikan dulu. Ini kerana sikap beliau yang terlalu '*berkira*' dengan para pelabur, usahawan dan peniaga dari segi pelaburan, tender, pinjaman dan sebagainya akan memberikan kesan yang negatif kepada masa depan politiknya sendiri.

Berdasarkan teori dan hipotesis di atas inilah, kebanyakan aktivis politik berpendapat, bahawa masa depan politik Anwar Ibrahim seolah-olah '*telur di hujung tanduk*' layaknya. Kekuatan dan pengaruh politiknya di dalam UMNO tidak sama dengan kekuatan dan pengaruh ideologi Islamnya di dalam ABIM dulu. Jikalau di dalam persatuan pelajar dan ABIM, beliau boleh membina imejnya yang radikal, di dalam UMNO beliau masih perlu bergantung kepada kepimpinan dan kekuasaan Mahathir. Ini kerana asas dan kekuatan politik UMNO tidak ada di dalam dirinya. Oleh yang demikian, tanpa Dr. Mahathir Mohamad menonjolkannya, beliau masih sukar untuk berdiri sendiri. Jika takdirnya Encik Gahafar Baba dapat menggantikan Mahathir sebagai Perdana Menteri dalam setahun dua ini, kedudukannya sebagai '*telur di hujung tanduk*' tadi boleh menyebabkan beliau jatuh berderai dan pecah berkecaci.

Satu lagi sebab yang menguatkan teori dan hipotesis di atas tadi ialah sikap dan perubahan yang dikatakan berlaku di dalam diri dan batang tubuh Anwar itu sendiri. Umumnya mereka berpendapat bahawa Anwar di dalam ABIM dengan Anwar di dalam UMNO sangat jauh bezanya. Seperti

perbandingan Mohd. Sayuti Omar di dalam bukunya '*Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti*' yang mendakwa:

"...Sebagai rakyat, saya begitu mengagumi Anwar. Saya percaya anda juga demikian, amat mengharapkan Anwar akan mendapat kuasa penuh dan pemimpin kita suatu hari nanti. Sebenarnya kita tidak ada pilihan lain untuk diangkat menjadi pemimpin, kecuali Anwar. Visi, semangat dan sifat kepimpinan beliau, amat sesuai dan serasi dengan Melayu yang menganuti Islam. Keadaan ini menyebabkan kita rasa harapan dan masa depan negara dan Islam, tergenggam di tangannya.

"Namun harapan dan mimpi kita itu semakin hari semakin hancur dan lebur. Ianya dikoyak oleh evolusi yang berlaku ke atas diri Anwar. Perubahan sikap, pandangan dan visi politiknya, menyebabkan kita seperti dikejutkan oleh sesuatu yang mengerikan jika Anwar dilepaskan berkuasa dalam keadaan dirinya kini tanpa disemak dan diperbetulkan oleh kita semua."

Pada umumnya saya melihat ada beberapa kenihilan di dalam pelbagai kecaman dan kritikan yang dibuat oleh penulis buku tersebut. Kerasionalan pendapat penulis buku ini, bertindihan di atas hipotesis-hipotesis yang rambang dan fakta yang banyak bercanggahan. Tetapi dua para dari kandungan buku itu yang saya pungut di atas, mencerminkan pendapat dan pemikiran banyak orang, bahawa Anwar dulu dengan Anwar sekarang sudah jauh berbeza. Sifat-sifat perjuangannya sudah berubah.

Sebenarnya dalam beberapa hal, kita tidak dapat

mengelakkan diri daripada mengalami sifat-sifat perubahan. Perubahan bukan saja berlaku kepada manusia, tetapi juga berlaku kepada dunia ini sendiri. perubahan yang berlaku mempunyai ciri-ciri sejagat, kompleks, serta saling berhubungkait antara satu perubahan dengan satu perubahan yang lain. Dan dalam sifat-sifat perubahan, terdapat dua hasil yang bercanggah, iaitu ada perubahan yang membawa kemajuan, dan ada perubahan yang membawa keburukan. Dengan lain-lain perkataan: perubahan boleh membawa kesan positif dan kesan negatif.

Sementara perubahan yang dikatakan terjadi kepada Datuk Sri Anwar itu boleh dinafikan dengan sekeras-kerasnya atau sebaliknya, ia tetap ada. Ini kerana beliau memang bersetuju dengan perubahan tersebut, tetapi menganggapnya bahawa perubahan yang berlaku di dalam perjuangannya itu sebagai suatu '*kesan positif*' atau '*membawa kemajuan*' kepada dirinya. Oleh itu menjadi kewajipan beliaulah untuk membuat perubahan. Sebagai pemimpin politik yang perlu kepada sokongan, komitmen rakyat terhadap apa yang dikatakan perubahan di dalam dirinya itu, kita perlulah melihat dari sudut yang objektif dan menerima dengan sikap yang rasional dan terbuka. Saya akan bercakap tentang perubahan dirinya ini secara lebih mendalam di dalam bab lapan dan sebelas nanti.

Demikianlah antara lain, kesan negatif dari teori golongan Ghafar terhadap Dr. Mahathir dan Datuk Sri Anwar Ibrahim sebagai golongan yang cuba membuat formula untuk menyambung kepimpinan politik negara berdasarkan klik, golongan dan kumpulan mereka. Sejauh mana teori golongan ini benar dan mencapai kejayaan sebagai mana yang diharapkan di dalam teori golongan dan Ghafar ini, akan kita tinjau selepas ini.

Bagaimanapun berasaskan kedudukan Mahathir dan kedudukan Anwar itu tidak begitu kuat, golongan Ghafar berpendapat bahawa teori yang mereka cetuskan di atas ini,

boleh mencapai kejayaan. Ini kerana, dari segi apa pun, kecuali atas kuasa dan kehendak Allah Azawajalla sajalah, kedudukan Ghafar sebagai Perdana Menteri, hanya menunggu masanya saja.

Oleh yang demikian, formula yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu tidak akan membawa keuntungan kepada golongan ini, terutamanya mengingatkan jika Anwar dapat memegang jawatan Perdana Menteri, masa depan bagi Datuk Sanusi dan Datuk Abdullah di dalam politik dan kepimpinan negara amat sukar sekali. Ini perlu diambil kira kerana umur kedua-duanya jauh lebih tua daripada umur Datuk Sri Anwar Ibrahim sendiri. Oleh itu, formula Mahathir itu tidak boleh diterima oleh golongan Ghafar.

Datuk Abdullah dan Datuk Sri Sanusi adalah veteran UMNO yang sudah lama berkhidmat di dalam parti dan mereka tidak pernah menunjukkan kelakuan-kelakuan yang sumbang kepada parti, kerajaan dan rakyat. Oleh itu, tidak ada sebab yang kuat untuk mereka menerima formula Mahathir dan membuang mereka berdua, hanya semata-mata untuk mempertahankan seorang pemimpin yang junior dan belum banyak mempunyai pengalaman berpolitik. Apalagi jika Anwar berkuasa, sudah tentu beliau tidak akan melantik kedua-dua tokoh ini lagi, kerana kedua-duanya adalah musuhnya yang amat ketat dan kental di dalam sejarah politik mereka.

Oleh yang demikian dengan menolak formula Mahathir itu, kedudukan Datuk Sanusi menjadi lebih cerah. Ini kerana berbanding dengan Anwar dan Pak Lah, kerja gigih yang dibuat oleh Datuk Sanusi di dalam Kementeriannya itu, walaupun ada yang lucu dan aneh, ia nampak di depan mata, sedangkan kerja Anwar dan kerja Pak Lah hampir-hampir kita tak nampak dengan jelas dan nyata.

Bab Keenam

FORMULA MAHATHIR DAN TEORI GHAFAR: SUATU PERSPEKTIF

JIKALAU kita membandingkan antara formula Dr. Mahathir Mohamad dengan teori yang diwujudkan oleh golongan Ghafar Baba, kita boleh melihat dua' arah perbezaan yang besar. Formula Dr. Mahathir misalnya, lebih terarah kepada suatu pembentukan kepimpinan politik masa depan yang cuba hendak diaturnya sendiri. Beliau merancang strategi supaya selepas beliau berhenti, beliau mahukan Encik Ghafar Baba menjadi Perdana Menteri selama setahun saja, iaitu sehingga ke tahun 1993. Selepas itu jawatan tersebut hendaklah disandang oleh Datuk Musa Hitam pula untuk beberapa tahun, sebelum Datuk Sri Anwar Ibrahim mengambil alih jawatan Perdana Menteri dan kepimpinan negara.

Tetapi bagi golongan Ghafar pula, teori yang mereka cuba wujudkan agak berbeza. Golongan ini lebih mengharapkan penyingkiran terus Datuk Sri Anwar Ibrahim daripada kepimpinan politik, sekurang-kurangnya sehingga Datuk Abdullah dan Datuk Sanusi dapat diserapkan ke dalam senarai kepimpinan negara terlebih dahulu.

Golongan ini berkehendakan supaya selepas Mahathir meletakan jawatannya, Encik Ghafar Baba hendaklah mengambil alih jawatan Perdana Menteri tanpa syarat dan waktu. Selepas itu jawatan tersebut bolehlah dipindahkan kepada sama ada, Datuk Musa Hitam, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi atau Datuk Sri Sanusi Junid. Mana satu

yang dahulu dan mana satu yang kemudian tidak penting. Yang pentingnya jawatan tersebut jangan terlepas kepada Datuk Sri Anwar Ibrahim. Ini kerana jika Anwar dapat memegang jawatan Perdana Menteri sebelum Datuk Musa, Datuk Abdullah dan Datuk Sanusi, peluang ketiga-tiga tokoh ini, atau sekurang-kurangnya peluang Datuk Abdullah atau Datuk Sanusi untuk sampai ke kemuncak, menjadi amat sulit dan payah.

Datuk Abdullah sudahpun berusia 52 tahun sekarang. Datuk Sanusi sudah berusia 48 tahun, sedangkan usia Datuk Sri Anwar baru 44 tahun. Jika takdirnya dalam setahun dua ini Anwar dapat memegang jawatan tersebut untuk suatu tempoh 10 atau 15 tahun yang akan datang, maka harapan Datuk Abdullah atau Datuk Sanusi boleh jadi berkecaci. Ini kerana 15 tahun dari sekarang, usia Datuk Abdullah dan usia Datuk Sanusi telah melewati usia Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba sekarang. Sudah tentu dalam peningkatan umur yang seperti itu, prestasi kepimpinan mereka sudah pun menurun, sementara aktivis-aktivis politik yang baru dan lebih muda dan intelektual, sudah pasti telah dan akan muncul dengan banyaknya. Oleh itu sebelum Dr. Mahathir dapat melaksanakan visinya itu, potensi Anwar perlu dimusnahkan dulu.

Sebelum suatu perspektif saya kemukakan selanjutnya, kita perlu meninjau dulu tentang kedudukan Datuk Musa Hitam di dalam politik negara. Ini kerana di dalam formula Dr. Mahathir dan di dalam teori golongan Ghafar itu, kita melihat nama Datuk Musa Hitam masih terus menjadi pilihan di dalam senarai kepimpinan negara, sedangkan jikalau mengikut kenyataan sebenarnya, Datuk Musa Hitam sudahpun bersara daripada politik. Nampaknya ada semacam ketidakpercayaan tentang '*'persaraan politik'*' Datuk Musa Hitam ini dan seolah-olah pula ada keperluan untuk melibatkannya supaya beliau kembali semula di dalam arena politik tanahair.

Hal ini mungkin disebabkan oleh adanya keghairahan Datuk Musa bercakap tentang politik negara, walaupun beliau berada di luar negeri. Media massa masih terus memberikan liputan yang luas terhadap kenyataan-kenyataan politiknya, walaupun beliau bukan orang politik lagi. Ini membayangkan bahawa pengaruh dan kedudukan Datuk Musa di dalam politik masih menjadi perhatian dan keperluan banyak orang. Khabarnya penghujung tahun ini tamatlah tempoh perkhidmatanya sebagai Wakil Khas Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan beliau akan kembali semula ke Johor. Menurut sebuah akhbar tabloid, sekembalinya nanti, beliau mungkin menghadapi kesukaran untuk menolak kemahuan ahli-ahli politik Johor yang mahukan beliau kembali aktif semula di dalam politik bagi mengimbangi kepimpinan politik negara yang kini nampaknya dikuasai oleh pemimpin-pemimpin dari utara saja.

Jikalau andaian-andaian ini boleh dipakai dan akan menjadi satu kenyataan, maka politik Datuk Musa Hitam yang licik dan sukar dianalisis itu, boleh membenarkan formula Mahathir dan teori golongan Ghafar itu bahawa Datuk Musa Hitam akan kembali semula ke dalam kepimpinan politik negara. Jikalau andaian ini terbukti menjadi betul, maka peluang bagi Datuk Musa untuk kembali ke dalam politik tidak akan ditentang oleh sesiapa pun, baik golongan Mahathir maupun golongan Ghafar. Kali ini beliau akan kembali dengan cara terhormat seperti Allahyarham Tun Dr. Ismail kembali secara hormat di dalam kabinet Allahyarham Tun Abdul Razak, setelah beliau keluar di dalam kabinet Almarhum Tunku Abdul Rahman dulu.

Bagaimana pun untuk sementara ini, adalah sukar diramalkan sama ada Datuk Musa Hitam mahu kembali semula atau tidak di dalam politik negara. Ini bergantung kepada prinsip perjuangannya, atau bergantung kepada sejauh mana tenaga dan buah fikirannya masih diperlukan oleh kepimpinan politik negara. Jikalau tenaga dan buah fikirannya

masih boleh dipakai untuk menghindarkan '*perebutan kuasa*' di antara kedua-dua golongan tadi, maka beliau patut menimbangkan semula keputusannya yang lalu, tetapi pertimbangannya ini pun haruslah berasaskan kepada *ada* atau *tidak ada* permintaan dari kedua-dua golongan ini supaya beliau kembali ke dalam politik. Kalau keperluan tenaganya hanya wujud di dalam formula dan teori ini saja, sedangkan di dalam realiti yang sebenarnya, tidak ada sesiapa pun yang mahu mendesaknya kembali semula di dalam politik, maka ada baiknya keputusan persaraannya itu terus dikekalkan.

Sekadar untuk memperlengkapkan formula dan teori tadi, maka untuk sementara waktu, kita perlu mengandaikan bahawa Datuk Musa adalah '*pelakon politik*' yang sedang duduk di tepi lokasi. Beliau hanya akan dipanggil turun ke lokasi jika ada di antara '*pelakon politik*' di dalam kedua-dua golongan tadi, tidak dapat berlakon atau lakonannya tidak memuaskan pengarah.

Mengkaji selanjutnya kedua-dua formula dan teori tadi, saya melihat bahawa formula Dr. Mahathir lebih menarik dan lebih jelas. Seperti yang telah saya katakan bahawa memberikan kesempatan secara kronologis kepada Ghafar, kepada Datuk Musa dan kemudiannya kepada Datuk Sri Anwar Ibrahim untuk menjadi Perdana Menteri, adalah lebih praktikal dan selaras dengan tradisi dan kehendak parti. Menolak Anwar hanya berasaskan beliau bukan golongan Ghafar dan kelemahannya semasa menjadi Menteri Pendidikan, di samping mencetuskan anggapan bahawa beliau tidak profesional di dalam bidang pengurusan kewangan negara di dalam konteks beliau sebagai Menteri Kewangan, lebih merupakan penilaian subjektif dan satu hipotesis yang belum dianggap rasional dan menasabah. Pertimbangan-pertimbangan lain yang lebih kuat dan kukuh perlulah dicari jika kita mahu menolaknya ke tepi dan mengambil tokoh lain sebagai ganti.

Saya tidak bersetuju jika ada pihak yang mendakwa

bahawa Datuk Sri Anwar Ibrahim telah gagal di dalam tanggungjawabnya sebagai Menteri Pendidikan. Saya juga terus tidak bersetuju dengan pendapat bahawa disebabkan oleh kegalannya itulah, maka beliau telah dipindahkan kepada Kementerian Kewangan. Alasan mereka bahawa kegagalan beliau di dalam Kementerian Pendidikan disebabkan oleh kegalannya melaksanakan beberapa perubahan di dalam Akta Pendidikan (Akta Pelajaran 1960) yang kini berorientasikan Falsafah Pendidikan Negara, isu perlantikan Prof. Dr. Syed Hussein Alatas sebagai Naib Canselor Universiti Malaya dan kritikan-kritikannya terhadap masalah kecemerlangan pendidikan yang tidak memuaskan di universiti-universiti di negara ini sebagai suatu sebab yang lain yang menyebabkan kegalannya, merupakan suatu anggapan yang perlu kepada suatu analisis yang lebih jauh dan saksama. Saya akan cuba menganalisis setengah-setengah dari persoalan ini di dalam bab-bab yang akan datang.

Masalah sikap dan tindakan-tindakan bekas Naib Canselor Universiti Malaya Prof. Dr. Syed Hussein Alatas itu misalnya, lebih merupakan masalah birokrasi dan tindakan-tindakan naib canselor itu sendiri dan bukannya masalah Menteri Pelajaran. Demikian juga dengan masalah kecemerlangan pendidikan di universiti yang tidak memuaskan itu. Ia diungkapkan dengan tujuan untuk mengembalikan kredibiliti universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan, bagi mengelakan kegagalan para profesor yang menyebabkan runtuhnya sistem pengajian tinggi. Sudah tentu bahawa kritikan-kritikan yang pernah beliau kemukakan itu, berdasarkan contoh dan apa yang telah berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi di Amerika Syarikat dan beberapa buah negara lain diwaktu kebelakang ini.

Apa yang mendorong pihak-pihak tertentu, terutamanya Encik Ghafar dan golongannya sendiri, menolak kemunculan Datuk Sri Anwar Ibrahim di dalam politik, ialah berasaskan kepada '*saingan politik*' antara sesama mereka. Telah saya

sebutkan di awal bab ini tadi bahawa terdapat perbezaan yang cukup ketara antara visi perjuangan politik Encik Ghafar Baba dengan visi perjuangan Datuk Sri Anwar Ibrahim. Visi perjuangan politik Ghafar berasaskan kepada konsep perjuangan tradisional yang mengagungkan perjuangan masa lampau dan mengharapkan kemerdekaan yang dicapai dan kemajuan yang diperolehi hasil daripada kemerdekaan itu, perlulah dihargai oleh rakyat. Dalam banyak hal beliau bersifat sederhana tetapi '*egois*' dengan kejayaan masa lampau, sambil menyeru rakyat supaya bersyukur terhadap pembangunan yang dicapai. Dalam sepanjang sejarah perjuangan politiknya, saya hampir-hampir tidak pernah melihat beliau mengemukakan sesuatu idea, gagasan atau wawasan baru yang lebih dinamik dan original bagi pembinaan masa depan bangsa yang lebih maju, canggih dan bermakna, seperti yang ditunjukkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Dr. Mahathir Mohamad ataupun Datuk Sri Sanusi Junid umpamanya. Sebagai pemimpin kedua pentingnya dan sebagai bakal pemimpin negara yang utama selepas Mahathir nanti, beliau tidak boleh hanya menjadi '*penyumbang khidmat*' semata-mata, sedangkan rakyat mahu supaya pemimpin utamanya mempunyai komitmen, idea dan wawasan yang canggih untuk mewujudkan masa depan negara yang lebih maju dan progresif. Ghafar hampir-hampir tidak mempunyai sifat-sifat yang boleh menuju ke arah kecemerlangan ini.

Datuk Sri Anwar Ibrahim sebaliknya melambangkan idealisme kepada golongan modenis Islam dan penegak kepada bangsa yang bermaruah. Beliau bukan saja menghayati dan menghargai sejarah dan kepimpinan masa silam, tetapi juga bersifat penerus dan pembentuk pemodenan masa depan yang lebih maju, terbuka dan berakar kepada tradisi dan budaya tempatan. Dalam banyak hal, beliau mengkagumi pemikiran tradisional yang menjadi ciri-ciri utama di dalam sejarah budaya kita dan berasaskan

ketradisional tersebut, beliau mahu supaya antara tradisi budaya tempatan dengan peradaban moden yang berteraskan pemikiran internasional, diwujudkan ketrampilan kemajuan yang berdasarkan pemodenan tanpa menolak sifat-sifat budaya dan literasi budayanya yang bersifat Malaysia.

Sudah tentu di dalam misi dan visi perjuangan yang seperti ini, ada perbezaannya dengan premis perjuangan Ghafar. Misi dan visi perjuangan Ghafar misalnya, hampir-hampir tidak sesuai lagi dengan inspirasi dan kehendak rakyat, terutamanya bagi generasi muda. Ketidaksesuaian ini, bagaimanapun bukanlah satu kelemahan sebenarnya tetapi lebih bersifat '*pemisahan*' antara pemikiran dan sikap tradisional dengan pemikiran dan sikap baru yang lebih canggih, moden dan terbuka. Apalagi bagi golongan tua yang tidak terdidik dengan pengetahuan empirikal yang lebih objektif dan terbuka. Hal ini sudah menjadi dominan di dalam tradisi kehidupan manusia – yang lama sudah tidak sesuai lagi dengan yang baru. Dan yang baru juga akan tidak sesuai lagi dengan yang akan datang.

Bagaimanapun saya masih percaya bahawa perbezaan pemikiran dan sikap antara Anwar dan Ghafar, berdasarkan perubahan melalui Dasar Ekonomi Baru, di mana Encik Ghafar sendiri menjadi penggeraknya dulu masih tidak banyak berbeza. Anwar bukan penentang Ghafar, tetapi menjadi penerus dan penyambung kepada dasar-dasar tersebut melalui cara dan pendekatan baru berasaskan matlamat yang sama dan satu. Cuma apa yang lebih menambahkan pemanutan kepada penentangan ini, ialah akibat terlalu cepatnya zaman berubah, sehingga Encik Ghafar sediri semacam tidak berdaya mensesuaikan dirinya dengan arus perubahan tersebut, seolah-olah beliau telah ketinggalan keretapi dan Datuk Sri Anwar pula, begitu pantas berlari ke depan seperti perlumbaan arnab tanpa mempedulikan kura-kura. Sementara itu oleh kerana perjuangan Anwar sendiri tidak disenangi oleh dua orang sahabatnya yang lain, iaitu Datuk Sri Sanusi

Junid dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang kebetulan memang menyokong cara dan stail perjuangan Ghafar, maka penentangan mereka terhadap Anwar menjadi lebih besar dan luas. Apa lagi kemunculan Anwar di dalam politik UMNO digerakkan dan disokong oleh Mahathir yang menjadi pemimpin kepada UMNO itu sendiri. Ini dengan sendirinya menambahkan jurang pertentangan yang lebih lebar dan luas antara golongan Ghafar dengan personaliti Anwar itu sendiri.

Dalam hubungan ini, teori golongan Ghafar tadi boleh memberi kesan dan implikasi yang cukup merangsangkan kepada golongan mereka. Ini kerana golongan Ghafar yang disokong oleh Datuk Abdullah dan Datuk Sanusi Junid itu boleh mengubah keadaan dan situasi yang ada. Kekalahan penyokong Mahathir terhadap penyokong Ghafar yang berpunca daripada kes Datuk Abdullah di dalam kabinet semasa perhimpunan Agung UMNO yang lalu, boleh menyebabkan penyisihan kepada diri Anwar sendiri. Inilah tujuan dan langkah yang sedang dilakukan oleh golongan Ghafar untuk menolak kekuatan Mahathir dan kemaraan Anwar Ibrahim di dalam politik Penglibatan Datuk Musa Hitam di dalam situasi yang begini, memungkinkan lagi golongan Ghafar ini boleh mencapai kejayaan. Datuk Musa juga dikatakan masih tidak sebulu dengan Anwar. Pendeknya di dalam usaha untuk menyingkirkan Anwar di dalam kepimpinan politik UMNO, seluruh kekuatan golongan Ghafar telah bersatu dan kekuatan itu sedang dipergunakan sepenuhnya.

Jikalau kita perhatikan fenomena perjuangan antara kedua-dua golongan ini, kita mungkin dapat mengandaikan satu gejala kelucuan yang mengharukan. Fenomena perjuangan dan gejala kelucuan yang bersifat '*tragi-comedy*' ini tergantung kepada '*andaian-andaian*' takdir dan kekuasaan Tuhan Yang Maha Kaya. Sebagai contoh misalnya, golongan Ghafar Baba akan mencapai kejayaan

yang besar jika Dr. Mahathir meletakkan jawatan akibat diserang kembali penyakitnya atau beliau meninggal dunia. Demikian sebaliknya, jika Ghafar berhenti mengejut akibat diserang kembali penyakit lamanya atau beliau terus meninggal, maka mudahlah bagi Mahathir untuk menyerahkan kuasanya kepada Anwar. Di sinilah kita melihat suatu kelucuan yang mengharukan di mana gejala '*penyakit* dan *kematian*' seolah-olah menjadi pertaruhan politik yang sungguh tragik di dalam kepimpinan politik di zaman Dr. Mahathir ini.

Masalah yang timbul di dalam situasi yang gawat, lucu dan tragik ini, ialah wujudnya satu persoalan lain, iaitu apakah benar pendapat ahli sosiologi Itali Vilfredo Pareto yang merumuskan bahawa '*semua masyarakat diperintah oleh kumpulan elit yang terpilih daripada rakyat*' dan puncak struktur kuasa '*hanya terdiri daripada segelintir manusia*' seperti kata ahli sains politik Gaefano Mosca? Adakah di dalam usaha kedua-dua golongan tersebut merebut kuasa kepimpinan politik, rakyat tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menentukan siapa yang patut bakal menjadi pemimpin mereka selepas ini? Bukankah sebarang keputusan politik adalah keputusan yang menyangkut dengan kepentingan seluruh lapisan masyarakat yang bersifat mengikat dan kerana itu penglibatan rakyat di dalam sebarang keputusan dikira penting dan berguna? Malaysia tidak boleh menggunakan contoh sejarah politik Amerika, di mana Presiden Truman, Johnson dan Ford telah dilantik ke rumah putih tanpa Pilihanraya Presiden.

Persoalan ini saya bangkitkan kerana walaupun seperti kata Gaefano Mosca bahawa puncak struktur kuasa hanya terdiri daripada segelintir manusia, namun jika '*politik neopotisme*' menjadi keutamaan seperti yang berlaku di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, dahulu, maka negara akan sukar dibangunkan oleh seorang pemimpin yang tidak berbakat dan berjiwa besar

seperti yang terjadi di zaman Tun Hussein Onn itu.

Ini tidak bermakna bahawa masa depan negara hanya bergantung kepada Datuk Sri Anwar Ibrahim seorang saja, seperti apa yang disebutkan oleh Mohd. Sayuti bahawa '*kita tidak mempunyai pilihan lain untuk diangkat menjadi pemimpin kecuali Anwar*'. Apa yang saya maksudkan di sini ialah bahawa kepimpinan politik negara perlu ditentukan oleh rakyat jelata sendiri. Ini kerana negara yang mengamalkan konsep demokrasi tidak boleh mengelakkan dirinya daripada mengikut cara pilihan rakyat jelata seperti ini. Jika konsep demokrasi ini ditukar kepada konsep autokrasi, lambat laun kepimpinan yang bercorak demikian amat payah untuk mempertahankan kestabilan kepimpinan politiknya. Ini kerana rakyat tidak boleh dipaksa untuk membuat pemilihan kepada kepimpinan yang ditentukan oleh segelintir manusia yang berkuasa seperti itu saja.

Di dalam hubungan ini, sekalipun rakyat tidak mempunyai kuasa untuk memilih pemimpin tertinggi secara individu, namun rakyat mempunyai kuasa untuk memilih parti-parti politik tertentu untuk menjadi pemerintah. Dan pemilihan kepada parti-parti tertentu untuk pemerintah ini, biasanya didasarkan kepada kewibawaan '*segelintir manusia*' yang menjadi pemimpin seperti yang disebutkan oleh Gaefeno Mosca tadi, iaitu pemimpin yang memimpin parti-parti berkenaan. Penolakan majoriti rakyat Sabah terhadap parti politik seperti USNO dan BERJAYA dan kemudiannya memilih parti PBS, adalah berdasarkan kepada kelemahan dan kelebihan kepimpinan yang dirumuskan seperti itu. Oleh itu anggapan bahawa semua masyarakat dan puncak struktur kuasa hanya diperintah oleh kumpulan elit yang terdiri dari segelintir manusia, hanya berlaku di peringkat eksekutif saja, sementara keseluruhan pemilihan yang bermula dari parti sampai kepada pemimpinnya di peringkat bawah, adalah dipilih oleh rakyat sendiri.

Jikalau struktur pemilihan parti dan kepimpinan seperti

ini diterima di dalam konsep pengdemokrasian, maka apakah yang dikhawatiri oleh ketiga-tiga golongan tadi? Mengapa Anwar harus bergantung kepada Mahathir, Pak Lah harus bergantung kepada Musa dan Sanusi harus bergantung kepada Ghafar? Adakah tanpa Mahathir, Anwar tidak boleh menjadi pemimpin, tanpa Musa, Pak Lah tak boleh naik ke atas dan tanpa Ghafar, Sanusi tidak boleh melonjak tinggi? Adakah Mahathir juga dulunya bergantung kepada Tun Razak atau Tun Hussein Onn sebelum beliau dilantik menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri?

Persoalan-persoalan yang saya bangkit di sini, sebenarnya membayangkan kelemahan yang cukup dominan di dalam kepimpinan politik kita. Berdasarkan hanya kepada tradisi parti, kebanyakkan pemimpin pelapis politik di dalam parti-parti siasah kita, terpaksa menunggu giliran mengikut senioriti kepimpinan mereka untuk dapat naik ke atas, seolah-olah seperti penonton berbaris membeli tiket untuk menonton wayang atau menonton bolasepak, sedangkan di dalam setengah-tengah negara di Asia, tradisi seumpama ini tidak pernah dipakai. Contohnya seperti di Filipina, Jepun, Korea Selatan dan Thailand.

Mengapa tidak umpamanya, sesiapa saja yang memenuhi definisi, klasifikasi dan keperluan kepimpinan yang bersifat '*taklif*' tadi, kita terima menjadi pemimpin tanpa bergantung kepada tradisi dan senioriti semata-mata? Mengapa selepas Tun Hussein Onn memecah tradisi ini, maka kita menentang percubaan Mahathir untuk meneruskan pembaharuan tradisi seperti ini? Adakah percubaan untuk '*menghalalkan*' pembaharuan tradisi semacam ini, akan memburukkan politik negara atau mengecewakan orang-orang yang mahu menjadi pemimpin tanpa memikirkan kualiti dan kewibawaan kepimpinan yang dikehendaki oleh rakyat?

Sebenarnya di dalam beberapa perkembangan, sementara parti-parti politik kita masih berusaha mengekalkan tradisi kepimpinan, UMNO adalah sebuah parti politik yang sedang

menghadapi perubahan yang tidak jelas. Selepas '*politik neopotisme*' berlaku di dalam zaman Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn telah merubah tradisi itu dengan menolak Encik Ghafar Baba (orang pertama dalam barisan Naib Presiden UMNO ketika itu) dan melantik Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri, sedangkan pada masa itu Dr. Mahathir adalah orang ketiga di dalam senarai naib presiden parti.

Oleh yang demikian, apabila formula Mahathir meneruskan tradisi melantik Perdana Menteri kepada Ghafar Baba (timbalannya) dan kemudiannya kepada Datuk Musa atau Datuk Sri Anwar (orang pertama di dalam senarai naib presiden), maka mengapa diwujudkan penentangan terhadap formulanya itu? Bukankah formula Mahathir itu sebenarnya berasaskan ketradisian parti juga? Adakah kerana Anwar Ibrahim masih baru di dalam UMNO dan menjadi pencabar pula kepada dua orang tokoh senior di dalam parti, yang secara kebetulan pula kedua-dua tokoh senior itu memihak kepada Ghafar, maka peluang beliau harus ditutup. Bukankah apabila Ghafar menjadi Perdana Menteri, maka beliau patut melantik Datuk Sri Anwar menjadi timbalannya, kerana yang demikian melambangkan pemilihan tradisi parti yang sebenarnya, kerana Anwar adalah orang kanan di dalam jawatan naib presiden parti? Adakah Ghafar juga akan mengikut jejak Tun Hussein Onn?

Sebenarnya pertikaian tentang siapa sepatutnya menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas Ghafar Baba lebih merupakan suatu pertikaian yang perlu dipertikaikan. Bagi golongan penyokong Ghafar Baba, soal siapa yang bakal dipilihnya menjadi Timbalan Perdana Menteri, sepatutnya menjadi hak mutlak Ghafar Baba sendiri. Dr. Mahathir tidak mempunyai kuasa dan hak lagi tentang siapa yang patut menjawat jawatan tersebut kerana ketika Encik Ghafar menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir sudahpun berhenti. Mengapa orang yang sudah berhenti harus ikut campur di

dalam perkara yang bukan lagi menjadi bidang kuasanya?

Kebenaran kepada kenyataan ini barangkali adalah benar. Sebagai Perdana Menteri, adalah menjadi tanggungjawab Ghafar untuk memilih sesiapa saja yang difikirkannya wajar menjadi timbalannya. Sudah tentu orang yang akan menjadi timbalannya ini, adalah terdiri dari penyokongnya sendiri. Melantik seorang musuh untuk duduk di bawahnya akan menyebabkan beliau seolah-olah menyimpan '*duri di dalam daging*' di mana akhirnya duri itu akan menikam dirinya sendiri.

Masalahnya ialah, bukan siapa yang patut berkuasa dan siapa yang tidak patut berkuasa. Berdasarkan kekuasaan yang masih dimiliki oleh Dr. Mahathir sekarang inilah, maka beliau merancang *Wawasan 2020* untuk menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian dan maju dan bagi mencapai objektif ini, formula siapa yang patut menjadi pemimpin menjadi faktor terpenting untuk dibahaskan. Sudah tentu bagi menghadapi cabaran-cabaran di dalam pelaksanaan wawasan ini, pemikiran dan tenaga Dr. Mahathir dan Encik Ghafar saja tidak cukup untuk melaksanakannya.

Wawasan 2020 ini bukanlah semacam Dasar Pembangunan Luar Bandar atau Dasar Ekonomi Baru seperti yang dilaksanakan di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak dulu. Ia bukan bertujuan semata-mata untuk membuka dan membangunkan kampung-kampung baru, mendirikan balairaya, masjid, jalanraya, api, elektrik dan membuka tanah seperti Felda, Felcra dan sebagainya. Sifat, bentuk dan objektiviti wawasan ini, lebih jauh dari itu. Wawasan ini mempunyai sembilan cabaran yang perlu dipraktik dan dilaksanakan. Antaranya ialah:

1. *Mewujudkan negara Malaysia bersatu, yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup*

- dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil, dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.*
2. *Mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai dan gagah menghadapi segala masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa dan dihormati oleh rakyat negara lain.*
 3. *Berusaha mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persafahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.*
 4. *Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.*
 5. *Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, yang mana rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka, dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.*

6. *Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan memandang jauh ke depan, yang bukan saja menjadi pengguna teknologi, tetapi juga penyumbang kepada tamadun sainsifik dan teknologi masa depan.*
7. *Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri, yang mana kebajikan insan tidak akan berkisar kepada negara atau orang perseorangan, tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.*
8. *Memastikan masyarakat yang adil di bidang ekonomi. Ini adalah masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, yang mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi dan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum. Dan,*
9. *Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.*

*-Malaysia: Langkah ke hadapan,
oleh Dr. Mahathir Mohamad.*

Sudah tentu kesembilan bentuk dan sifat cabaran yang disebutkan oleh Dr. Mahathir Mohamad di dalam

wawasannya itu, negara memerlukan bukan saja sekumpulan pemimpin yang cekap, dinamik, matang, berpandangan jauh dan berwibawa, tetapi juga sekumpulan pemikir, pelaksana dan pentadbir yang dedikasi dan berkeupayaan bagi melaksanakan visinya itu. Pemimpin, pemikir dan pentadbir yang tidak mempunyai aspek-aspek tadi, tidak boleh menghadapi cabaran-cabaran tersebut dan sukar untuk mencapai matlamat yang dikehendaki oleh Mahathir itu. Dalam sejarah pencapaian kemerdekaan, kita melihat bahawa untuk mengatasi dan melaksanakan sebuah *negara yang bersatu, yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama*, seperti yang disebutkan oleh Dr. Mahathir di dalam fasil pertamanya itu pun, kita menghadapi kepayahan. Apalagi untuk melaksanakan seluruh sembilan cabaran yang dikemukakannya itu.

Masalah membentuk sebuah negara yang bersatu, haruslah berasaskan kepada pembentukan keperibadian bangsa Malaysia yang lebih kukuh dan padu terlebih dulu. Tanpa pembentukan keperibadian bangsa ini, penyatuan dan matlamat perkongsian bersama amat sukar mencapai kejayaan. Dan jika ini tidak tercapai, maka kita '*telah membuat suatu kesilapan jangka panjang yang amat besar*' seperti kata seorang Profesor Ilmu Hukum di Universiti Uppsala, Sweden kepada seorang sahabat saya baru-baru ini, walaupun dalam konteks komennya itu bukan kepada pemilihan kepimpinan tetapi kepada masalah pembentukan keperibadian bangsa yang belum selesai. Saya akan membahaskan isu *Wawasan 2020* ini secara khusus di dalam bab yang keempat belas nanti.

Kesimpulan dari perspektif tentang formula Mahathir dan teori golongan Ghafar ini, jelas menunjukkan percanggahan kepentingan antara keduanya. Apa yang menjadi pertikaian di sini bukanlah tentang kedudukan Mahathir atau Ghafar Baba sebagai Perdana Menteri, tetapi siapakah yang akan mengambil alih jawatan tersebut selepas

mereka tidak ada, dan siapakah yang boleh dipercayai untuk melaksanakan *Wawasan 2020* itu, dan sementara ketiga-tiga pemimpin pelapis itu berjuang untuk menempatkan diri mereka sebagai pemimpin yang utama, adakah rakyat tidak mempunyai kuasa untuk menentukan siapa sebenarnya yang boleh diterima sebagai pemimpin mereka selepas Dr. Mahathir atau Ghafar Baba nanti?

BERTERUS TERANG

• Setiap orang memandang tinggi kepada seorang pemimpin yang menunaikan kata-katanya dan yang mahu berterus terang, daripada seorang pemimpin yang penuh dengan tipu muslihat. Tetapi pengalaman masa lampau menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin yang telah mencapai kejayaan ialah mereka yang tidak berpegang kepada kata-kata mereka. Kejayaan yang diperolehi oleh mereka yang tahu menipu orang lain dengan kepintaran mereka yang, pada akhirnya, telah mengatasi pemimpin-pemimpin yang mengikut prinsip-prinsip yang jujur. ♦

— Niccolo Machiavelli
Politikus Itali tanpa moral

Bab Ketujuh

DATUK SANUSI JUNID: SUATU PERSPEKTIF

DALAM buku terbaru saya berjudul '*Sanusi Junid: Pencetus Idea – Pemikir Bangsa*' saya telah bertindak sebagai pencitra, iaitu mengulas dan memberikan sorotan terhadap perjuangannya yang gigih, baik sebagai aktivis politik yang penuh kontroversi, maupun sebagai seniman kreatif, pencetus idea dan pemikir bangsa yang cukup disegani dan dihormati.

Prof. Datuk Ismail Hussein, Ketua Satu Gapena dan Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu UKM, ketika melancarkan penerbitan buku ini di sebuah hotel di Petaling Jaya pada 10 Mei 1991, telah menjelaskan pandangannya terhadap Datuk Sri Sanusi seperti berikut:

" . . . Kedah itu memang mempunyai sejarah dan tamadun yang amat kuno, tapi pada awal abad ke-20 menjadi dataran jelapang padi yang subur, tempat tumpuan para petani dari utara Sumatra atau selatan Thailand serta pekerja dan pedagang dari India dan Arab. Kedah moden itu melahirkan kebudayaan yang keras lagi lantang - yang terbuka dan lantang seperti sawah padinya yang amat luas terbentang kesayangan atau kemesraan kepada kawan-kawan erat diungkapkan atau diperlihatkan dengan kata-kata 'maki hamun'. Dibandingkan dengan sifat kebudayaan di selatan, yang nampaknya halus, penuh sopan santun,

penuh dengan kerahsiaan, kebudayaan yang timbul di Kedah itu berbeda samasekali. Citra bagaimana latar belakang kebudayaan utara yang seperti itu dapat melahirkan tokoh-tokoh yang menguasai politik serta kebudayaan, tentulah sesuatu yang mengasyikkan.

“Demikianlah latar belakang tempat kelahiran YB Datuk Sanusi, serta beberapa negarawan serta tokoh Kedah yang lain. Tentunya ada banyak variasi, kelainan, sifat-sifat khas pada semua tokoh-tokoh itu – tetapi pada semuanya juga ada kesamaan yang memikat, terutama dari segi kelantangan dan keterbukaan. Saya kerap berfikir yang tokoh-tokoh Kedah ini tidak mungkin menjadi orang politik yang berjaya kerana mereka tidak pandai menyimpan rahsia hati, tidak pandai menekan perasaan. Apa yang disukainya atau tidak disukainya, dicurahkan segala-galanya. Tetapi rupa-rupanya sifat-sifat yang seperti itu menjadi asset dalam politik moden – keterbukaan bermakna kejujuran dan kejujuran itu amatlah sulit untuk didapati dalam penghidupan politik kini. Dan dasar merakyat dari kebudayaan Kedah itu, tentulah juga satu asset yang besar dalam sistem demokrasi.

“Dan salah satu sungutan orang Kedah terhadap tokoh-tokoh Kedah ialah bahawa tokoh-tokoh Kedah itu jarang memberikan perhatian khas kepada orang sekampung atau orang senegerinya. Sikapnya terlalu cepat menjadi nasional atau internasional, dalam mencari kawan dan rakan seperjuangan dilihatnya bakat dan mutu, dan tidak kepada suku. Demikianlah jikalau kita hendak mencari sebab-sebab kejayaan politik Kedah – ini dengan ingatan yang lojik seperti ini tentulah padat dengan risiko.

“Demikian juga latar belakang tradisi dan kebudayaan di mana YB Datuk Sanusi lahir. Tetapi beliau kini bukan lagi seorang petani, malah beliau telah berkembang menjadi ‘superman moden’, seorang yang menguasai bahasa-bahasa dan amat alim dengan ‘intrigue multinational’ atau ‘mega

corporation' di Jepun atau di Amerika Syarikat atau Jerman. Di dalam dirinya terkumpul deretan pengalaman yang panjang dan luar biasa, dari seorang penjaja dan caddy, dari seorang penggerak, pejuang atau penggempur, hingga kepada seorang eksekutif corporation.

"Salah satu sifat Datuk Sanusi yang khas ialah kemampuannya untuk menggabungkan yang rendah dengan yang tinggi, yang simple dan praktikal dengan yang subtle, dalam kata lain menggabungkan gerak institusi petani dengan visi seorang pemikir dunia. Ini amat ketara dalam cara beliau mengeksplorasikan cerita-cerita rakyat, kisah Mat Jenin terutamanya, apalagi dalam kisah-kisah Si Warso dan Tobeng yang diciptanya sendiri. Sifatnya ini lebih ketara lagi pada projek-projeknya yang besar, yang pada mulanya nampak seolah-olah terlalu simple, malah kadang-kadang menjadi bahan jenaka, tetapi kemudiannya menjadi besar dan gagah, yang punya implikasi yang cukup luas. Apalagi Datuk Sanusi kita ini punyai satu macam kuasa sihir, Mida's touch, banyak benda yang disentuhnya dengan cepat menjadi berkembang dan berjaya.

"Demikianlah melalui khayalan dan tindakannya, tayar buruk yang selama ini menjadi sarang nyamuk berubah menjadi khazanah negara; kraftangan rakyat yang tidak pernah bermaya berubah menjadi industri yang dinamik lagi tinggi mutunya menyeluruh ke pasaran-pasaran antarabangsa; air kelapa muda menjadi minuman nasional dan internasional, dan dengan itu memberi daya ekonomi yang baru kepada peladang kelapa; arnab yang untuk sekian lama tidak pernah ekonomis, malah membebankan, berubah menjadi bahan makanan yang lazat dan 'fashionable'; ulam, makanan kampung berubah menjadi 'craze nasional' yang menguntung dan menyihatkan. Kambing biri-biri yang tidak pernah terbayang akan hidup di Malaysia sedang menjadi industri pertanian baru. Senarai ini nampaknya semakin memanjang tanpa titik, dan ini selalunya timbul secara

spontan dan kreatif.

"Bagi saya, Datuk Sanusi ini adalah anak jati daripada zaman non-ideological Malaysia, atau anak dari UMNO sendiri, yang selalu pragmatis sifatnya, yang tumbuh secara natural mengisi dan menunjang keperluan rakyat mengikut keadaan dan tahap perkembangan. Tindakannya kerapkali instinktif, tetapi ini tentunya timbul dari pengalaman hidup yang cukup luas dan ilmu pengetahuan yang cukup tinggi. Kebetulan sepanjang 10 tahun yang lalu Datuk Sanusi memimpin Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta Kementerian Pertanian – dua kementerian yang barangkali paling sebatи bagi dirinya, baik dari segi pengalaman hidup mahupun dari segi cita-cita hidupnya. Dan Datuk Sanusi memang cukup hidup pada dua kementerian itu, ini bukan hanya tugas dan tanggungjawab, malah satu 'obsessi' ataupun dalam istilah yang digunakannya kemudian, satu jihad.

"Ucapannya tentang Jihad Membasmi Kemiskinan yang disiarkan sepenuhnya di dalam buku Zakry ini, merupakan salah satu ucapan Datuk Sanusi yang terbaik, cukup simple dan sederhana gagasannya, tetapi merangkumi implikasi yang amat luas jangkauannya. Ini barangkali pertama kali istilah agama dimasukkan dalam pembicaraan tentang kemiskinan. Dan cara kemiskinan dapat dihapuskan, bagi Datuk Sanusi, tidak semestinya melalui teori-teori yang kompleks, tetapi melalui keazaman individu, melalui keyakinan dan keimanan diri. Ini kerana di Malaysia, khazanah Ilahi ada di mana-mana, walaupun di dalam hidup petani dan nelayan yang amat simple. Yang diperlukan hanyalah 'management' ataupun eksplotasi situasi. Dalam keadaan yang begitu, petani dan nelayan dapat menikmati makanan antarabangsa Itali, Perancis, ataupun Jerman, walaupun tanpa meninggalkan kampungnya.

"Pertama kali kita mendengarnya, kita rasa ini seolah-olah satu lagi jenaka besar Datuk Sanusi, tetapi apabila

kita merenung seketika, ini rupa-rupanya dapat menjelma dengan cukup real, iaitu jikalau kita benar-benar berjihad.

"Sebagai satu dedikasi dan sekadar satu ingatan kepada kita semua, saya ingin membaca semula perihal Kampung Bahagia binaan Datuk Sanusi seperti yang pernah beliau ucapkan itu:

"Kita mahukan kampung-kampung contoh ini dijayakan mengikut hala-cara baru pembangunan kampung, mengikut program revolusi desa. Kampung ini juga hendaklah membuat amalan-amalan dialog desa bersama. Kebun masyarakat secara bersama.

"Kampung-kampung harus ada saluran-saluran air supaya tidak ada takungan air yang busuk. tiap-tiap kampung harus ada pokok-pokok buah-buahan yang memberi manfaat. Tiap-tiap kampung harus ada rumput yang menghijau. Tiap-tiap kampung perlu diukir dengan keindahan dan diadakan kolam-kolam jika perlu dalam program pengindahan. Setiap kampung patut ditanam dengan pokok bunga yang wangi dan yang berwarna-warni.

Begitu indah suasana alam. Rama-rama dan kumbang menghinggapi bunga-bunga dan burung mula menyanyi di subuh hari, sungai dan saluran air mengalir bersih dan bertebing. Wanita-wanita yang tidak bekerja tetapi pergi ke Pusat Kraftangan dalam kampung. Waktu petang ada kuliah agama. Ada tadika, ada kelas bimbingan, belajar bersama-sama di balai raya. Di dalam kampung tersebut ada gelanggang main sepak takraw, atau sepak raga. Bagi yang mampu diadakan pula industri kampung seperti bertukang, buat pasu, mengukir, menekat dan sebagainya. LPP dan LKIM boleh memungut hasil kraf untuk dibawa ke tempat jualan. Kita lihat suasana yang berbeza. Kita ingin lihat kampung yang sempurna. Kampung idaman. Kampung yang menjadi daya tarikan pelancong daripada luar negeri. Kalau pelancong dari luar negeri membelanjakan duit begitu banyak untuk duduk di chalet-chalet, kita boleh indahkan

rumah kita, seolah-olah kita sedang melancong selama-lamanya. Jika orang daripada luar negeri duduk di hotel besar untuk makan makanan yang lazat-lazat, kita perkenalkan kepada masyarakat luar bandar cara-cara masakan yang dibuat di seluruh dunia. Kalau sekiranya pelancong datang ke sini untuk berenang di laut kita, kita juga bersihkan laut dan darat, supaya kita pula boleh melancong di kampung kita sendiri.

"Kampung-kampung bahagia khayalan Datuk Sanusi ini, barangkali belum timbul dengan ketara sekarang ini, kerana ini perlukan jihad si petani sendiri. Tetapi Datuk Sanusi tetap meneruskan jihadnya, dengan tulang empat keratnya dibinanya Kampung Tani Raksasa, iaitu Taman Pertanian, yang menjadi kebanggaan kita semua sekarang. Taman Pertanian Bukit Cerakah merupakan lambang impian dan pencapaian Datuk Sanusi, taman itu merangkumi segala yang indah dari Kampung Bahagia, ditambah dengan teknologi pertanian yang tinggi, dan pemeliharaan alam yang hebat. Yang dilambangkan oleh Taman itu bukan sahaja kerja-kerja pertanian, tetapi juga rekreasi petani yang simple tetapi cangih, termasuk kesenian dan kraftangan. Di sini saya harus sebutkan kumpulan budaya senitani yang cukup menarik dan berbakat, yang dibina oleh Kementerian Pertanian. Saya percaya tiap petani yang masuk ke taman itu, akan segera mengidentifikasi dirinya dengan taman itu, akan menjadi amat sedar yang pertanian itu adalah sesuatu yang amat mulia dan indah, yang ia adalah sebahagian dari dunia yang cukup moden. Inilah caranya Datuk Sanusi memodenkan masyarakat petani kita yang saya rasa akan cukup berkesan. Dan petani kita itu tidak saja mampu memakan Spaghetti Baloni atau Steak Jarman, tetapi dia juga dapat merasakan dan mengalami Musim Dingin dengan saljinya, serta Musim Bunga, tanpa pun membelanjakan sebarang wang. Demikianlah sedikit renungan tentang erti hidup dan perjuangan YB Datuk Seri Sanusi

Junid, seperti yang ditulis oleh Sdr Zakry Abadi ini. Di dalam diri Datuk Sanusi, sebagai salah seorang pemimpin generasi kedua kita, terkumpul pengalaman, bakat dan visi yang agak luarbiasa. Demikian juga halnya dengan dua tiga tokoh pemimpin generasi kedua yang lain. Kami di dalam Gapena menganggap bakat dan visi pada pemimpin-pemimpin muda kita ini sebagai khazanah bangsa yang harus dipupuk, ditatang dan dikembangkan. Pelbagai bakat dan visi itu, tentulah terpaksa bersaing untuk memperlihatkan kecemerlangan – tetapi di dalam proses itu, ini tidaklah harus dijadikan alasan untuk memusnahkan sesama sendiri”.

Demikianlah antara lain apa yang dapat dibicarakan oleh Prof. Datuk Ismail Hussein melalui buku yang telah saya tuliskan mengenai Datuk Sri Sanusi Junid itu. Sudah tentu ulasan yang ditulis dan diucapkan oleh sahabat saya itu menunjukkan dengan jelasnya, tentang apa yang saya katakan bahawa Datuk Sri Sanusi adalah seorang pencetus idea dan pemikiran bangsa. Prof. Datuk Ismail Hussein, bagaimanapun, tidak menyentuh langsung tentang misi dan visi perjuangan Datuk Sanusi di dalam politik, tentang kesetiaannya kepada pemimpin dan parti politik yang diwakilinya dan tentang kegiatannya di dalam pertubuhan ABIM, SHAMELIN dan MAYC serta juga krisis personalitinya dengan Datuk Sri Anwar Ibrahim semasa mereka berdua memimpin ABIM. Barangkali ini sebenarnya bukanlah tugas Datuk Ismail memperkatakannya.

Sepanjang penglibatan kerjaya politiknya, Datuk Sanusi bukan saja mencetuskan pelbagai idea baru yang dinamik dan praktikal, tetapi juga menjadi seorang Menteri yang cuba menyelesaikan beberapa masalah pentadbiran dan hutang piutang peminjam kepada MARA, mewujudkan satu konsep baru di dalam Bank Rakyat, dengan cara merangka dua skim pinjaman Mengenang Budi dan skim pinjaman Menanam Budi dan rancangan Industri Kampung melalui kegiatan Karyaneka, kedai runcit atau kedai rakyat,

pembenterasan penyelewengan di dalam koperasi dan pembasmian kemiskinan melalui sifat-sifat perjuangan *Bushido*, *Hwarang* dan *Jinsheng*, tiga orang pahlawan yang telah membangunkan kemajuan negara Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Impian, cita-cita dan perjuangan Datuk Sri Sanusi ini kelihatan begitu besar, canggih dan memerlukan penglibatan berjuta-juta rakyat luar bandar yang terdiri dari petani, nelayan dan penternak. Kakitangan Kementerian di bawah pentadbirannya yang seramai hampir tiga puluh ribu orang itu sudah lama memberikan komitmen dan sokongan yang besar kepada beliau, terutamanya di dalam usaha membangunkan Taman Pertanian yang terletak di atas sebidang tanah seluas 1 295 hektar di atas pembukitan Bukit Cahaya Sri Alam, Selangor.

Tetapi di dalam semua usaha, kegiatan dan kejayaannya ini, Datuk Sri Sanusi sendiri, dari segi personaliti dan kewibawaannya, tidaklah bersifat '*perfect*' semuanya. Sebagai manusia biasa, di samping kelebihan dan keluarbiasaan yang dimilikinya itu, beliau juga mempunyai beberapa kelemahan yang bersifat kekal dan kelemahan yang bersifat sementara. Kelemahan yang bersifat kekal kepadanya ialah bahawa perwatakannya yang kelihatan simple, sederhana dan tidak menimbulkan kegerunan di dalam sifat-sifat seorang pemimpin yang berwibawa. Percakapannya dan ucapan-ucapannya yang seringkali diselangselikan dengan thamsil, ibarat, contoh, pengalaman dan pengetahuan empirikal, namun kebahasaan yang digunakan dan kritikan-kritikan yang dilemparkannya, menusuk jantung dan hati nurani pendengarnya, sehingga kepada setengah-tengah orang, gaya dan stail pengucapannya itu seolah-olah keras, penyindir dan pengkritik tajam yang tanpa apologetik. Sementara kelemahan-kelemahannya yang bersifat sementara pula, ialah bahawa beliau boleh melakukan apa saja, hatta apa yang dikatakan *kejahatan* dan *kesamsingan* jika beliau

berfikir bahawa dengan kelakuan yang demikian itu boleh mendatangkan *kebaikan* dan dapat menyelesaikan masalah yang mendesak terutamanya di zaman mudanya itu. Ini tidak bermakna bahawa beliau seorang yang jahat dan samsing, kerana kejahatan dan kesamsingan itu bersifat relatif makna dan istilahnya. Kepada kita komunis adalah jahat, tetapi kepada komunis, perbuatan provokatifnya adalah perjuangan untuk pembebasan.

Apapun istilah dan maknanya, di samping kelebihan dan kelemahannya itu, Datuk Sri Sanusi adalah *superman* moden yang mempunyai idea yang ajaib. Di hatinya terbuka pelbagai macam projek dan gagasan tetapi di dalam semuanya ini, visi dan cita-cita besarnya seperti juga dengan *superman* di layar putih hanya mahu menjadi *hero penyelamat* kepada rakyat yang susah seperti petani, nelayan dan penternak dan bukannya berjuang untuk menjadikan dirinya seorang pemimpin besar yang agung, justeru sebagai pejuang, beliau tidak akan menolak jika kemungkinan itu ada. Barangkali beliau menyedari bahawa untuk menjadi seorang pemimpin agung yang bersifat '*taklif*', kesemua kelemahan-kelemahan dirinya yang bersifat kekal dan sementara itu, perlu berubah menjadi '*perfect*' – sesuatu yang sama sekali tidak mungkin.

Bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa beliau tidak mempunyai peluang untuk muncul sebagai pemimpin besar dan agung. Kemunculan seseorang pemimpin agung atau tidak agung, sederhana atau hampas, bergantung kepada faktor masa, kebolehan pemimpin itu sendiri dan kehendak rakyat. Dalam zaman pra merdeka di Indonesia dan di Persekutuan Tanah Melayu, Presiden Sukarno menjadi pemimpin agung Indonesia dan Dato' Onn Jaafar menjadi pejuang agung di Tanah Melayu. Tetapi selepas merdeka, keagungan Sukarno telah dimusnahkan oleh kepimpinan parti Komunis di Indonesia dan kejaguhan Dato' Onn ditolak oleh bangsanya sendiri. Implikasi daripada kebesaran dan kekerdilan kedua-dua pemimpin ini, berpunca daripada faktor

masa, kebolehan mereka dan kehendak rakyat tadi juga.

Di dalam hubungan ini, kejayaan besar Datuk Sri Sanusi terletak kepada golongan agraria, satu golongan terbesar yang mewakili kelas petani, nelayan dan penternak di Malaysia. Berbanding dengan golongan dan kelas-kelas di dalam masyarakat yang lain, golongan agraria ini dianggap masih miskin dan mundur.

Sebagai pemimpin dan pembentuk pembangunan dan pemikiran kaum tani, nelayan dan penternak, Datuk Sri Sanusi adalah ‘pahlawan moden’ yang tidak lagi menggunakan cangkul, parang, tajak, sabit dan kerbau di sawah dan di ladang. Kesemua peralatan kerja yang bercorak tradisional itu, kini telahpun bertukar kepada alat-alat jentera moden yang menggunakan enjin dan bertenagakan minyak atau bateri. Penggunaan jentera moden ini bukan saja mempercepatkan masa bekerja tetapi juga menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi dan mutu barang yang berkualiti.

Dalam bidang ternakan dan penangkapan ikan pula, penggunaan ‘*reban*’ atau ‘*lau*’ (*kata orang utara*) yang berbentuk tradisi bagi memelihara ternakan ayam, itik, lembu, kambing dan sebagainya, telahpun diubah kepada bangunan yang lebih besar dan selesa. Segala macam penyakit diawasi oleh doktor haiwan. Nelayan juga tidak lagi digalakkan menggunakan mata kail, serkap, jala dan serampang untuk menangkap ikan di sawah, di sungai atau di laut. Mereka dibekalkan dengan bot, perahu dan kapal yang besar dengan peralatan pukat tunda, tukun, raga, sangkar dan sebagainya. Kaum nelayan juga berjaya menujuukkan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NIKMAT) mereka sendiri.

Bagi golongan yang bukan agraria pula, Datuk Sri Sanusi adalah seorang pemikir, seorang yang di dalam seluruh hidupnya ditumpukan kepada penggunaan otak sehingga rambutnya menjadi licin. Belitu berfikir dan menalaah segala macam rancangan, idea, gagasan, planning dan wawasan

yang boleh memaju dan meninggikan taraf penghidupan ketiga-tiga golongan terbesar tadi. Peniaga, pemandu teksi, kerani dan pegawai-pegawai kerajaan sentiasa mensifatkan beliau sebagai '*ensiklopedia bergerak*' dan pencetus idea yang unik, di mana di dalam kepalanya yang hampir botak itu, tersimpan segala macam ilmu dan pengetahuan yang amat berguna.

Tetapi sesuatu yang cukup menganihkan, beliau tidak pernah bercita-cita untuk menentang ketua atau mengecilkan kepimpinan yang lain. Beliau lebih suka bercakap tentang idea dan kerja daripada berangan-angan hendak menjadi Perdana Menteri. Baginya, Tuhanlah yang menentukan segala-galanya.

Bagaimanapun beliau tidaklah bersifat menyerah saja kepada untung nasibnya. Beliau menyedari bahawa Tuhan tidak akan mengubah untung nasibnya itu jika beliau sendiri tidak berusaha mengubahnya. Usaha gigihnya membangunkan sosio-ekonomi kaum tani, nelayan dan penternak, bukanlah usaha yang kosong. Pemikiran dan ideanya yang unik dan merangsangkan, bukanlah sesuatu yang sia-sia dan perjuangan politiknya yang panjang, penuh berliku dan dramatik itu, bukanlah pula tidak bermakna.

Usahanya, pemikiran dan ideanya serta perjuangannya yang panjang itu, telah mula menampakkan hasil. Pencapaiannya sebagai Naib Presiden UMNO bukanlah suatu pencapaian yang kecil. Pencapaian itu boleh menggugat dan mengubah situasi politik dan keadaan semasa. Tiada sesiapapun boleh menyangkal kehendak Allah bahawa bukanlah mustahil beliau akan terus dapat mempertahankan jawatannya dan seterusnya pula dapat meningkatkan kejayaannya yang lebih tinggi lagi. Orang-orang UMNO sedang memerhatikan prestasi kejayaannya ini.

PERKONGSIAN

•*Masyarakat merupakan perkongsian dalam segala sains, perkongsian dalam segala seni, perkongsian dalam segala sifat unggul dan dalam segala sifat kesempurnaan. Oleh sebab matlamat perkongsian yang demikian itu tidak mungkin tercapai dalam beberapa generasi, maka terjadilah perkongsian yang bukan saja melibatkan orang yang hidup, tetapi juga perkongsian yang melibatkan orang yang telah mati dan orang yang belum lahir. •*

– *Edward Burke,
Ahli Falsafah
Politik British*

Bab Kelapan

DATUK ANWAR IBRAHIM: PERSPEKTIF KEDUA

MENINJAU kedudukan dan masa depan politik Datuk Sri Anwar Ibrahim, kita terpaksa melihat latar belakang dan merujuk kepada beberapa buah buku yang mengesahkan perjuangannya, baik di dalam kegiatan belia Islam mahupun di dalam politik. Ini termasuklah mengenai cita-citanya, visinya, cara-cara penglibatannya, kritikan-kritikannya, konsep perjuangannya dan sebagainya. Dan ini melibatkan juga pandangan-pandangan, kritikan-kritikan dan kecaman-kecaman orang terhadap hala-cara perjuangannya sendiri. Antara buku-buku yang menarik untuk menjadi bahan rujuk, termasuklah sebuah buku hasil koleksi 12 tajuk yang meliputi kertas kerja, ceramah dan bahan-bahan ucapannya yang disampaikan di dalam pelbagai majlis, forum dan seminar yang diadakan di dalam dan di luar negeri. Buku tersebut berjudul '*Anwar Ibrahim: Menangani Perubahan*' yang diterbitkan di dalam tahun 1989. Di dalam buku ini, kita dapat melihat sikap, pendirian dan visi perjuangannya sejak beliau terlibat di kegiatan pelajar, kegiatan belia Islam dan seterusnya di dalam perjuangan politik. Berbagai pemikiran, gagasan dan wawasan telah dikemukakannya untuk memperlihatkan sikap dan pandangannya berhubung dengan isu-isu kepimpinan, politik, ekonomi, agama, pendidikan, kebudayaan ilmu dan sebagainya. Lain-lain buku yang memperkatakan tentang sikap, watak dan perjuangannya, ialah buku-buku berjudul

'Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti' hasil penulisan Mohd. Sayuti Omar; *'Siapa Selepas Asri'* karya Subky Latif; *'UMNO Selepas Mahathir'* karya Yusof Harun dan beberapa buah risalah, rencana dan bahan-bahan yang lain.

Di dalam menilai dan menentukan perspektif terhadap perjuangan Datuk Sri Anwar Ibrahim ini, buku-buku yang saya sebutkan ini menjadi amat berguna sebagai asas dan dasar perbahasan dan penalaahan terhadap perjuangannya. Ia secara langsung atau tidak, telah mengungkapkan cita-cita perjuangan dan wawasan tentang masa depan bagi pemimpin pelapis UMNO ini. Di samping itu ia juga telah memperlihatkan berbagai gejala perubahan, kelemahan dan keburukan yang wujud di dalam konsep dan hala-cara perjuangannya yang amat unik dan kontroversi ini. Saya akan cuba menyorotnya secara ringkas, objektif dan sepositif mungkin.

Kemasukan Datuk Sri Anwar Ibrahim di dalam UMNO pada tahun 1982, telah menamatkan pelbagai spekulasi tentang masa depan perjuangannya di dalam gerakan belia Islam dan politik. Sebelum beliau menyertai UMNO dan ketika masih menjadi pemimpin mahasiswa, pemimpin gerakan belia Islam seperti MBM, ABIM, AYC, dan sebagainya, beliau bukan saja pernah ditawarkan menyertai UMNO oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, tawaran menyertai PAS oleh Datuk Asri Haji Muda, bahkan beliau juga telah ditawarkan beberapa jawatan lain dari kerajaan, dari Pertubuhan Belia Sedunia dan dari UNESCO dengan pendapatan yang lumayan.

Tawaran-tawaran yang dikemukakan kepadanya itu berasaskan kepada potensi dirinya, bakat kepimpinan, kewibawaan dan pengaruh perjuangan gerakan Islamnya yang canggih, moden dan progresif. Potensi '*future leader*' yang mula terserlah di dalam dirinya itu telah terpancar di dalam seluruh kegiatannya dan menimbulkan minat dan perhatian di kalangan pemimpin politik dan cendikiawan

agama di dalam dan di luar negeri.

Berdasarkan potensi, bakat kepimpinan, kewibawaan dan pengaruh perjuangannya itulah, nama dan populariti dirinya bukan saja dikagumi oleh generasi muda Islam di negara ini, tetapi juga nama dan popularitinya itu tersebar luas di luar negeri, terutamanya di negara-negara Islam di Timur Tengah. Berbanding dengan nama pemimpin negara seperti Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir Mohamad ketika itu, namanya jauh lebih dikenali dan menonjol di peringkat antarabangsa, terutamanya selepas beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tahun 1974-1977 akibat beberapa demonstrasi menentang dasar-dasar kerajaan yang dipimpinnya sejak beliau masih mahasiswa lagi. Sembilan tuduhan telah dikemukakan sebagai sebab mengapa beliau ditahan di bawah Akta tersebut. Antaranya, termasuklah: Menentang dan Anti kepimpinan Tuanku Abdul Rahman (1969); Perjuangan Dasar Bahasa Malaysia di Universiti Malaya (1970); Membantah layanan buruk Polis Singapura ke atas tiga orang belia Malaysia (1970); Mencetak dan mengedarkan kertas kerja saduran dari buku '*Malay Dilemma*' dan membentangkannya di dalam Persidangan Agung PKPIM (1971); Membantah pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971); Menyokong perjuangan minoriti Islam dan mengadakan tunjuk perasaan menentang lawatan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia (1971); Mendesak Kerajaan supaya menubuhkan Universiti Islam (1973); Menjalankan kegiatan membantah bantuan Amerika Syarikat terhadap Zionis Israel dan keganasan mereka (1973) dan Bersabit dengan demonstrasi pelajar (1974). Pada masa itu, nama Anwar yang bererti '*Cahaya*' amat bersinar dan cukup memukau intelektual generasi muda. Cahaya wajahnya yang bersih, kelantangan suaranya yang merisik di dalam perjuangannya menegakkan keadilan, maruah bangsa dan kemanusiaan seperti yang disebutkan di dalam tuduhan terhadapnya itu, jelas memikat dan

menimbulkan simpati. Dan ini meletakkan imejnya sebagai pemimpin generasi muda Islam yang moden dan canggih.

Oleh keunikan, kehebatan dan keluarbiasaannya itulah, namanya ketika itu bukan saja popular dan dikagumi, tetapi juga cukup bernilai dan berharga. Atas faktor-faktor kecanggihannya inilah, Datuk Asri Haji Muda berfikir, jika Anwar dapat dibawa masuk ke dalam parti PAS, parti itu bukan saja akan lebih berpengaruh, tetapi juga Anwar akan dapat menjadi pemimpin kepada parti itu kerana cita-cita awalnya memanglah beliau mahu menjadi pemimpin PAS. Ini kerana perjuangan Islam yang dibawa olehnya itu tidak jauh bezanya dengan ideologi Islam yang diperjuangkan oleh parti PAS sendiri. Beberapa orang bekas pemimpin ABIM sendiri seperti Ustaz Fadzil Noor, Ustaz Nakhaie Haji Ahmad, Syed Ibrahim Abdul Rahman dan kemudiannya Haji Abdul Hadi Awang, telahpun menyertai parti itu. Tidak ada sebab, mengikut Datuk Asri, Anwar tidak boleh diajak masuk ke dalam parti itu bersama. Saudara Subky Abdul Latif sendiri, yang sekarang tidak lagi menjadi Ketua Penerangan PAS, pernah meramalkan di dalam bukunya '*Siapa Selepas Asri*' bahawa Anwar Ibrahim akan memasuki PAS.

Di dalam UMNO juga demikian. Melalui pujukan Allahyarham Tun Abdul Razak, Datuk Harun Haji Idris, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Sri Sanusi Junid dengan tawaran kerja di Kementerian Luar Negeri, dengan tawaran mewakili Malaysia ke Persidangan Belia Sedunia anjuran PBB dan dengan tawaran menjadi Ahli Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran (sekarang Jawatankuasa Ujian Tilawah Al-Quran) dan Ahli Lembaga Felcra, beliau nampaknya tidak juga begitu berminat untuk menyertai UMNO ketika itu. Beliau seolah-olah amat tegas dengan sikapnya dan amat canggih dengan konsepsi perjuangannya. Melalui gerakan MBM dan ABIM, beliau terus melancarkan kritikan-kritikan yang tajam dan berasas kepada kepimpinan

kerajaan berdasarkan hukum-hukum Allah, Al-Quran dan hadith nabi, sehingga menimbulkan kecemasan dan serba salah kerajaan terhadapnya. Ini kerana setiap kritikan dan kecaman yang dihamburkannya menepati kehendak agama dan keadilan masyarakat, tetapi sebagai kerajaan yang mempunyai dasar dan kepentingan tertentu, para pemimpinnya tidak boleh melaksanakan apa saja yang dituntutnya itu demi menjaga sentimen agama dan suku kaum yang majmuk di Malaysia.

Hanya selepas Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan Perdana Menteri dalam bulan Julai tahun 1981, barulah terbetik dan terbuka hati nuraninya untuk menyertai dan melibatkan diri di dalam UMNO sebagai alternatif di dalam perjuangan Islamnya walaupun beliau cukup sedar bahawa UMNO pernah dikecamnya dulu. Ini didorong kuat oleh sahabat seperjuangannya dulu, iaitu Haji Ibrahim Ali dan Tengku Razaleigh Hamzah. Demi mempraktikkan dan melaksanakan segala isi perjuangannya dulu, penglibatannya di dalam UMNO dikira lebih realistik dan berkesan lagi daripada sekadar menjadi '*tukang kritik*' saja. Ini kerana sebagai '*tukang kritik*' dan '*tukang bantai*' ia tidak akan boleh sampai ke mana-mana.

Dengan menyertai UMNO, beliau boleh memberikan sumbangannya secara praktikal dan positif dan malah secara yang lebih produktif lagi bagi membantu dan meningkatkan pencapaian negara dari pelbagai segi, terutamanya dari segi pembangunan ummah dan martabat bangsa yang berilmu, berakhhlak dan berhemah tinggi. Ini ialah aspek-aspek yang selama ini telah menjadi ciri-ciri penting di dalam perjuangannya.

Dengan kemasukannya itu, putuslah hubungan perjuangannya dengan Datuk Asri, PAS dan pertubuhan ABIM itu sendiri, terutamanya dari aspek perjuangan organisasi, walaupun bagi orang-orang yang tidak berkenan dengan keputusan dan tindakannya itu, menganggap

kemasukannya di dalam UMNO itu sebagai '*perangkap*' politik kepadanya. Mereka berpendapat bahawa beliau tidak mungkin boleh memperbuatkan apa-apa kerana jurang pemikiran politik antara beliau dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain masih jauh dan beliau mungkin akan dianggap '*budak manja berhingus*' yang boleh dipujuk dengan gula-gula oleh pemimpin UMNO di peringkat '*high political level*'.

Anggapan yang demikian tidak dipedulikannya. Ini kerana sebelum beliau membuat keputusan, beliau telahpun berbincang dengan beberapa orang sahabatnya, termasuk juga pemimpin-pemimpin UMNO sendiri seperti Datuk Haji Harus Idris, Tengku Razaleigh Hamzah dan malah Dr. Mahathir Mohamad sendiri selepas beliau dibebaskan dari tahanan.

Pengumuman beliau untuk menyertai UMNO dalam bulan Mac tahun 1982, memerlukan banyak orang, termasuk juga Dr. Mahathir Mohamad sendiri yang sebelum ini tidak begitu yakin dengan perubahannya. Ini kerana beliau tidak boleh menerima kenyataan bahawa seorang pemimpin belia Islam yang begitu radikal dan lantang mengkritik dasar-dasar kepimpinan UMNO lebih sepuluh tahun yang lalu, boleh berubah sikap dan hala-cara perjuangannya. Ini suatu perubahan yang luar biasa dan menakjubkan. Beliau menyedari bahawa ramai juga di kalangan aktivis-aktivis politik yang menentang dasar-dasar yang dijalankan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman dulu, termasuk juga dirinya dan Datuk Musa Hitam, sehingga kedua-duanya dipecat daripada UMNO, tetapi mereka tidak pernah menentang UMNO. Sebab itulah akhirnya apabila Allahyarham Tun Abdul Razak mengambil alih kuasa daripada Almarhum Tunku selepas 13 Mei, beliau dan Datuk Musa Hitam telah diterima kembali di dalam UMNO.

Tetapi Anwar yang tidak pernah memperlihatkan dirinya sebagai orang UMNO dan dalam seluruh sejarah

perjuangannya menjadikan UMNO sebagai sasaran kritik dan kecamannya yang utama, kemasukannya itu menyebabkan pemimpin tertinggi UMNO itu terperanjat. Tidaklah diketahui sama ada kemasukannya itu atas puji dan nasihat orang tuanya, iaitu Haji Ibrahim Abdul Rahman bekas ahli Parlimen (UMNO) dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (1964-1969) dan ibunya Hajah Che Yam Hamid bekas pemimpin Pergerakan Wanita UMNO daerah Bukit Mertajam, atau tidak. Tetapi orang yang paling gembira sekali di atas kemasukannya itu, ialah Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

Sudah tentu sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri, kemasukan Anwar itu diterima dengan '*tak cukup tapak tangan, nyiru ditadahkan*' oleh Dr. Mahathir. Bahkan baginya, ia seakan-akan '*bulan jatuh ke riba*' saja jadinya. Ini kerana nama dan pengaruh perjuangan Anwar Ibrahim merupakan satu '*asset*' yang cukup besar nilainya kepada sebuah parti politik seperti UMNO. Kemasukannya di dalam parti itu bukan saja akan menaikkan imej dan kredibiliti UMNO di dalam dan di luar negeri, tetapi juga dengan sendirinya ia akan memecahkan perpaduan di dalam ABIM dan sekaligus akan melemahkan pula pengaruh dan populariti parti PAS di bawah kepimpinan Asri, Yusuff Rawa dan Fadzil Noor di mata orang-orang Melayu. Fenomena ini bukanlah kecil nilainya bagi perjuangan UMNO. Malah ia memberikan tamparan yang cukup sakit bagi parti PAS, kerana selama ini orang mengira, sebaik-baik parti yang boleh dimasuki oleh Anwar ialah PAS kerana dasar perjuangannya adalah sebulu dan sejalan.

Sekalipun kemasukan Anwar di dalam UMNO itu dianggap suatu '*asset*' yang bernilai kepada parti itu dan merupakan pula satu tamparan yang kuat kepada PAS, namun bagi perjuangannya sendiri, ia bukanlah sesuatu yang mengembirakan. Keputusannya untuk terjun berjuang di dalam sebuah parti yang selama ini dianggap mungkar, zalim,

penyeleweng dan sebagainya itu bukanlah satu keputusan dan tindakan yang senang. Selain dari ia akan dituduh pembelot, penyeleweng dan pendusta di dalam perjuangan Islamnya itu, ia juga terpaksa berhadapan dengan beberapa orang pemimpin UMNO yang tidak senang dengan kemasukannya itu. Dan dalam masa yang sama, belitu tidak tahu pula siapakah dan golongan manakah di dalam UMNO yang diharapkan boleh menyokongnya. Ini sesungguhnya sesuatu yang mencemas dan membimbangkannya. Di hadapannya, hanya ada seorang pemimpin UMNO yang boleh digantungharapkan, iaitu Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Jika orang yang diharapkannya ini bermain kayu tiga, menggunakannya sebagai alat dan kuda tunggangannya saja, alamat seluruh perjuangan yang dicurahkan selama lebih sepuluh tahun itu akan musnah semuanya.

Tetapi satu-satunya yang menjadi keazaman dan kecekalan di dalam seluruh perjuangan yang diamalkannya selama ini ialah niat atau nawaitunya. Niatnya cukup ikhlas untuk berjuang bersama di dalam UMNO. Ia berpegang kepada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Omar Al-Khatib yang menyebutkan Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

"Sesungguhnya amalan itu hanya dikira dengan niat. Sesungguhnya juga, bagi tiap-tiap manusia itu apa yang telah diniatkan."

Dengan niatnya yang ikhlas untuk beramal dan berjuang bersama-sama dengan ahli-ahli UMNO yang lain di dalam membentuk dan menegakkan martabat bangsa dan maruah ummah yang tinggi dan mulia, beliau sanggup untuk mengenepikan haluan perjuangannya yang berbeza sejak dahulu dan bersedia untuk mengubah dan menghadapi segala dugaan, cabaran dan tomahan dari kawan dan lawannya sendiri. Beliau berpegang kepada falsafah perjuangan orang-orang yang bijak pandai, iaitu ada empat faktor yang membolehkan seseorang itu mencapai kejayaan. Pertama,

Niat. Kedua, Idea. Ketiga, Berani. Dan keempat, Visi. Keempat faktor inilah yang menjadikan perjuangannya sebagai ‘fuel’ yang membakar semangat nasionalismenya selama ini. Dan dengan niat, idea, berani dan visi yang diperjuangkan secara ikhlas dan jujur itulah juga beliau menerjunkan perjuangannya di dalam UMNO.

Sebenarnya niat dan nawaitu perjuangannya itu sudahpun dilaksanakan lebih sepuluh tahun yang lalu. Tetapi dalam tempoh sepuluh tahun itu, konsep niat dan nawaitunya saja yang berjaya, sedangkan hasil dari seluruh perjuangannya yang berdasarkan amalan niatnya itu masih tidak berjaya sepenuhnya. Hanya ada dua niat dan nawaitu di dalam perjuangannya yang dikira cukup berjaya. Pertama, hasil dari memimpin 3,000 orang mahasiswa Universiti Malaya menentang penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi di universiti tersebut, pihak Majlis dan Senat Universiti itu telah mengambil keputusan sebulat suara mengakui Bahasa Malaysia sebagai *Bahasa Rasmi* di Universiti Malaya. Dan kedua, hasil dari desakan bersama kawan-kawannya di dalam ABIM, maka kerajaan telah bersetuju menujuhkan sebuah Universiti Islam di Malaysia walaupun ia bercorak Antarabangsa (UIA).

Sekalipun kedua-dua perjuangannya itu mencapai kejayaan yang besar, namun perjuangan yang ikhlas tidak boleh berhenti hanya setakat itu saja. Perjuangan yang berterusan dan dalam platform yang lebih besar dan luas perlulah diteruskan. Perjuangan melalui demonstrasi, kempen-kempen di kepala simpang, menampal poster dan melempar bom api di sana sini, seperti yang berlaku di tahun-tahun tujuh puluhan dulu itu, sudah tidak praktikal lagi di zaman lapan puluhan dan sembilan puluhan ini. Zaman tahun-tahun tujuh puluhan adalah periodisme yang melambangkan pemberontakan anak-anak muda ‘julung berkeris’ seperti Ibrahim Ali, Rahman Rukaimi, Syed Hamid Ali, Dr. Sanusi Osman, Fatimah Sham dan kawan-kawan mereka yang lain di dalam semangat nasio-

nalisme bangsanya selepas merdeka dan di dalam pelaksanaan DEB. Sebagai pemuda dan pelajar yang merasa bertanggungjawab terhadap martabat bangsanya, mereka terus menyemarakkan perjuangan berterusan tanpa peraturan dan tanpa etika sehingga mereka sanggup mati atau dipenjarakan. Sebab itulah beberapa orang pelajar dan pemimpin muda di dalam period itu telah ditangkap dan ditahan. Dan ini termasuklah Anwar Ibrahim, Ibrahim Ali dan beberapa rakanya yang lain.

Sebenarnya perjuangan seperti ini bukan asing dan perkara baru. Di Indonesia wujud Kesatuan Mahasiswa (KAMI) yang berjaya menjatuhkan rejim Soekarno dan di Thailand timbul pemberontakan pelajar-pelajar Universiti Chulalong dan Thammasat yang tidak gentarkan oleh asap pemedih mata. Semua gerakan-gerakan ini menonjolkan imej ‘Student Power’ dan mengisi erti kebebasan dan kemerdekaan. Dalam zaman pra merdeka, gejala perjuangan dan pemberontakan yang seperti ini sudahpun terjadi. Tokoh-tokoh nasionalis seperti Dr. Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam, Abdul Samad Ismail, Datuk Abdullah Majid dan selepas itu Dr. Kassim Ahmad dan beberapa orang yang lain telah berulang kali ditangkap dan ditahan. Penyair-penyair seperti Pungguk, Dr. Usman Awang, Mahsuri S.N. dan cerpenis Keris Mas, Awam II-Serkam (sekadar menyebut beberapa nama), merupakan sasterawan-sasterawan dan nasionalis-nasionalis yang ikut mencetuskan perjuangan nasionalisme mereka melalui puisi dan prosa. Gejala ini adalah gejala perjuangan nasionalisme untuk membangunkan suatu bangsa yang besar, bebas dan merdeka.

Tetapi perjuangan di dalam period pra merdeka dengan perjuangan selepas merdeka seperti yang dilakukan oleh Anwar Ibrahim dan kawan-kawan yang saya sebutkan tadi itu dijalankan melalui persatuan pelajar (PMUM) dan gerakan belia Islam (ABIM). Perjuangan tersebut adalah berbeza dengan yang lepas itu. Malah perbezaan itu menjadi semakin

jelas dan mencabar lagi menjelang tahun-tahun lapan puluhan. Generasi terdidik di dalam tahun-tahun tujuh puluhan adalah generasi politikal yang dibesarkan oleh sikap ketuanan Melayu berasaskan gerakan pembinaan Dasar Ekonomi Baru. Generasi ini mimpikan wawasan yang bersifat universal, menolak dogma-dogma lama yang menghambat idealisme bangsa, tetapi di dalam mengejar misi dan visi ini, sikap idealisme dan ketuanan mereka amatlah rapuh, tidak real dan malah kehidupan mereka sendiri kerapkali tersisih dari realiti masyarakat multi-racial.

Tetapi menjelang dekad kedelapan puluhan, kita telah melihat proses peralihan yang menonjol, di mana setelah lebih lapan belas tahun (1957 - 1975) kepimpinan bangsa kita terumbang ambing oleh ketidakjelasan dan tanpa keyakinan diri sendiri, telah berubah menjadi satu kebangkitan keazaman, keberanian dan kebanggaan yang luar biasa untuk mengembalikan imej dan maruah bangsa yang tertindas untuk sekian lama. Dalam dekad ini muncullah kelas menengah Melayu yang dinamik dan agresif; timbulah orang kaya baru dan orang pandai baru yang cukup banyak sekali. Gejala ini timbul dari proses penghasilan puluhan ribu generasi muda yang terdidik melalui teknologi Barat.

Di tengah-tengah kebangkitan inilah, munculnya seorang anak muda seperti Datuk Sri Anwar Ibrahim itu. Beliau melambangkan manusia Melayu yang membentuk kepercayaan diri yang luar biasa. Dia mimpikan dunia Melayu yang lebih luas, mengharapkan bangsa Melayu boleh muncul menjadi suatu bangsa yang besar, bertamadun, bermoral dan berilmu di tengah-tengah kemajuan bangsa yang lain. Untuk mencapai objektif ini, beliau telah menghabiskan usianya lebih sepuluh tahun untuk berjuang, mengkritik dan menjelirkan lidahnya kepada kepimpinan yang tidak berfikir internasional dan berakar nasional.

Perjuangan untuk membentuk dan mengubah sikap kedunguan rakyat yang jumud kepada sikap yang lebih

terbuka dan nasionalistik, bukanlah suatu kerja dan perjuangan yang mudah. Ia memerlukan suatu kaedah dan bentuk pendekatan yang selaras dengan perubahan yang wujud di sekelilingnya. Kesulitan besar yang utama, ialah usaha untuk menentukan pertukaran nilai hidup yang amat cepat berubah. Selalunya apa yang penting bagi satu generasi, tiba-tiba menjadi tidak penting lagi bagi generasi yang berikutnya. Oleh itu idea untuk membuat perubahan bagi memajukan bangsa, kaedah dan pendekatannya juga ikut berubah. Kaedah dan pendekatan perjuangan mengikut cara tahun-tahun tujuh puluhan dulu telah menjadi tidak sesuai lagi. Malah perjuangan yang bersifat pinggiran seperti yang berlaku di zaman anak-anak muda '*julung berkeris*' yang selalunya bersikap sinis dan menolak semua gejala yang tidak selaras dengan kemahuan mereka, juga tidak realistik dan praktikal lagi untuk diamalkan.

Berdasarkan fenomena inilah tanpa memperdulikan sebarang kritikan, kecaman dan tomahan, beliau terus melibatkan diri di dalam UMNO. Beliau percaya pemimpin-pemimpin UMNO seperti Dr. Mahathir umpamanya, tidaklah terlalu buruk seperti yang disangka. Sebagai seorang doktor, seorang intelektual dan nasionalis Melayu, beliau juga mempunyai sikap dan pandangan yang sama dengannya. Apa yang membezakannya hanya terletak kepada kaedah, cara dan pendekatannya saja, sedangkan visi dan matlamatnya adalah sama. Hal ini pernah mereka bincangkan di dalam beberapa siri pertemuan. Oleh yang demikian penyesuaian ke arah menemukan kaedah, cara dan pendekatan yang sama perlulah dicari. Dan untuk mencapai kebulatan pemikiran yang seperti ini, sikap tolak ansur dan pemahaman akan masalah terhadap kestabilan politik, keselamatan, ekonomi, kebudayaan, pelajaran dan sebagainya, perlulah diambilkira.

Dengan niatnya itu dan dengan idea yang lebih konstruktif inilah, Datuk Sri Anwar menerima tawaran menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas diteri-

ma menjadi anggota UMNO. Semasa menjawat jawatan inilah beliau mula menjalankan tugas dan kerja-kerja yang bercorak keagamaan seperti penubuhan Bank Islam, konsep bersih, cekap dan amanah, dasar pandang ke Timur, Penerapan Nilai-nilai Islam dan sebagainya. Justeru kebanyakan idea ini bukanlah ideanya sendiri tetapi idea dari Perdana Menteri sendiri.

Berdasarkan kebolehan dan kesungguhannya di dalam Jabatan Perdana Menteri itulah, Dr. Mahathir telah memberikan kesempatan kepadanya untuk memulakan siri mencari pengaruh dan kedudukan politik yang lebih tinggi kepadanya. Dua kesempatan yang diberikan oleh Dr. Mahathir kepadanya dalam tempoh setahun beliau menganggotai UMNO, ialah meletakkan beliau sebagai calon Parlimen di dalam Pilihanraya Umum bulan April tahun 1982, bagi menentang seorang calon PAS yang berpengaruh, iaitu Haji Zabidi di kawasan Permatang Pauh. Hasilnya bukan saja dia telah berjaya menewaskan tokoh PAS yang masyhur itu, tetapi juga undi majoriti yang diperolehinya sebanyak 14,352 undi itu, jauh melebihi majoriti undi yang diterima oleh calon-calon Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang yang berjaya di dalam Pilihanraya Umum tahun 1982. Dan kesempatan yang kedua ialah bila Dr. Mahathir merestui beliau bertanding untuk merebutkan jawatan Ketua *Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia*, yang ketika itu disandang oleh Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin, salah seorang tokoh pemuda UMNO yang tidak menyenangi kemasukannya di dalam UMNO. Sekali lagi di dalam pertandingan ini, beliau telah memperolehi kemenangan, sekalipun jumlah majoriti undi yang diterimanya agak kecil iaitu sebanyak 10 undi saja.

Dua tahun kemudian apabila jawatannya itu ditentang lagi oleh Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin pula, beliau bukan saja dapat mengkalkan jawatannya itu, tetapi undi majoriti yang diterima jauh lebih besar lagi. Demikian juga

dua tahun selepas itu pula, bila beliau ditentang oleh Syed Hamid Albar, anak Allahyarham Tan Sri Syed Albar, tetapi lagi sekali, beliau mengekalkan jawatannya. Demikian juga di dalam Pilihanraya Umum tahun 1986 dan tahun 1990 beliau terus mengekalkan kerusi Parlimennya bagi kawasan Permatang Pauh dengan mengalah seorang lagi calon PAS, menjadikan majoriti undi yang diterimanya sebanyak 10,479 undi (1986) dan majoriti sebanyak 16,150 undi (1990).

Dalam tempoh lima tahun beliau menganggotai UMNO (1982 - 1987) kita bukan saja melihat kejayaan Datuk Sri Anwar Ibrahim dari segi perjuangan politiknya, tetapi juga kita telah melihat kejayaannya dari segi kedudukannya di dalam kabinet. Selepas beliau menang di dalam Pilihanraya UMUM tahun 1982, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (1984); Menteri Pertanian (1986); Menteri Pelajaran (1987) dan Menteri Kewangan (1991) dan mulai tahun 1987 juga, beliau telah melepaskan jawatannya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan terus bertanding sebagai Naib Presiden UMNO. Beliau juga telah dilantik menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang (1988).

Dan dalam tempoh sepuluh tahun beliau menceburkan diri di dalam politik, kita bukan saja melihat prestasi kejayaan-kejayaannya yang mengagumkan, tetapi kita telah memerhatikan betapa beliau telah berpegang kepada falsafah perjuangan orang-orang yang bijak pandai tadi, iaitu selepas beliau memulakan niat perjuangannya di dalam UMNO, mencetuskan idea-idea perubahan di dalam perjuangannya sendiri, beliau telah menunjukkan keberanian-keberanian yang luar biasa untuk menempatkan dirinya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia (1982 - 1987), mempertahankan kerusi Parlimennya di Permatang Pauh (1982 - 1990) dan meyakinkan Perdana Menteri dengan menjawat dua jawatan menteri yang penting, iaitu Menteri Pendidikan dan Menteri Kewangan. Dan selepas Perhim-

punan Agung UMNO akhir November 1990 lalu, beliau merupakan tokoh yang paling atas di dalam pemilihan senarai Naib Presiden UMNO.

Di tengah-tengah kejayaannya yang luar biasa itu, satu perkara yang sering ditimbulkan oleh orang-orang yang tidak menyukainya atau mereka yang kecewa dengan perjuangannya, ialah berhubung dengan sikap dan konsep perjuangan '*politik Islam*' yang diperjuangkannya selama ini. Mereka mensifatkan bahawa perjuangannya itu telah mengalami perubahan dan menyeleweng dari konsepsinya yang sebenar. Di antara perubahan-perubahan yang ketara yang dilihat oleh mereka sebagai '*berubah dan menyeleweng*' itu, ialah yang melibatkan soal-soal jenis dan cara berpakaian yang dipakainya, cara makannya, interaksi sosialnya dengan masyarakat sekeliling dan kelakuan-kelakuan politiknya yang berbeza dari dulu.

Fenomena perubahan inilah yang menjadikan satu sebab, antara lain, yang menimbulkan tanda tanya, kemarahan, kejelikan, kebencian, hasutan dan fitnah daripada setengah-setengah orang yang dulunya amat mengaguminya. Ini termasuklah penulis buku Mohd. Sayuti Omar tadi. Mereka mensifatkan beliau sudah berubah dari kulit sampai ke isinya, dari isi sampai ke tulang belulangnya dan dari tulang belulang sampai ke darah merahnya. Mereka menuduh beliau sudah '*murtad*' sudah jadi '*pembohong*' di dalam perjuangannya, jiwanya masih kosong dengan roh Islam, beliau menggadaikan maruah diri dan perjuangannya, beliau telah menjilat kembali ludahnya dan sebagainya. Pendeknya atas nama wang dan kuasa, seluruh perjuangan lamanya itu, telah musnah sama sekali akibat kemasukannya di dalam UMNO dan perubahan di dalam dirinya.

Saya tidak bertujuan untuk menentang fikiran dan kritikan ini. Saya juga tidak berhajat untuk bersetuju dengan fikiran dan kritikan yang demikian itu. Setiap orang bebas untuk menilai '*baik buruknya*' perjuangan seorang ahli politik

asalkan penilaian tersebut berasaskan pengetahuan empirikal dan kersionalan pendapat yang boleh diterima akal, lojik, munasabah dan bertanggungjawab. Unsur-unsur ini amat penting dipergunakan di dalam sesuatu penilaian yang kita lakukan, sebab penilaian yang menolak unsur-unsur demikian, ia mudah dibungkus oleh sifat-sifat kecaman, kritikan, tuduhan dan tohmahan yang tidak berasas sama sekali.

Tetapi jikalau betul apa yang didakwa bahawa perjuangan Anwar itu telah berubah, maka ciri-ciri perubahan tersebut perlulah diteliti dan dikaji dengan pemikiran yang rasional dan terbuka. Adakah kerana beliau masuk UMNO, maka perjuangannya sudah berubah? Apakah dengan menukar pakaian dari baju Melayu dan ketayap putih kepada coat dan tali leher, maka perjuangannya juga telah berubah? Adakah kerana menari lagu asli, menyanyi lagu Hindustan, makan bersudu dan garfu, maka perjuangannya juga ikut sudah berubah? Adakah semua benda-benda '*berubah*' yang disebutkan ini '*haram*' di sisi Islam?

Perubahan dalam erti yang lebih luas dan bermakna ialah perubahan di dalam peningkatan kemampuan manusia yang luar biasa. Perubahan dari segi positif, selalunya menghasilkan beberapa kemajuan besar di dalam pelbagai bidang. Dari segi pandangan Islam, perubahan selalunya mewujudkan dua reaksi utama. Pertama, sikap penafian terhadap kewujudan pelbagai gejala dan oleh golongan tradisional. Mereka mempercayai bahawa ahli-ahli hukum (fikih) dan cendekiawan klasik Islam boleh menyelesaikan semua masalah dan gejala tadi bagi sepanjang zaman. Dan kedua, datangnya golongan modenis yang mengaut teori-teori perubahan dan perkembangan sosial yang konvensional dari Barat yang berdasarkan pendapat umum bahawa '*sesuatu itu berubah*'. Dengan berdasarkan premis '*sesuatu itu berubah*' maka kehidupan kita seolah-olah akan bergantung kepada '*perubahan*' itu saja.

Dua reaksi ini menyebabkan seolah-olah manusia

terpaksa menyerahkan untung nasibnya secara amat melampau. Dan di dalam Islam, misalnya kini, kita sedang melihat wujudnya suatu keadaan terumbang ambing oleh penyerahan yang bersifat melampau tadi, dengan pergantungan kepada antara tradisionalisme yang beku dengan modenisme yang tidak jelas. Antara dua reaksi ini, kita perlu membuat penentuan paling baik di dalam tradisi kita dan menerima yang paling baik di dalam modenisme tadi.

Bagi orang-orang Barat, teori perubahan sosial berkisar pada andaian bahawa '*sesuatu itu berubah*', sementara bagi kita pula ialah adanya kemungkinan untuk '*merubah sesuatu*', iaitu realiti yang memerlukan kita membuat perubahan bagi menghasilkan sesuatu yang lebih baik. Perubahan bagi kita adalah penentu kepada masa depan.

Sebagai perbandingan, '*mengubah sesuatu*' bermakna menegapkan perpaduan dan kerjasama antara satu sama lain. Dan di dalam perspektif Islam, Tuhanlah yang menetapkan nilai, bukan kita manusia. Oleh itu nilai tidak akan berubah; malah ia kekal abadi. Ini bermana bahawa seseorang Islam ialah orang yang telah menerima nilai dan norma yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi. Oleh itu kita perlu '*mengubah sesuatu*' di dalam lingkungan yang tidak bertentangan dengan nilai dan norma-norma Islam, iaitu yang lebih mengutamakan permuafakatan daripada pertentangan dan persaingan. Contohnya, di dalam Al-Quran sering menyuruh supaya orang-orang yang beriman melakukan '*perubahan*' kepada diri mereka sendiri. Di dalam hubungan ini, Nabi Muhammad s.a.w. sendiri mengambil masa 23 tahun untuk membuat perubahan kepada komuniti umat Arab yang beriman.

Penjelasan di atas sebenarnya tidaklah bertujuan untuk menjawab dakwaan Mohd. Sayuti atau orang-orang yang tidak bersetuju dengan perubahan yang dikatakannya terjadi di dalam perjuangan Datuk Sri Anwar Ibrahim itu. Teori

perubahan di atas memperlihatkan konsep dan ciri-ciri yang membezakan antara '*sesuatu itu berubah*' dengan kita patut '*mengubah sesuatu*' berdasarkan kehendak Islam. Tentulah dalam usaha '*mengubah sesuatu*' ini, soal masuk UMNO, pakaian Melayu, coat, tali leher, menari, menyanyi, sudu dan garfu adalah menjadi perkara yang amat remeh temeh di dalam konsep '*perubahan*' yang saya bicarakan ini. Sudah pasti bahawa perubahan-perubahan '*luaran*' yang tidak berkaitan dengan sikap, akidah, keimanan dan prinsip perjuangan sebenar, bukanlah perubahan yang boleh dierangkan sebagai mengkhianati perjuangannya yang asal dan murtad di dalam ikatan akidah dan perjuangannya.

Perlulah difahami bahawa bukanlah mudah untuk mensifatkan seseorang Islam itu telah menyeleweng dari akidah, perjuangan dan keimanannya. Ini kerana pengertian akidah merupakan *satu ikatan yang mengikat kepada sesuatu yang lain*, atau *ikatan keyakinan yang mengikat diri seseorang, pemikir, hati dan jiwa kepada satu keyakinan yang padu*. Berdasarkan hakikat pengertian dan makna akidah yang menurut konsep Islam inilah, seseorang Muslim yang berada di dalam keadaan goyah sekalipun, namun kepercayaan, akidah dan keimanannya terhadap Islam sama sekali tidak tergugat, tergoncang dan sebagainya sehingga boleh membawa murtad. Ini kerana rukun keyakinan yang dikaitkan dengan akidah tadi adalah *tali pengikat* kepada seseorang Muslim untuk hidup dan beramal berasaskan keyakinannya, iaitu iman atau kepercayaan. Iman juga mengandungi pengertian yang serupa dengan konsep akidah, iaitu pengertiannya mencakupi maksud '*kesejahteraan, kejujuran dan amanah*'.

Berdasarkan pengertian akidah dan keimanan yang berasaskan konsep Islam inilah dan melihat dan mengkaji pula konsep perubahan yang saya kemukakan di atas itulah, maka adakah wajar kita patut mendakwa bahawa dengan hanya berasaskan perubahan-perubahan luaran yang terjadi

di dalam diri Datuk Sri Anwar Ibrahim itu, maka perjuangan dan keyakinannya terhadap Islam sudah berubah? Apakah perubahan di dalam perjuangannya itu hanya berasaskan perkara-perkara yang remeh temeh tadi, sedangkan mengikut pengertian akidah dan keimanan di dalam Islam, ia amat sukar tergugat atau tergoncang, walaupun seseorang itu berada di dalam keadaan yang goyah sekalipun?

Sebenarnya dalam beberapa hal, saya melihat dan merasakan bahawa segala macam kecaman, kutukan, fitnah dan sebagainya yang dilemparkan oleh mereka yang meragukan dan tidak mempercayai perjuangannya itu, sengaja mengambil contoh tentang perkara-perkara yang remeh temeh tadi sebagai alasan yang mudah untuk mengecapnya sebagai pejuang yang telah murtad dan tidak berakidah, sedangkan hakikat di dalam perjuangan membina bangsa dan agama ada di dalam jiwa kita sendiri dan bukannya bersangkut paut dengan perkara yang remeh temeh tadi. Oleh itu untuk menuduh seseorang itu mengkhianati perjuangannya atau kita menganggapnya ‘murtad’ maka kita perlulah mencari hujah dan fakta yang lebih kuat dan kukuh.

Sebenarnya untuk mencapai matlamat perjuangan, kita perlu merangka dan mengatur perubahan. Perubahan tidak bermakna suatu kemajuan jika perubahan tersebut tidak berwawasan atau visi. Sebagai contoh misalnya, kekejaman modenisme di dalam perubahan ialah kerana ia mengubah masa depan, mengubah setiap sesuatu, termasuklah nilai dan norma kita. Ini menjadikan kita tidak menentu dan kacau bilau. Inilah perubahan yang tidak membawa kemajuan. Tetapi kemajuan yang boleh kita capai melalui perubahan ialah seperti saranan penyair dan ahli falsafah yang terkemuka, Muhammad Iqbal bahawa ‘*kita perlu mencuba mencapai bintang - kemudian kita lihat apa yang mampu kita capai*’. Usaha untuk mencapai bintang bukanlah usaha sebarang. Sehingga ini ahli-ahli sains Amerika dan Russia hanya baru mencapai bulan dan belum lagi sampai ke bintang. Tetapi

maksud dari saranan tersebut ialah bahawa kita perlu berusaha mencari sesuatu yang baru dan membuat perubahan berdasarkan penemuan-penemuan baru yang boleh mendarangkan faedah bagi mewujudkan kemajuan.

Inilah barangkali salah satu sebab, mengapa selepas Datuk Sri Anwar Ibrahim memasuki UMNO, beliau telah mengubah sikap, pendekatan dan halacara perjuangannya itu supaya sesuai dengan konsep '*mengubah sesuatu*' seperti yang disebutkan di atas tadi. Perubahan ini perlu dilakukannya kerana sebagai bakal pemimpin, beliau tidak patut jumud atau statis dengan sikap dan konsep lamanya. Beliau juga tidak harus berpuas hati dan goyang kaki selepas membuat pelbagai kritikan, kecaman dan kutukan terhadap dasar-dasar perjuangan orang lain. Sebaliknya beliau perlu menerjunkan diri dan melibatkan jiwa raganya secara total di dalam perjuangannya itu bagi membetulkan dan memperbaiki segala kelemahan dan kepincangan yang pernah dikritik dan dikecamnya dulu.

Bagi mencapai tujuan ini, beliau perlu melanjutkan perjuangan di dalam usaha mengubah struktur kepimpinan parti sebagai langkah dan matlamat kedua. Di dalam usaha mengubah struktur kepimpinan ini, beliau berpendapat bahawa perubahan struktur ini bukanlah segala-galanya di dalam proses perubahan politik, tetapi perubahan di dalam struktur politik boleh dicapai melalui berubahan di dalam kepimpinan. Berpegang kepada teori ahli sains politik, Gaefano Mosca bahawa '*struktur kuasa hanya terdiri dari pada segelintir manusia*', maka beliau yakin bahawa perubahan kepimpinan boleh menjadi mudah apabila adanya *pemerintahan oleh sekumpulan elit* seperti yang disebutkan oleh ahli Sosiologi Itali, Vilfredo Pareto. Ini bermakna dengan adanya sokongan di dalam kepimpinan UMNO, beliau percaya bahawa cita-citanya untuk muncul sebagai pemimpin pelapis akan boleh dicapai, walaupun dalam hal yang lain beliau menyedari juga bahawa perubahan '*mikro*' di peringkat

elit adalah kecil, tetapi ini boleh diselesaikan.

Satu-satunya yang diyakini di dalam perjuangan politiknya ialah bahawa wawasan dan firasat seorang pemimpin yang berhemah tinggi, biasanya boleh membawa makna dan perubahan besar kepada masyarakat, bangsa dan negara. Dalam sebuah masyarakat moden dan terbuka, kecenderungan untuk memilih dan mengubah kepimpinan yang baru selalu didorong oleh sikap dan sifat-sifat kecendekiawan yang ada. Kecenderungan ini mungkin diakibatkan oleh kekaguman terhadap wawasan dan firasat seseorang pemimpin yang diandaikan bahawa seseorang atau beberapa orang pemimpin yang berhemah tinggi boleh membawa makna yang besar kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Bagaimanapun ini tidak bermakna orang yang berhemah tinggi itu seratus peratus menjadi baik. Ini kerana ia terpaksa memikul tugas penting di dalam membentuk kehidupan masyarakat, bangsa dan negaranya di dalam lingkungan pemikiran yang amat terbatas. Oleh sebab itu, di dalam politik, seperti dalam kehidupan sebenarnya, biar apapun ukuran dan tahap amalan, nilai baik dan keikhlasan, seorang pemimpin itu menghadapi kesukaran untuk bersikap objektif tanpa dipengaruhi oleh kepentingan diri sendiri, terutamanya pemimpin-pemimpin yang lemah.

Di dalam hubungan ini, cara terbaik bagi merubah dan mengubah kepimpinan politik negara ialah melalui cara yang tidak terancang atau jika mungkin melakukannya melalui cara yang tidak keterlaluan. Cara ini boleh membantu mewujudkan satu sistem perubahan kepimpinan yang tersusun dan sah mengikut peraturan, tradisi dan demokratik. Ini boleh dilakukan melalui empat cara, iaitu melalui sistem demokrasi, peraturan undang-undang, pembentukan budaya politik yang sihat dan membudayakan institusi hidup sebagai proses amalan bagi menyekat unsur yang tidak bertanggungjawab dan memikul beban kepimpinan.

Demikian antara lain, dua aspek penting yang saya

anggap satu visi yang cukup menonjol sepanjang sepuluh tahun Datuk Sri Anwar Ibrahim melibatkan dirinya di dalam politik UMNO. Berbekalkan potensi dan kecemerlangan perjuangan masa lampau di dalam gerakan pelajar dan gerakan Islam, kemasukannya ke dalam UMNO mencetuskan pelbagai perubahan di dalam struktur organisasi pertubuhan tersebut. Keluarnya Musa Hitam dari kabinet, tersingkirnya Pak Lah dari kerajaan, wujudnya team A dan team B dalam UMNO dan haramnya UMNO lama dan munculnya parti Semangat 46, sedikit sebanyak mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan tindakan-tindakan politiknya di dalam parti itu.

Tetapi di dalam semua gejala ini, kemunculan beliau sebagai aktivis politik yang dikatakan berpotensi, telah pula menggugat dan menggigit kawan dan lawannya. Kita melihat sejak sepuluh tahun yang lalu, ramai pemimpin-pemimpin politik yang berpotensi telah jatuh seorang demi seorang sehingga seolah-olah mereka yang jatuh itu tidak mempunyai kemungkinan lagi untuk muncul semula. Adakah kerana cara kemasukannya ke dalam UMNO itu seperti halilintar, maka kejatuhan pemimpin-pemimpin yang lain di dalam UMNO itu juga akibat dipanah oleh petir dan halilintar tersebut? Sudah tentu persoalan ini tidak bersifat intelek, tetapi justeru begitu pun, saya menjadi kaget, kerana di tengah-tengah perubahan di dalam perjuangannya yang menimbulkan tanda tanya, kemarahan, kejelikan, kebencian, hasutan dan fitnah kepada setengah-tengah orang itu, saya masih mendapat jawapan bahawa untuk suatu tempoh, daripada sepuluh orang yang berfikir siapa yang bakal menjadi Perdana Menteri selepas Mahathir dan Ghafar, enam orang daripadanya segera meramalkan: Datuk Sri Anwar Ibrahim!

Ramalan, seperti kitab nujum, tidak semestinya tepat. Tetapi tidak pula bermakna tidak tepat, sebab fungsi '*ramalan*' dibuat sebelum sesuatu keputusan atau benda itu

diambil dan dapat dilihat dengan mata. Ini bermakna bahawa ramalan yang dibuat terhadap Datuk Sri Anwar itu bersifat tekaan atau agak-agak saja. Boleh jadi betul dan boleh jadi tidak. Tetapi pada prinsipnya, sesuatu '*ramalan*' yang dibuat itu selalunya bersifat hipotesis atau jangkaan-jangkaan yang berasaskan kepada faktor yang bersifat menyokong kepada ramalan tersebut. Orang sukar membuat ramalan tentang kejayaan seseorang, jika tidak ada sebab dan fakta yang kuat dan boleh menyokongnya. Orang meramalkan UMNO akan menang di dalam pilihanraya kerana parti itu tidak pernah kalah sebelumnya, sementara parti-parti lawan tidak sekuat seperti parti UMNO. Demikianlah makna '*ramalan*' bagi saya peribadi. Saya keberatan mahu menggunakan '*Kamus Bahasa Malaysia*' terbitan Dewan Bahasa kerana maknanya tidak sama dengan apa yang saya maknakan.

Asas ramalan yang dikemukakan oleh mereka ialah bahawa scop perjuangan Datuk Sri Anwar Ibrahim itu amat jelas, iaitu perjuangan untuk meninggikan syiar Islam dan perjuangan untuk mempertahankan dan meninggikan martabat bangsa Melayu yang berilmu, berakhhlak mulia dan beramanah di samping meninggikan nilai-nilai budaya tempatan. Tiga perkara yang menjadi asas perjuangannya ini amat cucuk dan sebatی dengan kemahuan dan aspirasi orang-orang Melayu.

Kebanyakan pemimpin UMNO yang berjuang sebelum dan selepas ini telah tidak cuba menggabungkan ketiga-tiga faktor tersebut di dalam perjuangan mereka. Kebanyakan daripada mereka menjuruskan kepada satu-satu perjuangan saja. Oleh itu kejelasan perjuangan mereka tidak mencakupi kehendak dan inspirasi orang-orang Melayu seluruhnya.

Soal sama ada ketiga-tiga faktor yang diperjuangkan oleh Anwar itu boleh mencapai kejayaan atau tidak, merupakan soal yang kedua. Sebagai pemimpin pelapis parti, faktor-faktor perjuangannya itu dikira memadai bagi meletakkan harapan dan pergantungan bangsa Melayu kepadanya.

Selain dari faktor-faktor perjuangannya itu, Datuk Sri Anwar juga mempunyai perwatakan dan peribadi yang tersendiri. Di dalam dirinya terpancar perwatakan yang jelas dan sikapnya yang canggih. Sekalipun imej dan personalitinya tidak seratus peratus '*perfect*' dari sudut manusia muslim, namun keperibadian dan kewibawaannya itu seakan-akan mengalahkan kebanyakan pemimpin UMNO yang lain.

Bagi sebahagian orang, terutamanya musuh-musuh politiknya, kualiti Anwar yang saya sebutkan di atas mungkin sudah banyak yang menjadi '*barang antik*' dan tidak boleh dipakai lagi. Kualiti kepimpinannya itu mungkin hanya suatu gejala masa lampau, iaitu ketika beliau menjadi pemimpin ABIM dulu, dan ketika beliau belum menerjunkan dirinya di dalam politik UMNO. Sekarang mungkin nilai-nilai yang saya sebutkan itu sudah 'tidak berkualiti' lagi. Perubahan dirinya mungkin telah memusnahkan segala kualiti yang ada di dalam dirinya itu.

Saya tidak bercadang untuk membantah, jika ada pihak yang membuat dakwaan demikian. Nilai diri dan kemuliaan seseorang adalah tanggapan yang amat '*abstrak*' dan sementara kita tidak mempunyai kayu ukur untuk menentukan kedudukan dan nilainya yang sebenar, tanggapan kita terhadap nilai '*baiknya*' seseorang, selalunya bersifat subjektif, apalagi peranan sentimen dan sentimental kita itu akan menjadi lebih atau menjadi kurang bila seseorang itu menjadi sahabat atau musuh kita.

Di dalam hubungan ini, saya berpegang kepada hakikat bahawa selagi di dalam diri Datuk Sri Anwar Ibrahim itu tidak dicatatkan oleh sikap yang buruk, kelakuan yang mencelakan, perangai yang hodoh dan tindakan yang buruk dilihat dari justifikasi moral tertentu yang boleh memusnahkan imej peribadi kepimpinannya, maka selagi itulah kualiti dan nilai-nilai yang saya sebutkan tadi boleh dipertahankan. Saya fikir sikap dan pendirian saya di dalam konteks ini adalah objektif, sesuai dengan keperluan seorang yang mahukan

seorang pemimpin yang berwibawa dan dihormati, dan saya akan mempertahankannya, selagi kualiti dan nilai-nilai dirinya itu tidak dirobek oleh sesuatu kemungkaran.

Berasaskan kualiti dan nilai-nilai peribadi dan kewibawaan yang ada kepada dirinya inilah, maka ramalan bahawa Datuk Sri Anwar akan menjadi Perdana Menteri menjadi tidak mustahil. Ketidakmustahilan ini bukan saja berdasarkan kualiti dan nilai-nilainya tadi, tetapi juga berdasarkan kepada ketiga-tiga faktor yang menjadi konsep perjuangannya itu, di samping beliau mendapat sokongan yang kuat dari Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Sudah tentu bahawa untuk menjadi Perdana Menteri, beliau bukan saja terpaksa bersaing pula dengan Datuk Abdullah dan Datuk Sri Sanusi juga – satu ‘*saingan*’ yang sesungguhnya amat merugikan bangsa Melayu sendiri, tetapi juga beliau perlu dan terpaksa mempertahankan kualiti kepimpinannya seperti dulu (dalam sifat-sifat peribadinya) dan di samping itu beliau tidak patut menunjukkan sifat-sifat yang tercela seperti bersikap keras, hipokrit, bongkak dan sompong di dalam hala-cara perjuangannya, seperti mana orang mula memperkatakannya sekarang.

Saya mendapat kesan bahawa sejak beliau menjadi Menteri Kewangan sekarang, perwatakan dan sifat-sifat dirinya yang mulia dan canggih sebelum ini, dikatakan telah bertukar menjadi ‘*egoistik*’ dan ‘*selfish*’. Saya menjadi amat sedih jika apa yang dikatakan ini menjadi benar, kerana sebelum ini beliau tidak mempunyai perwatakan dan sifat-sifat yang demikian.

Saya timbulkan hal ini berdasarkan tiga perkara. Pertama, perjuangan untuk menegakkan bangsa dan agama yang dicetuskan oleh sikap, akidah dan keimanan merupakan sesuatu yang utama. Perjuangan yang bersandarkan konsep ini merupakan suatu wadah yang penting dan bernilai, kerana unsur perjuangan itu datangnya dari hati dan jiwa. Oleh itu selagi sikap, akidah dan keimanan seseorang pemimpin itu

tidak berubah di dalam perjuangannya, maka perubahan-perubahan yang datang dan melanda luaran hidupnya tidak mungkin akan menjaskannya sikap, akidah dan keimannya. Kedua, perubahan-perubahan luaran yang berlaku kepada dirinya seperti pakaian, makan bersudu dan bergarfu, menyanyi dan menari dan masuk UMNO, tidak akan mengubah dan mempengaruhi keluhuran perjuangannya yang asal. Sikap, akidah dan keimanan yang wujud di dalam hati dan jiwa tidak akan berubah akibat daripada perubahan-perubahan luaran ini.

Tetapi yang ketiga dan inilah yang hendak saya tekankan di sini, ialah perubahan yang berlaku di dalam perwatakan dan sifat-sifat diri seseorang pemimpin. Betapa baikpun perjuangan seorang pemimpin itu dan betapa penting pun sikap, akidah dan keimanan seseorang pemimpin, namun jika wataknya, tingkah lakunya, budi bahasanya dan kelaku kelayaknya tidak mencerminkan sikap, akidah dan keimanan tadi, maka imej keperibadiannya sebagai pemimpin akan terjejas. Kelakuan-kelakuan ini bukanlah boleh dianggap suatu perubahan luaran, tetapi suatu perubahan dalaman yang menuju kepada kemusnahan sikap, akidah dan keimanan tadi. Ini kerana kelakuan-kelakuan peribadi yang buruk ini adalah sebahagian daripada sikap, akidah dan keimanan.

Saya kemukakan isu ini kerana, sementara ketiga-tiga orang pemimpin ini menjadi harta dan khazanah berharga kepada bangsa, agama dan negara, ada di antara mereka yang tidak sefaham dan sebulu di dalam politik. Ini sesungguhnya sesuatu yang amat menyedihkan. Sedih kerana di dalam '*saingan*' politik yang demikian, ia akan berakhir dengan bahawa jika seorang itu menjadi '*ok*', maka yang lainnya akan menjadi '*k.o.*' Saya berharap '*saingan*' ini bukanlah suatu gusti, di mana bila seseorang itu mencapai kemenangan, maka yang lainnya akan gugur terus. Sebagai harta dan khazanah bangsa, agama dan negara yang berharga, mereka adalah saham masa depan bagi kemajuan bangsa kita sendiri.

Bab Kesembilan

DATUK ABDULLAH BADAWI: SUATU PERSPEKTIF

SEORANG Penghulu di kampung saya ketika menghadiri Perhimpunan Agung UMNO akhir November 1990 lalu, keberatan untuk bersalam dengan saya ketika kami terserempak secara kebetulan di lobi bangunan PWTC. Beliau keberatan bersalam dengan saya kerana sebagai penyokong kepada Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, beliau kesal kerana saya telah membuat beberapa kritikan politik terhadap Datuk Abdullah di dalam sebuah akhbar mingguan lewat setahun yang lalu.

Tetapi apa yang memeranjatkan saya, selepas saja Datuk Abdullah diumumkan berjaya mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO di dalam perhimpunan tersebut, Penghulu ini datang mencari saya dan dari jauh lagi beliau tersenyum-senyum menghulurkan tangannya kepada saya sambil menyindir, “apa macam? Datuk menang juga bukan?”

“Tahniah!” jawab saya sambil ketawa. Tangan saya digenggam seerat-eratnya. Wajahnya, saya lihat berseri sekali – berbeda ketika dia enggan bersalam dengan saya sebelum itu.

Demikianlah gambaran kegembiraan seseorang, beberapa orang dan segolongan orang UMNO, terutamanya selepas Datuk Abdullah diumumkan menang di dalam jawatannya sebagai Naib Presiden UMNO bagi tempoh tiga tahun lagi.

Kegembiraan mereka itu sudah sewajarnya dan justeru saya tidak perlu dikaitkan dengan kemenangan beliau mempertahankan kerusi Timbalan Presiden UMNO itu, saya berpendapat bahawa orang yang paling berjaya di dalam Perhimpunan Agung UMNO itu, ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi sendiri. Lagi sekali saya mengucapkan tahniah kepadanya!

Kemenangan Datuk Abdullah di dalam mengekalkan kerusi Timbalan Presiden parti itu, sebenarnya '*kemenangan bagi orang-orang yang sabar dan setia.*' Datuk Abdullah merupakan lambang kesabaran dan lambang kesetiaan orang-orang UMNO di dalam parti. Beliau merupakan salah seorang dari empat orang pemimpin UMNO yang sabar dan setia menghadapi dugaan. Mereka termasuklah Encik Ghafar Baba, Datuk Sri Sanusi Junid, Datuk Mohamad Rahmat dan Datuk Abdullah sendiri, iaitu tiga orang pemimpin parti (kecuali Datuk Sanusi), yang mengikut sejarahnya pernah disingkir atau keluar dari pucuk kepimpinan parti atas beberapa faktor tertentu. Tetapi mereka tidak pernah kecewa dan merajuk lalu keluar dari parti dan memasuki parti lain atau menubuhkan parti baru. Berkat dari kesabaran dan kesetiaan tersebut itulah, keempat-empat tokoh politik ini, akhirnya terus berjaya mengekalkan kedudukan mereka di dalam UMNO. Saya kira ini satu contoh yang baik bagi perjuangan orang-orang politik. Tidak mudah hilang sabar. Tidak mudah hilang kesetiaan dan tidak mudah merajuk sehingga terpaksa mencari kubu perjuangan politik yang lain. Kesabaran sebenarnya sebahagian daripada keimanan!

Selain dari mengamalkan sifat-sifat sabar dan setia, Datuk Abdullah sebenarnya seorang pemimpin yang baik. Baik dalam ertikata ramah dan mesra apabila berjumpa dan bertemu dengan sahabat-sahabat dan penyokong-penyeokong politiknya. Tangannya amat mudah menepuk-nepuk bahu sahabat-sahabatnya dan penyokong-penyeokong yang ditemuinya. Mulutnya manis dan wajahnya sentiasa berseri-

seri. Hatinya? Hatinya saya tidak tahu. Hati ayam boleh dilihat. Hati gajah boleh dilapah, tetapi hati manusia siapa tahu? Hati Datuk Abdullah tidak diketahui orang. Tetapi mengikut hipotesis saya dan beberapa orang teman yang lain, hatinya amat keras.

Tetapi sifat-sifat sabar dan sifat-sifat setianya itu, hanya sebahagian yang amat kecil dari keseluruhan sifat-sifat seorang pemimpin. Sifat-sifat ini adalah personal, peribadi dan tersendiri bentuknya. Ia mungkin menarik, menarik minat orang ramai untuk menyokongnya atau bersimpati dengan perjuangannya. Tetapi perspektif tentang sifat-sifat kebaikan ini tidak memberi ‘impact’ secara langsung kepada ciri-ciri perjuangan seorang pemimpin yang sebenar. Ini kerana pemimpin dan kepimpinan yang sebenar, bukan saja harus bersifat sabar, setia, baik dan ramah, tetapi yang lebih penting dari itu, sifat dan bentuk kepimpinannya itu, mestilah boleh mendatangkan kegunaan, kepentingan, kebahagian dan keberuntungan kepada pihak yang dipimpinnya. Tanpa mempunyai sifat dan bentuk kepimpinan yang mempunyai ciri-ciri yang seumpama ini, sukarlah seseorang itu menjadi pemimpin yang dikagumi oleh masyarakat bangsanya, kerana kesabaran dan kesetiaan saja tidak mencukupi bagi seseorang itu boleh diangkat menjadi pemimpin yang dikagumi dan dihormati.

Sepanjang sejarah penglibatan beliau di dalam politik UMNO, inilah kesan saya ketika melihat dan menilai perjuangan politik Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi ini. Berbanding dengan ayahnya, Datuk Haji Ahmad Badawi dan berbanding dengan datuknya, Haji Abdullah Fahim, Datuk Abdullah kelihatan lebih sederhana sifatnya dan lebih toleran bentuknya. Allahyarham ayahnya lebih keras dan radikal. Malah Allahyarham datuknya juga lebih agresif lagi. Orang ramai amat menghormatinya, sekaligus orang amat takut dan hormat dengan kealiman dan tegur sapanya yang amat bermakna. Ada cerita menyebutkan bahawa jika tokoh

ulama ini menegur seseorang taukeh kedai yang menjual barangnya dengan harga yang mahal, alamat bankruplah pekedai itu nanti. Demikianlah betapa '*berpengaruhnya*' Haji Abdullah Fahim, datuk kepada Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi itu.

Malangnya pengaruh keagamaan yang kuat dan berkesan itu, tidak seluruhnya diturunkan kepada cucunya itu, walaupun Datuk Abdullah sendiri lulus pengajian Islam di Universiti Malaya. Malah sifat-sifat keras dan radikal seperti yang pernah diperlihatkan oleh ayahnya Datuk Haji Ahmad Badawi semasa menjadi pemimpin politik di Kepala Batas dulu, juga tidak diturunkan kepadanya. Mungkin sifat-sifat yang menarik ini sengaja tidak diturunkan oleh Allah kepadanya, kerana ada seorang tua di Kepala Batas pernah memberitahu saya, Datuk Abdullah sebenarnya telah melanggar pesanan orang tuanya.

Datuk Haji Ahmad Badawi, khabarnya, tidak mahu Datuk Abdullah melibatkan diri di dalam politik. Datuk Abdullah hanya direstui menjadi seorang pentadbir atau diplomat yang cekap dan berwibawa saja. Bukan pemimpin politik seperti yang diperjuangkannya sekarang. Mungkin ada sebab dan alasan-alasan tertentu mengapa orang tuanya itu enggan mahu melihat anaknya menjadi orang politik. Mungkin orang tua itu menyedari bahawa dengan mempunyai sifat-sifat kebaikan, kesabaran dan keramahannya saja, ia mungkin tidak mencukupi bagi membolehkan anaknya itu menjadi seorang pemimpin politik yang berkualiter dan diterima serta dibanggakan oleh bangsa dan negaranya. Wallawa'alam. Saya tidak tahu.

Cerita ini mungkin dongengan, mungkin sebuah metos yang sengaja direka-reka saja. Bagaimanapun hipotesis dan alasannya boleh dicari dan dibentuk sama ada mahu membentarkan cerita itu ataupun menafikannya. Ia hanya sebuah citra menarik tetapi tidak boleh dijadikan sandaran apa-apa. Jatuh bangunnya perjuangan politik Datuk Abdullah

sendiri, bergantung kepada kebolehan, kemampuan dan keupayaannya untuk melaksanakan cita-cita politiknya di samping mendapat restu dan sokongan daripada penyokong-penyokongnya yang lain. Ayahnya hanya berharap.

Kebolehan, kemampuan dan keupayaannya inilah yang cuba saya sorot untuk memperlihatkan potensinya sebagai pemimpin politik dan bakal pemimpin negara. Saya ambil contoh perjuangan politiknya di Pulau Pinang, khususnya di kawasannya sendiri, di Kepala Batas, sebagai bahan kajian dan renungan.

Bagi komuniti penduduk Kepala Batas, Datuk Abdullah adalah pewaris kepimpinan agama dan politik yang amat dihormati. Ini sama dengan Datuk Sri Najib Tun Razak yang pada awal mulanya bergantung kepada karisma ayahnya, sebelum muncul menjadi ketua Pemuda UMNO Malaysia sekarang. Datuk Abdullah tidak mempunyai kecacatan dan kecelaan di dalam perjuangannya. Dalam sejarah peribadinya, ibunya adalah seorang yang berketurunan China Canton Islam yang cukup baik dan ramah. Isterinya berketurunan Jepun di sebelah ibunya dan ini memberikan digniti yang luar biasa kepada aliran kekeluarganya. Ayahnya seorang Melayu. Ibunya seorang keturunan Cina, dan isterinya keturunan Jepun. Dari segi salasilah keturunan dan keluarga, ia adalah lambang percampuran dari pelbagai usur etnik yang berbeza-beza.

Bagaimana pun mengkhususkannya sebagai aktivis politik, tidak ada apa sebenarnya yang dibuat oleh Datuk Abdullah di Kepala Batas itu. Pekan itu, sejak saya tinggalkan kira-kira 25 tahun yang lalu, tidak menempuh pembangunan fizikal yang sewajarnya. Saya pernah menamakannya sebagai '*Pekan Cowboi*' atau Pekan Golok. Ini kerana pekan tersebut tidak banyak mengalami kemajuan yang sewajarnya khusus untuk orang-orang Melayu. Hanya akhir-akhir ini, barulah ada rancangan pembinaan lebuhraya yang akan melintang di pinggiran pekan itu dan ada pula projek pasarniaga yang

akan dibangunkan di tengah-tengah pekan tersebut bagi membantu Bumiputera bermiaga di situ. Infrastruktur di kawasan pekan itu tidak banyak yang dapat dilihat secara jelas sebelum ini, walaupun peruntukannya ada, kecuali tanah sawah yang dulunya terbiar, kini kelihatan bersih dan mula ditanam semula dengan padi setahun dua kali. Dulunya ada juga projek penanaman padi yang serupa itu, tetapi gagal. Sementara di hadapan rumahnya sendiri, pondok agama peninggalan ayah dan datuknya yang amat termasyhur dulunya itu, kini terbiar begitu saja ‘hidup segan mati tak mahu’. Alangkah ruginya bangunan pondok itu tanpa sebarang perancangan dinamik untuk menyusunnya kembali. Demikian juga dengan pejabat UMNO yang hanya menggunakan ‘rumah sejarah’ datuknya itu tidak menampakkan kehebatan seperti rumah UMNO, di tempat-tempat lain.

Di Pulau Pinang keadaannya lebih teruk lagi. Walaupun pembangunan di pulau itu terus membangun dengan pesatnya seperti kilang-kilang industri, perhotelan, perumahan, pelancongan, perkhidmatan dan sebagainya, namun kepentingannya dengan pengagihan kekayaan dan ekonomi orang-orang Melayu hampir-hampir tidak berubah. Sebagai pemimpin politik Melayu Pulau Pinang ketika itu, Datuk Abdullah berasib baik, kerana orang-orang Melayu di pulau itu tidak pernah merasa diri mereka ditekan dan ditindas. Sebagai penarik beca, nelayan dan petani, mereka merasa tidak pernah diancam oleh hakisan ekonomi. Malah jika ada sesiapa yang cuba menimbulkan soal-soal kemiskinan dan soal-soal kemajuan bagi orang-orang Melayu di pulau itu, mereka akan menafikannya, malah mereka akan menempelak balik kepada orang-orang yang menimbulkan persoalan tersebut dengan kata-kata: siapa cakap orang Melayu Pulau Pinang miskin dan susah?

Berdasarkan kefanatikan terhadap ketokohan beliau di Kepala Batas dan berdasarkan pula sikap yang pasif di

kalangan orang-orang Melayu yang kebanyakannya berketurunan keling (DKK) terhadap masalah ekonomi dan kemiskinan orang-orang Melayu di Pulau Pinang itu, Datuk Abdullah menjadi seorang pemimpin politik Melayu yang relax di negeri itu selama kira-kira sepuluh tahun (1978–1987). Hubungan UMNO – GERAKAN – MCA di negeri itu menjadi amat baik kerana Datuk Abdullah amat rapat dengan Dr. Lim Choong Eu. Ini kerana bekas Ketua Menteri Pulau Pinang itu dulunya adalah sahabat yang amat rapat dengan ayah Datuk Abdullah, iaitu Datuk Haji Ahmad Badawi.

Masalahnya dari segi politik dan kepimpinan negara, suasana relax dan perhubungan yang baik antara Datuk Abdullah dengan bekas Ketua Menteri itu, tidaklah menunjukkan justifikasi yang terbaik bagi kepentingan politik dan masa depan kepimpinan beliau sendiri. Dalam banyak hal, beliau tidak menunjukkan potensi di dalam perjuangannya. Bakatnya sebagai pemimpin di peringkat kebangsaan tidak jelas. Beliau tidak pernah mengkemukakan idea-idea yang baru, yang menarik dan yang boleh menimbulkan rangsangan pemikiran seperti gagasan, wawasan dan sebagainya seperti mana yang dibuat oleh Dr. Mahathir, Datuk Sri Anwar Ibrahim ataupun Datuk Sri Sanusi Junid, baik di dalam politik maupun di dalam pembangunan negara. Beliau bersifat sebagai penyokong parti yang setia seperti Encik Ghafar Baba.

Sebagai bakal pemimpin negara, rakyat mahu melihat apakah gagasan, pemikiran dan visi yang akan dibawa dan diimplementasikan kepada bangsa dan negara. Rakyat tidak mahu melihat seorang pemimpin hanya menyokong partinya saja atau melakukan tugas-tugas pentadbiran dan birokrasi saja, sebab bidang tanggungjawab kepimpinan bukan sekadar memeteraikan perjanjian atau menerima kunjungan hormat tertamu luar negeri saja, tetapi lebih jauh dari itu seseorang pemimpin yang berpotensi, perlulah menunjukkan kebolehan dan kewibawaan bagi mencetuskan idea-idea baru dan

pemikiran-pemikiran yang konstruktif bagi pembangunan bangsa dan negara.

Jikalau Datuk Sri Sanusi boleh mengemukakan idea-idea baru di dalam usahanya meninggikan sosio-ekonomi kaum tani, nelayan dan penternak, maka Datuk Abdullah juga perlu menggariskan dasar dan gagasannya tentang bagaimana menyusun satu rangka pembangunan ekonomi bangsa dan negara sepetimana Dasar Pembangunan Nasional atau *Wawasan 2020* yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir itu. Dalam suasana kemajuan sains dan teknologi seperti sekarang, kepimpinan yang tidak mempunyai misi dan visi, selalunya tidak mempunyai keupayaan untuk memimpin negara. Kecergasan, kebijaksanaan dan kepintaran berpolitik dan berwawasan, akan menjadikan seseorang pemimpin itu popular, dihormati dan dikagumi oleh masyarakat bangsanya walaupun pada akhirnya tidak semua apa yang dikemukakannya itu mencapai kejayaan.

Kejayaan Datuk Abdullah dari segi ini, bukan saja kerana beliau mempunyai sifat-sifat yang baik, ramah dan mesra, tetapi juga wujudnya perasaan simpati, belas kesian dan sifat-sifat penolakan sebahagian dari perwakilan UMNO terhadap tindakan-tindakan Dr. Mahathir terhadapnya. Tanpa sebab dan akibat di dalam fenomena ini, beliau akan menghadapi kesukaran yang besar di dalam kepimpinannya itu. Inilah salah satu kejayaan yang amat menakjubkan bagi ketokohan politik seperti beliau dan saya percaya, kejayaan yang menakjubkan itu tidak akan berulang dua kali di dalam perjuangan politiknya, jika beliau hanya bergantung kepada simpati dan kesian belas saja.

Masalah besar yang sedang dihadapi oleh beliau sekarang, ialah masalah mengekalkan sokongan yang lebih luas bagi kepimpinan politiknya di masa depan. Dengan kedudukannya sebagai Menteri Luar Negeri sekarang, beliau bukan saja akan menjadi *orang luar* di dalam politik negara, tetapi juga beliau akan menjadi '*orang luar*' di dalam

UMNO. Ini kerana tugas dan tanggungjawabnya sebagai pemimpin yang perlu kepada interaksi dengan pelbagai pihak di dalam parti telah dan akan menjadi kurang. Dan sementara pemimpin-pemimpin lain boleh membina kekuatan di dalam hubungan yang demikian, beliau akhir-akhirnya akan mendapati bahawa tanpa bantuan dan sokongan '*timbal balik*', di dalam hala-cara dan interaksi politik seperti ini, sokongan kepadanya akan menjadi semakin sempit, kecuali sokongan daripada orang-orang yang fanatik seperti Penghulu tadi yang gembira dengan kemenangannya itu. Yang lain-lainnya akan lari bercempera ke tempat lain mencari dahan pergantungan.

Bagaimanapun tanggapan dan tafsiran yang seperti ini tidak selalunya boleh dianggap benar. Kegagalan Tan Sri Ghazali Shafie di dalam politiknya bukanlah kerana beliau tidak mempunyai interaksi yang luas dengan penyokong-penyokong UMNO, tetapi sifat-sifat diplomatika beliau jauh lebih menonjol daripada sifat-sifat kepolitikusannya sendiri. Oleh itu walaupun beliau seorang intelek, cekap, pintar dan matang, namun di dalam berpolitik, beliau kelihatan amat lemah dan tanpa diplomasi. Akibatnya beliau kurang mendapat sokongan daripada penyokong-penyokong UMNO yang lain. Datuk Abu Hassan Omar juga demikian. Justeru beliau seorang yang lembut dan penuh diplomasi, tetapi di dalam bidang kerjaya diplomatik, beliau kelihatan tidak menonjol. Sebab itulah di dalam bidang diplomatika, potensi beliau sebagai seorang diplomat tidak nampak teserlah.

Dalam hubungan ini, apa yang berlaku kepada Datuk Abdullah akhir-akhir ini kelihatan agak berbeza jika dibandingkan dengan apa yang berlaku kepada Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Abu Hassan Omar tadi. Sepanjang seminggu di dalam pertengahan bulan Julai 1991 lalu, Datuk Abdullah tiba-tiba muncul sebagai ahli diplomat yang cekap dan berjaya. Ini diperlihatkannya melalui Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN mengenai penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dan persidangan

tahunan antara Menteri-menteri Luar ASEAN dengan tujuh rakan dialognya, iaitu Jepun, Amerika Syarikat, Canada, Australia, New Zealand, Korea Selatan dan Kesatuan Ekonomi Eropah yang diwakili oleh Belanda. Di akhir persidangan tersebut, para perwakilan dan media massa telah memuji kecekapan dan kejayaan beliau mengendalikan kedua-dua persidangan tersebut. Tahniah di atas kejayaannya ini. Nampaknya apa yang pernah dimimpikan dan diharapkan oleh Allahyarham ayahnya dulu supaya beliau menjadi seorang pentadbir atau diplomat yang baik sudahpun terbukti.

Bagaimanapun satu perkara yang menimbulkan tanda tanya di kalangan ahli-ahli politik sekarang ialah mengapa selepas beliau dipilih semula menjadi Naib Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad menyerapkannya ke dalam kabinet sebagai Menteri Luar - satu kementerian yang beberapa tahun kebelakangan ini menjadi amat penting kepada negara dan kerajaan di bawah kepimpinan beliau, sedangkan kita mengetahui untuk tempoh tiga tahun selepas tahun 1987 lalu, Datuk Abdullah telah dibuang dari kabinet akibat sokongannya kepada team B di bawah kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah.

Saya bangkitkan isu ini berdasarkan bahawa dalam dua tiga tahun kebelakangan ini, Dr. Mahathir telah memainkan peranan yang penting di dalam hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa. Banyak perkara-perkara yang melibatkan isu-isu ekonomi, politik, keselamatan dan hubungan luar di peringkat antarabangsa telah berjaya dibentuk dan dibina oleh beliau bagi membina imej negara di luar negeri. Sekarang Malaysia bukan saja sudah dikenali oleh negara-negara sama ada di kawasan Utara atau kawasan Selatan, tetapi kepimpinan negara juga sudah mula dihormati orang. Mengapa di tengah-tengah kejayaannya ini, beliau boleh melantik Datuk Abdullah menjadi tenaga penting sebagai 'jambatan'nya untuk melanjutkan kegiatannya itu? Mengapa orang yang pernah dibencinya dulu ini, kini tiba-

tiba diberi kepercayaan begitu besar sehingga menenggelamkan namanya sendiri di dalam persidangan-persidangan antarabangsa seperti ini?

Persoalan ini menarik ditinjau dan dibahaskan kerana sepanjang persidangan Anggota-anggota ASEAN, termasuk juga dengan persidangan tahunan antara ASEAN dengan tujuh rakan dialognya itu, Dr. Mahathir seolah-olah memberikan kuasa sepenuhnya kepada Datuk Abdullah sendiri dan beliau semacam relax saja. Berbeza sekali di dalam persidangan CHOGM dan Kumpulan 15 yang diadakan pada tahun yang lalu.

Saya memahami bahawa persidangan CHOGM dan Kumpulan 15 melibatkan mesyuarat Perdana Menteri perdana menteri di dalam negara-negara Komenwel, sedangkan di dalam persidangan Anggota-anggota ASEAN baru-baru ini hanya melibatkan Menteri-menteri Luarnya saja, namun dalam situasi yang seperti itu, kebanyakannya daripada delegasi tentulah ingin menemui Perdana Menteri dan ini termasuklah kunjungan Menteri Luar Australia dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat ke Kuala Lumpur untuk menemui beliau, tetapi lagi sekali saya nampak, nama Datuk Abdullah jauh lebih menonjol, seolah-olah Dr. Mahathir sengaja memprojekkan imej Datuk Abdullah di peringkat antarabangsa.

Apakah tujuan dan muslihat beliau membuat penonjolan yang serupa ini? Adakah Dr. Mahathir mahu menunjukkan kepada orang-orang UMNO bahawa beliau sebenarnya masih sayang kepada Datuk Abdullah seperti mana yang pernah beliau ditunjukkan kepada Tengku Razaleigh Hamzah semasa beliau kalah kepada Datuk Musa Hitam dulu, sehingga Datuk Musa terpaksa membantah dan meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri? Adakah beliau mahu menjadikan Datuk Abdullah seperti Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Sri Anwar Ibrahim menjadi seperti Datuk Musa Hitam pula?

Jikalau tujuannya memang demikian, maka saya melihat bahawa seolah-olah ada muslihat di dalam kepala Dr. Mahathir Mohamad sekarang, iaitu beliau mungkin mahu mengubah formula dan strategi kepimpinan politiknya seperti mana yang saya sebutkan di dalam bab keempat yang lalu. Dalam perubahan ini beliau mungkin mahukan Datuk Abdullah dan Datuk Musa Hitam kembali semula bergandingan bersama di dalam senario kepimpinan politik yang akan datang, baik selepas Ghafar Baba atau pun sebelum kemunculan Datuk Sri Anwar Ibrahim. Perubahan formula dan strategi ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Kepercayaan Dr. Mahathir kepada Datuk Abdullah dan hubungan baik beliau dengan Datuk Musa Hitam seperti yang kita lihat selepas lima tahun lalu, boleh membenarkan andaian yang saya kemukakan ini. Perubahan formula dan strategi ini lagi sekali saya katakan, bukanlah sesuatu yang mustahil. Ini kerana dari segi grass-root, pengaruh Datuk Abdullah dan pengaruh Datuk Musa Hitam jauh lebih besar daripada pengaruh Datuk Sri Anwar Ibrahim sendiri. Jika muslihat yang saya sebutkan ini betul ada dalam kepala Dr. Mahathir Mohamad, maka masa depan bagi kepimpinan politik Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi mungkin akan cerah kembali. Siapa tahu?

Berdasarkan kelemahan dan kejayaan yang diperlihatkannya di atas, beliau perlulah menyedari bahawa masa depan politik baginya masih ada, malah jauh lebih baik dari dulu. Pengalaman tiga tahun '*terpenjara*' di dalam politik dan berkat kesetiaan dan kesabarannya itu, beliau kini mula diberikan semula kepercayaan dan keyakinan oleh Dr. Mahathir selepas tiga tahun kepercayaan dan keyakinan itu digantungkan oleh bosnya itu.

Dengan adanya kepercayaan dan keyakinan itu, Datuk Abdullah perlulah menegapkan dirinya sebagai seorang ahli politik yang cekap, matang, tegas, bertanggungjawab dan penuh visi. Jikalau selama ini beliau lekas pendendam, terlalu bergantung kepada orang lain, tidak mahu menerima kritikan-

kritikan yang membina, kurang kreatif dan visi, maka mulai sekarang segala kelemahan-kelemahan tersebut perlulah dipecahkan dan di atasi. Sifat-sifat terlalu bergantung kepada kepimpinan lain di samping mempergunakan sifat-sifat kesabaran dan kesetiaan yang ada di dalam dirinya sebagai senjata untuk mengharapkan simpati dan belas kasihan orang lain seperti yang diterimanya di dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu, perlulah dibuang. Untuk menjadi pemimpin yang berpotensi, berwibawa dan dipercayai, beliau perlulah berdiri dan membina kekuatannya sendiri. Ini kerana seorang pemimpin yang baik dan ramah saja amat sukar untuk menjadikan rakyatnya dinamik, maju, giat dan kental, seperti yang dikehendaki oleh Dr. Mahathir di dalam ‘Wawasan 2020’nya itu. Oleh itu beliau perlu dari sekarang membuktikan potensinya sebagai pemimpin yang mempunyai misi dan visi yang dinamik dan progresif agar keyakinan dan harapan rakyat kepadanya dapat dibinanya dengan baik. Ini selaras dengan pemikiran dan idea seorang ahli fikir Eropah, Tom Paine yang berkata di dalam bukunya *‘Rights of Man’* bahawa ‘*kebebasan politik terletak kepada kuasa untuk melakukan apa-apa saja yang tidak memudaratkan orang lain. Penggunaan hak semula jadi setiap manusia tidak mempunyai apa-apa had, kecuali had yang perlu untuk menjamin supaya setiap orang lain dapat menggunakan hak yang sama secara bebas. Dan had-had tersebut boleh ditentukan hanya oleh undang-undang*, (lihat mukasurat 70).

TIPU MUSLIHAT

• Begitulah kejahilan dan kecenderungan kebanyakan manusia, membuat kesilapan, terutama sekali mereka yang kurang pengetahuan tentang sebab-sebab alamiah dan tentang sifat semula jadi dan minat manusia; begitu juga dengan tipu muslihat yang tidak terkira banyaknya, dan mudah untuk disalahgunakan. ♦

– *Thomas Hobbes*
Penganut Falsafah
Absolutisme Eropah.

Bab Kesepuluh

KONFLIK DALAM KEPIMPINAN

DILIHAT dari segi umur ketiga-tiga orang Timbalan Presiden UMNO sekarang, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi lebih tua lima tahun daripada Datuk Sri Sanusi Junid, dan Datuk Sri Sanusi pula lebih tua empat tahun daripada Datuk Sri Anwar Ibrahim. Berdasarkan umur dan berasaskan kedudukan senioriti mereka di dalam parti, adalah wajar jika pemilihan kepimpinan politik dan negara berasaskan kronologi umur dan senioriti di dalam parti. Dengan berbuat demikian dapatlah negara dibentuk dan bangunkan dengan kuat dan aman berpandukan huruf awal nama mereka, iaitu ASA (Abdullah + Sanusi + Anwar) atau mengikut makna kamus *Bahasa Malaysia* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah '*harapan*'.

Tetapi makna '*harapan*' ini sukar menjadi lambang kepada perpaduan ketiga-tiga nama ini kerana dua orang daripada mereka ini memusuhi seorang yang lain, sementara usaha menentukan kepimpinan politik dan negara, tidak lagi diasaskan kepada faktor umur atau faktor kronologi, tapi berdasarkan faktor kekuatan personaliti, pengaruh, klik, kumpulan dan golongan. Oleh yang demikian makna '*harapan*' bagi singkatan huruf ASA tadi menjadi sebaliknya, iaitu '*putus asa, putus harapan*; atau '*tidak ada harapan lagi*'. Makna ini juga adalah sebahagian daripada makna yang terdapat di dalam pengertian ASA itu, seolah-olah

perkataan ASA melambangkan pula manifestasi daripada krisis kepimpinan ketiga-tiga orang pemimpin UMNO itu sendiri.

Sudah tentu di dalam usaha menentukan kepimpinan politik dan negara di masa depan, faktor umur, faktor kronologi dan faktor kekuatan personaliti, pengaruh, klik, kumpulan dan golongan juga sebenarnya, tidak boleh dipakai dan dijadikan semata-mata sebagai *asas* kepada pemilihan tersebut. Banyak faktor lain lagi yang perlu dijadikan asas, pertimbangan panduan, kriteria, formula dan sebagainya yang boleh dipergunakan sebagai asas yang lebih kuat dan kukuh untuk memilih dan membentuk kepimpinan politik dan negara di masa depan. Kriteria dan formula yang menentukan kepimpinan yang bercorak '*taklif*' atau '*tashrif*' seperti yang saya sebutkan di dalam bab pertama tadi, barangkali boleh disandarkan sebagai asas dan pertimbangan.

Dalam hubungan ini, sebelum saya cuba menganalisis siapa yang sepatutnya boleh saya cadangkan sebagai pemimpin politik dan negara di masa depan, ada baiknya terlebih dahulu saya cuba memperkatakan tentang ketiga-tiga orang bakal pemimpin ini, dilihat dari segi karisma, potensi, bakat dan sebagainya di samping melihat pula krisis, konflik dan '*personality clash*' yang dikatakan wujud di antara Datuk Sri Sanusi Junid dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dengan Datuk Sri Anwar Ibrahim itu. Tinjauan tentang kedua-dua pergolakan politik mereka ini tidak bertujuan untuk menghidupkan '*luka lama berdarah kembali*', tetapi sebagai rakyat, kita berhak melihat dan menilai sejauh mana kebolehan dan bakat kepimpinan mereka dan sejauh mana pula krisis itu telah terjadi, siapa yang boleh kita katakan bersalah dan begaimana caranya supaya krisis yang terjadi di kalangan mereka itu, dapat kita usahakan penyelesaiannya mengikut konsep perpaduan UMNO dan mengikut semangat persaudaraan Islam. Saya mulakan dengan tinjauan tentang konflik dan '*personality clash*' antara

Datuk Sri Sanusi Junid dengan Datuk Sri Anwar Ibrahim dulu.

1. KRISIS DENGAN SANUSI:

Dalam buku saya mengenai citra: ‘Sanusi Junid: Pencetus Idea – Pemikir Bangsa’, saya ada menimbulkan persoalan apa yang saya namakan sebagai ‘ketegangan kepimpinan’ antara keduanya. Krisis ini berlaku semasa mereka memimpin ABIM dan seterusnya berlarut-larutan sampai sekarang. Antara perkara yang saya timbulkan ialah:

“ABIM ialah sebuah pertubuhan Islam. Bekas kedua-dua pemimpinnya, iaitu Anwar dan Sanusi, mempunyai pendekatan yang berlainan dalam menghayati perjuangan Islam. Anwar agak ‘ekstrim’, sementara Sanusi agak ‘terbuka’. Dasar ABIM tidak membenarkan ahli-ahlinya bergiat di dalam politik, tetapi Sanusi yang menukuhkan ABIM, terlebih dulu adalah ahli UMNO dan pegawai sebuah Bank. Kedua-dua aspek yang ada kepada Sanusi ini tidak disenangi oleh anggota organisasi ABIM. Organisasi itu tidak suka ahli-ahlinya berpolitik dan menganggap bekerja di dalam Bank sebagai ‘makan riba’.

Inilah perkara yang menjadi asas kepada punca krisis yang terjadi di antara Datuk Sri Sanusi dengan Datuk Sri Anwar Ibrahim itu, iaitu yang berhubung dengan dasar dan tujuan perjuangan ABIM. Tetapi jikalau krisis dan ketegangan tersebut hanya berpunca kerana Sanusi ahli UMNO dan beliau bekerja di sebuah Bank, maka krisis tersebut sepatutnya sudah selesai, bila Sanusi telah meletakkan jawatannya di dalam ABIM. Tetapi apabila beliau bertanding di dalam pilihanraya dan atas nama parti UMNO pula, pandangan ABIM kepada beliau amat buruk dan beliau dianggap mengkhianati perjuangan ABIM.

Oleh kerana krisis tersebut yang berlaku di dalam tahun 1973 berlarutan beberapa tahun kemudiannya dan ditambah pula dengan beberapa peristiwa lain yang menyentuh soal maruah dan digniti masing-masing, maka ‘parut’nya amatlah dalam dan luka lamanya amat sukar dihapuskan. Ini samalah dengan maksud ucapan Datuk Sri Sanusi mengenai ‘*buang yang keruh – ambil yang jernih*’ di dalam Perhimpunan Agung UMNO yang lalu. Di dalam ucapan tersebut, beliau telah membuat suatu cerita kiasan mengenai pergaduhan dua beradik, iaitu Si Malim dan Si Leman, di mana kakak mereka Cik Merah cuba menjadi orang tengah untuk meleraikan pergaduhan kedua-dua mereka itu. Pergaduhan yang pertama sudahpun didamaikan oleh kakak mereka, tetapi bila pergaduhan kedua berlaku, Cik Merah menempelak adiknya Si Malim:

*Cik Merah: Eh Malim, kenapa kau tempeleng
Si Leman? Bukankah kemarin
kakak sudah nasihatkan, lepas
kita makan ais-kerim, supaya
Leman dan Malim buang yang
keruh dan ambil yang jernih?*

*Si Malim: Memang betul kata kakak, kita
patut buang yang keruh dan
ambil yang jernih. Tetapi yang
jernih dalam ingatan saya ialah
tempeleng Si Leman di muka
saya kemarin, sedangkan ais-
kerim yang kakak berikan
kemarin tu, sudah biasa saya
makan di mana-mana*

Saya tidak pasti apakah maksud sebenar Datuk Sri Sanusi Junid bila beliau mengemukakan cerita kiasannya ini. Apakah *messagenya* itu bermaksud bahawa beliau amat sukar melupakan sesuatu ‘*peristiwa*’ yang berlaku kepada dirinya itu, walaupun pepatah menyebutkan ‘*buang yang keruh –*

ambil yang jernih? Apakah ini bermakna '*kelukaan*' persahabatan beliau dengan Anwar itu tidak boleh diubati lagi?

Apa yang menyebabkan lukanya sukar diubati, mungkin berasaskan cerita-cerita yang saya dengar bahawa selepas beliau meletakkan jawatannya di dalam ABIM untuk bertanding di dalam Pilihanraya Umum tahun 1974, beliau telah difitnahkan oleh ahli-ahli ABIM dengan bermacam-macam cerita. Antaranya selepas beliau menang tanpa bertanding di dalam pilihanraya bagi kawasan Jerai 1974, beliau telah membeli sebuah kereta mewah (secondhand) hasil dari wang yang dipinjamkan oleh Allahyarham Tun Razak kepadanya. Malangnya orang-orang ABIM yang dulunya menuduhnya '*makan riba*', sekarang menuduhnya pula '*makan rasuah*'. Akibatnya beliau amat marah lalu dengan seorang sahabatnya, beliau terus pergi ke pejabat Yayasan Anda di Kampong Baru, Kuala Lumpur dan menemui salah seorang daripada mereka yang membuat tuduhan tersebut. Beliau lalu menumbuk orang yang membuat tuduhan tersebut di hadapan Datuk Sri Anwar Ibrahim sendiri yang ketika itu menjadi Pengarah kepada Yayasan Anda. Orang yang ditumbuknya itu sekarang menjadi salah seorang sahabatnya yang paling baik. Ini bermakna bahawa kedua-duanya telahpun '*buang yang keruh – ambil yang jernih*'. Tetapi mengapa antara Sanusi dan Anwar, tidak ada orang yang boleh menyelesaikan krisis mereka? Adakah tuduhan dan fitnah yang dilemparkan oleh orang-orang ABIM kepada Sanusi itu, sama dengan '*tempeleng*' Si Leman ke muka Si Malim seperti cerita kiasannya itu, sehingga yang jernih di dalam ingatan Datuk Sanusi sekarang, ialah tuduhan dan fitnah orang-orang ABIM yang dilemparkan kepadanya itu yang cukup mengesan di dalam ulu hatinya sehingga oleh kerana ketika itu Anwar menjadi Presiden ABIM, maka Anwarlah yang diper-tanggungjawabkan menerima akibat daripada krisis tersebut.

Peristiwa lain yang menarik untuk diceritakan ialah tentang bagaimana Datuk Sri Sanusi dan Datuk Sri Anwar ini sebenarnya cukup baik bersahabat, tetapi akibat daripada adanya pihak '*ketiga*' yang bermain drama di belakang mereka, maka krisis tersebut terpaksa mereka tanggung sehingga sekarang. Peristiwa tersebut ialah mengenai penangkapan Anwar di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tahun 1974 lalu.

Peristiwa tersebut bermula apabila pihak Polis telah menahan beberapa orang pelajar yang terlibat di dalam beberapa tunjuk perasaan di Baling, Kedah dan di Universiti Malaya pada tahun 1974. Anwar yang ketika itu baru balik dari Filipina telah diberitahu mengenai penahanan tersebut. Bila beliau diberitahu bahawa beberapa orang pelajar telah ditangkap dan dibawa ke balai Polis di Jalan Brickfield, maka pada malam tersebut juga, beliau telah menemui Datuk Sri Sanusi di bangunan Parlimen, di mana ketika itu Datuk Sanusi sedang menghadiri Sidang Parlimen. Anwar meminta jasa baik Sanusi untuk mengeluarkan pelajar-pelajar yang ditahan di balai Polis Brickfield itu. Permintaan tersebut telah dipenuhi oleh Sanusi dan kedua-duanya secara berasingan terus pergi ke balai Polis Brickfield untuk menemui pelajar-pelajar yang ditahan itu. Malangnya ketika mereka sampai di sana, pihak polis telah memberitahu kedua-duanya supaya pergi balai Polis Jalan Bandar. Ini kerana pelajar-pelajar yang ditahan itu ada di sana. Sanusi dan Anwar terus pergi ke balai Polis Jalan Bandar pula.

Malangnya sebaik saja Sanusi dan Anwar sampai di balai Polis tersebut, Anwar telah ditahan oleh pihak Polis. Sanusi tidak dapat berbuat apa-apa untuk menolongnya kerana kes tersebut melibatkan kes Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Oleh kerana penahanan Anwar itu dijangka lama, Anwar telah meminta supaya Sanusi pergi ke rumahnya mengambil salinan pakaian daripada keluarganya. Malangnya sebelum Sanusi sampai di rumah keluarga Anwar itu, ada

pihak lain yang membuat fitnah terlebih dulu kepada keluarga Anwar bahawa kononnya Sanusilah yang bertanggungjawab menyebabkan Anwar ditahan di bawah akta tersebut. Fitnah dan kes penahanan Anwar ini merebak amat cepat sekali. Orang-orang ABIM, para pelajar dan mereka yang bersimpati dengan perjuangan Anwar, telah mengutuk Datuk Sri Sanusi. Mereka menuduh Sanusi bermain kayu tiga kepada Anwar. Tetapi satu perkara yang orang ramai tidak mengetahui selepas itu ialah sebaik-baik saja Anwar dibebas dari tahanan di dalam tahun 1977, antara orang yang ditemuinya dulu termasuklah Datuk Sri Sanusi Junid sendiri. Malah ketika Anwar bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO dalam tahun 1982 dulu, Datuk Sri Sanusi telah memberi sokongan yang kuat kepadanya.

Bagaimana mungkin kedua-duanya boleh berkrisis terus, sedangkan dari fakta yang saya kemukakan di atas, jelas memperlihatkan keduanya tidaklah terlalu buruk di dalam permusuhan? Mungkin apa yang menimbulkan perasaan tidak senang di hati Datuk Sanusi Junid ialah bahawa Anwar yang pada suatu masa dulu begitu keras mengkritik dan mengcam kerajaan yang berkaitan dengan penyelewengan, rasuah, riba dan sebagainya, kini muncul pula dengan gagahnya di tengah-tengah premis gejala yang dianggap buruk itu. Apakah beliau boleh membentras kesemua gejala-gejala buruk yang pernah dikutuknya dulu itu bila beliau kini menjadi ‘taukeh’ pula kepada kerajaan sekarang? Inilah yang menimbulkan persoalan, cemburu, dengki dan sebagainya di kalangan para musuh dan para penentangnya.

Terlepas dari mengesahkan peristiwa-peristiwa yang menegangkan perhubungan antara keduanya ini, saya melihat bahawa ada garis penamat yang boleh menemukan semula antara keduanya di dalam politik UMNO seperti mereka pernah bertemu di dalam ABIM dulu. Visi perjuangan politik Anwar terarah kepada pembentukan umat yang bertakwa, bermoral dan beramanah. Sementara visi perjuangan politik

Sanusi pula terarah kepada pembangunan ekonomi di luar bandar dan pemodenan masyarakat agraria yang juga di luar bandar di mana umumnya terdiri daripada orang-orang Melayu. Oleh kerana masyarakat di luar bandar itu Melayu dan Melayu itu beragama Islam, maka perjuangan kedua-dua orang tokoh politik UMNO ini mempunyai objektif yang sama, iaitu seperti kerangka '*tiang dengan rasuk*' atau seperti '*bumbung dengan lantai*' di mana antara keduanya memerlukan sokongan antara satu dengan yang lain.

Berasaskan persamaan visi ini, dan demi kepentingan bangsa Melayu dan agama Islam yang kita cintai, saya begitu optimis bahawa kedua-duanya boleh bekerjasama seperti Mahathir dengan Ghafar atau seperti Mahathir dengan Datuk Musa Hitam sebelum Datuk Musa meletakkan jawatannya dahulu. Sekalipun misalnya kontradiksi antara keduanya hanya atas perbezaan pendekatan dan cara untuk menghasilkan sesuatu perjuangan, namun setiap orang bebas menghalalkan cara perjuangannya, asalkan matlamat yang hendak dicapainya itu sampai pada puncak dan konsep yang sama.

Ini bermakna jika dimensi perjuangan kedua mereka terletak di bulan, maka Datuk Sri Sanusi boleh pergi ke bulan melalui roket Amerika dan Datuk Anwar boleh pergi ke bulan melalui Appolo Russia, asalkan kedua-duanya sampai pada destinasi yang sama, cukuplah! Bukankah ini menepati juga kehendak dan saranan Muhammad Iqbal yang mahu kita pergi ke bintang, seperti yang saya sebutkan di dalam bab kelapan tadi?

Soalnya siapa yang dulu sampai ke bulan, bukanlah perjuangan perlumbaan antara *arnab* dengan *kura-kura*. Jikalau Anwar mendapat sokongan yang besar dan direstui oleh rakyat untuk muncul sebagai pemimpin berdasarkan prestasi kecemerlangannya, maka itu adalah kehendak Allah Azawajalla. Jika Datuk Sri Sanusi boleh setia dengan semua pemimpin dan parti, dan sejak tahun 1873 rekod keturunannya tidak pernah tercatit sebagai orang yang

mengkhianati pemimpin bangsa, negara atau sahabatnya, maka inilah masa yang sebaik-baiknya bagi beliau melanjutkan tradisi tersebut dan memperlihatkan misi dan visinya itu bersama-sama dengan Datuk Sri Anwar sendiri.

Saya percaya, jika keduanya boleh melupakan kisah-kisah lama, maka saya juga yakin bahawa perpaduan tenaga dan fikiran antara mereka boleh dipadukan untuk melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan *Wawasan 2020* ciptaan Dr. Mahathir Mohamad itu. Malah ketika inipun, ketika beliau (Datuk Sanusi) melancarkan promosi makanan warisan tradisi di Taman Pertanian di Bukit Cahaya Sri Alam pada 2 Jun 1991 lalu, Datuk Sri Sanusi sendiri menjelaskan bahawa projek Taman Pertanian itu merupakan sebahagian daripada pelaksanaan konsep *Wawasan 2020* itu sendiri.

Nah nampaknya, seolah-olah apa yang sedang difikirkan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu sudahpun ada dalam kepala Datuk Sanusi sendiri sejak dua tahun yang lalu. Jika demikian keadaannya, maka jelaslah bahawa kepala Datuk Sri Sanusi itu adalah '*ensiklopedia bergerak*' seperti yang saya sebutkan di dalam bab yang ketujuh lalu. Dia tahu apa yang sedang dirancangkan oleh Dr. Mahathir sekarang sejak dua tahun yang lalu lagi.

Barangkali inilah salah seorang pemimpin pelapis yang diperlukan oleh negara kita sekarang, iaitu jika Datuk Sri Sanusi boleh meramalkan dua tahun lalu apa yang akan terjadi sekarang, maka beliau dan Anwar tentulah boleh melaksanakan rancangan tentang apa yang difikirkan oleh Dr. Mahathir Mohamad untuk tiga puluh tahun yang akan datang pula. Kerjasama antara beliau dengan Anwar dikira sepadan, iaitu sementara seorang mencuba untuk membangunkan sosio-ekonomi bangsanya ke arah yang lebih maju, dinamik dan progresif, seorang lagi cuba pula mewujudkan suatu martabat bangsa yang bermaruah dan berhemah tinggi.

2. KRISIS DENGAN PAK LAH:

Dasar krisis Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dengan Datuk Sri Anwar Ibrahim agak mudah dan simple. Krisis ini hampir sama dengan krisis yang berlaku pada malam keputusan pilihanraya peringkat Negeri Sabah dalam tahun 1985 lalu, di mana pemimpin USNO Tun Datu Mustapha ketika itu cuba membentuk kuasa Kerajaan Negeri, sedangkan parti USNO sendiri tidak mempunyai kelayakan dari segi majoriti kerusi yang dimenanginya di dalam pilihanraya tersebut. Peristiwa ini hampir sama juga dengan apa yang terjadi kepada Datuk Abdullah sendiri.

Sebagaimana yang diketahui, sehingga ke tahun 1987, Datuk Abdullah ialah Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang. Jawatan tersebut disandangnya selama lebih sepuluh tahun sebelum itu. Tetapi dalam tahun 1987, ketika Dr. Mahathir menyingkirkan beliau dari kabinet akibat sokongannya kepada team B, beliau tidak lagi menjadi Menteri. Kedudukan beliau sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri telah mula dipertikaikan. Ini kerana tanpa jawatan Menteri, beliau sewajarnya mengosongkan kerusi Ketua Perhubungan itu bagi digantikan oleh orang lain, walaupun ia tidak ada didalam undang-undang. Orang lain yang mewakili Pulau Pinang di dalam kabinet ketika itu ialah Datuk Sri Anwar Ibrahim dan Senator Mohd. Farid Ariffin. Pada masa itu keadaan menjadi amat genting sekali kerana lapan daripada dua belas Bahagian UMNO di negeri itu dikatakan masih menyokong Datuk Abdullah, sementara tiga Bahagian saja yang menyokong Datuk Sri Anwar Ibrahim sementara satu lagi berkecuali.

Dalam satu pertemuan peribadi di rumahnya di Bukit Bangsar, saya telah menimbulkan keadaan ini dan bertanya kepadanya bagaimana beliau boleh menghadapi keadaan yang rumit ini. Saya telah juga menimbulkan kepadanya bahawa usaha-usaha sedang dibuat oleh Senator Farid Ariffin bagi memastikan supaya jawatan Ketua Perhubungan UMNO

Negeri Pulau Pinang itu disandang oleh orang yang lebih berkelayakan di dalam parti, iaitu Anwar Ibrahim.

Datuk Abdullah memberitahu saya bahawa jawatan tersebut masih menjadi haknya, kerana lapan daripada dua belas Bahagian UMNO di negerinya itu telah menandatangani perjanjian untuk terus menyokongnya.

“Saya masih mendapat sokongan!” katanya berulang kali kepada saya lagi.

“Bagaimana kalau perjanjian mereka berubah?” tanya saya.

“Itu permainan kotor!” katanya agak marah.

“Bukankah politik itu juga kotor?” tanya saya pula.

“Agh . . .” beliau bangun dan berjalan dua tiga langkah di dalam ruang rumahnya, “kau tengoklah nanti Zakry. Kalau mereka main kotor, ana pun akan main kotor juga!” katanya satu-satu.

“Kalau mereka main kotor, macam mana ante nak main kotor?” saya cuba mendapatkan kepastiannya tentang makna ‘main kotor’ itu.

“Ante tengoklah nanti kalau kita ada umur panjang,” katanya sambil menyuruh saya minum.

Akhirnya dua tiga bulan selepas itu, kedudukan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang itu telah berubah. Jawatan tersebut telah disandang oleh Datuk Sri Anwar Ibrahim pula. Sampai sekarang saya tidak tahu bagaimanakah kedudukan ‘*main kotor*’ yang disebutkan oleh Datuk Abdullah itu dan apakah yang telah terjadi kepada lapan Bahagian UMNO yang menyokongnya dulu itu.

Perubahan pucuk pimpinan UMNO Negeri Pulau Pinang inilah merupakan salah satu sebab mengapa krisis tersebut boleh terjadi. Krisis tersebut tentulah menimbulkan rasa marah, rasa kecil hati dan rasa dendam di pihak Datuk Abdullah, kerana selama ini, sebelum Anwar memasuki UMNO dan sebelum beliau menyokong team B serta sebelum Mahathir memecatnya daripada kabinet, beliaulah pemimpin

UMNO yang amat penting di Pulau Pinang, dan malah ada ramalan-ramalan yang menyebutkan bahawa beliau akan menjadi Perdana Menteri Malaysia tidak lama lagi. Ini kerana beliau dikatakan amat rapat hubungannya dengan Dr. Mahathir dan Datin Sri Dr. Siti Asmah sendiri. Hampir setiap pagi, menurut cerita yang saya dengar, beliau berada di rumah Mahathir, sebelum pergi ke pejabat.

Tetapi selepas Datuk Sri Anwar yang berasal dari negeri yang sama dengannya memasuki UMNO, kedudukan dan kewibawaan Datuk Abdullah mulai tercabar. Rasa tercabar ini sebenarnya bukanlah dirasakan oleh Datuk Abdullah seorang saja, tetapi juga ramai pemimpin-pemimpin muda UMNO yang lain, yang bercita-cita besar untuk menjadi pemimpin, merasa tercabar oleh kemasukan Anwar itu. Ini kerana ketokohan dan kewibawaan beliau sejak di dalam gerakan Islam dulu boleh mencabar dan memusnahkan kredibiliti dan harapan pemimpin-pemimpin lain yang bercita-cita besar di dalam UMNO tadi. Datuk Abdullah adalah seorang daripada mereka ini, bahkan beliau sendiri merasa lebih tergugat kerana kedua-duanya – Anwar dan Abdullah – dari negeri yang sama. Adalah mustahil UMNO akan memilih dua orang presiden dan dua orang Perdana Menteri dari sebuah negeri yang sama. Tidak syak lagi akibat daripada ini, orang ramai mula meramalkan bahawa kemuncak dari pengelibatannya di dalam UMNO, ialah Datuk Sri Anwar akan muncul sebagai Perdana Menteri. Inilah yang menimbulkan rasa cemburu, sakit hati dan dendam yang tidak kunjung padam di kalangan mereka yang berkenaan ini. Dan lagi sekali, Datuk Abdullah tidak terlepas dari kongkongan ini.

Meninjau lebih jauh akan latar belakang krisis antara Datuk Sri Anwar dengan Datuk Abdullah ini, kita dapat melihat bahawa apa yang menyebabkan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang itu terlepas ke tangan Anwar sebenarnya, bukanlah berpunca daripada

wujudnya perebutan kuasa terhadap jawatan tersebut. Perpindahan jawatan itu terjadi akibat kesilapan, kegelojohan dan risiko yang terpaksa ditanggung oleh Datuk Abdullah sendiri akibat penentangannya terhadap Dr. Mahathir dulu itu. Jikalau beliau tidak memihak kepada team B, Mahathir tidak akan menyingkirkan dari kabinet dan lojiknya jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri itu tidak akan berpindah kepada Anwar. Selama ini pun, sejak Anwar menjadi anggota kabinet dari tahun 1982 – 1987, beliau tidak pernahpun bercita-cita hendak merebut jawatan tersebut. Ini menunjukkan bahawa perpindahan jawatan itu bukanlah berpunca atas unsur perebutan kuasa, tetapi terpaksa dilakukan mengikut amalan demokratik parti. Oleh yang demikian Datuk Abdullah sepatutnya tidak boleh menjadikan isu ini sebagai punca membenci Anwar dan menyingkirkan kebanyakan pemimpin-pemimpin UMNO Bahagian Kepala Batas yang menyokong Datuk Sri Anwar Ibrahim. Dengan menyingkirkan pemimpin-pemimpin UMNO yang memihak kepada Anwar di dalam bahagiannya sendiri itu, beliau sebenarnya telah memecahkan perpaduan UMNO di dalam bahagiannya sendiri – satu langkah yang tidak pernah dilakukan oleh Allahyarham ayahnya dulu.

Dalam hubungan ini Datuk Abdullah sepatutnya boleh menerima hakikat bahawa oleh kerana beliau tidak mempunyai kedudukan di dalam kabinet lagi pada masa itu, jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri itu wajarlah diserahkan kepada Anwar. Ini akan menguntungkan UMNO Pulau Pinang sendiri. Itulah sebabnya, akhirnya mengapa lapan bahagian yang menyokongnya dulu terpaksa memberikan sokongan kepada Datuk Sri Anwar Ibrahim sendiri, dan bukan kepadanya lagi.

Dilihat dari segi tindak tanduknya ini, saya merasakan bahawa ia bukanlah melambangkan kematangan di dalam berpolitik. Seperti yang saya katakan di dalam beberapa buah rencana saya di dalam akhbar mingguan tidak lama

dulu, bahawa Datuk Abdullah lebih bersikap '*selfish*' dan pendendam yang cukup ketara. Segala kritikan membina dan nasihat-nasihat yang bertujuan untuk mengangkat potensi politiknya, telah tidak diterima, apalagi bila difikirkannya, kritikan-kritikan dan nasihat-nasihat itu datangnya dari mereka yang tidak setaraf dengan kedudukannya.

Sebagai satu cotohnya misalnya, beliau tidak wajar '*bermain politik*' dengan menendang beberapa orang penyokong UMNO di Kepala Batas, kerana mereka memihak kepada Datuk Sri Anwar. Untuk apa menyingkirkan mereka itu, sedangkan mereka bukan menjadi ahli UMNO di kawasan Permatang Pauh yang boleh mengugat kepimpinannya di Kepala Batas? Apa salahnya mereka menyokong Anwar sedang di Kepala Batas, mereka terpaksa menyokongnya juga? Dengan menyingkirkan mereka yang dulunya amat setia dan sanggup menjadi '*ghurkha politik*' kepadanya itu, beliau seolah-olah '*pukul anak sindir menantu*'.

Demikianlah, antara lain sebab-sebab krisis yang terjadi antara Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dengan Datuk Sri Anwar Ibrahim. Sudah tentu bahawa bukanlah krisis ini saja yang menyebabkan krisis tersebut berpanjangan. Faktor kepimpinan politik antara keduanya dari sebuah negeri yang sama, juga menjadi masalah besar antara keduanya. Bagi peringkat Kebangsaan, pemilihan bagi dua orang pemimpin politik dari satu negeri adalah amat sukar. Adalah mustahil seorang boleh menjadi Perdana Menteri dan seorang lagi menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun satu perkara yang tidak boleh ditolak ialah bahawa kemenangan Datuk Abdullah untuk mengekalkan kerusi naib presidennya dan penerimaan kembali Dr. Mahathir terhadapnya di dalam kabinet sekarang, sedikit sebanyaknya boleh menghidupkan semula cabarannya kepada Datuk Sri Anwar Ibrahim. Dan ini samalah dengan harapan Tun Datu Mustapha bila beliau menang pilihanraya

di kawasan Usukan atas nama tiket UMNO, seolah-olah harapannya untuk kembali berkuasa di negeri Sabah tidak seburuk dulu lagi. Adakah Datuk Abdullah juga optimis untuk dapat memegang kembali kerusi Ketua Perhubungan UMNO negeri Pulau Pinang selepas ini? Hanya allah Tala sajalah yang dapat menentukannya.

Bagaimanapun ini bukanlah penting. Yang lebih penting ialah peristiwa masa lampau yang dialaminya itu patutlah menjadi pengajaran bahawa '*yang lepas itu walaupun sudah berlalu, namun ia boleh menjadi panduan untuk tindakan di masa depan.*'

Berdasarkan pengajaran masa lampau itulah, maka selepas dua persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur, seperti yang saya sebutkan di dalam bab yang lalu itu, telah menonjolkan namanya kembali. Penonjolannya ini merupakan satu saham terbesar bagi membina kembali keyakinan dan imej politiknya di mata rakyat. Mudah-mudahan beliau tidak lagi mengulangi kesilapan, kegelojolan dan penentangan terhadap ketuanya sendiri seperti yang dilakukannya dulu. Ini kerana berbanding dengan Anwar dan Sanusi, beliau hampir-hampir tidak mempunyai musuh langsung. Orang yang tidak mempunyai musuh selalunya adalah orang yang baik dan boleh dipercayai.

BARANG YANG SAMA

•*Jika terdapat dua orang yang menghendaki barang yang sama, tetapi keduanya tidak dapat bersama-sama menikmati barang tersebut, mereka akan mencipta permusuhan.*

Akhirnya untuk mencapai satu keputusan, kedua-dua mereka harus menumpaskan antara satu sama lain. •

*-Thomas Hobbes
Penganut Falsafah
Absolutisme Eropah.*

Bab Kesebelas

ANTARA KEBURUKAN & KEBAIKAN: DI MANA ANWAR?

SATU-SATUNYA isu besar yang menimbulkan kontroversi di dalam politik di Malaysia selepas tahun 1980-an, ialah isu kemasukan Datuk Sri Anwar Ibrahim di dalam UMNO. Bagi kalangan permerhati politik, soal sama ada beliau boleh menjadi pemimpin alternatif di dalam parti itu atau tidak, bukanlah perkara penting pada waktu itu. Yang menjadi penting dan amat kontroversi ialah mengenai kemasukannya di dalam UMNO.

Mengapa beliau boleh memasuki UMNO dan tidak PAS? Bukanlah pendekatan dan falsafah perjuangan Islamnya itu lebih mirip kepada PAS daripada UMNO? Adakah kerana kelayakan akademiknya hanya di dalam Pengajian Melayu, maka platform perjuangan Islamnya tidak kuat, lalu beliau mahu menjadikan perjuangan Islam dan nasionalisme Melayu UMNO sebagai platform perjuangannya secara yang lebih berkesan? Adakah beliau mahu menurut jejak Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang lulus Pengajian Islam tetapi memilih UMNO sebagai platform perjuangannya dan bukan PAS?

Sebahagian daripada persoalan-persoalan di atas, sudahpun terjawab di dalam beberapa bab yang lalu. Saya tidak perlu mengulanginya lagi. Tetapi persoalan pokok yang lebih utama ialah adakah beliau mahu menjadi pejuang Is-

lam atau mahu menjadi pejuang politik? Jelas sekarang beliau memilih politik sebagai platform perjuangannya dan bukannya perjuangan Islam secara khusus tanpa melibatkan parti politik kepartian. Kalau begitu mengapa UMNO, tidak PAS? Sebelum menjawab persoalan ini, cuba kita lihat dulu latarbelakang Islam dalam hubungannya dengan rakyat yang bukan Islam.

Bagi negara-negara yang bukan Islam, termasuk juga negara yang mempunyai penduduk majoriti Islam seperti Malaysia, perjuangan yang berasaskan ideologi Islam semata-mata adalah sesuatu yang amat ideal untuk dicapai. Ini menjadi lebih sulit lagi bila ekonomi negara itu dikuasai oleh orang-orang yang bukan Islam dan sementara dasar pemerintahannya bercorak demokrasi, sistem ekonominya pula adalah bebas dan terbuka. Fenomena ini menjadi lebih buruk lagi bila orang menyingkap sejarah masa lampau bahawa bangsa Arab yang mula-mula menerima Islam sebagai agama, kepercayaan dan pegangan hidup mereka, adalah bangsa yang paling hebat kekafiran, kekufuran dan kemunafikannya.

Bagi kebanyakan rakyat Malaysia, terutamanya yang bukan Melayu, Islam bagi mereka ialah agama dan kepercayaan orang-orang Melayu yang konsisten dan mutlak. Ia tidak patut dihubungkaitkan dengan penglibatan ekonomi dan pemerintahan negara. Sebab itulah, pengaruh perjuangan PAS lebih terarah di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu saja, kerana di situ majoritinya orang-orang Melayu. Parti itu gagal mempengaruhi orang-orang bukan Melayu di kawasan utara, tengah dan selatan, apalagi di negeri Sabah, walaupun konsep Islam sebenarnya adalah universal dan bukan milik orang Melayu saja.

Berasaskan inilah kita telah melihat dan menyaksikan adanya sejumlah ‘*superficial observations*’ atau pemerhati dari luar yang merumuskan pemikiran mereka bahawa ‘*kebangkitan baru Islam di Malaysia tidak lebih daripada*

suatu fenomena perkauman Melayu, bukan kebangkitan yang murni dan tulin.' Mereka berpendapat bahawa gerakan Islam hanya untuk bernostalgia, mengilap-ngilap '*the glory of the past*' tanpa sesuatu prestasi dan '*achievement*' yang boleh mempengaruhi dan mengubah konsep yang ada.

Berdasarkan fenomena yang mencabar inilah, Datuk Sri Anwar Ibrahim membuang baju Melayu dan ketayap-putihnya, meninggalkan corak perjuangan asalnya dan masuk ke dalam ruang perjuangan UMNO untuk membentuk suatu sikap dan pandangan baru terhadap Islam di samping cuba mengikis sikap lama dan pandangan buruk orang-orang bukan Islam dan pemerhati-pemerhati dari luar tadi. Perjuangan melalui UMNO ini, sekalipun mempunyai kemungkinan lebih baik lagi mencapai kejayaan, namun kesulitannya jauh lebih besar dari perjuangannya di dalam gerakan Islam seperti ABIM dulu.

Di dalam ABIM, arah perjuangan Islamnya agak lurus dan simple, iaitu menentang segala perbuatan kekufuran dan kemunafikan di dalam pemerintahan di samping mewujudkan persaudaraan di dalam Islam. Penentangan terhadap ABIM agak kecil, iaitu hanya dari pihak elit pemerintah yang merasa kekuasaan mereka tercabar. perjuangan yang dianggap bersih, jujur dan ikhlas ini telah mendapat simpati dan sokongan umum, termasuk juga mereka yang bukan Melayu sendiri. Sebab itulah nama Anwar ketika di dalam ABIM dulu, jauh lebih memukau, lebih mempersonakan dan lebih dikagumi sebelum dia memasuki UMNO.

Di dalam UMNO, beliau bukan saja terpaksa berhadapan dengan perompak, penyamun dan penyangak yang sofistikated dan pakar di dalam pelbagai budaya putarbelit yang bersifat '*erotic*' tanpa moral dan etika di dalam perjuangan mereka, malah beliau juga terpaksa berhadapan dengan pelbagai pihak dan golongan yang lain yang sebahagian besarnya tidak menyenangi dan cemburu dengan

kemasukannya di dalam UMNO. Mereka bukan saja tidak yakin dengan perjuangannya itu, tetapi juga mereka menjadikan isu kemasukannya itu sebagai sebab, beliau telah mengkhianati perjuangan ABIM dan Islam yang menjadi misi dan visi perjuangannya dulu. Mereka mensifatkan ketokohannya sebagai pemimpin muda Islam sudah hilang. Beliau tidak lagi mengamalkan sifat-sifat seorang Islam yang soleh, ulit, tegas, bertanggungjawab, toleran, jujur, ikhlas dan sebagainya. Sebaliknya beliau dikatakan, lebih banyak memperlihatkan sifat-sifat yang tercela, ternoda, maksiat dan mengamalkan budaya politik yang bersifat tipu helah, berpura-pura, berdolak dalik, tidak tegas dan tidak komited dan konsisten di dalam tingkah laku perjuangannya. Pendeknya, Anwar yang dulunya memukau, mempersona dan dikagumi, kini menjadi seorang pejuang yang tidak lagi dihormati dan dipercayai.

Bercakap tentang sifat-sifat keperibadian Anwar yang dikatakan telah berubah sehingga menjadi amat buruk ini, kita terpaksa mengambil kayu ukur dan membuat ukuran sejauh mana sebenarnya keburukan yang dikatakan buruk itu, apakah keburukan-keburukannya itu benar atau fitnah atau perasangka, atau jika benar dia buruk, apakah keburukannya itu jauh lebih buruk daripada kebaikan-kebaikan yang pernah dilakukanya dulu atau kebaikannya jauh lebih banyak daripada keburukannya. Dan paling akhir, adakah apa yang kita katakan buruk kepadanya itu, kurang buruk atau lebih buruk daripada pemimpin-pemimpin politik kita yang lain. Dan kenapa pula pemimpin yang dianggap buruk itu masih boleh diberi kepercayaan untuk menjadi pemimpin?

Sebenarnya dalam banyak hal, apa yang kita katakan buruk itu tidak akan bersifat buruk, jika tidak ada yang baik. Inilah konsep yang membezakan antara keduanya. Dan ini juga sesuai dengan kata orang-orang bijak pandai, '*tidak ada yang buruk dan baik di dunia ini, melainkan cara mata kita*

melihat dan otak kita berfikir yang menimbulkan perbezaan tersebut.' Kata-kata ini amat sederhana, tetapi ia memberikan suatu perspektif tentang makna dan klasifikasi mengenai sesuatu objek yang kita katakan buruk atau baik itu.

Berdasarkan konsep dan perbezaan ini, kita perlu membuktikan sama ada orang yang kita katakan buruk itu betul-betul buruk, berdasarkan fakta empirikal yang boleh kita kemukakan sebagai 'evidence' yang bertanggungjawab. Selagi fakta empirikal ini tidak dapat kita kemukakan sebagai bukti yang nyata, maka selagi itulah keburukan-keburukan yang kita katakan itu, masih bersifat tuduhan, fitnah dan masih tidak bertanggungjawab.

Di dalam menentukan '*buruk baiknya*' sikap, tingkah laku dan perjuangan Datuk Sri Anwar Ibrahim ini, ada dua perkara yang perlu kita lihat dan kita kaji. Pertama, sebahagian besar daripada keburukan-keburukan yang kita dakwakan kepadanya itu adalah berbentuk '*abstrak*', iaitu suatu tuduhan yang bukan berbentuk '*objek*'. Tuduhan begini sukar dipegang kerana ianya tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan barang bukti. Umpamanya, ada orang menuduh beliau sebagai telah mengkhianati perjuangan ABIM atas alasan beliau telah memasuki UMNO. Tuduhan semacam ini bukan saja berbentuk '*abstrak*', tetapi juga berbentuk '*subjektif*', iaitu si penuduh itu saja yang mengatakan Anwar '*khianat*' terhadap ABIM, sedangkan beliau sendiri tidak berfikir begitu. Ini bermakna tafsiran terhadap definisi '*khianat*' itu bebeza antara si penuduh dengan si kena tuduh.

Anwar mungkin berpendapat bahawa ia tidak pernah mengkhianati ABIM. Kemasukannya ke dalam UMNO dirasakannya lebih penting dan relevan daripada berjuang di dalam ABIM sendiri. Ini tidak pula bermakna beliau menentang ABIM. Jadi mentafsirkan kemasukannya di dalam UMNO sebagai mengkhianati perjuangan ABIM, bukanlah suatu tuduhan yang boleh dikatakan benar dan bertanggungjawab. Ini terutamanya kerana yang dipertikaikan

bukanlah ABIM atau UMNO, tetapi perjuangan Anwar itu sendiri.

Kita mungkin boleh mendakwanya saja, tetapi kita tidak boleh menghukum bahawa tuduhan kita itu sebagai benar. Bagaimanapun tuduhan itu boleh menjadi benar pula, jika Anwar keluar dari ABIM dan memasuki sebuah pertubuhan lain yang bertentangan dengan perjuangan Islam, seperti pertubuhan Komunis umpamanya, bolehlah kita menu-duhnya sebagai pengkhianat kepada perjuangan ABIM. Tetapi UMNO bukanlah sebuah pertubuhan seperti itu. UMNO bukan parti yang menentang Islam, sebaliknya parti itu juga mendukung cita-cita Islam mengikut caranya sendiri.

Dan kedua, ada tuduhan yang mengatakan beliau telah memperlihatkan sifat-sifat yang tercela, ternoda dan maksiat. Tuduhan ini juga sebaliknya bukan pula berbentuk '*abstrak*' seperti tadi, kerana fakta dari tuduhan tersebut boleh dilihat dan disaksikan dengan mata kasar. masalahnya di dalam tuduhan ini kita perlulah menyebutkan bila, di mana, dengan siapa, untuk apa dan mengapa? Kalau si penuduh itu tidak boleh mengkemukakan fakta dan tidak boleh menunjukkan buktinya, maka kes tuduhan tersebut masih juga tidak boleh dikatakan benar dan bertanggungjawab. Dengan menukar baju Melayu, menanggalkan ketayap putih, dengan berjabat tangan dan bergambar dengan sekumpulan wanita yang bukan muhrim dan dengan adanya seorang dua artis yang meminati beliau, lalu kita katakan peribadinya sudah tercela, ternoda dan maksiat, maka akan kosonglah syurga dan akan padatlah neraka nanti, diisi oleh orang-orang yang demikian ini di akhirat kelak.

Di dalam Islam, perbuatan bersalam dan bergambar bersebelahan dengan wanita yang bukan muhrim, bukanlah tidak salah. Tetapi kesalahan-kesalahan ini cuma termasuk di dalam *dosa-dosa kecil*. Ini bermakna ada lagi perbuatan-perbuatan yang lebih besar dosanya seperti berzina, membunuh, merompak dan sebagainya yang termasuk di

dalam *dosa-dosa besar*. Oleh itu dengan mengkemukakan contoh '*bersalam dan bergambar*' dengan wanita-wanita yang bukan muhrim itu sebagai tercela, ternoda dan maksiat, maka adalah jelas bahawa tuduhan-tuduhan tersebut bukan saja tidak kena pada tempatnya, tetapi juga tuduhan yang keterlaluan, zalim dan kejam.

Kita perlu juga memahami bahawa hukum-hukum di dalam Islam bukan bertujuan untuk menyiksa dan memudaratkan umatnya, tetapi juga untuk menjaga kebaikan dan kesucian penganutnya supaya tidak tercebur di dalam lembah kehinaan. Oleh yang demikian ada waktu-waktu dan ketikanya misalnya, perbuatan-perbuatan yang menyalahi hukum dibolehkan melakukannya atas sebab-sebab dharurat dan kecemasan. Malahan perbuatan-perbuatan yang mengakibatkan dosa-dosa besarpun, kita masih dikehendaki melakukan pertaubatan dan memohon keampunan. Tuhan itu Maha Pengasih lagi Maha Penyayang!

Berdasarkan dua contoh yang memperlihatkan 'buruk baiknya' sikap, tingkah laku dan perangai Datuk Sri Anwar Ibrahim ini, saya merasakan bahawa tuduhan-tuduhan yang dilemparkan tadi sebagai tidak wajar dan tidak bersifat objektif. Dakwaan terhadap keburukan-keburukannya sebagai mengkhianati perjuangan ABIM dan tuduhan-tuduhan yang bersifat tercela, ternoda dan maksiat, sekalipun mungkin dianggap benar oleh pihak yang membuat tuduhan itu, namun ianya bukanlah sebab dan faktor yang boleh melenyapkan pula segala kebaikan dan pengorbanan di dalam perjuangannya selama ini. Adalah tidak adil dan keterlaluan jika kita mengambil contoh yang buruk saja, sementara yang baiknya kita sembunyikan di bawah tikar usang. Penilaian dan ukuran yang seumpama ini memperlihatkan ketidak-adilan kita dan ketidakmatangan kita sendiri di dalam membuat sesuatu penilaian dan perbandingan, apalagi terhadap seorang pemimpin yang penuh dengan kontroversi ini.

Bagi saya sekurang-kurangnya, ada dua tiga perkara kebaikan yang besar dan yang pernah Anwar sumbangkan kepada bangsa, agama dan negaranya sebelum beliau menyertai ‘UMNO’. Pertama, sebagai pemimpin ABIM, beliau telah mempelopori usaha mewujudkan *Yayasan Anda Akademik* kepada ribuan pelajar sekolah menengah di sekitar Wilayah Persekutuan (melalui kelas yang disediakan) dan ribuan pelajar yang lain di seluruh negara (melalui kursus-kursus secara pos). Sistem amalan yang ditekankan melalui kelas Yayasan Anda ini, ialah sistem yang berasaskan falsafah Pendidikan Islam dan dikenali dengan nama *Pendidikan Rabbani*.

Selama lebih kurang tujuh tahun (1971 – 1974 – 1977 – 1980), beliau bersama beberapa orang sahabatnya membangun dan mendidik anak-anak muda kita di dalam bidang pelajaran akademik dan pendidikan Islam, hasilnya amatlah berkesan. Kini ribuan bekas pelajar Yayasan Anda yang berkhidmat di seluruh negara adalah anak-anak buah dan saudara-saudaranya sendiri. Sedikit sebanyak kesan dari pendidikan Islam yang ditanamnya kepada pelajar-pelajar kita itu, kini dapatlah kita andaikan bahawa sebahagian besar daripada mereka itu telah menjadi rakyat yang amat berguna kepada negara dan bangsanya dan amat taat kepada agamanya.

Selain dari menjadi pengarah kepada yayasan ini, beliau yang juga Presiden ABIM telah menjelajah ke seluruh negara (termasuk juga negara-negara Islam yang lain) memberikan pelbagai ucapan, ceramah, kertas kerja dan sebagainya di dalam usahanya meniupkan semangat *Harakah Islamiah* kepada belia-belia Islam di samping mengkritik dan menentang segala macam kemungkaran dan kekufturan yang dijalankan oleh pihak kerajaan, sama ada melalui pidatonya yang berapi-api atau melalui kempen dan demonstrasi yang membakar semangat. Oleh kerana zaman tahun-tahun tujuh puluhan itu merupakan period yang amat politikal bagi

bangsa Melayu, maka kegiatannya di dalam badan-badan gerakan Islam seperti itu amat menarik perhatian ahli-ahli politik, intelekutal dan para cendikiawan Melayu. Mereka dikejutkan oleh sebutir bintang yang gugur dan sedang menyinar cahaya dengan terangnya di bumi bertuah itu.

Dan kedua, sebagai pemimpin gerakan Islam, beliau juga seorang pejuang bangsa. Semasa dan selepas menjadi mahasiswa di Universiti Malaya akhir tahun enam puluhan dan awal tahun tujuh puluhan dulu, beliau bersama rakan-rakannya telah berjuang dan menuntut ketegasan kepimpinan dan menolak kepuraan-kepuraan pemerintah di dalam bentuk dan tindakan, di samping perjuangan menegakkan bahasa dan nasib bangsa Melayu. Mereka pernah dicap sebagai '*penggugat kewibawaan*' pro Komunis dan malah anti kerajaan.

Perjuangan bangsa yang dipimpin oleh beliau ketika itu penuh dengan misi dan visi. Apa yang diperjuangkan dan dituntut bukanlah perebutan kuasa dan pembubaran kerajaan yang dipilih oleh rakyat, tetapi perjuangan untuk menuntut supaya kepimpinan kerajaan yang memegang kuasa, mengambil tindakan-tindakan yang lebih tegas dan praktikal terhadap keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh kepimpinan mereka sendiri, terutamanya di dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup rakyat dan mencapai taraf ekonomi yang seimbang dengan bangsa-bangsa lain melalui Dasar Ekonomi Baru.

Tidak syak lagi sebahagian besar daripada pembangunan kerajaan yang dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru sepanjang dua puluh tahun yang lalu, walaupun tidak sepenuhnya dicapai, namun pembangunan itu adalah hasil daripada perjuangan Anwar dan kawan-kawannya yang lain di dalam ABIM pada masa itu. Golongannya itu kini menjadi penggerak dan pelaksana kepada semua bentuk perjuangan yang mereka cetuskan dulu. Adalah jelas bahawa dua wadah perjuangannya itu amat merangsang dan menarik perhatian

seluruh rakyat.

Soal yang timbul sekarang ialah, jika kita membandingkan keburukan-keburukan yang dilakukannya selepas beliau memasuki UMNO dengan kebaikan-kebaikan yang pernah disumbangkannya dulu itu, di dalam kondisi manakah yang patut kita tempatkan beliau? Dengan membuat perbandingan antara keburukannya dan kebaikannya itu, apakah '*hasil dan nilai*' yang boleh kita dapat daripadanya? Buruk? Baik? atau kosong?

Sudah pasti bahawa dua wadah perjuangannya itu jauh lebih besar dan jauh lebih penting daripada dua gejala keburukan yang dituduh kepadanya. Wadah tersebut adalah untuk kepentingan dan kebaikan negara, sementara gejala keburukan tadi lebih dilihat sebagai kelemahan dirinya sendiri. Ini bermakna bahawa yang lebih afdal di sini, ialah hasil dari wadah yang diperjuangkannya, dan bukannya keburukan yang kita tuduhkan kepadanya.

Mungkin bagi kebanyakan orang yang tidak menyukainya akan mengemukakan hujah bahawa kebaikan-kebaikan yang dijalankan oleh Datuk Sri Anwar itu adalah kebaikan-kebaikan masa lampau, iaitu masa gemilangnya ketika menjadi pemimpin kepada gerakan Islam di Malaysia. Menonjolkan kembali kebaikan-kebaikan masa lampau adalah '*nostalgia*' semata-mata. Ia tidak boleh membantu memperkuuhkan imej seseorang tanpa prestasinya masa kini. Anggapan ini mungkin dianggap benar kerana kegemilangan masa lampau itu tidak akan kembali lagi. Tetapi jika masa lampau itu dapat dijadikan '*sejarah pengajaran*' masa kini, maka hasil dari perjuangan masa lampau itu boleh membentuk dan membina masa depan yang lebih gemilang berdasarkan '*sejarah pengajaran*' masa lampau itu. Ini bukanlah mustahil!

Satu fenomena penting dan mustahak kita tentukan kondisinya di sini ialah, mengapa orang begitu mengagumi Anwar semasa beliau menjadi pemimpin ABIM saja, tetapi

kurang mengaguminya selepas beliau berada di dalam UMNO dan orang ketiga pentingnya selepas Mahathir dan Ghafar? Adakah kerana pada masa lampau itu tidak ada pemimpin muda yang berpotensi, maka Anwar diterima sebagai pemimpin Islam generasi muda, sedangkan sekarang oleh kerana terlalu ramai pemimpin yang berpotensi dan berkaliber, maka Anwar seolah-olah tenggelam dan dipertikaikan pula kepimpinannya?

Jawapan kepada persoalan-persoalan di atas bergantung kepada beberapa faktor. Faktor bakat, faktor masa dan faktor isu. ketiga-tiga faktor ini ialah kefaktoran masa lampau Anwar. Kemunculan nama Anwar di dalam gerakan pelajar dan ABIM ketika itu adalah kerana bakat dan potensinya. Ramai calon-calon pemimpin yang berhaluan kiri lahir pada masa itu. Ini termasuklah Dr. Mahathir Mohamad sendiri, Datuk Musa Hitam, Ibrahim Ali, Shamsuddin Rais, Ustaz Fadzil Noor, Mohamad Nakhiae Ahmad, Abdul Hadi Awang dan sebagainya. Tetapi perjuangan mereka ini, berbanding dengan Anwar, tidak konsisten dan tidak menggunakan platform tertentu secara tegas dan jelas. Mahathir dan Musa umpamanya, lahir selepas kedua-duanya dipecat dari UMNO. Ibrahim Ali sukar diterima lagi kerana perjuangan dan sikap politiknya yang sukar dipegang. Shamsuddin Rais hilang entah ke mana, sementara Fadzil Noor, Mohamad Nakhiae dan Abdul Hadi Awang masih terus mencari tapak kepimpinan yang kukuh, justeru politik kepartian mereka sudah mereka pegang.

Tetapi Anwar telah menempoh liku-liku perjuangan yang panjang dan dominan. Lesen besar yang mengiktiraf perjuangannya itu ialah *geran ISA* dan penjara Taiping. Dan ini memberikan digniti yang cukup canggih kepadanya sebagai pejuang dan pemimpin muda Islam yang sanggup dipenjarakan. Di sinilah imej dan potensinya terserlah.

Faktor masa dan faktor isu juga tidak kurang pentingnya memainkan peranan yang besar. Seperti yang telah saya

katakan dulu, zaman tahun-tahun tujuh puluhan dan isu yang muncul ketika itu amat nasionalistik sifatnya. Selepas tragedi 13 Mei, bangsa Melayu bangkit seolah-olah ‘guruuh *membelah bumi*’, menuntut segala macam hak yang telah tergadai, membangun dan membina semula imej building bangsa dan agamanya yang telah runtuh. Di tengah-tengah keruntuhan inilah munculnya Anwar, menjadi pembela dan jurucakap bangsa yang lantang dan penuh visi, menjadi pemuda harapan bangsa dan penggerak zaman yang sukar diapologetik. Beliau menjadi Albert Einstein yang mencintai *fakta dan ilmu*. Beliau juga mahu menjadi Galileo, berjuang dan berkorban untuk membela apa yang dianggapnya benar.

Tetapi selepas itu, ketika dia memasuki UMNO dan kini menjadi salah seorang Naib Presiden parti, sikap dan haluan perjuangannya tidak lagi harus bersifat seperti dulu. Zaman anak muda ‘*julung berkeris*’ sudahpun berlalu. Seperti katanya kepada ABIM (1980–81) dan kepada Pergerakan Pemuda UMNO (1983–84) melalui Generasi Penggerak Zamannya, bahawa:

“ukuran tidak lagi pada kelantangan suara, tetapi pada kebijaksanaan akal dan kemampuan bertindak untuk menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan dan untuk memastikan agar jaminan dan dasar yang dijanjikan, dilaksanakan secara berkesan.”

Ada dua perkara yang perlu dianalisis daripada *statementnya* ini. Pertama, secara langsung atau tidak dia bersetuju bahawa praktis kelantangan suara seperti yang dicetuskannya dulu bukanlah ukuran yang boleh membawa kejayaan. Ini kerana kelantangan suara hanyalah pendorong daripada pihak luar untuk menyedarkan pihak yang bertanggungjawab bagi menyempurnakan tugas mereka. Dan kedua, hanya kebijaksanaan akal dan kemampuan bertindak, yang boleh menyempurnakan tanggungjawab yang

diamanahkan itu, supaya segala dasar yang dijanjikan, dipastikan pelaksanaannya secara berkesan.

Perkara kedua inilah yang sekarang menjadi tanggungjawab beliau untuk melaksanakannya. Dan tanggungjawab pelaksanaan ini tidak lagi digerakan melalui kelantangan suara seperti dulu, tetapi melalui kebijaksanaan dan kemampuan bertindak. Oleh yang demikian adakah kerana kelantangan-kelantangan suaranya tidak lagi nyaring dan mersik seperti dulu, maka beliau kini dianggap telah gagal?

Perlu diperhatikan bahawa kejayaan Anwar pada masa lampau hanya diukur daripada kedudukannya sebagai pemimpin generasi muda Islam dan kelantangan suaranya mengkritik kemunkaran dan kemunafikan di dalam pemerintahan kerajaan berasaskan pembelaannya kepada bangsa dan agama. Dua aspek ini seolah-olah menjadi cukup penting, sehingga kita melupakan hakikat sebenarnya bahawa yang lebih penting lagi, bukanlah kelantangan dan kritikan semata-mata, tetapi kebijaksanaan akal dan kemampuan bertindak bagi menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan itu. Ini yang lebih penting sebenarnya.

Sekarang kondisi Anwar bukan lagi sebagai pengkritik dasar-dasar kerajaan dan bukan juga sebagai pendesak dan penggerak zaman. Tetapi beliau kini adalah sebahagian dari salah seorang arkitek dasar dan pengisi kepada gerakan zaman itu sendiri. Beliau perlu mempergunakan kebijaksanaan akal dan bukan lagi kelantangan suara untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat. Di sinilah duduknya kondisi dan peranan Anwar sekarang. Soalnya ialah adakah di dalam kondisi yang demikian, beliau boleh dianggap gagal menyempurnakan tugas dan tanggungjawabnya itu? Adakah kelantangan suaranya dulu tidak mencerminkan kebijaksanaan akalnya sekarang bila kita mendapati beliau mengamalkannya budaya politik yang bersifat tipu helah, kepura-puraan, berdolak dalik, tidak tegas

dan sebagainya di dalam perjuangannya?

Persoalan-persoalan seumpama ini juga berbentuk '*subjektif*' dan tidak bersandarkan kepada suasana dan keadaan di sekeliling. Di dalam politik, kita tidak boleh mensifatkan sesuatu yang berbeza pada hari ini tidak akan berbeza pada hari besuknya, dan ini sama juga dengan pengertian bahawa antara '*teori dan praktik*', pelaksanaannya amat berbeza sekali. Kita boleh membuat teori tentang suatu pembangunan dan matlamatnya adalah untuk kebahagian rakyat. Tetapi apabila teori tersebut mulai kita jalankan, kita mungkin terpaksa menangguhkannya dulu akibat kemelesetan ekonomi. Ini tidak bermakna bahawa kerajaan atau beliau telah membuat tipu helah, kepura-puraan atau berdolak-dalik kepada rakyat, tetapi kerajaan dan beliau akan tetap melaksanakan pembangunan tersebut apabila keadaan ekonomi negara kembali pulih.

Budaya politik yang bersifat seperti ini juga terdapat di dalam pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Ini dapat kita buktikan melalui buku '*The Malay Dilemma*' di mana sebahagian daripada perkara-perkara yang pernah dikritik oleh Dr. Mahathir terhadap kepimpinan Almarhum Tunku dulu, diulanginya semula di dalam pemerintahannya sekarang. Jikalau perbuatan begini dianggap sebagai budaya politik yang bersifat tipu helah, kepura-puraan, berdolak-dalik dan tidak tegas, maka apa yang dibuat oleh Mahathir itu jauh lebih buruk daripada anggapan kita terhadap Datuk Sri Anwar Ibrahim itu.

Tetapi dari segi politik, perubahan dan perbezaan antara teori dengan praktikal seperti ini tidak dapat dielakan. Kita tidak boleh melaksanakan apa yang kita kehendaki pada masa lampau, jika apa yang kita kehendaki itu tidak boleh dilaksanakan pada masa kini atas sebab-sebab yang tidak boleh dielakan. Apa yang penting di sini ialah konsep dan wawasan perjuangan. Jika konsep dan wawasan itu boleh dicapai, tetapi tidak pada waktu yang dijangkakan, maka

kita terpaksa menerimanya. Ini bukanlah bermakna adanya perlakuan berdolak-dalik, kepura-puraan atau tipu helah, tetapi akibat suasana dan keadaan sekeliling. Adakah fenomena seperti ini kita menganggap Anwar telah gagal menyempurnakan tugasnya? Apakah kelantangannya dulu tidak mencerminkan kebijaksanaan akalnya sekarang?

Dua perosalan di atas memerlukan dua analisis yang berbeza. Pertama, soal sikap dan sentimen kepadanya. Dan kedua, kondisinya sebagai pemimpin ketiga tidak membolehkannya melaksanakan visinya yang boleh dianggap melanggar bendul.

Sikap dan sentimen kita terhadap Anwar sebenarnya amatlah besar. Ini sukar untuk dinafikan secara mudah. Berdasarkan perjuangan masa lampau, kita begitu yakin, dan seolah-olah tidak ada pilihan lain lagi bahawa kepimpinan masa depan bagi negara kita, terutamanya menjelang dekad dua ribu ini, terserah kepada beliau bulat-bulat, walaupun kita masih mempunyai Ghafar Baba, Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Sri Sanusi Junid. Kita seolah-olah percaya, berbanding dengan pemimpin-pemimpin lain yang ada, beliaulah dikira aktor politik yang boleh menggantikan Dr. Mahathir Mohamad.

Sikap dan sentimen yang berasaskan '*over confident*' inilah menjadikan kita kecewa, hampa, marah dan putus asa terhadap kewibawaan, kecanggihan dan personaliti yang diperlihatkan olehnya selama ini. Bagi musuh-musuhnya pula, kesempatan ini dipergunakan dengan membuat pelbagai tuduhan, fitnah dan sebagainya supaya segala bakat, potensi dan kewibawaannya itu dimusnahkan dan dihancurkan. Kita menganggapnya sebagai pejuang yang gagal, yang tidak boleh diberi kuasa lagi. Beliau kini dianggap sebagai '*politician yang munafik*' dan sekaligus orang telah hilang keyakinan kepadanya sebagai seorang mujahid Islam yang tulen. Malah jika kita menyerah pengharapan besar

kepadanya, kita bukan saja akan kecewa, malahan bangsa, agama, keperibadian dan segala yang kita cita-citakan itu akan turut tergadai olehnya. Demikian buruknya anggapan dan tuduhan kita.

Tetapi persoalan utama yang tidak kita sedari, ialah bakat dan visi yang ada kepadanya itu belum lagi muncul dan terserlah dengan nyata. Kejayaan-kejayaan yang dibuat dan dicapainya selama ini bukanlah ‘trade mark’ yang terakhir di dalam kerjaya politiknya.

Seseorang pemimpin yang dianggap berjaya atau gagal di dalam perjuangannya, ialah apakala kuasa tertinggi yang diberikan kepadanya itu tidak dijalankannya secara berkesan dan bertanggungjawab. Beberapa orang pemimpin di Asia dan di Eropah yang jatuh satu demi satu adalah contoh dari kegagalan ini. Rakyat berhak menolak kepimpinan yang buruk dan menentukan kepimpinan yang baik melalui proses demokrasi. Tetapi apakah sebenarnya kuasa yang dimiliki oleh Anwar itu sudah cukup kuat untuk membuktikan bahawa beliau telah gagal di dalam perjuangannya selama ini? Adakah kuasa yang ada kepadanya itu merupakan suatu ‘*kuasa tertinggi*’ seperti kuasa tertinggi yang ada kepadanya ketika beliau memimpin persatuan pelajar dan gerakan Islam seperti ABIM dulu?

Persoalan ini hendaklah dilihat secara rasional dan dikaji dari pelbagai aspek, termasuklah posisi dan kondisi yang melibatkan seseorang tokoh pemimpin itu. Kita tidak boleh mengharapkan Datuk Mohamad Rahmat memutuskan sesuatu dasar UMNO, sebelum beliau mendapat persetujuan presiden parti. Demikian juga Encik Ghafar Baba tidak boleh bertindak atas nama Perdana Menteri jika dia tidak pernah dilantik sebagai Pemangku jawatan tersebut. Apa yang boleh dibuatnya ialah hanya atas nama Timbalan Perdana Menteri, yang antara kedua jawatan itu, mempunyai posisi yang berbeza dari segi kelas dan tarafnya.

Demikian juga posisi dan kondisi yang dimiliki oleh

Datuk Sri Anwar sekarang. Beliau tidak boleh menonjolkan misi dan visinya secara terbuka dan melebihi peranan dan kuasa Perdana Menteri. Dan jikalau pun misalnya beliau boleh berbuat demikian, ia nanti akan dituduh sebagai pemimpin yang cuba melangkah bendul, yang cuba melangkah kepala pemimpinya dan yang cuba mencetuskan kekacauan di dalam kredibiliti parti politik dan kerajaan, walaupun pada setengah-setengah orang ciri-ciri ini dikatakan ada di dalam dirinya.

Inilah sebahagian dari sebabnya mengapa Datuk Sri Anwar tidak boleh melaksanakan tugas dan visinya secara lebih berkesan dan bertanggungjawab seperti mana yang diperlihatkannya di dalam ABIM dulu. Dan inilah juga sebahagian dari akibat bahawa oleh kerana orang terlalu '*over confident*' kepadanya, tiba-tiba dia dianggap gagal, maka imej, bakat dan potensi kepimpinannya dipertikaikan dan dicemuh – suatu tanggapan dan tuduhan yang belum boleh dibuat lagi sekarang, sebelum beliau diberi peluang menunjukkan bakat dan potensinya itu secara lebih berkesan dan bertanggungjawab.

Bagaimanapun ini bukanlah satu fenomena yang boleh membawa kehancuran kepada perjuangan politik dan masa depannya sendiri. Masa depan politiknya tidak boleh diruntuhkan oleh anggapan dan tuduhan yang bersifat dengki, dendam dan cemburu seperti itu. Masa depan politik Anwar lebih bergantung kepada bakat, potensi, kesungguhan dan keupayaannya sendiri. Beliaulah yang boleh menentukan sama ada ciri-ciri yang ada di dalam dirinya itu boleh dimanfaatkan atau tidak. Bukannya atas tuduhan dan hasad dengki saja. Ini kerana orang yang didengki dengan pelbagai tuduhan, akan dapat mengambil manfaat daripada '*kedengkian*' orang yang mendengki itu kerana dia berada di pihak orang yang dianaya. Nabi Muammad s.a.w. sendiri pernah bersabda:

“dendam dan dengki adalah memakan amal kebaikan, bagaikan api yang memakan kayu api.”

Dan,

“Bukan dari golongan umatku pendengki, pengadu domba, peramal, dan aku pun bukan dari golongannya.”

Bab Keduabelas

KEPIMPINAN YANG WAJAR

DALAM bab ketujuh, kelapan dan kesembilan tadi, saya telah membuat beberapa perspektif tentang ketokohan Datuk Sri Sanusi Junid, Datuk Sri Anwar Ibrahim dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. Perspektif tersebut saya hasilkan berdasarkan beberapa penyelidikan, pembacaan, tinjauan dan interaksi dalam sejarah persahabatan saya dengan ketiga-tiga tokoh tersebut. Sudah pasti bahawa perspektif saya itu tidak seluruhnya objektif. Ia mungkin terkait oleh pelbagai sikap, pandangan dan sentimen yang secara peribadinya, amat sukar diketepikan begitu saja.

Bagaimanapun dari segi-segi yang lebih penting, saya lebih bersifat sebagai pemerhati dan cuba menetapkan perspektif saya dari segi ketokohan, potensi, kebolehan, kewibawaan dan penanggungjawaban mereka sebagai pemimpin berdasar pendidikan, sosial dan perjuangan masa lampau mereka. Kesemua elemen-elemen ini cuba saya hubungkaitkan dengan kriteria dan formula kepimpinan yang berasaskan kepimpinan '*taklif*' dan '*tashrif*' tadi. Di samping itu saya akan cuba menentukan pula, siapa di antara mereka yang boleh saya andaikan memenuhi ketiga-tiga kriteria yang telah saya kemukakan di dalam bab pertama itu untuk muncul sebagai pemimpin di masa depan.

Jikalau berdasarkan kriteria yang pertama, ketiga-tiga tokoh Naib Presiden UMNO ini mempunyai pendidikan dan

ilmu pengetahuan yang sama, justeru aliran pengajian mereka berlainan antara satu sama lain. Sanusi lebih pengetahuannya di dalam bidang ekonomi dan korporat. Anwar lebih berpengetahuan di dalam bidang pendidikan dan agama, sementara Pak Lah lebih berpengetahuan tentang agama dan sosial. Dalam bidang-bidang yang lain seperti politik, kebudayaan, sosial dan kemasyarakatan, pengalaman mereka adalah hampir sama, kecuali pengetahuan tentang sains.

Dalam kriteria yang kedua, ketiga-tiga mereka juga mempunyai sikap dan haluan perjuangan yang sama, tetapi dari segi visi dan misi, Datuk Anwar dan Datuk Sanusi kelihatan lebih jelas, lebih berwawancana dan berwawasan, baik dari segi gagasan mahupun dari segi komitmen. Dalam sejarah perjuangan Anwar selama kira-kira kurang lebih dua puluh tahun misalnya, (1970 – 1990), kita melihat bahawa dalam tempoh sebelas tahun (1970 – 1981), beliau menghabiskan masa perjuangannya di dalam pembinaan Islam dan ummah. Dan dalam masa sembilan tahun kemudiannya (1982 – 1990) pula, kita melihat beliau telah menghabiskan masa perjuangannya di dalam politik UMNO.

Bagi Datuk Sri Sanusi Junid pula, karier politiknya bermula sejak tahun 1974 apabila beliau menang di dalam pilihanraya Parlimen kawasan Jerai. Sebelum itu beliau lebih menumpukan kerjayanya di dalam bidang korporat, sementara di dalam perjuangan politik, beliau masih bersifat seorang aktivis yang belum menonjol, walaupun beliau sudah melibatkan diri di dalam UMNO sejak tahun 1963 lagi, semasa beliau berada di Seremban.

Sementara Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi pula, hanya dikenali setelah beliau bertanding di dalam pilihanraya Parlimen kawasan Kepala Batas, dalam tahun 1978. Sebelum itu, beliau lebih menumpukan perhatian di dalam bidang belia, kerana sebelum bertanding di dalam pilihanraya tersebut, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Belia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jauh lebih lama

sebelum itu, beliau juga terkenal sebagai pemimpin Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Di dalam bidang politik, beliau hanya bersifat sederhana, tidak lantang seperti Anwar dan tidak keras dan sinis seperti Sanusi.

Berdasarkan fakta-fakta yang tersebut di atas, kita boleh melihat bahawa walaupun sejarah perjuangan politik Datuk Sri Sanusi jauh lebih lama dari Anwar dan Datuk Abdullah, namun prestasi kejayaan yang dicapai oleh Datuk Sri Anwar pula, jauh lebih cepat dan pantas. Selepas saja beliau memasuki UMNO dalam tahun 1982, beliau telah dilantik menjadi Menteri, Wakil Parlimen dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, sementara Datuk Sanusi dan Datuk Abdullah tidak pernah menjawat jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Dari segi visi dan misi tadi, kejayaan yang dicapai oleh Sanusi dan Anwar sukar ditentukan prestasinya secara empirikal. Ini kerana sementara Anwar giat melaksanakan kempen-kempen Bersih Cekap dan Amanah, Penerapan Nilai-nilai Islam, penubuhan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan sebagainya, Sanusi memulakan kegiatannya dengan membentuk konsep '*nilai moral*' antara bank dengan rakyat melalui Skim Mengenang Budi dan Menanam Budi, kempen anti merokok, kempen memungut kembali hutang pinjaman Mara, Minum air kelapa, Tukun tayar buruk, projek Karyaneka, pembersihan di dalam skandal koperasi-koperasi penerima deposit, pembangunan Taman Pertanian dan sebagainya. Kegiatan Datuk Abdullah di sini hampir-hampir tidak kelihatan.

Dan dalam kriteria yang ketiga, sementara Datuk Abdullah jauh tertinggal di belakang, kita melihat Datuk Sri Anwar melompat kepada prestasi kejayaan yang lebih cemerlang, sementara Datuk Sri Sanusi melonjak naik dan turun dalam situasi yang gawat dan dramatik di dalam politik.

Dari segi potensi, kebijaksanaan, kepintaran, kualiti dan

kewibawaan, kita melihat Anwar berjaya menempatkan dirinya sebagai pemimpin alternatif di masa depan. Kedudukannya sebagai Menteri Pendidikan, kekuatannya sebagai naib presiden parti dan popularitinya di luar negeri kerana menjawat beberapa jawatan, seperti Jawatankuasa Ad hoc Mengenai Belia kepada Setiausaha Agung PBB, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus UNESCO, Pengasas Institut Pemikiran Islam Antarabangsa, Lembaga Pengarah Yayasan Kebajikan Islam Sedunia dan sebagainya menyebabkan beliau menjadi popular. Berdasarkan penglibatan ini, beliau seolah-olah telah menenuhi kriteria dan formula kepimpinan seperti yang dikehendaki di dalam kriteria ketiga itu.

Sementara Datuk Sri Sanusi, selepas melonjak naik sebagai Setiausaha Agung UMNO, mencetuskan pelbagai idea di dalam penggunaan air kelapa muda, tukun tayar buruk, makanlah sayur-sayuran tempatan, kampungku yang indah dan projek raksasa Taman Pertanian, terpaksa meletakan jawatan sebagai Setiausaha Agung kerana krisis UMNO dan kesihatan, sebelum melonjak kembali di belakang Anwar sebagai naib presiden parti. Datuk Abdullah yang tertinggal jauh di belakang tadi, mengejarnya kembali dan kini, ketiga-tiga tokoh ini berada sebaris di dalam barisan ketiga di dalam kepimpinan UMNO.

Demikianlah secara ringkasnya, turun naik dan jatuh bangunnya ketiga-tiga pemimpin pelapis UMNO ini. Di dalam situasi turun naik dan jatuh bangunnya mereka ini, kita boleh menilai prestasi kebolehan dan kejayaan mereka di dalam kepimpinan politik masa lalu, masa kini dan mungkin juga prestasi masa depan mereka. Di samping itu kita juga boleh pula melihat dan menilai personaliti dan kewibawaan mereka sebagai tokoh, di mana kewajarannya yang boleh kita tempat-kan mereka, sama ada sebagai pemimpin bercorak '*taklif*' atau pun pemimpin yang bercorak '*tashrif*'. Sudah tentu bagi kita, kepimpinan yang bercorak

'*taklif*' yang menjadi pilihan utama.

Bagaimanapun di dalam politik, kita terpaksa menghadapi fenomena di mana kualiti kepimpinan yang kita kehendaki, seringkali kontras dengan kualiti kepimpinan yang terpaksa kita terima. Hal ini amat sukar untuk dielakkan kerana pemikiran politik, seperti juga dengan pemikiran-pemikiran yang lain, hanya boleh difahami sepenuhnya dengan mengaitkan dengan konteks semasa, personaliti dan tempat di mana ia berlaku. Di dalam hubungan ini, apa yang lebih penting bagi kebanyakan kita, ialah sifat-sifat kualiti dan kebaikan mereka haruslah berkekalan dan bukannya sementara.

Berdasarkan teori-teori politik di atas, saya lebih tertarik dengan perjuangan politik dan prestasi kejayaan yang dicapai oleh Datuk Sri Anwar Ibrahim dan Datuk Sri Sanusi Junid. Kedua-duanya mempunyai sifat-sifat yang tersebut di atas, iaitu sifat-sifat '*kontradiksi*' antara yang kita kehendaki dengan yang terpaksa kita terima berdasarkan pemikiran dan fahaman politik yang bersituasi dan kualiti serta sifat-sifat kebaikan yang bagi setengah-tengah orang, tidak konsisten atau yang menganggapnya tidak dominan.

Di tengah-tengah pergolakan politik, wawasan dan gagasan pembangunan, dan di tengah-tengah perebutan kuasa melalui klik, kumpulan dan golongan ini, kita perlu mempunyai satu pilihan yang lebih tepat dan betul berdasarkan kelebihan dan kekurangan mereka, bahawa Datuk Sri Anwar Ibrahim dan Datuk Sanusi adalah calon pemimpin yang cukup wajar kita kehendaki dan perlu kita terima. Berdasarkan pemikiran dan fahaman politik, beralaskan kualiti dan sifat-sifat kebaikannya dan berdasarkan pencapaian kepimpinannya yang luar biasa, salah seorang daripadanya adalah pemimpin alternatif yang boleh dipercayai untuk memimpin dua puluh juta rakyat Malaysia menjelang abad kedua puluh satu yang akan datang.

Penerimaan dan kepercayaan ini bukan saja berdasarkan

kepada pencapaian kepimpinan kedua-dua orang yang luar biasa itu, tetapi juga berdasarkan sikap dan komitmennya yang serius dan sungguh-sungguh untuk menerima beban tanggungjawab sebagai pemimpin terhadap pembangunan sosio-ekonomi bagi hampir 20 juta rakyat Malaysia itu.

Dalam satu interviewnya dengan Sdr. Chamil Wariya, seorang wartawan Utusan Melayu pada 18 Jun dan disiarkan melalui Televisyen Malaysia pada 28 Jun 1991 yang lalu, saya melihat betapa Datuk Sri Anwar telah cuba mentafsirkan keseluruhan rancangan DPN yang telah dibentangkan oleh Dr. Mahathir di dalam Parlimen pada 17 Jun sebelumnya. Saya mendapati bahawa tafsirannya itu adalah jelas dan tepat dengan dasar pembangunan itu sendiri.

Dalam tafsirannya itu beliau berkata, bahawa *Dasar Pembangunan Nasional* yang akan mulai tahun 1991 – 2000 ini, adalah kesinambungan daripada *Dasar Ekonomi Baru* yang dilancarkan sejak tahun 1970 – 1990 lalu. Dasar tersebut yang berupa Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang, berorientasikan pembangunan ekonomi di dalam proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat bagi melahirkan sebuah negara yang maju, dari semua segi, menjelang tahun 2020.

Di dalam usaha memajukan sosio ekonomi negara ini, arah dan tekanannya ditumpukan kepada pelbagai bidang, termasuk penggalakan perusahaan swasta, memperluaskan program sektor awam di dalam bidang pembangunan sumber manusia dan meningkatkan infrastruktur negara. Di dalam usaha ini, DPN akan terus memberi tekanan kepada pendidikan dan latihan teknik dan vokasional kepada usahawan-usahawan Bumiputera bagi menentukan supaya penglibatan Bumiputera di dalam bidang perniagaan dan perusahaan akan terus digalak dan dipertingkatkan.

Di samping itu, *Dasar Pembangunan Nasional* ini juga, akan terus menjalankan usaha dan ikhtiar bagi membasmi

kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif yang masih wujud selepas Dasar Ekonomi Baru itu. Seperti yang diketahui dalam tahun 1970 lalu, kadar kemiskinan di Semenanjung berada di paras 49.3 peratus. Tetapi dalam tahun 1990 lalu, kadar itu telah menurun kepada 15 peratus. Baki kemiskinan inilah yang mahu diperangi oleh Datuk Sri Anwar dan Datuk Sanusi berhabis-habisan supaya kadar tersebut terus turun. Dan 'peperangan' ini tidak saja terbatas di kalangan orang-orang Melayu saja, tetapi juga kepada seluruh suku kaum yang lain seperti India, Cina, Kadazan, Murut, Iban dan sebagainya di seluruh Malaysia.

Daripada tafsiran yang dibuatnya itu, saya melihat bahawa *Dasar Pembangunan Nasional* bagi tempoh sepuluh tahun ini, sekalipun dasar dan objektifnya tidak berubah, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, namun cara-cara pendekatan dan arah penekanannya mengalami perubahan. Jikalau DEB dulu sedikit tertutup bentuknya, tetapi DPN sekarang bersifat lebih terbuka. Jikalau DEB dulu menetapkan pencapaian matlamatnya, misalnya 30 peratus bagi ekonomi Bumiputera dan pelbagai quota yang lain, di dalam DPN ini, target pencapaian dan quota yang demikian sudah tidak dipentingkan lagi. Apa yang lebih ditekankan ialah bahawa semua rakyat, tanpa mengira kaum harus berpeluang menikmati faedah yang sama. Bagaimanapun dari segi kerajaan, usaha untuk memperseimbangkan kedudukan Bumiputera di dalam pelbagai sektor ekonomi dengan penduduk yang lain, akan terus diberi perhatian.

Sebagai Menteri Kewangan, tafsiran dan penjelasan yang diberikan oleh Datuk Sri Anwar ini, sekurang-kurangnya menghilangkan sedikit keraguan dan kebimbangan di kalangan orang-orang Melayu bahawa *Dasar Pembangunan Nasional* yang bersifat terbuka itu, boleh menjaskan usaha membangunkan sektor ekonomi orang-orang Melayu. Ketegasan beliau bahawa dasar ini tidak akan meruntuhkan

hasrat kerajaan untuk membantu dan meninggikan sosio ekonomi orang-orang Melayu, merupakan satu ketegasan yang memang ditunggu-tunggu. Secara peribadi, saya berharap bahawa ini bukanlah pengakuan yang kosong. Dan saya percaya, berdasarkan visi perjuangan masa lampau, beliau boleh diharap dan dipercayai. Tetapi ini tidak bermakna bahawa saya menolak kebolehan dan visi Datuk Sri Sanusi Junid dan kebaikan-kebaikan Datuk Abdullah.

Datuk Sri Sanusi misalnya, mempunyai kekuatan dan kemampuan yang luar biasa di dalam misi dan visinya. Justeru di dalam politik, beliau kurang popular akibat krisis di dalam UMNO dulu, namun di dalam hala-cara perjuangan dan tindakan gerak kerjanya, beliau merupakan seorang tokoh yang amanah dan serius di dalam tugas dan tanggung-jawabnya. Dengan kemampuannya yang luar biasa sebagai pemikir dan pencetus idea yang konstruktif, banyak kerja-kerja yang dibuatnya menampakkan hasil. Di tengah-tengah kelucuan dan kesinisan kita mendengar biji butir percakapannya yang memukaukan, kita mendapati apa yang dikerjakannya mendatangkan keperhasilan yang besar kepada negara. Apa yang disebutkan oleh Datuk Prof. Ismail Hussein di dalam bab ke tujuh tadi sudah cukup membuktikannya.

Malahan di dalam politik, justeru saya katakan beliau tidak popular, namun dalam situasi kepimpinan yang ada sekarang, kemungkinan beliau melonjak naik lebih cepat dari Datuk Sri Anwar atau Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi bukanlah mustahil. Ini kerana kondisi beliau di dalam golongan Encik Ghafar Baba yang menunggu masa saja untuk menjadi Perdana Menteri akan memberi laluan yang mudah untuk beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Andaian ini bukanlah omongan. Berasaskan kedudukannya sekarang dan memandang kepada keadaan Datuk Sri Anwar Ibrahim yang dikatakan seolah-olah ‘telur di hujung tanduk’ itu layaknya, maka kemunculan Datuk Sri Sanusi sebagai Timbalan Perdana Menteri cukuplah mendebarkan.

Demikian juga dengan kedudukan Datuk Abdullah. Justeru dalam suatu period, beliau seolah-olah hampir tenggelam di dalam politik, namun dengan kejayaannya mengekalkan kerusi naib presiden dan dengan kedudukannya sekarang yang semakin dipercayai oleh Dr. Mahathir, peluang bagi beliau melonjakkan dirinya ke tangga yang lebih atas juga bukanlah mustahil. Pendeknya, ketiga-tiga mereka ini adalah regu kepimpinan yang cukup mantap dan berkualiti, terutamanya jika ketiga-tiga mereka dapat memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

1. Datuk Sri Anwar Ibrahim dapat mengatasi kesemua tohmah-tohmah dan tuduhan-tuduhan buruk yang dilemparkan kepadanya, sama ada oleh mereka yang cemburu dan berhasad dengki dengannya, atau dari mereka yang sayang dan cinta kepadanya, tetapi kecewa dengan tindak tanduk politiknya. Di dalam usaha untuk menghakiskan tohmah dan keburukan ini, beliau perlu, secara jelas dan tegas, membuktikan kepada mereka bahawa dirinya mempunyai sifat-sifat '*credible*' yang cukup canggih di dalam kepimpinan dan dinamika perubahan yang dikehendaki oleh bangsa kita dan bukannya bercakap lain, memperbuat lain dan berpura-pura dengan kawan dan lawan.

Ini bermakna bahawa segala langkah dan tindakan yang diambilnya, perlulah dilihat dari konteks perubahan masa dan kemajuan bangsa yang diperlukan, dan bukannya semata-mata berasaskan sentimen keperibadian yang tidak sihat. Beliau juga patutlah mengurangkan '*politiking*' yang boleh menambahkan musuh politik, di samping berusaha mendekatkan kembali interaksi sosial dengan mereka yang menjauhkan diri daripadanya, dan malah mewujudkan kembali penyatuan dan kerjasama di kalangan orang-orang Melayu yang telah berpecah, akibat perbezaan konsep perjuangan Islam dan pembangunan ummah.

yang selama ini menjadi ciri-ciri perjuangannya. Beliau patutlah berusaha mengikat kembali penyatuan bangsa dan agama yang telah musnah itu.

2. Atas nama perpaduan UMNO, ketiga-tiga pemimpin ini, (Anwar + Sanusi + Abdullah) perlulah menghentikan tindakan-tindakan '*'provokasi'*' di kalangan sesama mereka dan melupakan sengketa dan perselisihan masa lalu. Sikap terbuka, bertolak ansur dan bersedia untuk mengalah, adalah ciri-ciri yang cukup relevan bagi mewujudkan kembali perpaduan parti dan bangsa Melayu, kerana berdasarkan perselisihan-perselisihan yang terjadi antara Sanusi dengan Anwar dan antara Anwar dengan Pak Lah, persoalan perselisihan itu sebenarnya sudah pun selesai. Demi perpaduan UMNO dan bangsa Melayu juga, setiap pihak yang menyokong atau menentang ketokohan ketiga-tiga pemimpin ini, hendaklah menghentikan segala macam tohmahan, tuduhan dan kecaman yang boleh memudaratkan konsep perpaduan tersebut, terutamanya perpaduan di kalangan mereka sendiri.
3. Bagi kemajuan bangsa dan negara dan bagi kepentingan kepimpinan yang berwibawa, kepimpinan yang bercorak '*taklif*' perlulah dipertahankan kerana ia adalah satu penanggungjawaban yang sangat besar dan bermakna kepada bangsa dan negara. Jika sifat-sifat '*tashrif*' menjadi ciri-ciri kepimpinan, masalah perpaduan dan kemajuan bukan saja akan menjadi sukar dicapai, tetapi personaliti ketokohan pemimpin itu juga akan menjadi runtuh. Dan ini tidak sesiapapun yang untung.
4. Ketiga-tiga orang pemimpin ini adalah harta dan khazanah bangsa yang cukup berharga bagi kepentingan negara, baik pada masa ini maupun pada masa depan. Kebaikan dan keburukan bangsa dan negara kita di masa depan, bergantung sebahagian besarnya kepada kepimpinan ketiga-tiga orang tokoh ini. Jika salah

seorang dari mereka atau ketiga-tiganya itu kita lagakan, kita adudombakan dan kita perburukan, yang ruginya bukan saja mereka tetapi bangsa kita sendiri. Oleh itu jika kita berfikir bahawa salah seorang dari mereka mempunyai kelayakan dan kualiti yang terbaik untuk kita tonjolkan sebagai pemimpin di masa depan, yang lainnya janganlah kita tolak begitu saja walaupun kita tidak menyukainya. Kita perlu membariskan mereka sebagai satu angkatan kepimpinan negara yang canggih dan berkesan. Di Perancis, gaya kepimpinan ketokohan yang dikongsi bersama oleh pemimpin Petain, Mendes France dan Charles de Gaulle telah pernah wujud bagi mengatasi krisis akibat berlakunya '*immobilisme*' di dalam Dewan Perhimpunan Kebangsaan negaranya. Ini boleh dijadikan contoh.

Saya cukup menyedari bahawa di dalam politik, idealisme yang demikian amat sukar dicapai. Tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh melakukannya. Jika kita berusaha untuk mengurangkan persengketaan dan memperbanyak langkah-langkah penyatuan mengikut cara kita seperti kata Mahathir, Allah s.w.t. tidak akan menghampakan kita. Yang penting ialah niat, idea dan keberanian.

Bagi mengakhiri perspektif saya terhadap ketiga-tiga tokoh ini, saya perturunkan sebuah kalimah Allah yang disebutkan oleh Amirul Mu'minin, Saidina Abu Bakar r.a. kepada sahabat-sahabatnya sebelum beliau meninggal. Katanya:

"Ya Allah, Dikau telah menciptakan makhluk tanpa mengharapkan sesuatu dari mereka, kemudian membahagikan mereka menjadi dua golongan – segolongan untuk penghuni syurga dan segolongan lagi untuk penghuni neraka. Maka jadikanlah aku termasuk golongan syurga, dan hindarkanlah aku dari golongan neraka."

"Ya Allah, Dikau telah menciptakan mereka menjadi

dua golongan, dan Engkau telah menentukan mereka sebelum mewujudkannya, maka Engkau telah mencipta mereka sebahagian golongan orang-orang bahagia, sedang yang lain tergolong orang-orang celaka; segolongan Engkau jadikan sesat, dan segolongan Engkau jadikan terpimpin, maka janganlah kami digolongkan orang-orang celaka tersebut selalu berbuat derhaka kepadaMu.

"Ya Tuhan kami, Dikau Maha Mengetahui semua perbuatan makhluk sebelum mereka membuatnya, maka tidaklah makhluk itu terhindar dari segala pengetahuanMu, maka jadikanlah aku sebagai orang yang selalu berbuat ketaatan kepadaMu.

"Ya Tuhan kami, sesungguhnya tiada seorangpun boleh membuat sesuatu sehingga Engkau menghendakinya, maka jadikanlah kehendakMu bagiku itu, sesuatu yang boleh mendekatkan diriku kepadaMu.

"Ya Tuhan kami, Dikau yang mentakdirkan semua gerakan hamba, mereka tidak akan mampu bergerak sedikitpun, kecuali dengan izinMu, maka jadikanlah semua gerakanku itu menuju kepada ketakwaanMu.

"Ya Tuhan kami, Dikaulah Pencipta kebaikan serta keburukan, dan Dikau telah menentukan calon pelakunya, maka jadikanlah aku sebagai calon pelaku kebaikan.

"Ya Tuhan kami, Dikau telah mencipta syurga dan neraka, dan Dikau telah menentukan calon penghuni keduanya, maka jadikanlah aku sebagai calon penghuni syurgaMu.

Ya Tuhan kami, jika Engkau hendak menyesatkan sesuatu kaum, maka Engkau akan menyempitkan dada mereka, (yakni sukar beriman kepadaMu), maka lapangkanlah dadaku untuk beriman, dankekalkanlah keimanan itu di dalam hatiku.

"Ya Tuhan kami, Dikaulah yang mengatur semua

urusan, dan kepadaMu pula segala urusan akan kembali. Maka berilah aku kehidupan yang baik sesudah aku mati, dan dekatkanlah diriku kepadaMu dengan sesungguhnya.

"Ya Tuhan kami, jika seseorang baik di waktu pagi atau petang, selalu berharap dan bersandar kepada selain dariMu, maka harapan serta sandaranku selamanya kepadaMu semata. Dan sesungguhnya tiada kemampuan untuk menjauhi kedurhakaan, dan tiada kekuatan untuk berbuat kebajikan, kecuali dengan mendapat pertolonganMu."

PEMBUAT UNDANG-UNDANG

‘Apabila para pembuat undang-undang cuba merampas atau merosakkan harta benda rakyat, atau menjadikan mereka hamba dengan kuasa sebelah pihak, maka mereka telah meletakkan diri di dalam keadaan berperang dengan rakyat – yang dalam keadaan itu, bebas dari ikatan ketaatan selanjutnya, dan boleh mendapat perlindungan yang diberi oleh Tuhan kepada manusia terhadap paksaan dan kekejaman, iaitu penentangan. ♦

–John Locke
*Pengasas Tamadun
Industri Borjuis Moden
Barat.*

Bab Ketigabelas

KE ARAH NEGARA MAJU: SUATU ULASAN

BANYAK orang telah bercakap tentang *Wawasan 2020* ciptaan Dr. Mahathir Mohamad, melalui kertas kerjanya berjudul '*Malaysia: Langkah ke Hadapan*.' Tetapi siapa sebenarnya yang menamakan kertas kerjanya itu sebagai '*Wawasan 2020*' tidaklah dapat dipastikan. Ini kerana selepas saya membaca dan meniliti kertas kerjanya itu, tidak ada sepatah pun perkataan '*Wawasan 2020*' yang tertulis di dalamnya. Mungkin perkataan '*wawasan*' itu tumbul selepas kertas kerja itu dilihat dari pelbagai perspektif: tujuan dan objektifnya secara menyeluruh.

Saya tidaklah menentang penggunaan '*Wawasan 2020*' itu di sini. Dalam beberapa bab sebelum ini, perkataan tersebut telah juga saya gunakan. Soalnya ialah mengapa kita harus menamakarinya '*wawasan*'? Adakah perkataan tersebut tepat dan menepati dengan isi kandungan kertas kerja Dr. Mahathir Mohamad itu?. Kalau tepat dengan tujuan objektivitinya, mengapa misalnya Dasar Ekonomi Baru ciptaan Allahyarham Tun Abdul Razak itu tidak kita namakan: '*Wawasan Dasar Ekonomi Baru*'? Bukankah kedua-duanya juga bermaksud: visi atau matlamat? kenapa tidak umpamanya, kita katakan kertas kerja Mahathir itu sebagai '*Gagasan 2020*' seperti *gagasan Malaysia* ciptaan Almarhum Tunku Abdul Rahman dulu? Bukankah istilah gagasan itu bermakna: '*buah fikiran atau cita-cita yang masih*

dalam ingatan' selaras dengan apa yang terkandung di dalam kertas kerja Mahathir itu? Kerana jikalau kertas kerja itu dianggap *visi*, *wawasan* atau *matlamat*, maka kita seolah-olah telah menerima bulat-bulat akan isi wawasannya itu, sedangkan di dalam kertas kerjanya itu, Dr. Mahathir sendiri hanya menganggap bahawa ia hanya suatu '*Agenda*' saja sambil berharap:

"Saya harap anda akan membincangkan agenda ini dan mengkritik atau membetulkannya. Sama ada kita mencapai kesempurnaan atau keputusan sebulat suara dalam agenda ini tidak terlalu penting, tetapi yang tidak baik dan tidak produktif ialah agenda yang sempurna tidak dilaksanakan."

Berdasarkan apa yang dinyatakan oleh pembentang kertas kerja ini, jelaslah bahawa istilah '*gagasan*' adalah lebih tepat dari '*wawasan*' kerana '*gagasan*' bukan saja menepati isi kandungan kertas kerja Dr. Mahathir itu, tetapi juga menepati dengan maksud yang diharapkan oleh beliau sendiri supaya kertas kerjanya itu dibincangkan, dikritik dan dibetulkan (jika perlu?) supaya mencapai kesempurnaan. Sebaliknya jika kertas itu dinamakan '*wawasan*' yang bererti: *visi* atau *matlamat*, atau *impian*, maka ia tentulah tidak perlu dibahas dan dikritik lagi, melainkan ia terus dilaksanakan saja.

Dengan tidak bertujuan untuk membahaskan soal istilah dan pengertian '*wawasan*' atau '*gagasan*' itu di sini lebih lanjut, saya berpendapat bahawa "*Malaysia: Langkah ke Hadapan*" merupakan sebuah kertas kerja yang kemas, padat, jitu dan terbaik hasil dari pemikiran, idea dan gagasan seorang intelektual Malaysia yang menjawat jawatan Perdana Menteri. Pembentang kertas itu memahami dan mengerti apa yang dikehendakinya di dalam objektifnya itu, iaitu '*Matlamat utama yang patut kita tuju ialah Malaysia yang menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.*'

Dalam usaha mencapai kemajuan ini, beliau tidak

bersetuju bahawa kemajuan tersebut harus menjadi seperti 19 negara maju yang lain. beliau juga tidak bersetuju kita harus mengikut contoh United Kingdom, Canada, Holland, Sweden, Finland atau pun Jepun, kerana justeru negara-negara tersebut ini mencapai kemajuan yang pesat, mereka juga mempunyai kelemahan. Oleh itu, '*kita patut menjadi negara maju mengikut cita rasa kita.*'

Dr. Mahathir mahukan kemajuan yang dicapai tidak hanya dari segi ekonomi saja, tetapi ia mestilah mencapai kemajuan sepenuhnya, termasuk: ekonomi, politik, sosial, kejiwaan, psikologi dan kebudayaan dan termasuklah juga dari segi perpaduan kebangsaan seperti: kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, maruah bangsa dan keyakinan, demokrasi, liberal, bertolak ansur dan penyayang. Dan dari segi pengagihan ekonomi pula, ia haruslah progresif, makmur, dinamik, giat dan kental.

Dalam usaha mencapai objektif kemajuan ini, beliau mengemukakan sembilan cabaran yang strategik dan sepuluh maksud (lihat keras kerja ini sepenuhnya di dalam bab lampiran) bagi menjamin kewujudan ekonomi yang bersaing bagi tempoh yang lebih lama, lebih dinamik, giat dan kental.

Malaysia yang maju, mengikut Mahathir, ia tidak patut mempunyai masyarakat yang mengaitkan kekayaan ekonomi dengan kaum. Oleh itu, dalam berbagai sektor pekerjaan, ia patutlah mempunyai campuran pelbagai kaum yang mewujudkan negara Malaysia, '*Melalui usaha yang sah, kita mesti memastikanimbangan yang adil dalam profesi dan semua kategori pekerjaan.*' Ini boleh merapatkan jurang pendapatan kaum, melalui peruntukan secara sah, peluang-peluang, melalui persamaan yang lebih dekat berhubung dengan perkhidmatan sosial dan infrastruktur, melalui pembangunan kebudayaan ekonomi yang sesuai dan melalui pembangunan sumber manusia sepenuhnya amat diperlukan dan dikehendaki. Ini bertujuan untuk mencapai tahap '*di mana tidak ada seorangpun dapat mengatakan kumpulan*

kaum tertentu adalah mundur daripada segi ekonomi, di mana satu kaum lagi lebih maju.'

Bercakap tentang sumber semula jadi, Dr. Mahathir menyatakan bahawa adalah jelas, sumber semula jadi yang utama di mana-mana negara adalah bakat, kemahiran, kepakaran, kreatif dan semangat rakyat. Rakyat kita adalah sumber paling utama. Tanpa diragui lagi, pada tahun-tahun 90-an dan selepas itu, Malaysia memberi penekanan kepada pembangunan sumber utama ini. Bagaimanapun dalam pembangunan sumber utama ini, kita tidak boleh mengabaikan separuh daripada penduduk negara, iaitu Bumiputera. Jika kebolehan mereka tidak dikembangkan sepenuhnya, jika mereka hanya menjadi perlembagaan saja, tentulah kemajuan yang kita hendak bangunkan itu akan tergendala. Ini kerana tidak ada negara yang dapat mencapai kemajuan penuh, dengan hanya separuh penduduknya melaksanakan tugas, '*Bumiputera mesti berfungsi sepenuhnya untuk mencapai matlamat negara.*'

Demikianlah, antara lain, apa yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir Mohamad di dalam kertas kerjanya itu dan ini merupakan satu agenda yang perlu dibahaskan, kerana sementara sebahagian besar daripada kita tidak akan ada lagi pada 1hb Januari 2020 nanti, '*kita mesti pastikan bahawa kita sudah menjalankan tugas kita untuk memimpin mereka (anak-anak kita) berkaitan dengan apa yang kita mahukan. Dan biar kita letakkan batu asas untuk mereka meneruskan pembinaannya.*'

Apa yang kita dapat selepas membaca laporan saya ini? Dan lebih tepat lagi apakah kesan dan implikasi, dari segi bangsa Melayu, selepas kita membaca dan meneliti sepenuhnya kertas kerja Dr. Mahathir Mohamad itu yang disiarkan selepas bab empat belas ini? Cuba anda baca dan teliti sepenuhnya.

Sebagai pembaca umum rakyat Malaysia, kesan pertama saya selepas membaca kertas kerja Dr. Mahathir ini, ialah

seperti yang telah saya jelaskan tadi, iaitu: *kemas, padat, jitu dan terbaik hasil dari pemikiran, idea dan gagasan seorang intelektual Malaysia yang menjawat jawatan Perdana Menteri.*' Ia membayangkan suatu cita-cita, suatu impian yang maha besar untuk mewujudkan sebuah negara yang maju dan makmur menjelang tahun 2020 nanti. Ia berbeza sekali dengan Dasar Ekonomi Baru, dan lebih bersifat kesinambungan dengan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) yang baru dilancarkan itu.

Tetapi sebagai orang Melayu dan Bumiputera, saya melihat seolah-olah kertas kerja itu dikemukakan oleh Perdana Menteri Singapura atau Presiden Republik Indonesia, dan bukannya dari seorang Perdana Menteri Malaysia. Perdana Menteri Singapura atau Presiden Republik Indonesia tidak pernah terlibat di dalam krisis perkauman, tragedi 13 Mei dan sebab dan puncanya diwujudkan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional. Tetapi keempat-empat Perdana Menteri Malaysia, sejak Al-marhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn serta Dr. Mahathir Mohamad sendiri, mengetahui benar akan krisis perkauman, ertinya tragedi 13 Mei dan akan sebab dan puncanya diwujudkan Dasar Ekonomi Baru dan apa matlamatnya Dasar Pembangunan Nasional itu.

Apa yang saya maksudkan dengan kertas ini bukan dari Perdana Menteri Malaysia, ialah bahawa isi kandungan kertas kerja itu hampir-hampir tidak langsung mengutamakan masalah dan kepentingan Melayu sebagaimana yang terdapat di dalam Dasar Ekonomi Baru dan Perlembagaan Negara itu. Kertas itu seolah-olah idea dan gagasan yang tidak perlu menyentuh secara langsung tentang soal-soal '*kebumiputeraan*' secara khusus dan khas. Dengan lain-lain perkataan, apa yang dikatakan '*Wawasan 2020*' yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu bertentangan sama sekali dengan asas dan dasar yang telah diwujudkan

oleh bangsa Melayu dalam tahun 1970, hasil dari Kongres Bumiputera dan Majlis Perpaduan Negara sebelum itu. Wawasan 2020 ini adalah terbuka sifatnya, tetapi dasar ekonomi tahun 1970 dulu sedikit tertutup dan padu bentuknya. Oleh itu Dr. Mahahir telah membuka wawasannya itu ke dunia seluruhnya, seolah-olah rakyat Malaysia sudah menjadi satu bangsa yang padu dan saksama, sama ada dari segi sosio-ekonominya, mahupun dari segi sosio-budayanya.

Jikalau beliau sudah berfikir bahawa setiap suku kaum di Malaysia sudahpun mencapai kesaksamaan di dalam semua sektor, termasuk sektor ekonomi, sosial, pelajaran dan kualiti hidup seperti yang dikatakannya '*perkongsian penuh dalam kemajuan ekonomi*', maka wawasannya itu wajar dilaksanakan sepenuhnya. Tetapi jikalau beliau menyedari bahawa kesaksamaan sosio-ekonomi dan sosio-budaya itu belum wujud lagi di kalangan pelbagai kaum di negara ini, maka adakah *Wawasan 2020* itu perlu dikemukakan sekarang, dan tidak selepas Dasar Pembangunan Nasional tahun 2000 nanti?

Saya tidak menolak kemungkinan bahawa wawasan ini bersifat suatu cetuskan awal seorang Perdana Menteri kepada rakyatnya supaya mereka bangun bergerak dari sekarang bagi membangunkan suatu bangsa dan sebuah negara yang maju seperti Jepun, Korea Selatan atau Taiwan di Asia. Impian dan igauan ini menjadi visi yang penting kepada seorang pemimpin, kerana tugas dan peranan seorang pemimpin ialah untuk membangunkan kemajuan bangsa dan negaranya.

Tetapi adakah wajar, sementara kita belum lagi mencapai kesaksamaan di dalam semua sektor tadi, wawasan ini telah mulai kita kemukakan dan kita tetapkan matlamatnya? Tidakkah ia nanti akan menjadi seperti seorang pengusaha yang bankrup di dalam perusahaannya, kerana membelanjakan dulu keuntungan di atas kertas projeknya dengan wang modal yang ada? Bukankah wawasan ini akan

menjadi songsang, kerana sebelum sesuatu kemajuan itu boleh dicapai, kita tidak terlebih dulu mewujudkan perpaduan dan kesaksamaan moral dan material di kalangan rakyatnya.

Kita perlu menyedari bahawa melalui Dasar Ekonomi Baru 1970, kerajaan menumpukan perhatian yang gigih di dalam usaha pembangunan bangsa, di mana selain dari diwujudkan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu dari segi budaya dan agama, pencapaian 30% bagi kepentingan Melayu di dalam bidang perusahaan dan perniagaan, dasar itu juga telah menghasilkan dasar Bahasa Kebangsaan, dasar Pendidikan Kebangsaan, dasar Kebudayaan Kebangsaan dan sebagainya dan yang paling pentingnya Dasar Pembentukan Keperibadian Bangsa Malaysia. Tetapi di dalam *Wawasan 2020* itu, kesemua asas dan dasar ini nampaknya tidak lagi jelas kelihatan, baik melalui cabaran di dalam strateginya, mahupun di dalam usaha dan maksudnya.

Memang dalam beberapa hal, terdapat dasar-dasar ini diselitkan di sana sini di dalam kertas itu, tetapi tanpa menjadikannya sebagai suatu cabaran di dalam strateginya itu, kita merasakan seolah-olah perkara itu akan tidak lagi dianggap penting. Apa lagi di dalam keadaan yang seperti itu, kita melihat adanya pertelingkahan konsep dan pencapaian matlamat akhir, di mana adalah amat sukar untuk mewujudkan negara bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsikan bersama (cabaran pertama), jika di dalam kewujudan tersebut, sistem ekonominya berasaskan '*persaingan*', dinamik, giat dan kental (cabaran sembilan). Demikian juga, adalah sukar untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika, kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan (cabaran ke empat), jika di dalam kewujudan tersebut, kita mewujudkan pula masyarakat yang liberal, di mana mereka bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka (cabaran ke lima).

Memanglah benar di dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tidak mengalah kepada

sesiapa di dalam usaha mencapai kecemerlangan, maka masyarakat tersebut harus dinamik, giat dan kental di dalam semua saingan. Apabila perjalanan kita semakin mencabar misalnya, maka kita tidak boleh berpatah balik lagi, '*kita tidak ada pilihan lain, kecuali terus berani, berkesanggupan, produktif dan lebih bersaing, lebih mampu untuk mengendalikan pelbagai perkara.*'

Bagaimanakah kita hendak mencapai matlamat perkongsian bersama di dalam semua perkara (termasuk perkongsian ekonomi), jika '*persaingan*' di dalam semua perkara itu dijadikan dasar perjuangan yang dinamik, giat dan kental? Bagaimana kita hendak mencapai objektif sebuah masyarakat yang bermoral, beretika, kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan, sedangkan di dalam masa yang sama kita menghalalkan pula sikap liberal, lebih berani, lebih bersaing untuk bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan mereka?

Sudah tentu di dalam situasi mencapai kecemerlangan di dalam semua perkara, dasar '*persaingan*' akan menuntut semua rakyat berlumba-lumba antara satu sama lain, berkejar-kejaran sesama mereka dan bergumpal-gumpalan sesama sendiri seperti dua pasukan bolasepak yang mengejar bola, untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan yang dikehendaki. Adakah di dalam perlumbaan yang seperti ini, kita boleh mengharapkan rakyat menjadi sopan, boleh bertolak ansur, bertolong-tolongan, berkasih sayang dan menyayangi antara satu sama lain? Adakah di atas padang bola, kita boleh melihat pemain-pemain dari dua pasukan bersifat sopan-santun seperti ini untuk merebut dan menendang bola ke dalam gol, seolah-olah kita menonton dua kumpulan pelawak di atas padang?

Tidak syak lagi bahawa dasar '*persaingan*' seperti ini tidak mungkin boleh mencapai matlamat negara maju dan rakyatnya bersatu padu serta saksama. Ini kerana di dalam '*persaingan*' berdasarkan sistem ekonomi bebas, kejayaan

tidak boleh dicapai jika pihak yang mahukan kejayaan itu tidak berusaha dengan apa cara pun untuk menghancur dan memusnahkan pihak yang satu lagi.

Oleh yang demikian kita akan melihat nanti, sementara '*Wawasan 2020*' menjadi sukar untuk dicapai, keadaan ekonomi, perpaduan kaum, kestabilan politik dan keselamatan negara akan terdedah kepada keadaan dan suasana yang kacau bilau seperti apa yang berlaku kepada setengah-tengah negara di Eropah dan Afrika.

Barangkali inilah ramalan yang pernah disebutkan oleh Datuk Sri Sanusi Junid ketika berucap kepada upacara penutup Jihad Membasmi Kemiskinan pada 30 Jun 1990 lalu, bahawa bangsa Melayu akan mengalami kejatuhan mengikut nisbah 18 tahun sekali, iaitu bermula dari tahun 1987 dengan perpecahan negeri-negeri di Semenanjung dengan Siam dan wujudnya '*State Nasional Anthem*' di mana setiap negeri mempunyai lagu kebangsaannya sendiri.

Dalam tahun 1915, negeri Johor menjadi negeri terakhir menerima '*British Advisor*' dan kerajaan British menanamkan semangat kenegerian di kalangan orang-orang Melayu. Pada tahun 1913, kebanjiran kembali semangat perkauman di kalangan Melayu, Cina dan India. Pada tahun 1933, penjajah Inggeris telah memecahkan perpaduan Melayu, Cina dan India, dengan cara menggalakkan Melayu hidup di kampung, Cina tinggal di lombong dan India di ladang secara berasingan dan ini menimbulkan sikap perkauman yang buruk. Pada tahun 1951, setelah UMNO ditubuhkan dan *Malayan Union* ditumbangkan, perpaduan Melayu di dalam UMNO mula berpecah akibat munculnya parti PAS. Pada tahun 1969, berlakunya tragedi 13 Mei, berakhirnya pemerintahan Almarhum Tunku Abdul Rahman dan wujudnya Dasar Ekonomi Baru. Pada tahun 1987, selepas Dasar Ekonomi Baru dipertikaikan keberhasilannya, perpaduan UMNO lagi sekali berpecah yang membawa kepada pengharaman parti itu dan wujudnya parti Semangat

46. Dan apa akan terjadi di dalam tahun 2005? dan dalam tahun 2023 nanti?

Datuk Sri Sanusi bertanya, apakah pada tahun 2005 nanti, agama Islam akan kekal lagi sebagai agama rasmi? Bahasa Melayu akan kekal lagi sebagai bahasa Kebangsaan? dan Hak Istimewa orang-orang Melayu akan kekal lagi? Adakah kesemuanya ini akan hancur musnah, kerana adanya individu yang cintakan dirinya lebih daripada agama, bangsa dan tanah airnya sendiri? Dan siapakah individu itu sebenarnya? Barangkali Datuk Sri Sanusi sendiri boleh menjawabnya. Nampaknya, seolah-olah ramalan yang dibuat oleh '*pencetus idea dan pemikir bangsa*' ini seakan-akan tepat dan akan terjadi. Jika kita ada umur panjang bolehlah kita melihatnya nanti.

Sebenarnya dalam banyak perkara, isi kertas kerja Dr. Mahathir Mohamad itu cukup baik sekali. Seperti yang saya katakan, ia mencerminkan sikap yang terbuka, bebas dan progresif dari seorang pemimpin yang berjiwa besar dan berpandangan jauh.

Malangnya kandungan kertas itu tidak berorientasikan keperibadian Malaysia dengan tidak langsung menyentuh tentang untung nasib dan masa depan bagi bangsa Melayu yang belum lagi setanding dengan bangsa-bangsa yang lain.

Apakah akan terjadi kepada bangsa itu, jika di dalam keadaannya yang belum stabil, mereka terpaksa bersaing-saingan dengan bangsa-bangsa lain yang lebih perkasa kekuatan dan saingannya? Adakah sudah cukup dengan hanya menyebutkan bahawa '*jika mereka tidak dibawa ke dalam masyarakat, jika kebolehan mereka tidak dikembangkan sepenuhnya, jika mereka hanya menjadi perlambangan saja* (seolah-olah Melayu itu amat primitif?), *tentu kemajuan kita akan tergendala.*'

Apa akan terjadi kepada konsep pembentukan keperibadian bangsa Malaysia sekarang? Apakah akan terjadi seterusnya kepada dasar Pendidikan Kebangsaan? Dasar

Bahasa Kebangsaan? Dan dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Hak Istimewa orang-orang Melayu seperti yang termaktub di dalam artikal 152 dan 153 di dalam Perlembagaan Persekutuan? Adakah selepas ini nanti, kepentingan-kepentingan dan hak-hak keistimewaan ini akan hanyut terus sebelum bangsa kita boleh berdiri sendiri?

Saya tidak nampak langsung aspek-aspek yang berkaitan dengan soal keperibadian bangsa ini dipertahankan di dalam kertas itu, sedangkan aspek-aspek ini amat penting dan relevan diperkuatkan bagi ketahanan maruah, martabat dan keperibadian bangsa kita menjelang dekad-dekad yang akan datang.

Sebagai satu contoh misalnya, selain dari kertas itu tidak langsung menyentuh dan mengutamakan masalah dan kepentingan Melayu sebagaimana yang terdapat di dalam DEB, kertas itu juga tidak mencerminkan dasar pembangunan ummah yang sewajarnya untuk tempoh tiga puluh tahun yang akan datang. Dalam kertas itu kita hanya melihat gagasan, rancangan dan wawasan untuk kemajuan masa depan, tetapi kita tidak melihat bagaimana caranya kita boleh mencapai wawasan tersebut, masalah dan persoalan yang perlu dipecahkan dan akhir sekali kita tidak tahu adakah kemajuan material saja yang kita pentingkan sebagai kemuncak wawasan, sedangkan sebaliknya kita mengetahui bahawa kemajuan material saja bukanlah satu-satunya matlamat terakhir di dalam pembangunan ummah.

Di dalam Perlembagaan Malaysia, Islam adalah agama rasmi. Justeru kita menyedari peranan Islam di dalam Perlembagaan Malaysia itu hanya khas untuk upacara-upacara rasmi saja dan bukannya menjadi satu pegangan dan cara hidup semua bangsa Malaysia, namun dari segi konsep dan perlaksanaannya, ia sepatutnya menjadi dasar kepada kemajuan yang hendak kita capai itu. Jikalau sains dan teknologi dirancangkan menjadi '*tamadun saintifik dan teknologi masa depan*', maka mengapa kita tidak

menggunakan tamadun Islam pula sebagai model terbaik untuk kita contohkan?

Kita perlu menyedari bahawa di antara banyak tamadun-tamadun yang lahir dan dibangunkan oleh manusia, tamadun Islam masih tetap merupakan sebuah tamadun yang paling sempurna. Di dalam tamadun yang sempurna, kemajuan sesuatu bangsa bukanlah menjadi wawasan yang terakhir, tetapi penyerahan kepada keredaan Allah adalah kemuncak segala-galanya. Kemajuan yang berasaskan keredaan Allah ini, bermakna bahawa di dalam seluruh sistem pemerintahan dan kehidupan kita, perkara-perkara yang mungkar dan sistem-sistem yang tidak bercorak Islam sepatutnya dihindarkan dan dikurangkan sedikit demi sedikit. Sistem ekonomi yang dibentuk melalui kewangan, bank, perniagaan, kredit dan sebagainya perlulah dielakkan daripada berasaskan riba. Sistem pendidikan yang dibentuk melalui sekolah, institusi dan pusat-pusat pengajian tinggi perlulah diarahkan kepada taqwa, penghayatan kepada al-Quran dan tamadun Islam. Di dalam usaha mencapai kemajuan, kita tidak wajar membentuk bangsa kita menjadi seperti robot yang tidak berwawasan. Setiap bangsa, sama ada Islam, Kristian atau Budha, masing-masing mempunyai kepercayaan agama yang hampir sama. Mereka juga mempunyai Tuhan, tetapi kita umat Islam mempunyai Allah. Di dalam mengatur kehidupan yang sempurna berasaskan '*masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri*' (cabaran ketujuh), semua bangsa dan agama mempunyai asas yang sama. Oleh itu menggunakan sistem sosio-ekonomi yang bercorak Islam tidak akan menimbulkan masalah sosial dan perkauman yang buruk. Malah menggunakan sistem ekonomi bebas seperti yang dipelopori oleh Kal Marx atau menggunakan sistem ekonomi kapitalisme yang dipelopori oleh Adam Smith, jauh lebih buruk daripada amalan sistem Islam tadi. Banyak contoh yang boleh kita kemukakan.

Oleh itu memandang bahawa kepimpinan yang akan datang akan diterajui oleh generasi yang berpendidikan agama dan ekonomi seperti Datuk Sri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah dan Datuk Sri Sanusi Junid, maka arah dan corak di dalam sistem yang disebutkan ini perlulah diserapkan di dalam Wawasan 2020 itu. Ini amat penting dan sesuai dengan rancangan membangunkan identiti bangsa dan pembinaan ummah.

Dalam beberapa hal, kita telahpun mendengar dan membaca betapa Dr. Mahathir telah menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan di atas. Misalnya beliau pernah berkata bahawa tidak semestinya bila kertasnya itu tidak menyentuh soal agama, maka agama Islam tidak lagi menjadi agama rasmi atau ia tidak penting lagi bagi negara ini. Mungkin apa yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir itu benar, tetapi ini soal dasar dan soal asas kepada pembentukan keperibadian bangsa Malaysia yang sudah dua puluh tahun kita cuba membentuknya. Kita sepatutnya tidak wajar menganggap aspek-aspek yang amat penting ini sebagai '*tidak penting lagi*' dimasukkan dan dikemukakan sebagai cabaran dan strategi di dalam kertas kerjanya itu.

Dengan tidak memasukkannya dan dengan hanya memberikan penjelasan-penjelasan di luar dari kandungan kertas itu begitu saja, maka persoalan ini akan menjadi kudis dan busung yang besar kepada bangsa Melayu di kemudian nanti.

Kita tidak akan mengetahui apa yang akan terjadi menjelang tahun 2020 nanti kerana kita sudah tidak ada lagi. Tetapi jika kita berfikir bahawa '*kita sudah menjalankan tugas kita untuk memimpin mereka berkaitan dengan apa yang kita mahukan. Dan biar kita letakkan batu asas untuk mereka teruskan pembinaannya*', maka apakah saham dan modal pusingan yang telah kita tinggalkan (sebagai pemimpin atau bapa misalnya) kepada mereka supaya mereka boleh menggunakan saham dan modal pusingan yang kita

tinggalkan itu bagi membina satu bangsa dan sebuah negara yang maju dan bersatu padu, seperti yang kita mahukan? Adakah kita mahu kemajuan yang mereka capai itu hasil daripada perompakan dan penyamunan dari generasi yang kosong dengan pendidikan dan bekalan yang ditinggalkan oleh ibubapa mereka?

Apa yang mendorong saya membangkit-bangkitkan hal ini ialah berdasarkan bahawa justeru dasar-dasar perlindungan kepada bangsa Melayu ini sudahpun kita maktubkan di dalam Perlembagaan, sudahpun kita laksanakan tujuan dan matlamatnya melalui Dasar Ekonomi Baru serampang dua mata, namun hasil yang kita capai masih lagi amat tidak memuaskan juga. Oleh itu adakah wajar kita hanya menyalahkan orang-orang Melayu kerana masih jumud, bebal dan tidak bertanggungjawab itu, lalu menolak mereka ke belakang dan kita bentuk satu wawasan lain yang tidak lagi mempunyai dasar perlindungan seperti dulu, dengan harapan supaya mereka berdikari dan berusaha sendiri bagi menempoh cabaran dan saingan yang maha hebat itu? Adakah kita akan berkata '*padan muka*' bila mereka gagal lagi, lalu membiarkan mereka menjadi seperti Red Indian atau bangsa kulit hitam yang merempat di kaki lima New York, Paris dan London itu?

Perlu saya jelaskan bahawa pemikiran dan pendapat ini tidak bertujuan untuk menolak atau mengetepikan wawasan Dr. Mahathir Mohamad itu. Pemikiran dan pendapat ini mungkin agak sentimental sifatnya, tertutup bentuk dan sikapnya – tidak terbuka dan progresif sikap dan sifatnya seperti Dr. Mahathir sendiri. Tetapi sikap dan sifat yang seperti ini tidak dapat dielakkan jika kita memerlukan pembelaan dan ketahanan yang lebih wajar kepada bangsa kita yang masih lemah dan dhaif ini. Kita tidak perlu bimbang dan takut jika kita terpaksa bercakap yang benar atas haknya, kerana setiap orang daripada kita, lebih-lebih lagi bagi Dr. Mahathir Mohamad sendiri, bersetuju bahawa untuk tempoh

sepuluh tahun yang lalu, negara kita telah mencapai satu kemajuan yang cukup membanggakan, walaupun dalam beberapa hal yang mendasar seperti rasuah, keluhuran undang-undang, politik di dalam perniagaan dan sebagainya agak buruk. Oleh itu kita tidak mahu kemajuan yang kita capai dan banggakan itu dimusnahkan kembali akibat kesilapan di atas kebanggaan kita itu.

Oleh yang demikian, kerana kertas kerja Dr. Mahathir itu masih bersifat '*Agenda*' dan masih boleh dibincangkan dan dikritikan lagi oleh rakyat Malaysia, maka adalah tidak keterlaluan jika persoalan-persoalan yang saya bangkitkan ini boleh difikirkan, dimenungkan dan jika perlu dan boleh ditambah, dimasukkan ke dalam wawasan itu supaya apabila ia dilaksanakan nanti, ia akan memberikan manfaat yang seadil-adilnya kepada seluruh rakyat Malaysia.

Saya tidak pasti apakah perkara-perkara *dasar* yang saya sebutkan tadi sengaja tidak dimasukkan di dalam wawasan ini, kerana dasar-dasar tersebut dikira lebih wajar dimasukkan ke dalam *Dasar Pembangunan Nasional* 1991-2000 yang baru dilancarkan itu. Tetapi satu perkara yang perlu ditekankan ialah bahawa biar di mana-mana pun, sama ada melalui *Dasar Pembangunan nasional* atau *Wawasan 2020*, dasar yang penting tadi wajar diketengahkan, kerana ia adalah nyawa dan jiwa kepada seluruh bangsa Melayu di Malaysia.

Bagi mereka inilah saja dasar-dasar yang boleh mereka gantung harapkan. Tanpa dasar-dasar ini, maruah dan martabat bangsa Melayu akan hilang kesemuanya.

Kita perlu menyedari bahawa sebuah negara yang maju, makmur dan moden adalah berasaskan kepada perpaduan suatu bangsa yang bersatu padu dan nasionalistik. Perpaduan yang berasaskan penyatuan dan semangat nasionalistik ini hanya boleh dibentuk dan dibangunkan jika bangsa itu mempunyai keperibadian nasionalnya sendiri.

Usaha ini telahpun dilaksanakan sejak tahun 1970 yang lalu. Mengapa setelah dua puluh tahun usaha ini dilaksanakan

dan sebahagian besar dari rakyat sudahpun mengamalkannya, tiba-tiba kita membuat satu dasar dan strategi yang lain? Apakah kita mahu memusnahkan semua tradisi budaya dan cara hidup bangsa kita itu, semata-mata kerana kita ingin membuat suatu dasar yang lebih maju, kental dan dinamik? Apakah kita mahu menjadi seperti bangsa Filipina yang jiwa Amerikanya lebih besar dari jiwa Tagalognya sendiri?

Berdasarkan persoalan-persoalan yang saya bangkitkan ini, saya percaya bahawa penulis kertas kerja itu (saya fikir bukan Dr. Mahathir yang menuliskannya), bukanlah pemikir bangsa yang nasionalistik dan patriotik. Adalah jelas bahawa kandungan kertas itu sedikitpun tidak menghayati susur galur sejarah nasionalisme Malaysia dan seolah-olah asas pertimbangan sejarahnya hanya selepas tahun 1957 saja tanpa mengaitkannya langsung dengan sejarah nasionalisme Melayu sejak tahun 1511 di Melaka dulu.

Oleh yang demikian, cadangan Wawasan 2020 ini perlulah diteliti dan diberi perspektif yang lebih sesuai dengan falsafah keperibadian nasional dan semangat rukun negara supaya negara dan bangsa kita tidak terperangkap oleh kelemahan dan kesilapan kita sendiri.

Kepada bakal-bakal pemimpin bangsa kita yang akan datang, terutamanya kepada ketiga-tiga tokoh politik yang saya bicarakan perspektif mereka di dalam buku ini, atau sesiapa saja yang akan mengambil alih pemerintahan negara ini selepas Mahathir dan Ghafar Baba nanti, perlulah menyedari dan meneliti dengan lebih serius dan waspada terhadap isi kandungan Wawasan 2020 itu. Penelitian yang serius dan kewaspadaan yang ampuh perlulah diwujudkan agar jangan ada pihak-pihak lain yang sengaja mencari kesempatan di atas Wawasan tersebut untuk memusnahkan dasar dan asas pembentukan keperibadian Nasional yang sudah lama kita bina itu.

Kita tidak boleh terpukau oleh gagasan-gagasan yang

muluk dan terbuka begitu rupa, di mana atas nama kemajuan, kita terpaksa bersaing sesama sendiri tanpa sedikit pun bersandarkan artikel moral, tradisi budaya, keluhuran perlembagaan dan kesopanan agama. Tanpa bersandarkan kepada aspek-aspek ini kita sebenarnya bukanlah membina suatu bangsa yang besar dan maju, tetapi kita membina sebuah padang berpagar di mana di dalamnya terkumpul sekumpulan lembu, kerbau dan seladang untuk berlaga dan berlawan sesama sendiri. Ini kerana kesemua haiwan-haiwan tersebut telah dipasang matanya dengan cermin mata berwarna merah (bukan cermin mata hijau) oleh penggem-balanya yang bukan bernama Si Warso.

Inilah cabaran terbesar yang perlu dipikul oleh mereka yang bernama pemimpin, kerana perjuangan meninggikan ekonomi dan maruah bangsa tidak boleh dipisahkan dengan perjuangan untuk membina keperibadian bangsa itu sendiri. Tidak ada gunanya kekayaan jika kita tidak mempunyai keluarga dan sahabat handai. Tidak ada gunanya keluarga dan sahabat handai jika keluarga dan sahabat handai kita itu bukan dari suatu bangsa dan dari suatu negara. Dan tidak ada ertinya suatu bangsa itu jika bangsa itu sendiri tidak mempunyai identiti dan Keperibadian Nasionalnya sendiri. Inilah harga bagi suatu bangsa dan inilah juga harga yang perlu dibayar untuk sebuah kemerdekaan yang kita capai. Amin.

KEBEASAN

“Berlandaskan kepada andaian bahawa satu sebaran maklumat seleluasa mungkin dari sumber-sumber yang pelbagai dan bersaingan, adalah perlu bagi kebajikan awam; bahawasanya akhbar yang bebas adalah syarat perlu bagi sesuatu masyarakat yang bebas. ♦

—*Hakim Mahkamah
Agung Amerika.*
(sumber: Ahmad Sebi –MTK).

MALAYSIA: LANGKAH KE HADAPAN

Kertas kerja "Malaysia: Langkah ke Hadapan" yang dibentangkan oleh Perdana Menteri semasa merasmikan Majlis Perdagangan Malaysia.

TUJUAN kertas kerja ini ialah untuk mengemukakan kepada anda beberapa pandangan mengenai arah masa depan negara kita dan bagaimana kita patut berusaha mencapai matlamat membangunkan Malaysia menjadi Negara Perindustrian. Turut digariskan ialah beberapa langkah yang patut diambil dalam jangka pendek gabungan asas bagi perjalanan jauh mencapai matlamat utama itu.

Adalah diharapkan rakyat Malaysia yang dilahirkan hari ini dan pada tahun-tahun akan datang, akan menjadi generasi terakhir warganegara kita yang tinggal di negara yang digelar 'membangun'. Matlamat utama yang patut kita tuju ialah Malaysia yang menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Apakah, anda mungkin bertanya, 'negara maju sepenuhnya'? Adakah kita mahu menjadi seperti 19 negara sekarang yang digelar negara maju? Adakah kita mahu menjadi seperti United Kingdom, Canada, Holland, Sweden, Finland, Jepun? Sebagai kepastian, setiap daripada 19 negara ini, daripada masyarakat dunia yang mempunyai lebih

160 buah negara, mempunyai kekuatan tersendiri. Tetapi setiap negara itu juga mempunyai kelemahannya. Tanpa meniru salah satu daripada negara berkenaan, kita masih boleh membangun. Kita patut menjadi negara maju mengikut cita rasa kita.

Malaysia tidak patut dibangunkan daripada segi ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara maju sepenuhnya dalam semua bidang: ekonomi, politik, sosial, kejiwaan, psikologi, dan kebudayaan. Kita mesti maju dalam erti kata perpaduan nasional dan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kejiwaan, maruah bangsa keyakinan.

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi negara bersatu dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat demokrasi, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil daripada segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental. Tidak akan wujud Malaysia yang maju sepenuhnya sehingga kita akhirnya mengatasi sembilan cabaran strategik yang kita hadapi sejak kelahiran kita sebagai negara merdeka.

Cabaran *pertama* ialah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil, dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

Yang *kedua* ialah cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai, gagah menghadapi segala masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan

dihormati rakyat negara lain.

Cabaran *ketiga* yang sering kita hadapi adalah usaha mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.

Keempat ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.

Cabaran *kelima* yang selalu kita alami ialah untuk mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, yang mana rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.

Keenam ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan memandang jauh ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi, tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Cabaran *ketujuh* ialah untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri, yang mana kebajikan insan tidak akan berkisar kepada negara atau orang perseorangan, tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.

Kelapan ialah cabaran untuk memastikan masyarakat yang adil di bidang ekonomi. Ini adalah masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, yang mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi dan kemunduran ekonomi

berdasarkan kaum.

Cabaran *kesembilan* ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Kita sudah lama berusaha untuk mencapai matlamat berkenaan. Sembilan matlamat utama yang dinyatakan tidak semestinya menjadi keutamaan kita untuk tiga dekad akan datang. Sebenarnya, keutamaan dalam satu-satu masa mesti memenuhi keadaan khusus pada satu-satu masa.

Tetapi agak memerlukan jika cabaran strategik utama yang saya sebutkan – mewujudkan negara Malaysia bersatu – tidak menjadi keutamaan yang paling asas.

Oleh kerana apa yang saya akan katakan banyak tertumpu kepada pembangunan ekonomi, biar saya tekankan sekali lagi bahawa pembangunan sepenuhnya ke arah masyarakat maju yang kita cita-citakan walaupun macam mana setiap daripada kita mahu mentafsirkannya – tidak boleh dimaksudkan dengan pembangunan ekonomi sahaja. Pembangunan ekonomi tidak harus menjadi satu-satunya matlamat yang paling utama untuk memenuhi keperluan negara kita.

Oleh kerana Majlis ini perlu menumpukan kepada isu pembangunan ekonomi dan keadilan sosial ekonomi, yang mana setiap bangsa perlu bekerjasama untuk masa depan yang lebih cerah, biar saya jelaskan tanggapan mengenai cabaran strategik utama yang berkaitan dengan dua matlamat utama ini.

Pada ketika ini adalah lebih baik untuk menjelaskan dengan lebih terperinci matlamat mewujudkan keadilan ekonomi dalam masyarakat.

Daripada dua mata serampang Dasar Ekonomi Baru (DEB), tidak ada sesiapapun yang menentang pembasmian kemiskinan mutlak – tanpa mengira kaum dan kedudukan geografi. Semua rakyat Malaysia, sama ada mereka yang tinggal di kawasan bandar atau luar bandar, sama ada mereka

di selatan, utara, timur atau barat, mesti dinaikkan daripada garis kemiskinan mutlak.

Negara ini mesti mampu menyediakan cukup makanan di atas meja supaya tidak ada seorangpun rakyat Malaysia mengalami masalah kekurangan zat makanan. Kita mesti menyediakan keperluan asas yang cukup seperti tempat tinggal, hak mendapatkan kemudahan kesihatan, dan semua keperluan asas. Malaysia maju perlu mempunyai kelas menengah yang besar dan bertenaga dan menyediakan peluang penuh untuk mereka di peringkat bawahan bagi membolehkan mereka keluar dari lubang kemiskinan relatif.

Mata serampang kedua, iaitu memansuhkan pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi utama, juga diterima umum kecuali ada tanggapan bahawa ia boleh dicapai tanpa mengubah sebarang kedudukan. Jika kita ingin membina masyarakat adil, kita mesti menerima beberapa tindakan perlu. Ini bermakna dalam berbagai sektor pekerjaan, ia patut mempunyai campuran pelbagai kaum yang mewujudkan negara Malaysia. Melalui usaha yang sah, kita mesti memastikan imbangan yang adil dalam profesion dan semua kategori pekerjaan. Sudah tentu kita juga mesti berminat dalam mutu. Tetapi kita perlu memastikan pembangunan sihat bagi masyarakat Bumiputera yang mampu dan gigih dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Malaysia maju tidak patut mempunyai masyarakat yang mengaitkan kekayaan ekonomi dengan kaum. Ini tidak mencerminkan kesaksamaan pendapat individu, keadaan di mana semua rakyat Malaysia mempunyai pendapatan yang sama. Ini adalah mustahil kerana usaha tersendiri kita sebagai individu, cara didikan hidup dan kehendak peribadi kita, kita akan mempunyai nilai ekonomi berlainan, dan akan menerima bayaran nilai yang berbeza. Kesaksamaan dalam pendapatan individu sebagaimana yang dikemukakan oleh sosialis dan komunis bukan sahaja mustahil tetapi, tidak ada

sesiapa yang mahukannya dan ia adalah formula untuk kehancuran.

Tetapi saya yakin bahawa merapatkan jurang pendapatan kaum, melalui peruntukan secara sah peluang-peluang, melalui persamaan yang lebih dekat berhubung perkhidmatan sosial dan infrastruktur, melalui pembangunan kebudayaan ekonomi yang sesuai, dan melalui pembangunan sumber manusia sepenuhnya, adalah perlu dan memang dikehendaki. Kita mesti menanam cita-cita menjelang tahun 2020 untuk mencapai tahap di mana tidak ada seorangpun dapat mengatatakan kumpulan kaum tertentu adalah mundur daripada segi ekonomi, manakala satu kaum lagi maju. Keadaan seperti itulah yang mesti kita usaha secara lancar, berkesan, dengan adil dan penuh dedikasi.

“Perkongsian penuh dengan kemajuan ekonomi” bermaksud perkongsian penuh dalam kemiskinan. Ia mestilah bermaksud imbangan adil dalam penyertaan dan sumbangan semua kaum termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak – dalam sektor ekonomi kita yang meningkat dan moden. Ia mestilah bermaksud agihan yang adil bagi kawalan, pengawasan dan hakmilik ekonomi moden.

Untuk mencapai matlamat keadilan ekonomi dalam masyarakat, kita mesti meningkatkan program kita secara bersungguh-sungguh untuk pembangunan sumber manusia. Memang ada keperluan untuk menjamin kewujudan masyarakat Bumiputera yang mampu bersaing serta anjal dalam kegiatan ekonomi supaya ia setaraf dengan masyarakat bukan Bumiputera. Memang ada keperluan untuk revolusi mental dan pelbagai budaya. Semua tugas untuk memajukan diri perlu kita lakukan sendiri. Dalam usaha memperbetulkan ketidak seimbangan ekonomi, perlu wujud penekanan penuh untuk mencapai keperluan dengan segera serta hasil yang produktif–pada kos paling rendah disegi ekonomi dan masyarakat.

Untuk mewujudkan masyarakat makmur, kita boleh

menetapkan banyak matlamat yang bersumberkan aspirasi. Saya yakin kita harus menetapkan matlamat yang munasabah (sebagai berlawanan dengan matlamat beraspirasi) untuk meningkatkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebenar kita setiap 10 tahun di antara 1990 dan 2020. Jika kita lakukan ini, KDNK akan menjadi lapan kali lebih besar menjelang tahun 2020 berbanding dengan 1990. KDNK kita pada 1990 ialah \$115 billion. KDNK kita pada 2020 patut menjadi kira-kira \$920 billion dalam nilai ringgit pada 1990.

Pertumbuhan pesat ini memerlukan pertumbuhan kita pada kadar purata kira-kira tujuh peratus (dalam nilai sebenar) setahun untuk 30 tahun akan datang. Diakui bahawa ini adalah anggaran optimis tetapi kita patut menetapkan matlamat tinggi, jika kita mahu menggalakkan diri kita untuk gigih berusaha.

Kita mesti berjaga-jaga menentang "penetapan pertumbuhan", iaitu bahaya apabila memaksa untuk mencapai matlamat yang ditetapkan untuk menjamin kestabilan, mengawal kadar inflasi supaya sentiasa rendah, menjamin kadar pengekalan, membangunkan mutu hidup kita dan taraf hidup dan pencapaian matlamat sosial lain. Ia akan menjadi usaha yang sukar dengan pelbagai kejayaan dan kelemahan. Tetapi saya yakin ia boleh dilakukan.

Pada 1960-an, pertumbuhan kita adalah pada kadar purata 5.1 peratus setahun; pada 1970-an, dekad pertama DEB, pertumbuhan Malaysia adalah pada kadar purata 7.8 peratus, pada tahun 1980-an, kerana tahun-tahun kemelesetan, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 5.9 peratus setahun.

Jika kita mengambil 30 tahun lalu, KDNK kita meningkat setiap tahun dalam nilai sebenar pada kadar 6.3 peratus setahun. Jika kita mengambil 20 tahun lalu, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 6.9 peratus setahun. Apa yang diperlukan ialah tambahan bagi pertumbuhan sebanyak 0.1 peratus. Saya pasti, jika kita berusaha sepenuhnya, Insya Allah 0.1 peratus ini dapat dicapai.

Jika kita berjaya, dan diandaikan pertumbuhan tahunan penduduk ialah 2.5 peratus, menjelang tahun 2020, rakyat Malaysia akan kaya empat kali ganda (dalam nilai sebenar) berbanding 1990. Itulah ukuran masyarakat makmur yang kita inginkan dan harap dapat mencapainya.

Perkara kedua dalam matlamat ekonomi kita, ialah menjamin kewujudan ekonomi yang bersaing. Ekonomi yang sedemikian dapat bertahan bagi tempoh yang lebih lama, lebih dinamik, giat dan kental. Ia mesti membawa maksud, antara lain:

1. Ekonomi yang pelbagai dan seimbang dengan sektor perindustrian yang matang dan luas, sektor pertanian yang matang dan maju dan sektor perkhidmatan yang berkesan dan produktif serta matang;
2. Ekonomi yang cepat bertindak, pantas menyesuaikan diri terhadap perubahan penawaran, permintaan dan persaingan;
3. Ekonomi yang mempunyai teknologi berkesan, boleh disesuai, diubahsuai dan dicipta sepenuhnya iaitu sentiasa meningkat teknologinya – intensif, bergerak ke arah teknologi lebih tinggi;
4. Ekonomi yang mempunyai hubungan perindustrian yang kukuh dan saling berkaitan dengan keseluruhan sistem;
5. Ekonomi yang digerakkan oleh kuasa pemikiran, kemahiran dan ketekunan dalam menguasai maklumat kekayaan, dengan pengetahuan mengenai apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya;
6. Ekonominya yang mempunyai produktiviti tinggi dan terus meningkat dalam hubungannya dengan semua faktor pengeluaran;
7. Ekonomi keusahawanan yang berdikari, berpandangan luas dan bersifat keusahawanan;
8. Ekonomi yang dikekalkan dengan contoh etika kerja,

- mutu kesedaran dan usaha terhadap kecemerlangan;
- 9. Ekonomi yang ditentukan sifatnya dengan kadar inflasi dan kos sara hidup yang rendah; dan
- 10. Ekonomi yang berdasarkan disiplin dan perubahan besar dalam kuasa pasaran.

Ramai di antara kita dalam Majlis ini tidak akan berada di sana lagi pada pagi 1 Janurai 2020. Tidak ramai, rasa saya. Beban tugas yang perlu dilaksanakan untuk memastikan negara maju sepenuhnya yang dipanggil Malaysia satu generasi dari sekarang, sudah pasti dilakukan oleh pemimpin yang menuruti kita, oleh anak cucu kita. Tetapi kita mesti pastikan bahawa kita sudah menjalankan tugas kita untuk memimpin mereka berkiatan dengan apa yang kita mahukan. Dan biar kita letakkan batu asas untuk mereka teruskan pembinaannya.

Beberapa Dasar Utama Ekonomi Sektor Awam Untuk Jangkaan Masa Depan:

Sejak awal 1980-an, kita menekankan bahawa negara ini akan bergantung kepada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Kita sebenarnya sudah mendahului negara lain di dunia, termasuk negara maju dalam memberi kepercayaan kepada sektor swasta.

Dalam tahun-tahun yang awal, sektor swasta kita yang masih muda, tidak dapat memberi sambutan terhadap cabaran yang diberikan. Kemudian datang kemelesetan yang tidak diduga serta menyulitkan dan tahun kelembapan. Bagaimanapun sejak tiga tahun lalu, sektor swasta kita sudah berkembang dan mula bertindak balas. Dasar ini mula membawa hasil. Hasilnya pada tahun 1988 pertumbuhan kita dalam nilai sebenar ialah 8.9 peratus, pada 1989, 8.8 peratus, 1990, 9.4 peratus tanpa pertambahan Belanjawan Kerajaan. “Harimau ekonomi Timur Laut Asia” tidak dapat berbuat demikian.

Tidak ada negara yang boleh menolak formula yang berjaya. Dan negara ini tidak akan menolaknya. Untuk

jangkaan masa depan, Malaysia akan terus menggalakkan sektor swasta, untuk bergantung kepadanya sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi.

Pada masa yang sama, kerajaan akan terus mengurangkan saiz pembabitannya dalam bidang pengeluaran ekonomi dan perdagangan. Negara sudah tentu tidak boleh berundur sepenuhnya daripada kehidupan ekonomi Malaysia. Ia tidak boleh meninggalkan tanggungjawab untuk mengawal dan memperuntukan rangka kerja undang-undang dan peraturan untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat.

Kerajaan akan bersikap proaktif untuk memastikan pengurusan fiskal dan kewangan yang sihat serta kelancaran perjalanan ekonomi Malaysia. Ia akan meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal yang diperlukan dan suasana perdagangan yang baik-selaras dengan keutamaan sosial yang lain.

Di mana perlu kerajaan tidak semestinya akan terikat sepenuhnya dengan komitmennya untuk menarik diri daripada fungsi ekonomi, iaitu ia tidak akan campur tangan. Ia akan berfungsi mengikut undang-undang dan secara giat. Proses mengurangkan peraturan akan diteruskan.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa peraturan adalah perkara penting untuk mengawal masyarakat, di mana ekonomi adalah sebahagiannya. Negara tanpa undang-undang dan peraturan adalah negara yang bermain dengan anarki.

Apa yang tidak diperlukan ialah terlebih peraturan walaupun tidak mudah untuk menentukan bila kerajaan menguatkuasakan terlebih peraturan.

Kebijaksanaan berada pada kebolehan membezakan di antara undang-undang dan peraturan yang memberi hasil kepada matlamat kini dan yang bukan sedemikian dan ia berada pada kemampuan membuat keputusan yang tepat.

Jadi, kerajaan tidak boleh bersikap bodoh atau tidak bertanggungjawab dan memenuhi kehendak masyarakat di samping keperluan untuk pertumbuhan pesat dan ekonomi

yang bersaing, giat dan kental.

Ia akan berpandukan dengan pengetahuan bahawa membebaskan perdagangan juga – bukan sahaja undang-undang dan peraturan dan campur tangan negara – boleh menyumbang kepada pencapaian matlamat sosial yang lebih luas.

Berdasarkan ini dan fakta bahwa memang ada ruang untuk peraturan yang tidak menghasilkan apa-apa, boleh dimansuhkan, anda boleh mengharapkan proses mengurangkan peraturan akan diteruskan. Langkah Bank Negara baru-baru ini yang meminda peraturan rejim Kadar Pinjaman Asas (BLR) adalah contoh kepada perkara ini.

Penswastaan akan terus menjadi asas penting dalam pembangunan negara dan strategi kelancaran kebangsaan.

Dasar ini tidak diasaskan kepada kepercayaan ideologi. Ia ditujukan terus untuk menggalakkan persaingan, kelancaran dan produktiviti dalam ekonomi, bagi mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan kerajaan dan mencapai matlamat pengagihan hasil negara.

Dalam melaksanakan dasar penswastaan kita, kerajaan memang sedar dengan keperluan untuk melindungi kepentingan rakyat, memastikan golongan miskin mendapat hak untuk perkhidmatan asas, menjamin mutu perkhidmatan yang disediakan dengan kos paling minimum, mengelakkan amalan monopoli tidak produktif, dan memastikan kebajikan pekerja.

Memang akan ada masalah. Tidak ada apa akan diperolehi tanpa membayar harganya. Tetapi jelas bahawa dasar ini, setakat ini menghasilkan keputusan positif dan kita boleh menjangka perlaksanaannya akan diperluaskan lagi.

Dengan siapnya Kajian Pelan Induk Penswastaan, saya yakin banyak masalah yang mengganggu kemajuan penswastaan akan di atasi, seterusnya menggalakan lagi perlaksanaan yang lancar.

Akan wujud pada tahun-tahun akan datang, satu Galakan Perindustrian Berterusan, galakan yang tidak berdasarkan keghairahan terhadap perindustrian tetapi atas kebenaran bahawa jika kita mahu pesat membangun – dalam keadaan di mana ekonomi maju akan menginggalkan perindustrian untuk memasuki peringkat lepasan perindustrian-inilah cara untuk terus bergerak.

Jika mahu mewujudkan perindustrian pesat, kita perlu menggunakan sepenuhnya tenaga negara dan secara bersungguh-sungguh mengatasi segala kelemahan.

Untuk mencapai dasar ini, kerajaan perlu mengendalikan masalah sempit asas sektor pembuatan. Pada 1988, 63 peratus daripada keseluruhan eksport barang pembuatan Malaysia datangnya daripada industri elektronik dan tekstil.

Elektronik sahaja merangkumi 50 peratus daripada keseluruhan eksport barang pembuatan. Kita mesti mempelbagaikan (industri).

Walaupun pembangunan paling pesat dalam zon perdagangan bebas, ada permintaan kecil untuk perantaraan tempatan. Kita perlu mengendalikan masalah kelemahan hubungan perindustrian.

Pembangunan teknologi asli pula tidak mencukupi. Terlalu sedikit tambahan nilai, terlalu mudah penyusunan dan pengeluarannya.

Jika diperlukan untuk mengatasi peningkatan kos pengeluaran dengan meningkatkan kos buruh, bahan mentah dan perbelanjaan awal (overhead) secara meningkatkan kelancaran dan produktiviti.

Memang ada kekurangan serius di segi tenaga manusia. Semua ini dan banyak lagi isu perlu dibincangkan. Industri kecil dan sederhana mempunyai fungsi penting untuk mewujudkan peluang pekerjaan, dalam mengukuhkan hubungan perindustrian, dalam menembusi pasaran dan menghasilkan pendapatan eksport.

Mereka mempunyai fungsi utama sebagai tempat asas

untuk melahirkan usahawan masa depan.

Kerajaan akan menentukan skim bantuan yang wajar dan berusaha meningkatkan taraf kepakaran pengurusan, pengetahuan teknologi dan kemahiran pekerja dalam sektor ekonomi kita ini yang sangat penting dan sering diabaikan.

Industri kecil dan sederhana akan menjadi asas utama untuk penekanan perindustrian kita di masa depan. Kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk memajukan sepenuhnya.

Sebagaimana kita mesti mempelbagaikan barang eksport, kita juga mesti mempelbagaikan pasaran eksport kita. Pengeksport Malaysia mesti melihat kepada pasaran bukan tradisi.

Ia memerlukan pengetahuan baru, saluran baru, hubungan baru dan pendekatan baru ke arah mengendalikan undang-undang dan peraturan yang belum biasa ditemui. Ia memang tidak menyenangkan tetapi adalah silap jika menganggap ia tidak menguntungkan untuk melalui kesulitan ini dalam mengendalikan pasaran berkenaan.

Secara persendirian, mereka mungkin kecil tetapi secara keseluruhan pasaran Asia, Afrika dan Amerika Selatan yang sedang membangun adalah besar. Jika negara maju menganggap adalah menguntungkan untuk mengeksport ke pasaran ini, sudah tentu ia juga akan menguntungkan kita.

Kerajaan akan membantu tetapi sektor swasta harus melaksanakan tanggungjawab mereka. Pergantungan kepada pertumbuhan yang diterajui eksport masih menjadi cara terbaik untuk pertumbuhan pesat.

Penyertaan dalam pasaran dunia, meletakkan syarikat kita berdepan dengan saingan dan kuasa persaingan antarabangsa. Ini adalah cabaran yang kita mesti terima bukan sahaja kerana pasaran tempatan terlalu kecil tetapi kerana dalam jangka panjang ia akan menguntungkan pasaran tempatan dan mengurangkan pergantungan kita kepada eksport.

Kita mesti terus tegas dengan pertumbuhan yang diterajui

eksport, walaupun mengalami kelembapan sejagat, walaupun berlaku peningkatan dasar perlindungan, blok perdagangan dan perdagangan terurus.

Apabila perjalanan semakin mencabar, kita tidak boleh berpatah balik. Kita tidak ada pilihan lain kecuali terus berani, berkesanggupan, produktif dan lebih bersaing, lebih mampu untuk mengendalikan pelbagai perkara.

Liberalisasi ekonomi Malaysia sudah menunjukkan hasil menguntungkan dan menyumbang ke arah pertumbuhan lebih dinamik.

Sudah pasti, liberalisasi perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan secara berperingkat untuk memastikan tidak berlaku ketidakpastian ekonomi dan kewujudan kos pelarasaran struktur berlebihan. Kita patut menimbang kemampuan Malaysia untuk melaksanakan liberalisasi. Kita tidak patut menolak hujah industri baru, tetapi kita juga tidak boleh tunduk kepada tekanan yang tidak berasas.

Pada masa yang sama, liberalisasi yang memberi hasil akan memastikan sektor swasta kian kurang bergantung kepada keuntungan tidak bernilai dan perlindungan, yang menguntungkan sesetengah pengeluar yang memperolehinya daripada tekanan terhadap pengguna dan pengeluar lain.

Bayi mesti membesar. Mereka mesti membesar untuk menjadi kuat. Dan ini tidak boleh dilakukan jika mereka terlalu dilindungi.

Kerajaan akan meneruskan usaha menarik pelaburan asing. Ini perlu bagi Galakan Perindustrian Berterusan. Sekali lagi, kita tidak akan menolak strategi yang berjaya.

Tetapi kita akan mengubah suai untuk memastikan semuanya kemas, bagi membolehkan usaha sungguh-sungguh menggalakan pelaburan tempatan kerana kita terlalu menumpukan kepada pelaburan asing.

Ini sebenarnya tidak seratus-peratus benar, tetapi kita akan mengkaji keadaan ini apabila mendapat maklum balas yang lebih tepat.

Perusahaan kecil dan sederhana perlu dibantu untuk terus berkembang. Lebihan simpanan dan modal tempatan perlu disalurkan dengan lebih produktif kepada pelaburan. Lebih ramai usahawan perlu dihasilkan. Apabila diperlukan bantuan latihan dan teknologi perlu diperluaskan, dan bantuan infrastruktur diberikan.

Adalah penting ditegaskan sekali lagi bahawa pembangunan yang kita perlukan tidak boleh wujud tanpa sokongan infrastruktur. Kita mesti terus selangkah ke depan daripada permintaan dan keperluan. Dalam Belanjawan baru-baru ini, kita dengan jelas mengatakan kita akan melakukannya dalam jangka pendek. Rancangan Malaysia Keenam akan menjelaskan apa yang kita akan lakukan dalam jangka sederhana, manakala garis kasar Pelan Perspektif Kedua akan menentukan arah untuk jangka panjang. Kerajaan memang sedar mengenai masalah infrastruktur dan keperluan untuk pelaburan besar-besaran dalam tahun-tahun akan datang. Kita tidak akan membiarkan pertumbuhan terencat dengan gangguan pelaburan berlebihan yang pernah berlaku di banyak negara.

Dalam usaha kita untuk maju, tidak ada yang lebih penting daripada pembangunan manusia.

Daripada pengalaman dua dekad lalu berhubung keajaiban ekonomi terhadap negara yang miskin dalam erti kata "sumber semula jadi", adalah jelas bahawa sumber utama di mana-mana negara adalah bakat, kemahiran, kepakaran kreatif dan semangat rakyat. Apa yang kita ada di antara dua telinga, pada siku dan hati adalah lebih penting daripada apa yang kita ada di bawah kaki dan sekeliling kita. Rakyat kita adalah sumber paling utama. Tanpa diragui lagi, pada tahun 1990-an dan selepas itu, Malaysia memberi penekanan kepada pembangunan sumber utama ini.

Malaysia mempunyai satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga. Tetapi untuk perjalanan yang kita perlu sediakan kepada generasi kedua, tahap dan piawaian baru

perlu ditetapkan dan hasil baru perlu dicapai. Kita perlu berhasrat mencapai taraf paling tinggi berkaitan dengan kemahiran rakyat kita, terhadap tumpuan mereka kepada pengetahuan dan peningkatan ilmu serta usaha membaiki diri, kebolehan berbahasa, sikap kerja dan disiplin, kebolehan pengurusan, pencapaian, motivasi, sikap terhadap kecemerlangan dan mengujudkan semangat keusahawanan.

Kita tidak boleh mengabaikan kepentingan keusahawanan dan pembangunan keusahawanan, yang berfungsi lebih besar daripada latihan dan pendidikan. Kita mesti memastikan adunian tepat berhubung dengan golongan profesional, separuh profesional, artisan, dan imbangan tepat dengan mereka dalam bidang sains dan teknologi, seni dan sains sosial.

Dalam pembangunan sumber manusia, kita tidak boleh mengabaikan separuh daripada penduduk negara, iaitu Bumiputera.

Jika mereka tidak dibawa ke dalam masyarakat, jika kebolehan mereka tidak dikembangkan sepenuhnya, jika mereka hanya menjadi perlambangan, tentu kemajuan kita akan tergendala. Tidak ada negara yang dapat mencapai kemajuan penuh dengan hanya separuh penduduknya melaksanakan tugas. Apa yang dianggap sebagai beban sekarang, dengan sikap dan pengurusan yang betul, akan menjadi tenaga yang akan meringankan beban dan meneruskan kemajuan kita. Bumiputera mesti berfungsi sepenuhnya untuk mencapai matlamat negara.

Inflasi adalah racun kepada semua perancangan ekonomi. Kecuali sewaktu kenaikan harga minyak pertama, inflasi meningkat sehingga 17 peratus, Malaysia masih bernasib baik dapat mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Kita mesti terus mengekal kadar inflasi yang rendah. Kerajaan, sektor perdagangan dan rakyat perlu bersungguh-sungguh mengekalkan inflasi pada kadar yang rendah. Satu-satunya cara terbaik untuk memerangi inflasi adalah untuk hidup

mengikut kemampuan. Jika kita tidak mampu, jangan beli. Di Malaysia, ini tidak boleh dilakukan kerana kita tidak dapat menghasilkan apa yang kita mahu dalam erti kata makanan, tempat tinggal dan pakaian. Apabila kita mengalami kemelesetan baru-baru ini, kehidupan masih seperti biasa kerana kita mampu membeli keperluan kita pada kadar harga yang hampir sama, iaitu kita tidak mengalami inflasi. Sekarang kita mempunyai lebih banyak wang, permintaan secara perlahan-lahan, menaikkan harga. Jadi walaupun kita mungkin lebih senang sekarang, walaupun kita lebih kaya dengan wang, tetapi dalam erti kata kuasa membeli, kita sebenarnya belum senang.

Umum mesti memahami apa yang menyebabkan inflasi dan cukup berdisiplin untuk memeranginya. Di sesetengah negara, apabila kadar inflasi meningkat sehingga beribu-ribu peratus, kerajaan sentiasa bertukar-tukar tanpa dapat membendung inflasi. Sebabnya ialah rakyat tidak berdisiplin dan bersedia untuk mengawal diri. Tidak ada kerajaan dapat mengekang inflasi kecuali rakyat bersedia menghadapi kesukaran itu. Dalam usaha menentang inflasi, tidak ada yang lebih berkesan daripada pendidikan dan sikap disiplin rakyat.

Dalam dunia perdagangan yang saling bergantung, kadar tukaran mata wang mempunyai fungsi penting. Kadar mata wang yang terlalu murah akan meningkatkan import dan bayaran hutang tetapi ia akan menyebabkan persaingan eksport. Tetapi keuntungan sepenuhnya melalui tukaran rendah bagi eksport boleh ditolak dengan kos bahan import yang ditukarkan kepada barang eksport. Nilai mata wang tinggi akan "mengkayakan" rakyat kita, khususnya di segi pembelian barang import yang mewah, tetapi eksport kita tidak akan bersaing dan ekonomi akhirnya akan terjejas.

Jelasnya pengurusan pertukaran adalah penting untuk kemajuan negara. Ia hanya mempunyai kemampuan terhad untuk digunakan sepenuhnya. Dalam analisis terakhir,

bagaimana kita mengimbangkan perdagangan kita akan menentukan bagaimana mata wang kita dinilai. Malaysia mesti belajar supaya lebih bersaing melalui produktiviti lebih tinggi daripada sekadar melalui manipulasi kadar tukaran. Sekali lagi rakyat mesti memahami fungsi mereka, khususnya yang berkaitan dengan produktiviti.

Dalam dunia teknologi, Malaysia tidak boleh ketinggalan. Kita tidak boleh berada di barisan depan teknologi moden tetapi kita mesti sentiasa bersamanya, terutama di bidang yang mana kita mempunyai kelebihan tertentu. Kita sudah menerima Pelan Tindakan kebangsaan Bagi Pembangunan Teknologi. Ini adalah bahagian yang mudah. Sekarang kita mesti meneruskan usaha yang lebih sukar, iaitu melaksanakannya.

Kerajaan sudah tentu akan memberi komitmen dan kepimpinan sebagai satu keutamaan negara ini. Infrastruktur institusi dan sampingan akan diletakkan di tempat utama untuk memastikan pembangunan kemampuan teknologi kita yang berasaskan pasaran pesat, realistik, dan ditumpukan sepenuhnya. Tetapi kita jangan lupa bahawa teknologi bukan untuk makmal, tetapi kilang dan pasaran. Sektor swasta dan rakyat kita mesti bertindak. Selalunya hasil penyelidikan tidak dihiraukan kerana orang lebih berminat kepada bahan yang sudah diuji. Sering dikatakan bahawa rahsia kejayaan Jepun ialah kemahiran melaksanakan hasil penyelidikan untuk barang yang boleh dipasarkan. Jika kita tidak melakukan ini, kita akan ketinggalan tanpa mengira tahap teknologi kita.

Dalam meningkatkan sektor industri pembuatan kita, Malaysia mesti memastikan sektor pertanian dan perkhidmatan tidak akan diabaikan. Kita mesti maju. Kita mesti berusaha ke arah kecekapan, permodenan dan persaingan. Ini patut menjadi asas panduan kepada dasar kebangsaan kita terhadap pertanian, pelancongan dan kemajuan sepenuhnya sektor perkhidmatan.

Kita juga tidak boleh mengabaikan sektor luar bandar dalam ekonomi dan masyarakat kita. Dalam tahun-tahun akan datang, kita mesti berusaha untuk perubahan pembangunan luar bandar kedua, membina semula kampung supaya lebih sesuai dengan pertanian dan industri moden. Petani yang semakin kurang akan menghasilkan lebih banyak makanan, dan seterusnya menyediakan tenaga kerja untuk masyarakat perindustrian.

Dalam melakukan semua ini, kita juga mesti memastikan sumber semula jadi kita yang bernilai tidak dibazirkan. Bumi kita mesti kekal sebagai sumber hasil dan subur, persekitaran terang dan bersih, air tidak cemar, sumber hutan dapat ditanam semula, mampu menghasilkan keperluan untuk pembangunan negara. Keindahan bumi kita tidak patut dinodai – untuk kepentingannya dan untuk kemajuan ekonomi kita.

Dalam zaman maklumat, masyarakat Malaysia mesti kaya dengan maklumat. Hari ini tidak ada negara kaya dan maju yang tidak mempunyai maklumat dan negara kurang maklumat yang miskin dan tidak membangun.

Pada suatu masa dulu tanah memang menjadi asas kemakmuran dan kekayaan. Kemudian datang arus kedua, zaman perindustrian. Asap keluar dari cerombong yang dahulunya adalah ladang. Sekarang, bukan pengetahuan sahaja menjadi asas kuasa tetapi juga kemakmuran. Sekali lagi kita mesti terus bersama. Rakyat Malaysia adalah antara yang paling ramai menggunakan komputer di rantau ini. Pengetahuan komputer adalah satu kemestian jika kita mahu maju dan membangun. Usaha berterusan mesti dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mempunyai maklumat tinggi.

Dalam hubungan antarabangsa, penekanan terhadap politik dan ideologi patut dikurangkan tetapi patut dilebihkan kepada keperluan ekonomi. Walaupun kita kecil, kita mesti berusaha untuk mempengaruhi aliran perdagangan

antarabangsa. Untuk berkembang kita mesti mengeksport. Pasaran tempatan kita terlalu kecil. Adalah penting untuk kita supaya perdagangan bebas dikekalkan. Arah aliran terhadap pembentukan blok perdagangan akan menjelaskan kemajuan kita dan kita mesti menentangnya. Dengan itu kita mesti berfungsi sepenuhnya dan tidak menerima secara pasif kata dua daripada negara lain yang kuat, yang mungkin tidak menyedari bagaimana keputusan mereka memberi kesan kepada kita.

Negara tanpa kemampuan ketahanan ekonomi yang kukuh dan kebolehan mempengaruhi serta mewujudkan angkatan dalam arena ekonomi antarabangsa, adalah negara yang lemah dalam pertahanan ekonomi. Malaysia tidak boleh jadi seperti ini.

Ada banyak dasar yang mesti diletakkan pada tempatnya jika kita mahu menjadikan 1990-an sebagai dekad yang paling produktif dalam sejarah kita. Biar saya akhiri dengan mengemukakan satu lagi pandangan: keperluan untuk menjadikan persyarikatan Malaysia sebagai kejayaan sebenar.

Biar saya tekankan bahawa tidak semua kerjasama di antara sektor awam dan swasta adalah tepat dan produktif. Dalam banyak segi, ia mesti mempunyai pendekatan kawalan berpanjangan. Tetapi sudah pasti usahasama yang produktif akan membawa kita ke arah aspirasi yang diharapkan.

Saya sudah menggariskan apa yang saya fikir dasar utama ekonomi yang sepatutnya diwujudkan untuk menguruskan usaha kita ke arah kemakmuran dan ekonomi yang bersaing. Biar saya tekankan sekarang mengenai fungsi yang perlu dilaksanakan oleh sektor swasta.

Negara ini tidak boleh bergantung kepada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan, jika sektor swasta tidak cekap dan lemah. Anda mesti kuat dan dinamik, giat dan berdikari, kukuh dan jujur.

Malaysia tidak boleh mengurangkan undang-undang dan peraturan jika ahli bank berlagak sebagai pakar bank, jika

kebebasan kepada usahawan hanya menjadi lesen untuk mengeksplorasi tanpa sebarang perasaan tanggungjawab sosial. Syarikat kita mesti mempunyai rasa tanggungjawab korporat. Perjuangan kita adalah mutlak menjamin keadilan sosial – untuk meningkatkan kedudukan dan daya saingan Bumiputera dan mencapai matlamat sosial lain – mesti menjadi perjuangan anda juga.

Penswastaan tidak boleh dilaksanakan jika matlamatnya dipatahkan oleh mereka yang mahukan keuntungan peribadi tanpa tanggungjawab sosial. Galakan Perindustrian Berterusan dan usaha membangunkan dengan pesat industri kecil dan sederhana mesti dilaksanakan oleh usahawan kita. Mereka mesti bersedia untuk berfikir secara jangka panjang, menyertai pasaran dunia yang penuh persaingan. Usaha menarik pelaburan asing tidak patut menjadikan tanggungjawab kerajaan sahaja.

Sektor swasta juga mesti membabitkan diri dengan pelabur asing dalam usaha sama, kerana ini akan membantunya dalam pembabitan ekonomi Malaysia. Dan tanggungjawab pelabur tempatan perlu lebih luas daripada rakan asing mereka kerana Malaysia adalah negara kita, bukan mereka. Kita boleh bertanya kepada diri sendiri untuk berkurban kepada negara tetapi kita tidak boleh mengharapkan mereka melakukannya untuk kita.

Dalam pembangunan sumber manusia, sektor swasta kita mempunyai tanggungjawab penting. Latih sumber tenaga anda sendiri. Lengkapkan mereka dengan perubahan tugas. Jaga kepentingan mereka. Tingkatkan kemahiran. Uruskan mereka dengan baik. Dan berikan penghargaan yang sewajarnya untuk menghargai sumbangan mereka.

Sudah pasti banyak yang perlu dilakukan oleh semua orang. Sayangnya tidak ada satu formula ringkas yang mudah untuk membangunkan negara. Banyak perkara mesti dilakukan oleh orang ramai. Dan ia perlu dilakukan dengan sebaik dan setepat mungkin. Kita mesti bersedia untuk

bersikap lebih kritikal terhadap diri sendiri dan sanggup membetulkan kesilapan. Insya-Allah, kita akan berjaya.

Ini adalah Agenda kita dalam Majlis ini dengan negara kita. Saya harap anda akan membincangkan Agenda ini dan mengkritik atau membetulkannya. Sama ada kita mencapai kesempurnaan atau keputusan sebulat suara dalam Agenda ini tidak terlalu penting, tetapi yang tidak baik dan tidak produktifnya ialah Agenda yang sempurna tidak dilaksanakan.

BIBLIOGRAFI

Dennis Kavanagh, *Political Culture*, The Macmillan Press, London, 1976.

Raja Mohammed Affandi, *Perusahaan Awam di Malaysia*, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1982.

Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia*, Longman Malaysia, Petaling Jaya, 1985.

Zakry Abadi, *Suatu Analisa Pilihanraya Umum '86*, Grafik Set Abadi, Kuala Lumpur, 1986.

Ust. Mohd. Akhir Yaacob, *Ikhlas Dalam Amalan*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1987.

Syed Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989.

Anwar Ibrahim, *Menangani Perubahan*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989.

Subky Latif, *Siapa Selepas Asri?* Farouk Book Store, K. Lumpur.

Ismail Hussein, *Visi dan Taktik Survival Sesuatu Bangsa*, Dewan Sastera, Jun, 1989.

Al-Hafiz Jamaluddin, *Kemantapan Hati Menjelang Mati*, Pustaka Nasional, Singapura.

Asy-Syaikh Abdul Majid al-Adawiy, *Penawar Kegundahan Hati*, Darulfikir, Kuala Lumpur.

David Thomson, *Idea Politik*, Yayasan Panataran Ilmu, K. Lumpur, 1990.

Mohd. Sayuti Omar, *Anwar Ibrahim, Mimpi & Realiti*, Tinta Merah, Kuala Lumpur, 1990.

Subky Abdul Latif, *Secebis Kertas Usang*, PAS Pusat, K. Lumpur, 1990.

Yusof Harun, *UMNO Selepas Mahathir*, Nurin Enterprise, K. Lumpur, 1990.

Kamal Halili Hassan, *Penulis dan Undang-undang*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.

Jujun S. Suriasumantri, *Ilmu Dalam Perspektif*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.

Zakry Abadi, *Sanusi Junid, Pencetus Idea – Pemikir Bangsa*, MYZ Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1991.

Prof. Dr. Syed Hussein Alatas, *Pengertian Terhadap Modernisasi Asia*, Dewan Masyarakat, Jun, 1991.

Rustum A. Sani, *Membuka Mata Budaya di Sweden*, Dewan Masyarakat, Jun, 1991.

Jomo, *Cabar Sosio-Ekonomi*, Insan, Kuala Lumpur, 1991.

Dr. Mahathir Mohamad, *Malaysia: Langkah ke Hadapan*, Akademik, Jun, 1991.

Khalid M. Hussein, *Kamus Dwibahasa*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.

Sanusi Junid, *Jihad Membasmi Kemiskinan*, Kementerian Pertanian Malaysia, 1990.

Chamil Wariya, Pergolakan Antarabangsa, AMK Interaksi Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1989.

..... *Negara Kita*, Institut Tadbiran Awam Negara, K. Lumpur, 1983.

Siddiq Fadil, *Mengangkat Martabat Umat*, ABIM, 1988.

INDEKS

A

- Ahmad Badawi, Haji, 143, 144, 147.
Abdullah Fahim, Haji, 143.
Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Datuk, 6, 36, 37, 38, 39, 75, 76, 78, 81, .
82, 83, 84, 90, 93, 129, 136, 139, 141, 142, 144, 145, 146, 147, 148,
149, 150, 151, 152, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 179, 187, 188,
189, 194, 195, 196.
Adullah Majid, 122.
Abdul Hadi Awang, 177
Abdul Razak Hussein, Tun, 10, 11, 12, 13, 14, 26, 28, 37, 48, 57, 85, 88,
92, 93, 94, 96, 155, 201, 205, 207.
Abdul Samad Ismail, 122.
Albert Einstein, 20, 64, 78.
Anwar Ibrahim, Datuk Sri, 6, 10, 36, 37, 64, 67, 72, 73, 74, 75, 77, 78,
79, 80, 81, 83, 84, 86, 88, 89, 90, 91, 93, 94, 95, 109, 127, 128, 130,
132, 133, 134, 136, 137, 138, 139, 145, 147, 151, 152, 153, 155, 156,
157, 158, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 167, 168, 169, 170, 173,
174, 175, 176, 177, 179, 180, 181, 182, 183, 186, 187, 188, 189, 190,
191, 192, 193, 195, 196, 197, 198, 199, 200, 201, 220.
Aristotle, 1, 2, 4.
Asmah Haji Mohd. Ali, Dr. Datin Sri, 162.
Abu Hassan Omar, Datuk, 147.
Ahmad Boestamam, 122.
Awam Il-Serkam, 122.

B

- Baron de Montesquieu, 63.
Bismark, 5.
Bunazir Bhutto, 1.

C

- Chamil Wariya, 192
Chin Man Hin, Dr., 17.
Charles de Gaulle, 50, 197.

D

- Daim Zainuddin, Tun 64.
Dainel Lerner, 15.

F

Fadzil Noor, Ustaz, 17, 177.

G

Galileo, 178.

Gaefano Mosca, 91, 92, 93, 132.

Ghafar Baba, 6, 7, 10, 18, 36, 39, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 66, 67, 71, 72, 73, 74, 75, 77, 78, 79, 80, 81, 83, 84, 86, 88, 89, 90, 91, 93, 94, 95, 96, 99, 137, 142, 147, 149, 150, 151, 160, 158, 179, 180, 181, 182.

Ghani Othman, 74, 79.

Ghazali Shafie, Tan Sri, 10, 147, 157.

H

Harold Lasswel, 15.

Harun Haji Idris, Datuk, 55.

Hegel, 5.

Hitler, 5.

Hussein Onn, Tun, 10, 13, 28, 33, 34, 35, 39, 54, 57, 59, 62, 92, 93, 94, 95, 205.

I

Iskandar Muda, Sultan, 3.

Ibrahim Ali, Haji, 117, 121, 122, 179.

Ibrahim Saad, Dr. 146.

Ismail Hussein, Prof. Datuk, 56, 101, 109, 194.

Ishak Haji Muhammad, 122.

J

John Major, 57.

K

Karl Marx, 9.

Kasim Ahmad, Dr. 63, 122.

Kri Mas, 122

L

Lim Choong Eu, Dr. 147.

Lim Kit Siang, 17, 63.

M

Mahathir Mohamad, Dr. Datuk Sri, 5, 6, 7, 10, 11, 13, 18, 19, 25, 26, 28,

29, 33, 34, 36, 37, 38, 41, 43, 49, 50, 51, 53, 54, 55, 57, 59, 60, 61, 62, 63, 66, 67, 71, 72, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 81, 83, 84, 85, 86, 88, 89, 91, 93, 94, 95, 97, 99, 127, 131, 137, 139, 147, 148, 150, 151, 152, 157, 158, 159, 164, 175, 178, 179, 181, 183, 195, 196, 201, 202, 203, 204, 205, 206, 211, 212, 213, 214.

Mahsuri S.M., 122.

Marcos, Presiden, 5, 15.

Mat Jenin, 103.

Margaret Thatcher, 1.

Mendes France, 197.

Mohd. Khir Johari, 55.

Mohd. Farid Ariffin, 160.

Mohd. Sayuti Omar, 92, 129, 131.

Mohd. Nakhiqe Haji Ahmad, 177.

Mohamad Rahmat, Datuk, 142, 182.

Mustapha Mohamad, Senator, 74.

Musa Hitam, Datuk, 5, 6, 10, 36, 37, 39, 53, 60, 64, 65, 73, 74, 77, 78, 83, 84, 85, 86, 91, 93, 94, 136, 151, 177, 179.

Muhammad, Nabi, 2, 4.

Muhammad Iqbal, 133.

N

Najib Tun Abdul Razak, Datuk Sri, 145.

Niccolo Machiavelli, 2, 30, 63.

Nik Abdul Aziz Nikmat, 17.

O

Onn Jaafar, Datuk, 39, 111.

P

Park Chung Hee, Presiden, 48.

Petain, 197.

Presiden Johnson, 92.

Presiden Truman, 92.

Presiden Ford, 92.

R

Rahman Talib, Datuk, 185.

- 7 MAR. 1994

Rajiv Gandhi, 16, 65.

Ronald Reagan, Presiden, 57.

Razaleigh Hamzah, Tengku, 6, 9, 16, 37, 38, 55, 151, 179.

Richard Nixon, Presiden, 2, 4.

Ro Jai-bong, 15.

Roh Tae-woo, Presiden, 15.

S

Sanusi Junid, Datuk Sri, 10, 35, 47, 67, 77, 81, 82, 83, 84, 89, 90, 101, 102, 103, 104, 105, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 139, 142, 147, 148, 151, 152, 153, 154, 155, 156, 157, 158, 159, 187, 188, 189, 191, 194, 196, 209, 210, 214.

Senu Abdul Rahman, Datuk, 55.

Shahnon Ahmad, Datuk, 75.

Shahidan Kassim, 76.

Shamsuddin Rais, 177.

Saidina Abu Bakar r.a. 202.

Soekarno, Presiden, 5, 15.

Subky Latif, 63.

Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin, 127.

Sulaiman Daud, Dr. Datuk, 188.

Syed Hamid Albar, 128.

Syed Hussein Alatas, Prof. Dr. 10, 87.

Syed Hussein Ali, Dr. 63.

T

Tobeng, 104.

Tunku Abdul Rahman Putera, 9, 11, 12, 28, 29, 36, 44, 56, 85, 178, 201, 209.

Tun Datu Mustapha, 160, 164.

U

Usman Awang, Dr., 122.

V

Vilfredo Pareto, 91, 132.

W

W. Arthur Lewis, 8.

Warso, 104.

Y

Yusof Harun, 56, 58.

Z

Zakry Abadi, 105, 108, 161.



HARTA KHAZANAH BANGSA

Ketiga-tiga orang pemimpin ini adalah harta dan khazanah bangsa yang cukup berharga bagi kepentingan negara, baik pada masa ini maupun pada masa depan. Kebaikan dan keburukan bangsa dan negara di masa depan, bergantung sebahagian besarnya kepada kepimpinan ketiga-tiga orang tokoh ini.

Jika salah seorang dari mereka atau ketiga-tiganya kita lagakan, kita adudombakan dan kita perburukkan, yang ruginya bukan saja mereka tetapi bangsa kita sendiri. Oleh itu jika kita berfikir salah seorang dari mereka mempunyai kelayakan dan kualiti yang terbaik, yang lainnya janganlah kita tolak begitu saja. Kita perlu membariskan mereka sebagai suatu angkatan kepimpinan yang canggih dan berkesan. Inilah sebenarnya tujuan buku ini di-terbitkan.



SARJANA ENTERPRISE

(Anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia)

Harga: \$13.50